

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 9****Isnin****19 Mac 2018**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 28)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor)</i>	(Halaman 29)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEENAM**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 19 Mac 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah terdapat cadangan untuk menggabungkan Bahagian Halal JAKIM dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC) ke dalam Majlis Halal Malaysia (MHM) bagi melancarkan penglibatan Malaysia dalam pasaran halal global.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pengurusan dan pembangunan industri halal negara ini merupakan aktiviti gabungan pelbagai pihak dan agensi. Walau bagaimanapun, agensi utama yang menerajui Halal Malaysia terdiri daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan *Halal Industry Development Corporation* (HDC). Ianya juga melibatkan 12 kementerian dan 342 agensi.

Terkini, Majlis Halal Malaysia ditubuhkan dan ianya adalah untuk menyelaras agensi-agensi terbabit sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri untuk memastikan Malaysia terus menerajui halal global dan menjadi pusat rujukan halal dunia. Dalam masa yang sama, pembangunan industri halal negara dapat diselaraskan agar lebih strategik, efektif dan menyeluruh melalui pembangunan beberapa komponen penting yang menghasilkan satu ekosistem halal yang holistik.

Ekosistem ini disokong penuh oleh kerajaan dari aspek dasar, pembangunan industri, pengurusan persijilan, pembangunan hukum, pembangunan R&D, akreditasi standard, modal insan dan sebagainya. Usaha ini akan dapat merealisasikan matlamat bagi mewujudkan ekosistem halal yang komprehensif di Malaysia dengan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh agensi-agensi berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM dipertanggungjawabkan dalam aspek pengurusan persijilan halal dalam dan juga luar negara, manakala HDC pula

berperanan menyelaraskan, melaksana, memantau dan melaporkan inisiatif-inisiatif dalam kerangka pembangunan industri halal Malaysia.

Kedua-dua agensi ini merupakan sekretariat bersama dalam Majlis Halal Malaysia berserta dengan Jabatan Standard Malaysia. Fungsi kedua-dua pihak dalam kerangka masing-masing telah dilaksanakan dengan baik di bawah Majlis Halal Malaysia bagi memastikan kerangka pembangunan yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan lebih fokus. Terima kasih.

**Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Tahniah kerana telah menubuhkan Majlis Halal Malaysia. Soalan saya kedua adalah untuk bertanya sama ada, ada satu perancangan untuk menggabungkan JAKIM yang menguruskan sijil halal bersama dengan HDC kerana di luar negara, pelabur-pelabur agak kebingungan kerana kedua-dua agensi ini berfungsi berasingan walaupun ada sekretariat di Majlis Halal Malaysia. Bila digabung, bolehlah dibuatkan sebagai entiti yang lebih menyeluruh dan senang untuk *reference* pelabur-pelabur. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Manis yang telah pun memberikan pandangan dan cadangan ke arah penggabungan *Halal Development Corporation* (HDC) bersama-sama dengan Bahagian Halal JAKIM. Sebagaimana yang telah saya perelaskan sebentar tadi Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan, bahawa HDC adalah lebih fokus kepada pemain industri. Ia lebih fokus kepada ialah untuk nak menyelaraskan dan juga pengurusan yang berkaitan dengan memantau dan melaporkan inisiatif-inisiatif yang kerangka pembangunan industri halal di Malaysia dan juga termasuk di luar negara.

Manakala JAKIM pula Yang Berhormat, ia lebih fokus kepada pengeluaran sijil itu sendiri. Jadi kalau sekiranya kita satukan di bawah satu entiti kepada kedua-dua ini mungkin ia akan ada di sana *double standard* sebagai *players*, orang yang terlibat langsung di dalam industri halal dalam masa yang sama juga dia mengeluarkan sijil akan menyebabkan nanti ada semacam pengasingan kuasa yang tidak diagihkan secara betul. Kita pernah ada pengalaman Yang Berhormat semasa Bahagian Halal dulu satu ketika berada di bawah *Halal Development Corporation* (HDC), jadi kadangkadangkang apabila sijil itu dikeluarkan melalui arahan yang dikeluarkan oleh HDC, timbul persoalan adakah sijil ini dikawal oleh pihak yang ada kepentingan kepada industri tersebut ataupun ianya adalah badan yang benar-benar bebas.

Maka sebab itu Yang Berhormat, Majlis Halal Malaysia ditubuhkan yang mana dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan di dalam itu ada 12 kementerian dengan 342 agensi yang turut berada di situ termasuk HDC dan Bahagian Halal yang ada di JAKIM.

Namun, pandangan Yang Berhormat tadi adalah merupakan suatu yang baik dan sebenarnya untuk maklumat terkini, HDC telah diletakkan di bawah seliaan di bawah JPM tetapi di bawah Menteri yang lain yang menguruskannya. Dia berada di bawah satu bumbung JPM yang secara bersama dan harapan kita keseimbangan Yang Berhormat sebutkan tadi industri terutamanya industri halal di luar negara, dia agak sedikit terkeliru di antara ke mana dia harus pergi dalam mengangkat usaha ke arah untuk memartabatkan industri halal.

■1010

Adakah kepada JAKIM? Yes, kepada JAKIM untuk sijil dan adakah satu lagi HDC, ya juga untuk HDC untuk tujuan menambah-besarkan usaha-usaha mempergiatkan industri halal di peringkat negara. Manakala sijil adalah kepada pihak JAKIM. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk memperkasakan lagi ekosistem halal negara. Cuma saya ingin tahu apakah cabaran yang dihadapi oleh HDC khususnya terutama dalam menghadapi persaingan global dalam industri halal ini di mana ada pihak yang manipulasi sijil halal ini untuk menghadapi persaingan antara industri-industri di kalangan mereka. Jadi menyebabkan keraguan kepada umat Islam khususnya pengguna. Jadi apakah mekanisme yang digunakan oleh pihak HDC untuk mengatasi isu-isu dan cabaran seperti ini? Minta penjelasan.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Kalau saya sebutkan cara mudahnya ialah HDC adalah di bawah pengawalan pihak kementerian yang lain, bukan di bawah saya tetapi di bawah kementerian yang saya uruskan ini ialah di bawah hal yang berkaitan persijilan.

Namun kita *share* pengalaman dan juga persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rantau panjang tadi. Apakah cabaran-cabaran kerana masih ramai lagi orang yang terkeliru terutamanya sijil-sijil yang tidak halal dikeluarkan. Sekali lagi saya sebutkan bahawa pernah dulu kita mengguna-pakai Akta Perihal Dagangan 1972, lama dulu. Jadi, Akta Perihal Dagangan 1972, ianya memberikan suatu *blanket*, kebenaran ataupun persijilan yang sesiapa sahaja pun boleh keluaran sijil. Sejak daripada itu timbul persoalan badan-badan yang persendirian, bahkan *private company* juga mengeluarkan sijil tersebut. Mereka daftarkan sebagai satu syarikat yang berkaitan halal lalu mereka keluaran sijil.

Akan tetapi sejak tahun 2011, kita telah membuat pindaan. Pihak KPDNKK telah meminda Akta Perihal Dagangan 1972 kepada pindaan baru 2011. Jadi APD 2011 hanya memberikan kuasa kepada badan yang kompeten iaitu badan pihak kerajaan yakni JAKIM dan hanya jabatan-jabatan agama Islam negeri, 14 buah negeri

sahaja yang boleh mengeluarkan sijil ini. Jadi, transaksi perubahan ini sedang berlaku dengan baik dan untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Rantau Panjang, perubahan ini telah memberikan impak yang kita sudah berjaya hampir mengurangkan seperingkat kepada kosong kesalahan yang berkaitan dengan sijil-sijil palsu, di sudut ini, sijil palsu. Akan tetapi masih ada lagi perbahasan-perbahasan macam contoh kata bulan Ramadan, Bufet Ramadan itu, itu pun di sudut peraturan dia ada kesalahan apabila dia tidak memiliki sijil. Akan tetapi dia menawarkan untuk buka puasa di dalam bulan Ramadan di sudut sijil itu.

Kembali kepada cabaran yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa inilah di antara cabaran-cabaran yang sedang kita hadapi. Dalam masa yang sama, setiap tahun dalam pertemuan-pertemuan dengan mereka-mereka yang pemegang sijil di peringkat antarabangsa, ada 52 lebih daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang mengeluarkan sijil halal ini, kita sentiasa untuk mempertingkatkan usaha ke arah untuk menghilangkan keraguan dalam industri halal dan sudah nampak tanda-tanda baik di kedua-dua pihak, baik pengeluar sijil, baik HDC dan pihak-pihak industri sendiri yang sudah semakin memahami.

JAKIM sendiri pun dalam ke arah permohonan sijil ini kita sudah adakan secara *online*. Dalam masa yang sama juga kita telah pertingkatkan kecepatan ataupun kelajuan permohonan sijil itu diluluskan berdasarkan mekanisme-mekanisme yang terbaik dengan tidak berkompromi tentang persijilan halal tersebut yang memberikan keyakinan kepada masyarakat terutamanya orang Islam dengan sijil halal yang dikeluarkan. Terima kasih Yang Berhormat.

2. **Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan peranan *Malaysian Aviation Commission* (MAVCOM) dalam hal mengawal harga tiket kapal terbang. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi harga tiket kapal terbang yang mahal bagi KL-Sibu pada waktu musim perayaan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ataupun MAVCOM pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam.

Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771) - "*Salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam, dengan menyediakan satu persekitaran ekonomi yang membolehkan Syarikat Penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.*"

Kerajaan secara am dan MAVCOM secara khususnya tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawal-selia perkara-perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Walau bagaimanapun, disebabkan terdapat aduan yang diterima berhubung harga tambang yang tinggi pada musim perayaan, maka pihak MAVCOM telah diminta untuk melaksanakan kajian penetapan harga tambang yang dijangka selesai sebelum pertengahan tahun 2018. Sehubungan dengan itu, MAVCOM sedang merangka cadangan menetapkan harga siling bagi tambang sektor domestik. Setakat ini penemuan awal mendapati harga semasa perayaan telah dinaikkan bagi laluan tertentu sehingga 4.7 kali ganda dalam tempoh dua hari musim perayaan. Terima kasih.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa dengan kerajaan dan kementerian kerana selama ini gagal untuk mengawal tambang bagi dari Kuala Lumpur ke Sibul atau ke bandar-bandar lain di Sarawak dan Sabah, kerana pada musim perayaan, tambang dari Semenanjung ke Sabah Sarawak sangat mahal sehingga mencatat melebihi RM1,000 untuk satu, *one-way* sahaja. Jadi ini memang merupakan satu masalah pada musim Tahun Baru Cina ini banyak anak-anak Sarawak tidak dapat balik rumah untuk merayakan Tahun Baru Cina kerana tambang tiket terlalu mahal. Jadi ini memang merupakan satu masalah. Jadi kalau saya hendak tahu dalam perbincangan dengan penerbangan di syarikat penerbangan di Malaysia tentang ketetapan harga tambang ini, berapakah anggaran harga yang akan ditetapkan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak?

Selain itu, ialah dalam pilihan raya yang akan datang, bagaimana kerajaan untuk mengatasi masalah tambang yang terlalu mahal ini supaya anak-anak, pengundi-pengundi Sabah, Sarawak yang di Semenanjung Malaysia mereka boleh balik untuk mengundi. Kalau tambang masih mahal, macam dulu RM1,000 memang tidak banyak yang akan balik untuk mengundi. Jadi ini pun merupakan satu masalah. Ini juga merupakan satu isu yang menghadkan kebebasan pengundi untuk balik mengundi. Jadi saya mohon jawapan daripada kementerian.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan harga penerbangan, setakat ini kita kerajaan tidak kawal dan sebab itu harga kadang-kadang murah, tersangat murah dan ada yang mahal, bergantung kepada *low season and peak season*. Walau bagaimanapun, seperti saya sebutkan tadi, harga biasa daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak RM160 dan harga yang paling mahal sampai RM800.

Oleh sebab itu kerajaan hari ini sedang merangka penetapan harga siling. Seperti saya sebutkan tadi, kajian MAVCOM telah mendapati semasa perayaan dia naik hampir lima kali ganda. Jadi mereka hari ini sedang merangka untuk bekerjasama dengan pihak industri untuk menurunkan kadar keuntungan. Jadi kalau harga biasa tadi RM160, harga perayaan sampai RM800. Mungkin kita akan turunkan kepada kadar yang sewajarnya dan ini MAVCOM sedang merangka dan dijangka selesai pada pertengahan tahun ini iaitu bulan Jun dijangka boleh selesai dan ini akan dapat mengatasi masalah-masalah kenaikan harga.

Di samping itu saya juga ingin menyarankan supaya penumpang membeli tiket lebih awal. Dia tahu hari perayaan itu ada tarikhnya, *so buy early*. Jangan beli *last* satu, dua hari hendak terbang memang harga agak mahal. Jadi untuk mengelakkan beli lebih awal, merancang perjalanan supaya kita tidak dikenakan harga yang mahal. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Beritahu tarikh awallah pilihan raya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Apakah harga siling? Apa cadangan dari kementerian, harga siling yang akan ditetapkan.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Duduk, duduk dahulu. Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila, Pendang

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sektor Kuala Lumpur – Sibu sahaja bahkan seluruh Malaysia. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sibu ini. [*Dewan riuh*] Bahkan seluruh Malaysia penerbangan tambang murah yang tidak murah, mencekik rakyat. Kuala Lumpur – Subang – Alor Setar, RM700, satu perjalanan padahal biasa hanya RM190 satu perjalanan. Yang Berhormat cadang beli awal, beli awal pun mahal macam itulah juga.

Ini saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, saya terbang tiap-tiap minggu, balik Pendang. Jadi saya hendak tanya kuasa kementerian itu. Apakah kementerian tidak ada kuasa untuk menentukan syarikat penerbangan murah ini meletakkan harga yang berpatutan. Kalau RM200 biasa, RM300 itu bolehlah tahan, sampai RM700 satu perjalanan itu sudah mencengkam rakyat yang menggunakan

penerbangan. Saya hendak tanya apa kuasa kementerian, dalam usah hendak menentukan, hendak tunggu suruhanjaya sampai setengah tahun yang akan datang itu sudah terlambat, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini bukan benda baru, sudah bertahun-tahun benda ini berlaku, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang menyatakan tentang harga di Semenanjung pun sama. Oleh sebab itu dalam perkara ini kita akan membuat penetapan harga siling untuk domestik tetapi kita tidak menetapkan harga untuk *route* antarabangsa kerana setakat ini memang kita tidak mengawal keseluruhan. Akan tetapi kali ini pihak kerajaan akan mengawal dalam harga tambang domestik termasuk di Semenanjung.

Seperti saya katakan tadi, memang semasa perayaan sampai naik hampir lima kali ganda dan itu memang penemuan yang sah. Jadi sebab itu kerajaan daripada awal meminta MAVCOM menyelesaikan ini sebelum pertengahan tahun ini. Tinggal lagi tiga bulan sahaja Yang Berhormat. Jadi bagilah peluang pada MAVCOM untuk selesaikan satu harga yang boleh menampung pihak konsumer dan pihak industri. Saya yakin pihak MAVCOM akan dapat mengeluarkan harga yang berpatutan untuk menampung isu yang kita bincangkan. Terima kasih.

**3. Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah tahap persediaan universiti di seluruh negara terutamanya berkaitan silibus pengajian dalam melahirkan graduan yang mahir selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

**Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya mohon menjawab pertanyaan ini dengan enam pertanyaan-pertanyaan lain memandangkan ianya adalah berkaitan iaitu Yang Berhormat daripada Parit pada hari ini, Yang Berhormat Bagan Serai pada 22 Mac, Yang Berhormat Sabak Bernam pada 27 Mac, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu pada 28 Mac, Yang Berhormat Gombak pada 29 Mac serta Yang Berhormat Labuan pada 5 April.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Untuk menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0, kementerian telah mengadakan beberapa langkah dan juga tindakan. Di antaranya ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran di mana kaedah-kaedah yang digunakan iaitu menggunakan kaedah *heutagogy*, *paragogy* dan juga *cybergogy*. Kaedah *heutagogy* ini memberi kelonggaran kepada pelajar untuk memilih pembelajaran mereka sendiri, kaedah *paragogy* juga memberi kelebihan kepada pelajar untuk belajar dengan rakan mereka dan *cybergogy*, pembelajaran melalui talian ataupun *flip classroom* ataupun kelas-kelas teradun.



Tindakan seterusnya ialah dengan mengadakan ruang pembelajaran yang berbeza dari segi sudut susunan meja kerusi dan dari sudut reka bentuk bilik belajar, ditambah pula dengan pembelajaran yang di luar bilik syarahan dan juga penaksiran tanpa peperiksaan. Untuk penggunaan teknologi, universiti digalakkan untuk menggunakan kaedah-kaedah gamifikasi, *virtual reality*, *robotics* dan *juga artificial intelligence*. Kurikulum juga dilaksanakan dengan lebih lentur atau lebih fleksibel ataupun lebih organik di mana universiti-universiti dipohon untuk memastikan 30 peratus daripada kurikulum mereka ada fleksibel iaitu sesuai dengan keadaan semasa.

Kementerian juga menggunakan pendekatan industri dan akademi adalah satu di mana tidak ada tembok pemisahan secara industri dan juga akademia. Dengan ini terwujudnya program-program seperti 2u2i, *CEO@Faculty* dan juga program-program yang lain di mana universiti perlu memahami industri dengan sepenuhnya.

Program-program lain yang kita laksanakan iaitu iCGPA, Gap Year MEA, e-Portfolio, Kampus Pintar di mana kampus diminta supaya tidak menggunakan kad ataupun tidak menggunakan tunai ataupun dari erti kata lain *cashless* dan juga *cardless*. Ditambah pula dengan program-program keusahawanan dan dwi-siswazah. Alhamdulillah kebole pasaran telah meningkat sejak empat tahun yang lalu daripada 4.1 peratus kepada 79.1 peratus masa kini. Kebolehpasaran di Politeknik ialah 94.5 peratus.

Sememangnya apabila wujudnya teknologi baru, kerja lama akan hilang, kerja baru akan wujud. Sebagaimana dahulu kita lihat ramai petani mereka bergerak ke kilang, selepas itu mereka menjadi *programmer*, sekarang ini menjadi *cloud technology*, *cyber security* dan juga *big data analyst*.

#### ■1030

Akan tetapi dengan kerjasama daripada industri dengan kaedah industri dan akademia adalah satu, dengan kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran yang berbeza, yang baharu dan yang perlu dilaksanakan, tindakan Kementerian Pendidikan Tinggi mereka bentuk semula pendidikan tinggi ataupun *redesigning higher education* akan membantu menghadapi cabaran Industri Revolusi 4.0. *Insyah-Allah* buku *pre work* baru ini akan siap pada bulan hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Saya kira Revolusi Industri Keempat ini memang amat penting kerana persediaan di peringkat kerajaan dan di peringkat universiti saya kira sudah cukup baik ke arah itu. Cuma, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dan universiti serta pemain industri. Kita tahu terutamanya pihak swasta mempunyai peranan yang sebenarnya sangat penting dalam usaha melahirkan tenaga kerja yang peka serta bersedia untuk menghadapi cabaran Revolusi Industri

Keempat ini memandangkan modul pengajian universiti haruslah selari dengan kehendak industri itu sendiri.

Jadi, sejauh mana agaknya penglibatan pihak swasta terutamanya syarikat *multinational corporation*, syarikat-syarikat besar ini yang lebih awal sebenarnya terdedah dengan teknologi-teknologi terkini dan teknologi-teknologi yang moden dalam membantu pihak kementerian dan juga universiti bagi memperkasakan usaha menyediakan pelajar-pelajar kita ke arah menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat serta apakah usaha pihak kementerian bagi memastikan penglibatan syarikat-syarikat swasta ataupun syarikat-syarikat besar ini dalam universiti ataupun pentadbiran di kementerian itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sebagaimana saya telah jelaskan tadi bahawa kementerian menggunakan pendekatan di mana industri dan akademia adalah satu. Tidak ada lagi tembok pemisah di antara industri dan akademia. Kita bekerjasama dengan syarikat-syarikat besar seperti Intel, B.Braun dan banyak lagi. Ia bukan hanya di bawah Program CEO@Faculty Programme tetapi dalam banyak Program 2u2i. Sebagai contoh, dalam CEO@Faculty Programme, mereka bukan hanya datang untuk memberi syarahan, mereka juga datang untuk melihat kurikulum yang ada. Baru-baru ini mereka, 25 syarikat ini telah memberi latihan kepada 54 pensyarah muda. Mengasuh mereka selama enam bulan, menjadi mentor kepada mereka. Ada yang masukkan mereka dalam mesyuarat *board* mereka, bawa mereka dalam lawatan-lawatan mereka, mesyuarat-mesyuarat mereka di luar negara. *Insyaa-Allah* kefahaman di antara syarikat dan juga universiti akan bertambah.

Tambah juga dengan program PPRN (*Public-Private Research Network*) yang mana 690 projek melalui penyelidikan telah dapat diberi penyelesaiannya. Saya percaya dengan konsep pendekatan industri dan akademia adalah satu, banyak isu tadi dapat diuraikan dengan sebaiknya.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Memandangkan masa kini, kebolehpasaran kelulusan IPT masih kurang memuaskan, saya ingin tahu apakah kursus-kursus yang disemak semula untuk kesesuaian dengan kehendak pasaran. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Pertama Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan bahawa ayat tidak selesa, tidak baik tadi tidak menyenangkan itu adalah juga kurang memuaskan. Ini kerana jika kita lihat, saya katakan tadi kebolehpasaran kita ialah 79.1 peratus. Jika kita lihat angka pengangguran belia, purata dunia ialah 13.8 peratus. Pengangguran belia negara kita hanya 12.4 peratus lebih baik daripada pengangguran di New Zealand iaitu 14 peratus, Australia 12.5 peratus, Filipina 13.5 peratus dan Indonesia 19 peratus.

Walaupun bagaimanapun, kaedah-kaedah yang telah diambil oleh Kementerian yang saya katakan tadi, kerjasama dengan industri yang memang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini dengan kaedah mengatakan sudah tidak ada lagi pemisahan di antara akademik dan industri. Saya jumpa, sekarang saya jumpa industri tanya mereka apakah yang mereka mahu. Oleh sebab itu kita ada organik kurikulum, fleksibel kurikulum yang 30 peratus yang mana boleh dimasukkan mengikut kehendak semasa. Saya tanya kepada industri, apa yang mereka mahu? Mereka perlu bekerjasama dengan akademik untuk membentuk kurikulum. Saya tanya bukan hanya yang mereka mahu tetapi berapa ramai yang mereka mahu dan bila mereka mahu.

Saya percaya dengan kerjasama yang begitu erat sekarang ini, kita akan dapati bahawa kerjasama ataupun isu-isu kebolehpasaran itu akan dapat kita tingkatkan sepenuhnya.

**4. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status peruntukan bantuan banjir yang dijanjikan oleh Perdana Menteri kepada Pulau Pinang untuk bencana banjir 5 November 2017.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**

Tuan Yang di-Pertua, Pulau Pinang telah dikejutkan dengan bencana banjir buruk pada 4 November dan 5 November yang menyaksikan 76 buah pusat pemindahan dibuka untuk menempatkan 11,600 mangsa yang terjejas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat Pulau Pinang pada 7 November.

Setakat ini, Kerajaan Pusat sudah meluluskan RM150 juta dan akan mempertimbangkan peruntukan tambahan mengikut keperluan. Jawatankuasa telah pun ditubuhkan yang melibatkan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang bagi membuat kajian menyeluruh dan holistik dengan mengambil kira impak pembangunan di lembangan bagi memastikan masalah banjir buruk di Pulau Pinang dapat diatasi dengan berkesan dan tidak akan berulang lagi.

Bantuan bencana khas wang ihsan daripada Kerajaan Pusat pula telah mula diagihkan pada 11 Mac 2018 di Parlimen Nibong Tebal. Manakala penyerahan bantuan di Parlimen Tanjong, Bukit Mertajam dan Batu Kawan telah diagihkan pada 17 Mac pada hari Sabtu yang lepas. Manakala bagi kawasan-kawasan lain akan diselesaikan pada bulan Mac ini juga. Jumlah peruntukan yang telah diberikan ialah sebanyak RM5,387,000. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Menteri, Yang Berhormat Arau. Saya nak petik di sini satu laporan Berita Harian 7 November 2017 tentang lawatan Yang Amat Berhormat Pekan ke Pulau Pinang semasa banjir. Ini adalah kata-kata ataupun kenyataan Yang Berhormat Pekan, "*Apa yang berlaku di luar jangkaan. Dengan hujan yang biasanya datang dalam tempoh sebulan setengah*

*tetapi melanda dalam sehari, air yang turun dari Kedah dan angin kencang. Ini tiga elemen luar jangka datang dalam satu masa". Dan mengenai bantuan kepada mangsa banjir, Perdana Menteri berkata, "Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan sangat baik dan ini adalah sikap dan contoh yang terbaik". Apabila ditanya pula tentang bantuan kepada mangsa, beliau jawab, "Apabila Kelantan naik air, kita pun bantu. Maka apabila Pulau Pinang naik air, kita pun memberi bantuan yang sama".*

Saya di sini ingin merujuk kepada jawapan Menteri termasuk juga jawapan Menteri kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Berhormat Bagan pada 12 Mac bahawa RM5.6 juta bantuan banjir akan diberi kepada lebih kurang 22,534 keluarga dalam bulan Mac ini. Soalan saya ialah, pada tahun 2015 apabila Kelantan dan Pahang ditimpa banjir, Kerajaan Pusat telah memberikan RM500 wang ihsan kepada setiap keluarga mangsa dan baru-baru ini di Perlis, Yang Berhormat Arau juga menyatakan bahawa 31,120 keluarga akan menerima RM500 di sepuluh buah negeri.

#### ■1040

Mengapa di Pulau Pinang apabila kita nampak RM5.6 juta itu setiap keluarga hanya menerima RM250. Sedangkan kerajaan negeri bukan sahaja memberikan RM700 malah memberikan kepada lebih ramai lagi keluarga mangsa. Kerajaan Pusat hanya bagi 22,534 buah keluarga. Kerajaan negeri telah mendaftarkan 52,353 buah keluarga. Mengapa ada sikap yang saya rasa kurang adil dan kurang saksama? Tentang projek tebatan banjir RM1 bilion, ini bukan projek baru dan ini juga bukan perancangan yang baru. Sudah lebih empat bulan sejak banjir dan projek ini sebenarnya daripada RMK-9 lagi. Saya hendak mohon supaya kalau boleh kita jangan lengah-lengahkan lagi, percepatkan. Jangan tunggu sampai...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tanya soalan apa panjang sangat ini?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sebab ada konteks.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Oh! Macam itu kah?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Relaks lah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kita hanya bagi wang ihsan ini kepada mereka yang berpindah, yang berpindah dan mendaftar di pusat perpindahan. Jadi, yang tidak berpindah, kita akan pertimbangkan mengikut keperluan semasa berdasarkan beberapa kriteria yang lain tetapi pada dasarnya ini prinsip yang kita pakai. Akan tetapi di Pulau Pinang angkanya telah berubah dari semasa ke semasa sehingga angka pada 7 hari bulan berlainan daripada angka tarikh-tarikh berikutnya. Seinggalah daripada angka 11,000 kalau ikut angka jawapan saya yang awal itu, 11,000 keluarga yang dipindahkan tetapi bantuan yang dibagi ialah kepada 21,548.

Jadi, Yang Berhormat tengok angka itu dan ini menunjukkan bahawa mereka yang tidak berpindah dimasukkan di atas dasar-dasar tertentu. Maka, inilah yang kita bagi. Yang Berhormat, ini adalah yang terbaik yang kita boleh bagi. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri untuk membantu lebih daripada jumlah tersebut, itu adalah hak kerajaan negeri. Negeri-negeri lain juga berbuat demikian, sama ada melalui kebajikan masyarakat ataupun Baitulmal, mereka juga berbuat demikian untuk mangsa banjir.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Boleh tambah sehingga RM500 setiap keluarga daripada RM250?

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasar Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya untuk soalan tambahan tapi sebelum itu saya hendak beritahu Yang Berhormat Bukit Mertajam, kalau dah daripada pembentangan yang kesembilan bajet dah diumumkan tetapi Kerajaan Pulau Pinang dah berapa penggal pegang, kalau rasa penting sangat buat ajelah, tidak payah tunggu daripada bajet-bajet. Betul tidak? *[Disampuk]*

Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri, saya pun prihatin juga soal banjir-banjir ini pasal kawasan saya ada terlibat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, secara logiknya lah bila diberi kepada mereka yang berpindah, ini kadang-kadang air ini dia tidak bertahan lama, dua jam, tiga jam dia dah hilang tetapi barang rosak. Jadi, wajar kah difikirkan untuk dipinda dua perkara iaitu yang pertama memberi kepada mangsa banjir walaupun mereka tidak berpindah, ini dah cerita lama. Keduanya, saya hendak minta pihak Yang Berhormat Menteri tengok juga soal *prevention is better than cure*, dengan izin. Adakan lah NBOS dengan kementerian-kementerian lain untuk aktiviti-aktiviti dan kerja-kerja yang perlu dibuat seperti pendalaman sungai dan sebagainya. Jadi, tidak lah kita balik-balik hendak tanya pasal banjir, banjir, banjir. *Prevention is better than cure*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Soalan yang baik. Yang Berhormat, berhubung dengan Pulau Pinang tadi, Yang Berhormat sentuh pasal Pulau Pinang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatannya diberi taklimat keperluan sebanyak RM1 bilion dan kita sedang menelitinya. Itu Yang Berhormat bukan kelulusan lagi. Sedang meneliti permohonan tersebut. Walau bagaimanapun Yang Berhormat *concern* pasal bantuan banjir di Pulau Pinang. Saya nasihatkan pada semua Ahli Yang Berhormat bila sampai bajet, lulus ramai-ramai. Barulah bagus. Ini, di antara orang yang menentang bajet kita ialah pihak pembangkang. Jadi, hari ini pula cakap pasal bajet memohon peruntukan. Itu saya hendak kena ulang sekali lagi. Lain kali jangan buat lagi dah, bertaubat ya.

Okey, yang berhubung dengan mangsa banjir Yang Berhormat, orang yang berpindah, banjir sekejap, tidak berpindah. Saya, soal pindah atau tidak pindah itu nombor dua Yang Berhormat. Nombor satu, dia kena daftar. Itu yang penting ya sebab

wang ihsan ini di bagi kepada mereka yang mendaftar. Kalau tidak mendaftar, kalau kita buka *floodgate* dengan izin, maka dia akan melantun-lantun masuk seperti yang pernah berlaku pada satu masa yang lepas yang pendaftaran kita hanya 15,000 tetapi dia meningkat kepada 30,000 selepas pembukaan pendaftaran dibuat. Mereka tidak ada masalah untuk membuat pendaftaran...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Naikkan jumlah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Sama ada pada hari pertama ataupun hari kedua ataupun berikutnya.

Kemudian yang kedua, *prevention is better than cure*. Itu memang betul Yang Berhormat, paling tepat sekali. Akan tetapi tebatan banjir ini sebenarnya bagi saya nombor dua. Nombor satu, ialah bagaimana kita mengatasi masalah sumber banjir. Sumber banjir ini ialah di hutan. Kalau kita buat tebatan banjir, lepas itu tebatan banjir itu akan mendap sekali lagi, pemendapan akan berlaku dan banjir akan berterusan lagi. Akan tetapi kalau kita memelihara hutan, hutan ialah sumber banjir, hutan akan perlahan kan perjalanan air dan dengan itu banjir dapat dikurangkan. Di samping tebatan banjir, kerajaan sedang memberi perhatian untuk memastikan sumber air ataupun sumber banjir itu dapat dibaiki.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Naikkan jumlah. Yang Berhormat Menteri jumlah dari RM250 ke RM500.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jumlah dari RM250 kerana angka mereka yang berpindah, yang mendaftar dan tidak daftar melebihi seperti yang saya sebutkan. Daripada angka 11,000 meningkat ke 21,000. Jadi, RM250 itu adalah *final*.

**5. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa jumlah peruntukan luar bandar yang telah disalurkan melalui projek-projek luar bandar di kawasan Keningau bagi tahun 2017.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menjawab soalan nombor lima ya. Untuk makluman Yang Berhormat Keningau, jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan yang diluluskan untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk tahun 2017 adalah berjumlah RM5.67 bilion ya. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.47 bilion iaitu 25.92 peratus di peruntukan bagi pelaksanaan projek pembangunan di luar bandar di Sabah melalui KKLW. Khusus di kawasan Keningau, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melaksanakan sejumlah 244 projek pembangunan luar bandar melibatkan kos perbelanjaan projek berjumlah RM62.5 juta pada tahun 2017. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa tentu sekali banyak lagi keperluan untuk pembangunan luar bandar dan untuk memastikan Ahli Yang Berhormat di kawasan

Parlimen di mana-mana sahaja khususnya di Keningau ini, supaya pelaksanaan projek-projek itu diketahui dan diikuti dengan berkesan. Bolehkah satu jawatankuasa ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen supaya pelaksanaan pembangunan luar bandar akan dapat dilaksanakan dengan lebih teliti dan lebih diketahui oleh Ahli Parlimen dan semua seluruh rakyat di kawasan berkenaan. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu cadangan dari Yang Berhormat.

■1050

Jadi sebenarnya Yang Berhormat di antara Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, baru-baru ini telah diwujudkan sebuah jawatankuasa bersama di Pengerusi oleh Ketua Menteri Sabah bersama Yang Berhormat Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jawatankuasa ini ada juga satu lagi peringkat di peringkat pegawai kerajaan iaitu Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) bersama pihak di negeri juga. Jadi kita ada dua peringkat, ada dua jawatankuasa untuk memantau ke semua projek KKLW yang dilaksanakan. Kita belum lagi memikirkan di peringkat Parlimen. Itu cadangan Yang Berhormat Tan Sri, jadi kita ambil maklum dan ambil kira sekiranya langkah-langkah itu betul-betul diperlukan.

Jadi untuk saya bagi Kementerian Luar Bandar dan Wilayah memaklumkan kepada Yang Berhormat, sebenarnya maklumat yang diberi tadi RM62.57 juta adalah projek yang sedang dilaksanakan. Akan tetapi sebenarnya peruntukan adalah lebih besar untuk Keningau iaitu RM226.9 juta. Yang baki ini Yang Berhormat kerana banyak lagi projek itu dalam peringkat kerja awalan, belum bermula. Jadi akan kita, kalau dapat mulakan penghujung tahun ini. Jadi yang saya bagi tadi RM62.57 juta yang sudah jadi projek . Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]:** Terima kasih.

**6. Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha setakat ini dalam mengurangkan beban cikgu-cikgu sekolah dengan kerja-kerja administrasi yang lebih banyak daripada memberi penumpuan kepada anak-anak murid.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah sewajarnya bagi menangani masalah kompleksiti tugas guru di sekolah. Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani kompleksiti tugas guru ini adalah seperti berikut:

- (i) memastikan pengurusan di peringkat kementerian, negeri, daerah dan sekolah memahami dan mematuhi semua pekeliling, surat serta siaran berkaitan yang sedang berkuat kuasa;
- (ii) pengisian jawatan kosong di sekolah dengan melihat keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana;
- (iii) mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data atau pelaporan dengan pemerkasaan pengintegrasian data melalui inisiatif *single sign-on*, dengan izin. Langkah ini akan memastikan guru-guru tidak perlu menggunakan pelbagai sistem untuk merekodkan data;
- (iv) memperhalusi kaedah pengoperasian dan pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid;
- (v) mengurangkan beban aktiviti-aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti mana Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2016 berhubung Garis Panduan Pengurusan Majlis, Program/Acara Dan Pengurangan Amalan Protokol Dan Sambutan Di Bahagian/Jabatan/Institusi Pendidikan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (vi) kepimpinan sekolah yang berkesan diperkasakan melalui program *National Professional Qualification for Educational Leaders* dengan izin ataupun NPQEL; dan
- (vii) memastikan pemantauan amalan melindungi masa *instructional* dilaksanakan dengan sewajarnya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan saya ingat adalah langkah-langkah yang hendak diambil. Tapi walau bagaimanapun, langkah-langkah yang disebut, tujuh langkah tadi saya rasa dalam keadaan sekarang, kita masih lagi mengalami di sekolah-sekolah bahawa di mana ibu bapa masih lagi memberikan aduan-aduan di mana konsentrasi guru terhadap pembelajaran anak-anak masih lagi rendah kerana nisbah antara guru dan pelajar ada *gap*, jurang terlampau besar, maka pelajar-pelajar yang lemah tidak dapat diberikan konsentrasi atau tumpuan untuk membantu mereka.

Juga kerja-kerja administrasi guru yang bebannya banyak, jadi membuatkan mereka tidak boleh menumpukan lebih masa untuk anak-anak yang kurang, yang lemah dalam pembelajaran mereka, apatah lagi tadi disebut di antara langkah-langkah untuk meringankan beban dan sebagainya iaitu beban aktiviti-aktiviti terhadap guru-



guru. Saya harap juga kerajaan Barisan Nasional tidaklah selalu mengerahkan guru-guru untuk menghadiri program-program politik yang mana mereka kena hadir untuk menunjukkan kehadiran yang ramai-ramai. Jadi ini satu beban yang sangat terkesan oleh guru-guru.

Apa yang saya hendak sampaikan di sini adalah kita sekarang berada dalam dua keadaan yang mana tadi saya sebut pencapaian kanak-kanak sekolah tidak seberapa dan kita juga berdepan dengan masalah guru yang menghadapi tekanan seperti yang kita lihat dalam laporan ada guru yang bermasalah mental yang perlu direhatkan. Ada dua kes bunuh diri kerana beban tugas guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sungai Chua, Kajang dan sekolah Sungai Way dan satu lagi kes di Johor dan juga ada guru wanita yang gantung diri dan beban tugas punca juga gagal kawal emosi.

Jadi kita ada dua keadaan yang mana pelajar tidak ke mana, guru tertekan dan tidak dapat menjalankan kerja dengan prestasi yang tinggi. Jadi ini saya hendak minta ada satu kaedah yang mana kementerian harus memikirkan agar kedua-dua masyarakat yang kita perlu dalam negara ini, pelajar dan guru-guru itu diperkasakan dan dipermudahkan urusan mereka yang lebih praktikal agar dapat anak-anak kita mendapat ilmu yang secukupnya dengan tumpuan yang diberi oleh guru dan guru juga boleh memberi prestasi yang cemerlang. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ampang. Yang Berhormat Ampang dan juga ahli-ahli Yang Berhormat, tugas guru ini merangkumi tujuh aspek utama iaitu:

- (i) kurikulum yang mana terlibat dalam aspek pengajaran dan pembelajaran termasuk pentaksiran;
- (ii) ko-kurikulum yang melibatkan sukan dan permainan, kelab, persatuan serta badan-badan beruniform;
- (iii) pengurusan hal ehwal murid. Bab pengurusan hal ehwal murid ini pula dari aspek keselamatan, kebajikan, kesihatan, bina insan, sistem maklumat murid, koperasi dan juga lawatan;
- (iv) pengurusan pejabat;
- (v) pentadbiran serta kewangan;
- (vi) pembangunan fizikal, pembangunan *staff*; dan
- (vii) hubungan komuniti.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mencari kaedah-kaedah yang dapat meringankan beban guru dan buat masa sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Padang Terap, beliau sendiri merupakan seorang pendidik, seorang guru dan memahami apa yang diperlukan untuk kita melaksanakan atau mengurangkan beban ini. Apabila kita melaksanakan inisiatif-inisiatif ini, yang pentingnya ialah kemenjadian murid. Tanggungjawab guru

untuk memastikan kemenjadian murid itu menjadi seorang pelajar cemerlang, seorang insan yang dipenuhi dengan pembinaan holistik dia, dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek. Ini juga semua tanggungjawab seorang pendidik.

Kita memahami di mana keperluannya dan Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa, kita terbuka, kita mengambil maklum balas daripada guru-guru apabila lawatan-lawatan oleh saya ataupun Yang Berhormat Menteri, Timbalan-timbalan Menteri, kita mengambil maklum balas daripada guru, apakah yang diperlukan, apa yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meringankan beban. Kita sentiasa akan melihatkan cara-cara untuk meringankan beban ini dan percayalah kita menghargai jasa baik, pengorbanan dan juga segala inisiatif yang diambil oleh semua pendidik. Hampir 500,000 guru di sana dan kita menghargai jasa, kita memahami keperluan mereka dan kita akan melaksanakan yang terbaik untuk meringankan beban-beban guru ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pengalaman saya menjadi guru dan tahniahlah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengambil langkah-langkah yang proaktif dan menyelesaikan masalah beban guru.

Kita sedia maklum, tahu bahawa tugas sebagai seorang guru ini memang banyak. Di samping mengajar di kelas, berada di padang, berada di mana-mana tempat untuk melaksanakan program, persatuan dan juga dalam program untuk melaksanakan perkeranian.

#### ■1100

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu pada tahun 2013 hingga tahun 2025 telah menyebabkan pertambahan beban guru memandangkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini yang merupakan proses yang luas dan kompleks. Saya mengharap kepada Kementerian Pendidikan, apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan *soft skill* guru bagi meningkatkan pelbagai kemahiran berkaitan pendidikan untuk menghadapi beban tugas guru yang meningkat pada alaf baru ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih cikgu Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat kerana memandangkan jiwa Yang Berhormat jiwa pendidik, seorang guru memahami benar tanggungjawab guru ini. Kita juga faham ada guru ini pengorbanannya luar biasa. Kadang-kadang kita beri maklumat kepada dia, kerja dia, dia buat lebih daripada tugas kerana jiwa dia sebagai seorang pendidik.

Siapa boleh lupa karya sajak arwah Usman Awang? Hari ini seorang Perdana Menteri, hari ini seorang peguam, hari ini petah bercakap semua kerana guru, kerana tanggungjawab guru ini memang luar biasa. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan

Malaysia juga Yang Berhormat, kita telah menggariskan pelbagai inisiatif untuk membantu guru-guru ini bagaimana kita dapat meringankan beban, antaranya ialah penggunaan sistem teknologi terkini.

Sistem teknologi ini dapat dengan secara langsung meringankan beban dan memudahkan kerja mereka. Itulah harapan kita dan hasrat kita di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kita akan memantau dan seperti mana Yang Berhormat Sabak Bernam sedia maklum juga, dalam Kementerian Pendidikan kita ada program Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP). Latihan Dalam Perkhidmatan ini juga akan memberi ruang dan peluang kepada guru-guru kita untuk memilih bidang-bidang kursus yang mereka ingin ambil bahagian supaya dapat menambah baik dan memartabatkan *soft skill* mereka.

Bukan mereka tidak ada, mereka ada tetapi hendak menambahbaikkan *soft skill* mereka supaya mereka sama-sama dengan kementerian, guru-guru dapat bersama-sama mewujudkan satu golongan pelajar, pemuda, insan yang baru supaya dapat memartabatkan lagi negara kita dari aspek pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah perancangan serta langkah-langkah kerajaan dalam menghadapi cabaran abad ke-21 seperti globalisasi, era digital, krisis ekonomi, dan teknologi pengganggu (*disruptive technologies*) yang akan dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan teknologi yang pesat dalam era Revolusi Perindustrian Keempat ataupun IR 4.0 akan membawa kepada transformasi yang memberi impak besar kepada sosioekonomi negara. Salah satu inisiatif awal dalam mengharungi cabaran IR 4.0 ialah melaksanakan kajian *for site* untuk mengenal pasti kemunculan teknologi baru.

Ke arah ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Akademi Sains Malaysia telah menjalankan kajian *Envisioning Malaysia in 2050* di mana 21 teknologi yang berimpak tinggi dalam bidang kesihatan, teknologi hijau, pertanian dan lain-lain bagi tempoh 2015 sehingga 2050 telah dikenal pasti. Hasil kajian ini telah dijadikan asas kepada kerajaan dalam mengenal pasti trend teknologi baru atau pun *emerging technologies* dan melaksanakan intervensi untuk memanfaatkan penggunaan teknologi tersebut untuk pembangunan sosioekonomi negara.

Di samping itu, MOSTI bersama pelbagai kementerian dan agensi kerajaan serta pihak swasta telah pun mengadakan perbincangan untuk merangka pelan tindakan bagi menghadapi cabaran IR 4.0. Selain itu, MOSTI telah dilantik untuk mengetuai jawatankuasa kerja teknikal bagi pembangunan teknologi dan standard dalam

penggubalan dasar industri 4.0 yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Antara peranan yang akan dimainkan oleh MOSTI ialah membangunkan teknologi dan standard bagi menyokong pertumbuhan sektor pembuatan negara. Dalam pada itu, MOSTI juga sedang mengambil tindakan untuk mengkaji semula Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu bagi tahun 2013 hingga tahun 2030 dan sedang dalam proses menyediakan Pelan Induk Sains, Teknologi dan Inovasi Tahun 2020 hingga Tahun 2030 atau *STI Master Plan 2020-2030* di mana IR 4.0 akan menjadi salah satu bidang fokus yang akan diambil kira dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengharungi cabaran IR 4.0, penguasaan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) adalah penting untuk memastikan negara mampu maju dan berdaya saing. Kemajuan teknologi telah mengubah bidang kerja masa hadapan yang kebanyakannya akan berlandaskan STEM. Ke arah ini, MOSTI dan kerjasama pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah menggubal Pelan Tindakan Strategik Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Nasional bagi tempoh 2018 hingga 2025 yang antara lain bertujuan untuk memantapkan bakat STEM bagi memenuhi keperluan industri masa hadapan.

Di samping itu, bagi memastikan penghasilan teknologi-teknologi baru yang selari dengan IR 4.0, MOSTI turut menyediakan dana penyelidikan seperti *smart fund* dalam bidang keutamaan R&D iaitu air, makanan dan tenaga, pertumbuhan hijau, pembangunan mapan dan perubahan dan penjagaan kesihatan yang mengaplikasikan teknologi berkaitan IR 4.0 iaitu *internet of things*, nanoteknologi dan bioteknologi untuk peringkat pra pengkomersialan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era IR 4.0 risiko ancaman siber seperti serangan *ransomware* dan kecurian data boleh menggugat keselamatan operasi sesebuah syarikat. Oleh itu, keselamatan siber adalah penting dalam memastikan aplikasi teknologi yang digunakan adalah selamat iaitu *trusted* dan *secured*.

Dalam konteks ini, tahap ketersediaan agensi MOSTI iaitu CyberSecurity Malaysia dalam mengatasi ancaman siber akan ditingkatkan melalui pelaksanaan program-program seperti *Network Civilian Response and Recovery*, pensijilan ataupun *criteria vulnerability assessment*, pembangunan profesional keselamatan siber dan lain-lain. Perancangan dan inisiatif-inisiatif sebegini diharap dapat membantu negara supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu saya mengalu-alukan kehadiran pimpinan Persatuan Belia Kampung Tengah, Labis, Johor.

Yang Berhormat Menteri, saya teruja dengan jawapan tadi dan keupayaan kita untuk bersaing dengan negara-negara lain. Dengan persediaan yang kita lakukan hari ini, apakah kita benar-benar berkemampuan untuk bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri Keempat? Soalan pertama.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian. Bagi meningkatkan daya saing negara seperti yang dilaporkan dalam Buku Tahunan Daya Saing Dunia di mana kedudukan Malaysia jatuh ke tangga kelima. Apakah inisiatif dan usaha-usaha untuk kita tingkatkan lagi supaya kita berada pada tahap yang terbaik sebagaimana yang kita inginkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lenggong. Dalam soal *competitiveness index* ini, sebenarnya banyak perkara yang diambil kira termasuklah juga hal-hal *secondary data* yang diambil kira dan kadang-kadang Yang Berhormat, pihak penaksir *competitiveness index* ini kadang-kadang tidak mendapat maklumat yang tepat.

Apa pun bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kita ada beberapa bidang yang kita lihat sebab dalam soal daya saing negara ini juga melibatkan beberapa kementerian yang lain. Dalam hal ini, kita sentiasa melalui satu agensi di bawah MOSTI iaitu MASTIC akan sentiasa memantau prestasi kita dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya fikir antara cabaran utama dalam kita berhadapan dengan Revolusi Perindustrian Keempat ini adalah soal melatih rakyat khususnya generasi muda untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi baru ini. Perkara yang dibimbangkan ialah apabila kita bergerak ke arah *full automation* dengan izin, kita berhadapan dengan masalah peluang pekerjaan sekiranya rakyat tidak disediakan dengan pemikiran dan cara yang baru.

■1110

Yang Berhormat Menteri berucap baru-baru ini di dalam program yang dianjurkan oleh ASLI tentang pembangunan sosioekonomi berdasarkan IR4.0. Saya ingin tanya dari segi kesediaan kementerian terutamanya untuk melatih generasi muda ini di peringkat sekolah lagi dalam bidang sains dan matematik. Bagaimana pula guru-guru, adakah mereka juga disediakan dengan pedagogi yang betul-betul rinci agar dapat melatih anak-anak ini dengan bidang matematik dan sains dengan baik. Ini kerana saya difahamkan setakat ini baru 20 peratus sahaja kita bersedia untuk generasi ini berhadapan dengan IR4.0 dari segi aspek disiplin matematik dan sains. Terima kasih Menteri.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit katil. Sebenarnya seperti mana dalam jawapan saya sebentar tadi bahawa MOSTI dan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Pengajian

Tinggi kita telah menyediakan Pelan Strategik Tindakan STEM. Salah satu yang saya sebut tadi iaitu kita akan dalam proses mewujudkan Pusat Nasional STEM Centre. Ini juga satu kerjasama NBOS yang telah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pendidikan Malaysia di mana kita akan mewujudkan guru-guru yang bukan sahaja pakar sains tetapi *passionate* dengan izin. *Passionate* dalam pendidikan mengajar dan juga sains. Kenapa? Ini sebab pedagogi baru. Memang ada pedagogi baru seperti yang saya sebutkan tadi iaitu *inquiry-based science education*. Kita sudah perkenalkan sudah sekian lama bermula pada tahun 2000 lagi kita telah cuba di Lembah Klang empat buah sekolah dan memang prestasinya begitu tinggi.

Sekolah yang kita banding sekolah yang diperkenalkan dengan IBSE dengan sekolah yang tidak diperkenalkan IBSE perbezaannya begitu besar. Cabaran utama kita ialah pedagogi bagus tetapi cabaran utama kita ialah bagaimana kita dapat menyediakan tenaga pengajar yang *passionate* dalam sains. Ini sebab *we are moving* dengan izin kita akan berhijrah daripada pedagogi berasaskan buku teks dengan satu *inspiration learning*. Di mana guru-guru perlu berinovasi untuk menyediakan satu lingkungan pembelajaran yang lebih menarik, lebih seronok dan bukan lagi membebankan seperti yang konvensional. Dengan lain perkataan memang apa yang dicadangkan Yang Berhormat itu memang sudah dalam proses pelaksanaan tinggal lagi bagaimana kita dapat menyediakan guru-guru yang diperlukan. Sekian terima kasih.

**8. Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah kes influenza A (H1N1) yang berlaku di Sibu dan di Sarawak pada setiap tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 dan apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menangani penyakit ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lanang Puan Alice Lau. Soalan ini berkenaan dengan kes influenza A (H1N1) yang berlaku di Sibu dan juga di seluruh negeri Sarawak mulai tahun 2015, tahun 2016, tahun 2017 dan tahun 2018. Tuan Yang di-Pertua, KKM ingin memaklumkan bahawa WHO telah mengisytiharkan dunia secara keseluruhannya telah memasuki fasa *post-pandemic* pada bulan Ogos 2010. Ini adalah susulan dari kejadian *pandemic* H1N1 yang terdahulunya dikesan menular pada April 2009. Akibat pengesanan virus Influenza A (H1N1), pengisytiharan fasa *post-pandemic* tersebut menyebabkan negara-negara di seluruh dunia tidak lagi memantau jangkitan virus Influenza A (H1N1) secara khusus serta tiada keperluan bagi mana-mana negara untuk melaporkan kejadian kes Influenza A (H1N1) kepada WHO.

Ini disebabkan oleh cara jangkitan, tanda-tanda jangkitan dan risiko untuk mendapat jangkitan serta komplikasi akibat jangkitan Influenza A(H1N1) adalah

serupa sebagaimana jangkitan influenza bermusim ataupun *season* influenza yang lain. Begitu juga jangkitan Influenza A(H1N1) tidak diwartakan sebagai salah satu penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasikan mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ataupun Akta 342. Sehubungan dengan itu, KKM tidak merekodkan data khusus bagi jumlah kes jangkitan Influenza A(H1N1) untuk tempoh yang dinyatakan iaitu pada tahun 2015, tahun 2016 hingga tahun 2018 sama ada bagi negeri Sarawak ataupun seluruh Malaysia Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pencegahan memang Kementerian sentiasa memantau di semua kawasan. Apa-apa kalau berlaku peningkatan mendadak mana-mana kes influenza mestilah dibuat laporan kepada Pusat Kesihatan Daerah (PKD) lepas itu di lapor kepada negeri dan lepas itu kepada pusat iaitu kita punya, kita ada *Crisis Preparedness Response Centre* (CPRC) yang berada di Kementerian Tuan Yang di-Pertua. Makna kalau ada kes memang dilaporkan, kalau kes yang mendadak meningkat. Kalau biasa, tidak perlu lapor. Akan tetapi kalau kes meningkat dengan mendadak maka dibuat laporan dan kita buat pencegahan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mencegah penyakit-penyakit Influenza A(H1N1) ini kakitangan Kementerian kita Tuan Yang di-Pertua yang *front liners*, sama ada di klinik ataupun di hospital memang kita bagi *vaccination* bagi *injection* influenza. Bagi yang lain untuk rakyat dia boleh dapatkan vaksin ini di pihak swasta Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu tentang tadi Timbalan Menteri kata tiada kes yang dilaporkan tetapi saya menerima aduan bahawa di Sibul ada beberapa kes telah berlaku. Jadi saya ingin mengesahkan sama ada ia berlaku di Hospital Sibul. Kita semua tahu *prevention is better than cure*. Jadi apakah program vaksinasi untuk golongan yang berisiko tinggi. Sama ada kita mempunyai peruntukan yang disediakan untuk penyakit jangkitan Influenza A ini.

Begitu juga kita semua tahu kos rawatan untuk Influenza A adalah agak tinggi. Saya ingin tahu sama ada Kementerian ada peruntukan khas untuk penyakit berjangkit ini dan juga kempen kesedaran yang diadakan supaya semua ibu bapa tahu mengambil langkah pencegahan supaya anak-anak mereka tidak dijangkiti. Saya mohon penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, memang penyakit berjangkit seperti H1N1 ini memang dia boleh mudah berjangkit kepada kanak-kanak ataupun orang tua-tua, warga emas dan mereka yang ada penyakit-penyakit kronik ada kencing manis, ada *hypertension* dan pelbagai penyakit lain yang boleh menjejaskan dia punya imun sistem maka dia mudah dapat penyakit dan mudah dapat *complication*.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua memandangkan *seasoning* influenza ini Tuan Yang di-Pertua dia berubah. Tiap-tiap tahun dia ada *imitation* dia dan memang vaksin yang ada memang dia tidak boleh *cover 100 percent* cuma *50 percent* sahaja. Maknanya *effectiveness* dia cuma *about 50 percent to 60 percent* sahaja. Oleh sebab itu dalam hal ini kementerian memang tidak bercadang untuk bagi kepada *mass vaccination* Tuan Yang di-Pertua kerana kos amat tinggi. Sekurang-kurangnya sekali *injection* RM100, kos kepada kerajaan. Jadi hendak *cover* seluruh rakyat ini memang agak kurang kemampuan kitalah sampai peringkat hendak bagi semua.

Akan tetapi kita cuma bagi yang saya sebut tadi kepada mereka yang *front liners* yang pegawai kerajaan ataupun pegawai kesihatan ataupun di peringkat hospital, kita bagi yang itu kita bagi. Ini kerana sekurang-kurangnya dia boleh mencegah. Akan tetapi kita memang nasihatkan supaya rakyat kita buat pencegahan, basuh tangan, cuci elok-elok dan pakai *mask* kalau ada berlaku. Kalau kita dapat penyakit selesema ini janganlah keluar pergi bercampur dengan orang ramai. Ini juga dia boleh merebakkan penyakit itu. Oleh sebab itu makna *prevention* itu memang kita galakkan.

Di peringkat kementerian kita ada *website* kita yang boleh kita rujuk. Bahagian Pendidikan Kesihatan memang buat pelbagai program sama ada melalui radio, televisyen, *website* dan sebagainya untuk memberi penjelasan dan penerangan tentang tanggungjawab masing-masing untuk jaga kesihatan Tuan Yang di-Pertua.

**9. Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kenapa pembinaan naik taraf jalan balak dari Simpang Sebeliau ke Ng. Uyau Lemanak belum lagi dilaksanakan hingga ke hari ini walaupun saya telah berulang-ulang kali bertanyakan perkembangan pelaksanaan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan nombor sembilan. Untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu, Mesyuarat Perundingan Harga di peringkat JKR Sarawak bagi projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak negeri Sarawak fasa 4, bahagian Sri Aman yang melibatkan jajaran daripada Sebeliau ke Uyau sepanjang 27 kilometer telah diadakan pada 12 Februari hingga 13 Februari 2018 yang lalu.

■1120

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Perhutanan Sarawak memaklumkan bahawa keseluruhan jajaran ini terletak di bawah cadangan kawasan Taman Negara Batang Ai dan Taman Negara Sungai Menyeng dan pihak Jabatan Perhutanan Sarawak juga tidak menyokong supaya jajaran ini dinaik taraf. Sehubungan dengan itu, JKR Sarawak memaklumkan bahawa sesi perbincangan sedang diadakan antara



JKR Sarawak dan juga Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak bagi menyelesaikan isu tersebut. Sekian, terima kasih.

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat kecewa dengan jawapan tersebut kerana maklumat itu sangat salah. Sebenarnya jajaran untuk Batang Ai *conservation area* dan Sungai Menyang jauh daripada kawasan jalan yang dicadangkan.

Saya dimaklumkan oleh jurutera JKR Bahagian Sri Aman dan mereka telah mengadakan mesyuarat dua minggu lepas dan dimaklumkan pihak Jabatan Hutan mengakui mereka tersilap plot kawasan tersebut termasuk dalam jajaran cadangan *conservation area* Menyang dan Batang Ai. Oleh yang demikian, saya memohon pihak kementerian supaya mendapatkan maklumat terkini mengenai cadangan projek ini supaya projek ini tidak dapat di *delay* lagi. Dengan itu, saya memohon pihak kementerian.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat waktu mengatakan jawapan itu salah, selepas itu beliau juga mengatakan mengaku ada kesilapan daripada jabatan berkenaan di negeri Sarawak iaitu Jabatan Perhutanan. Jadi jawapan Kementerian KKLW ini tidak salahlah sebab jawapan ini kita dapat daripada Sarawak juga maklumat semua ini berkenaan dengan projek ini.

Tak mengapa, oleh kerana ada perbincangan yang terbaharu ini di antara Jabatan JKR dan juga Jabatan Perhutanan Sarawak, kita berharap mereka akan maklum kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang akan melaksanakan projek ini seperti yang dipinta oleh Yang Berhormat Lubok Antu, kami akan sebaiknya bagaimana hendak melaksanakan projek ini tanpa masalah. Jadi kita mohon kerjasama juga kalau boleh usaha daripada Yang Berhormat Lubok Antu sendiri membantu menyelesaikan masalah sekiranya lagi ada masalah ini. Sekian, terima kasih.

**10. Dr. Ko Chung Sen [Kampar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) bilangan dan lokasi pengimbas CT dan MRI untuk pesakit di negara ini, termasuk di hospital Kerajaan mahupun hospital swasta dan bilangan pengimbas CT dan MRI baru yang diperlukan ke arah mencapai sistem penjagaan yang mudah untuk diakses pesakit di hospital Kerajaan dan kos yang terlibat; dan
- (b) jumlah wang diperuntukkan kementerian untuk perolehan pengimbas CT dan MRI yang baru.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kampar. Ini berkenaan dengan mesin CT *scan* dan juga MRI. Saya hendak bagi tahu bahawa untuk seluruh Malaysia, Tuan

Yang di-Pertua, mesin MRI ini terdapat semua jumlah 104 buah, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sebanyak 31 buah berada di hospital kerajaan dan sebanyak 73 buah di hospital swasta. Maksud hospital kerajaan adalah hospital kerajaan melibatkan hospital kerajaan dan Hospital Angkatan Tentera. Premis swasta yang ada ini ialah hospital swasta dan juga hospital universiti, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ada 104.

Untuk CT *scan*, Tuan Yang di-Pertua, CT *scan* ada 241 semuanya di seluruh Malaysia. Sebanyak 69 berada di hospital kerajaan dan Angkatan Tentera dan 172 berada di hospital swasta dan juga hospital universiti.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, semua hospital negeri sudah ada MRI dan terdapat 15 hospital swasta pakar *major* yang belum dapat MRI. Untuk CT *scan*, semua hospital pakar *major* sudah ada CT *scan*. Cuma 10 hospital pakar minor belum ada lagi dan memang kita ada perancangan untuk hendak *install* MRI dan CT *scan* tetapi ia berperingkat-peringkat, Tuan Yang di-Pertua.

Kosnya tidak begitu murah. Satu MRI lebih kurang RM7 juta. Ini tidak termasuk *installation*— tak termasuk. Satu CT *scan* pula lebih kurang RM1.4 juta. Kalau masuk dengan *installation* semua, dia kos lebih kurang RM2.4 juta satu. Jadi kita akan buat, *insya-Allah*, peringkat demi peringkat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita semua tahu hospital-hospital kerajaan penuh sesak dan pesakit terpaksa menunggu lama untuk menerima rawatan. Ini ditambah pula dengan keadaan kebanyakan hospital tidak mempunyai kelengkapan perlu yang secukupnya.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri menjelaskan mengapa selepas 61 tahun BN memerintah, Kementerian Kesihatan masih tidak menyediakan mesin rawatan pesakit kanser— *radiotherapy linear accelerator*— di kebanyakan negeri termasuk Pulau Pinang, Perak, Kedah, Perlis, Pahang, Terengganu, Melaka? Mengapa selepas 61 tahun ada ramai pesakit-pesakit yang perlu rawatan radioterapi tetapi terpaksa untuk pergi ke Kuala Lumpur atau pergi ke hospital swasta? Macam di Pulau Pinang, mereka terpaksa *outsource* kepada Hospital Mount Miriam, sebuah hospital swasta yang sangat kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar]:** Di Ipoh pun ada dua hospital swasta— KPJ dan Fatimah— yang ada radioterapi, tetapi Hospital Besar Ipoh tidak ada. Mengapa? Pesakit-pesakit kanser sudah cukup sakit dan lemah tetapi mereka terpaksa untuk tiap-tiap hari, tiap-tiap minggu pergi ke Hospital Kuala Lumpur atau ke negeri lain untuk mendapatkan rawatan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okeylah itu, boleh tanya sudah itu, boleh tanya.

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini lari sikit daripada soalan asal. Ini berkenaan dengan radioterapi— dia lain. CT scan dengan MRI itu lain tetapi yang ini soalan tentang radioterapi. Memang saya boleh jawablah ya.

Sememangnya kita di peringkat zon memang sudah ada masing-masing pusat radioterapi ini. Di Kuala Lumpur ada, di Johor ada. Jadi, ikut zon ya. Akan tetapi memanglah macam negeri-negeri seperti— ataupun di Putrajaya sudah ada IKN, Institut Kanser Negara. Sudah ada di situ. Namun di negeri-negeri macam di Perlis, Kedah, Pulau Pinang belum ada tetapi kita *outsource* kepada—kerajaan bayarlah— *outsource* kepada pihak swasta. Macam di *Penang*, kita ada beberapa hospital termasuk Mount Mariam yang begitu lama, memang kita bayar, kerajaan bayar untuk pesakit pergi untuk buat rawatan DXT.

Jadi, ini *ongoing process* dan dalam RMKe-11, Tuan Yang di-Pertua, memang ada satu lagi cadangan hendak buat satu pusat kanser di Sungai Petani, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang RM500 juta. Ini kita akan buat berperingkat demi peringkat. Jadi, *it is ongoing process* dan ini terpulang kepada kemampuan kewangan kitalah tetapi setakat ini yang diumumkan ialah di Sungai Petani RM500 juta, Tuan Yang di-Pertua.

**11. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta Menteri Kewangan menyatakan kementerian bercadang untuk menguatkuasakan satu rang undang-undang bagi mengawal selia nilai cukai harta tanah dan premis yang mana ianya menjadi salah satu punca peningkatan harga rumah dan kos sara hidup rakyat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam aspek mengawal kestabilan harga harta tanah terutamanya untuk membendung aktiviti spekulasi harta tanah, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan cukai ke atas keuntungan yang diperolehi daripada pelupusan harta tanah sejak tahun 1973.

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ini adalah cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan semua jenis harta tanah seperti rumah kediaman, bangunan komersial, tanah dan saham dalam syarikat harta tanah. Kadar CKHT yang dikenakan adalah progresif iaitu antara kosong sehingga 30 peratus bergantung pada tempoh pegangan harta tanah dan status kewarganegaraan bagi pelupus tanah individu. CKHT adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Secara amnya, CKHT tidak membebankan rakyat kerana CKHT dikenakan ke atas keuntungan daripada penjualan atau pelupusan harta tanah.

**■1130**

Selain itu, terdapat layanan yang istimewa kepada rakyat di mana CKHT tidak dikenakan di atas keuntungan daripada pelupusan sesebuah rumah kediaman sekali dalam seumur hidup. Bagi semua rakyat Malaysia, CKHT juga tidak dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah atas dasar kasih sayang antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak, datuk atau nenek dan cucu.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun cukai harta atau dikenali juga sebagai cukai taksiran atau cukai pintu adalah cukai yang dikenakan terhadap pemilikan harta tanah di dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan bagi sesebuah negeri. Kuasa untuk pihak berkuasa tempatan mengenakan cukai harta adalah selaras dengan peruntukkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Secara amnya, kadar cukai harta yang dikenakan adalah berbeza-beza mengikut kepada jenis harta tanah atau pegangan iaitu seperti perumahan, perindustrian, pertanian, perdagangan dan lain-lain. Nilai tambah ataupun nilai tahunan bagi sesuatu pegangan dan kadar yang digunakan bagi tujuan pengiraan cukai harta ditetapkan dan diluluskan oleh kerajaan negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan. Sekian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Soalan saya pendek saja. Kos bagaimanapun diterangkan Cukai Hasil Tanah tetapi harga tanah tetap tinggi dan ini menyumbang besar kepada harga rumah yang tinggi dan kenaikan harga-harga bilik sewa dan akhirnya menyebabkan inflasi melambung. Saya ingat ini sebab kos tanah terutamanya. Kerajaan Pusat belanja berbilion-bilion tetapi sesebuah negeri contohnya 70 *percent* lebih daripada pendapatan negeri daripada hasil tanah. 44 *percent* premium, 20 *percent* daripada cukai dan selebihnya pentadbiran.

Jadi saya hendak tanya kerajaan, kalau ini kita tidak tangani semata-mata hanya cukai tidak melibatkan premium— saya tahu ini isu kerajaan negeri. Akan tetapi kesannya kena kepada rakyat keseluruhannya. Jadi apakah pendekatan yang baharu mungkin kerajaan ambil untuk memastikan pengeksploitasi hasil tanah ini yang mana kenaikan harga itu menyumbang ke arah *value* naik itu disebabkan pelaburan yang besar oleh Kerajaan Pusat tetapi kerajaan negeri khusus macam Selangor dan Pulau Pinang menyebabkan harga tinggi dan akhirnya terkesan negatif kepada rakyat. Apakah mekanisme yang kementerian hendak lihat?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya memang saya menyedari. Saya rasa soalan ini seharusnya dimajukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah saya terangkan tadi, apa yang melibatkan Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah berkaitan dengan Cukai Keuntungan Harta

Tanah (CKHT). Namun, kita sedar bahawa bagaimanapun Kerajaan Pusat cuba untuk membangunkan negara dengan melaburkan pelbagai projek program infrastruktur tetapi apabila dikenakan cukai-cukai pintu, cukai-cukai taksiran dan sebagainya oleh kerajaan negeri, sedikit sebanyak ia membebankan rakyat.

Namun, kita juga kena ingat dalam masa yang sama cukai-cukai yang dikutip itu cukai harta tanah, cukai pintu dan sebagainya sudah tentulah ia melibatkan hal-hal berkaitan dengan perparitan, longkang, rumput, lampu jalan, sampah dan sebagainya. Jadi sudah tentulah saya kira apa yang dikenakan— cuma yang berbezanya adalah antara negeri mungkin antara daerah pun di sesebuah negeri yang membezakan nilai cukai yang dikutip kepada rakyat. Namun saya kira itulah pentingnya apabila Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri mesti sehaluan dan faham dengan aspirasi yang hendak dikehendaki oleh rakyat dengan harapan apa-apa yang dibawa oleh Kerajaan Pusat itu akan akhirnya sampai kepada sasaran, sampai kepada rakyat yang akhirnya tidak membebankan mereka. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Yang Berhormat. Tamatlah sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2017) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang yang disatukan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa 20 Mac 2018.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah di setujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keenam, Parlimen Yang Ketiga Belas”. **[15 Mac 2018]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Menteri Kewangan.

**11.36 pg.**

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah

Diraja 2018 di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh hampir 21 Yang Berhormat akan saya cuba jawab dan perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amat kami hargai. Sebahagian daripada perkara-perkara yang dibangkitkan melibatkan beberapa Yang Berhormat dengan subjek ataupun topik yang sama

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
**mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin jawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam dan Yang Berhormat Rantau Panjang mengatakan bahawa hutang Kerajaan Persekutuan pada 2018 dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi kewangan negara pada 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2017 adalah sebanyak RM686.8 bilion ataupun 50.8 peratus kekal di bawah paras 55 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.9 peratus atau RM665.6 bilion adalah hutang domestik. Sementara itu baki 3.1 peratus ataupun RM21.2 bilion merupakan pinjaman luar pesisir. Di antara inisiatif terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam membangunkan ekonomi kita di antaranya ialah dengan pelaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital, adaptasi Revolusi Industri 4.0 dan menyediakan projek-projek infrastruktur berkualiti yang mempunyai kesan berganda kepada rakyat.

Soalan seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya. KDNK Malaysia tahun 2018 meningkat sebanyak 5.2 peratus. Soalannya, adalah bagus tetapi rakyat tidak merasai kenaikan ekonomi tersebut. Kenaikan KDNK adalah disebabkan oleh eksport. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, ekonomi negara pada 2017 berkembang pesat mencatat pertumbuhan 5.9 peratus melebihi sasaran awal antara 5.2 hingga 5.7 peratus. Pertumbuhan ini terutamanya disokong oleh perbelanjaan swasta yang kukuh serta permintaan luar negeri yang lebih baik. Dari sudut penawaran sektor perkhidmatan menyumbang 54.4 peratus dan pembuatan 23 peratus.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka kekal kukuh antara lima hingga 5.5 peratus pada 2018 selari dengan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang lebih baik. Ini disokong dengan unjuran pertumbuhan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 5.3 peratus pada 2018. Kedudukan ekonomi yang kukuh ini memberi kesan positif kepada rakyat terutamanya dari segi kadar pengangguran kekal stabil pada 3.4 peratus pada tahun 2017. Peningkatan kadar gaji dan upah bagi sektor pembuatan telah meningkat 8.6 peratus pada 2017 berbanding 6.2 peratus pada 2016. Manakala sektor perkhidmatan meningkat 5.4 peratus berbanding 3.6 peratus.

## ■1140

Peningkatan pendapatan bulanan isi rumah kepada RM5,228 pada 2016, berbanding RM2,841 pada 2009 seperti mana Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016. Soalan seterusnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, soalan saya semasa perbahasan itu ialah tentang kenapakah persepsi bahawa walaupun kita dijangka naik 5.2 *percent* atau 5.2 peratus, kenapakah rakyat tidak terasa kenaikan hidup mereka 5.2 peratus kadar ekonomi mereka? Satu jawapan— kemungkinan jawapan yang saya beri ialah bahawa ekonomi kita naik oleh kerana eksport. Oleh kerana Ringgit kita jatuh dan ini membawa manfaat hanya kepada pekerja-pekerja asing yang kebanyakannya kerja dalam *factory*. Dalam kilang-kilang kita.

Jadi, saya hendak minta penjelasan lebih daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Menteri setuju atau tidak dengan isu ini bahawa kilang dan tuan punya kilang— maknanya, pekerja-pekerja Bangladesh dan juga Indonesia yang banyak mendapat manfaat daripada *growth driven by export*? Apakah sebenarnya yang kita boleh buat untuk meringankan beban rakyat? Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Di antara fakta dan persepsi ini Yang Berhormat, ia terpulang kepada individu. Akan tetapi apa yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, perkembangan ekonomi ini, ia akan *reflect* dari segi kita punya statistik ataupun data-data yang telah dicatatkan oleh Jabatan Perangkaan Negara.

Saya bagi contoh. Dari segi *wages growth*. Dari segi *wages growth* ataupun kenaikan kadar gaji dalam *services sector* sudah meningkat 5.4 peratus. Dalam *manufacturing*, 8.6 peratus. Jadi, bukan sahaja *manufacturing activities* menyebabkan eksport yang menyebabkan hanya pekilang-pekilang sahaja merasa tetapi kita punya *service sector* juga meningkat 5.4 peratus.

Kedua, kalau kita tengok dari segi *employment*. Kalau ekonomi tidak berkembang, kita tidak dapat menambah peluang pekerjaan. *Last three years*, kerajaan telah mencatatkan peningkatan *employment* sebanyak 1.1 *million* jawatan pekerjaan.

Ketiga, kalau kita tengok dari segi *consumption growth*. *Consumption growth* dalam negara telah meningkat enam hingga tujuh peratus pada tahun 2017 dan juga perbelanjaan *traveling overseas* juga telah meningkat sehingga mencecah RM46 bilion. Ini adalah *positive spending* yang dibelanjakan oleh rakyat Malaysia. Kemudian kalau kita tengok peningkatan *retail outlets* yang telah berkembang daripada 66,000 *outlets* kepada 73,000 *outlets*.



Jadi Yang Berhormat, itu statistik dan saya percaya bahawa ada sebahagian daripada rakyat dalam kita membangunkan negara ini, mereka ada yang tertinggal. Jadi, apabila mereka tertinggal, di sinilah peranan kerajaan untuk memastikan mereka yang tertinggal ini dapat dibantu secara spesifik dan khusus ataupun *targeted*. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan lebih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya dengar daripada data Menteri sendiri bahawa 5.4 peratus gaji naik untuk *services*. Saya boleh— *I can accept*. *Services* ini kebanyakan, kemungkinan besar 50 peratus itu warganegara Malaysia. 50 peratus daripada asing, warganegara Indonesia ataupun Bangladesh. *You know, your restaurant worker*. Kita boleh tengok lebih kurang. Akan tetapi dalam kilang ini, kita tahu 80 peratus sampai 90 peratus memang warganegara asing dan pekerja kilang naik 8.8 peratus gajinya tetapi untuk gaji *services* sebanyak 5.4 peratus. Bila kita ambil CPI, *inflation*. Inflasi. Kita boleh cakap kadar itu dua peratus kah, empat peratus kah, tiga peratus. *I think the average* sebab CPI ini kita boleh *manipulate* melalui *basket of goods*. *I think to be fair, average 3.5 percent*. Bila kita *net-off* gaji naik dengan *3.5 percent* ini, nampaknya sangat bahawa kenaikan itu dua peratus. Gajilah untuk *services*, padahal GDP kita naik *5.2, or projected 5.2*.

Maknanya, memang jelas bahawa daripada gaji untuk warganegara kita memang terdesak. Tidak naik secepat dengan inflasi dan tidak secepat dengan KDNK. Jadi, saya hendak minta satu benda sahaja. Satu komitmen daripada Menteri sebab Menteri ini Menteri baik. Buat *study* yang betul-betul sama ada apakah impak terhadap warganegara Malaysia dan bukannya terhadap warga asing yang bekerja di Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Saya ambil maklum, Yang Berhormat. Saya sudah beri statistik tadi dan kita akan dapatkan maklumat lebih lanjut. Soalan seterusnya— Yang Berhormat Pandan, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun. Hendak bagi, Yang Berhormat?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai data-data yang berkaitan dengan khususnya dari segi data ekonomi tadi. Saya setuju tentang mengenai persepsi dan juga realiti. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Apakah dalam masa hadapan negara, khususnya dalam mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0, sudah sampai masanya untuk mengimbangkan dari segi pendapatan rakyat dan juga inflasi. Mungkin kerajaan mempunyai cadangan untuk

memperkenalkan *living wage index* sebagai contoh, untuk menggambarkan situasi sebenar mengikut *locality* dan juga kadar pertumbuhan mengikut tempat tinggal, khususnya berdasarkan pendapatan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat, itu satu cadangan yang bagus. Akan tetapi saya ingat kalau dalam jangka masa panjang, yang paling penting ialah bagaimana kita membawa pembangunan ini secara inklusif di antara luar bandar dan juga dalam bandar. Di sinilah kita memerlukan *connectivity* di antara luar bandar dan dalam bandar yang begitu efisien. Maka dengan itu, kita boleh dapat *mobilize*kan semua *economy activity* dalam negara dengan seadilnya.

Jadi Yang Berhormat, dari segi soal kita membangunkan negara ini, kita beri pengkhususan khusus. Contohnya, kalau kita berdepan dalam Industri 4.0, kita hendak pastikan bahawa silibus pendidikan kita, rakyat-rakyat kita ataupun graduan-graduan kita yang keluar daripada universiti-universiti tempatan mesti mempunyai pengetahuan dari segi pentingnya Industri 4.0. Ini kerana Industri 4.0 ini dalam jangka masa yang panjang. Ia merupakan salah satu strategi untuk kita mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing.

Seperti mana Yang Berhormat Kelana Jaya sebut tadi, kita sebagai sebuah negara yang telah kita bangunkan selama 60 tahun, hingga sekarang ini kita mencecah 1.3 trilion saiz ekonomi kita tetapi rata-rata dalam sektor *manufacturing*. Kita dapat banyak pergantungan kepada *foreign workers* sehinggakan kita lihat bahawa pengaliran wang keluar oleh pekerja-pekerja asing ini sebanyak hampir RM34 bilion pada tahun lepas. Jadi, dengan adanya Industri 4.0, *automation, artificial intelligence, internet of think* yang kita boleh menukar landskap *manufacturing* kita ini pada masa yang akan datang, *more and more people will not rely on foreign workers*.

Saya beralih kerana banyak rakan saya tunggu hendak jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada subjek lain. Yang Berhormat Pandan, tidak ada. Nanti saya *reply in writing*. Yang Berhormat Pagoh, tidak ada, saya *reply in writing*. Dato' Haji Ahmad Nazlan. Memohon penjelasan adakah barang daruriah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut tidak ada dalam Dewan, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada, ya.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Tidak ada. Okey tetapi yang ini saya hendak kena jawab sedikit supaya untuk pengetahuan ada sebahagian daripada Yang Berhormat juga ada bahaskan soal ini.

#### ■1150

Mohon penjelasan, adakah barang-barang daruriah keperluan asas dikenakan GST? Struktur GST adalah sebenarnya telah mengambil kira kedudukan semasa sosioekonomi rakyat Malaysia demi memastikan impak pelaksanaan GST adalah

pada tahap minimum terutamanya kepada golongan-golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan. Sistem GST juga telah dibentuk bagi memastikan ianya bersifat progresif di mana kadar yang ditetapkan adalah pada kadar yang bersesuaian dan berbagai-bagai jenis barangan dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST. Dalam mencapai matlamat tersebut, makanan asas yang digunakan secara majoriti oleh rakyat Malaysia telah tidak dikenakan GST. Antaranya ialah beras, tepung, susu bayi, makanan laut, sayur-sayuran, daging dan ayam, telur dan buah-buahan.

Selain itu, barang-barang keperluan asas seperti ubat-ubatan, bahan bacaan dan bekalan air serta elektrik juga tidak dikenakan GST. Pada masa yang sama, kerajaan juga telah mengkategorikan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan transaksi sewaan dan pembelian rumah kediaman sebagai pembekal yang dikecualikan. Ini bermaksud pengguna tidak perlu membayar GST apabila mendapat perkhidmatan tersebut termasuk semua perkhidmatan yang dibekalkan oleh jabatan kerajaan, persekutuan negeri dan pihak berkuasa.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching. Tiada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita pakai nama kawasan Yang Berhormat. Kawasan itu Kulai.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Pulai? Oh. Yang Berhormat Pulai. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulai tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Kena pergi sekolah saya. Yang Berhormat Kulai lagi tiada. Ini saya ingat saya kena jawab untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ini kerajaan tidak sensitif dengan kutipan GST pada rakyat, cadang untuk kenakan cukai pada *Facebook* dan *Google*. Kementerian Kewangan sedang menjalankan kajian terperinci berhubung mekanisme dan model pencukaian yang sesuai berhubung pengenaan dengan cukai ke atas perniagaan atas talian. Kerajaan ini adalah untuk menentukan sama ada terdapat keperluan untuk melaksanakan cadangan tersebut. Mekanisme penggunaan cukai yang terbaik yang boleh dilaksanakan serta impak dari cadangan tersebut.

Kerajaan juga memantau dengan teliti kajian menyeluruh ke atas pencukaian perniagaan dalam talian yang sedang dibuat oleh pihak *The Organization for Economic Co-operation and Development* (OECD) berhubung pengenalan sistem cukai bagi ekonomi digital dan hasil-hasil yang lain.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja soalan saya. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri sebut daripada RM40 lebih bilion kita *collect* GST itu, berapakah peratus yang kita *collect* daripada *tourism* khususnya kepada mereka rakyat asing yang datang berbelanja di sini, di Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada statistik itu. Nanti saya dapatkan daripada Jabatan Perangkaan— bagi. Akan tetapi apa yang saya hendak sebut ialah pada tahun 2016, kita *collect* GST sebanyak RM41 bilion, tahun 2017 sebanyak RM44 bilion dan pada tahun 2016 kita juga buat *refund* GST sebanyak RM20 bilion dan tahun 2017 kita buat *refund* GST sebanyak RM22 bilion.

So, sudah habis menjawab...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri. Sikit lagi. Adakah *rebate* tadi RM22 bilion, *year 2016 and 2017 consecutively* termasuk *rebate at four different level* tadi?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Ya. Itu adalah input GST yang syarikat *claim* dia punya input. *So, total about* RM22 bilion.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi, sikit sahaja perkembangan saya sebab RM22 bilion itu boleh beri *can being misconstrue*. Macam mana dapat RM45 bilion? Ada RM22 bilion lagi. Ini kena jelas.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** *The gross is about 66.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *Gross is 42.*

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** 66...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** *...And then* kita dapat *net 42 because 22 to be allowed people to claim.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit ya. *On same point.* Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya GST *your revenue is RM40 something billion.* You tolak dengan pengembalian balik duit itu maknanya *your net is—* ataupun *the 41 is already net?* Okey, terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat Menteri. Hendak bagi?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan tentang *e-commerce*. Sebab Yang Berhormat Menteri sebenarnya cakap tentang *e-commerce*, bukan GST. Saya hendak tanya sekarang, apakah tahap cukai pendapatan yang dikenakan pada

katakan *Facebook Sdn. Bhd.* ataupun *Google Sdn. Bhd.*, dia punya *branch*-lah di sini. Subsidiari. Adakah dia kosong ataupun untuk *e-commerce*. Berapakah *contributions* sebenarnya yang kita buat sekarang?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat. Dia dalam kita punya *taxation law*, dia *before* kita mengenakan *tax* kepada mana-mana syarikat dia mesti ada dia punya *permanent establishment*. Bermakna kalau mana-mana syarikat yang beroperasi dalam Malaysia, dia ada *permanent establishment*, maka dia kena bayar *tax*. Akan tetapi, hari ini oleh sebab *online* ini dia tidak ada *permanent establishment*. Dia di luar. Macam you tengok Uber, Grab, Airbnb — semua di luar. Kemudian apa yang berlaku hari ini, *Google* dia *set-up office* dia dekat sini. *Office* dan *office* ini kita boleh *tax office* dia dekat situ sahaja. Bergantung pada *revenue* yang di-*declare*. Akan tetapi, sebenarnya *the real income is actually* bila dia membayar ataupun konsumer kita bayar di sana. Di sini, kita tidak ada undang-undang. Undang-undang *International Taxation Law* ialah kalau kita hendak *tax* sesebuah syarikat, dia mesti ada *permanent establishment* dalam negara.

Jadi, apa yang berlaku hari ini Yang Berhormat banyak negara mengambil inisiatif sendiri. Di Indonesia ambil cara lain, Australia ambil cara lain dan kita sedang memantau perkembangan daripada negara-negara OECD. Oleh sebab mereka ini sedang membuat kajian bagaimana hendak mengenakan platform-platform yang tidak bermastautin dalam negara kita. Jadi, konsep ini masih belum dapat lagi dikenal pasti. Jadi, ada beberapa lagi cara yang telah dilakukan oleh sebahagian daripada negara-negara yang tidak boleh tunggu OECD ini. Salah satu dia ialah dia *force registration of foreign suppliers* yang menggunakan platform ini. Dia *force*. Kalau dia tidak mahu daftar, dia *block*. Jadi, macam kita negara yang terbuka, *I don't think we want to block*. *Because* kalau kita *block* dia akan menyusahkan rakyat.

Kedua, kita boleh *amend* undang-undang. Hendak *amend* rang undang-undang ini, kita mesti *synchronize* dengan *international law*. Oleh sebab *international law says that you must have permanent establishment*. Kalau tidak ada *permanent establishment*, you buat undang-undang akan bercanggah dengan undang-undang *international*.

Akhir sekali, kalau kita sudah boleh buat rang undang-undang itu nanti kita *inline* dengan negara-negara lain, maka kita boleh *institute enforcement* kepada MCMC. Jadi, kalau kata syarikat itu bila kita sudah ada undang-undang kalau dia beroperasi walaupun dia tidak ada *permanent establishment as long as* dia terlibat dalam aktiviti-aktiviti *online*, kita boleh *tax* dia. Akan tetapi, kalau dia tidak mahu bayar *tax*, we can *block* dia punya talian.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *On the*— masih pada GST. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawasanya ada sebahagian orang yang buat tuntutan *refund*, kadang-

kadang dia terlambat sangat dia *just 'for-go'* sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah yang di-*refund* itu *completely refund* ataupun ada sebahagian yang tidak ambil *refund* itu dia masukkan dalam *revenue* kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya galakan semua syarikat. Kalau dia punya *refund is due*, dia mesti *collect*. Ini kerana itu sangat penting untuk pastikan ekonomi sistem kita jangan menjadi isu apabila kita mengamalkan sistem GST. Akan tetapi, saya hendak beritahu Yang Berhormat ada beberapa kes yang pihak kastam berdepan. Di mana industri-industri yang dia tidak dikenakan GST ataupun *zero GST* tetapi dia masih boleh *claim* input. Contoh, industri penternakan ayam. *The poultry industry*. Apa yang berlaku, mereka ini *produce invoice supplier*. Jadi, *supplier* punya *invois* ada GST. Jadi, bila dia jual ayam, dia tidak ada GST. Jadi, apa yang berlaku dia *claim—input claim*, input GST. Akan tetapi, sebenarnya input GST itu semua tidak wujud. Dia suruh *supplier produce invoice*.

Jadi, yang berlaku ialah Kastam dapat *check* dan dapat tangkap ada beberapa syarikat yang membuat tuntutan GST *refund* palsu. Inilah yang menyebabkan Kastam lebih berhati-hati apabila dia memantau *refund*.

#### ■1200

Kedua, bila kita ada GST untuk eksport dan eksport tidak kena GST tetapi input barang-barang yang kita buat dalam kilang kena GST, kita boleh *claim* tapi output tidak ada. Jadi apa dia buat, hantar kontena kosong *declare export*. Lepas itu guna *raw material* daripada negara kita *produce invoice claim input claim*. Jadi output tidak ada dapat, input kena bayar. Ini yang berlaku dalam beberapa kes, bukan semua.

Jadi apa yang kita buat sekarang ini, pihak kastam telah mewujudkan satu sistem untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai sistem kewangan yang efisien telah diluluskan oleh *external auditor*, kita akan bagi *certificate*, syarikat-syarikat ini automatik kita tidak payah *check*. Dia terus tolak, kita boleh buat tolakan. Jadi apa yang berlaku sekarang ini, kastam sedang memastikan bahawa syarikat-syarikat ini boleh *certified*. Kita panggil MyCAP, MyGST *Compliance Assessment*. Jadi kalau syarikat kita dapat *compliance assessment* maknanya tidak ada isu dari segi *refund*, *they can be very efficient*.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Menteri boleh tanya soalan?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, *I think* Menteri punya penjelasan *very clear* untuk khususnya orang-orang di kawasan saya di Gebeng dan Semambu yang eksport barangan. *I think*, terima kasih di atas penjelasan.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Terima kasih, Menteri. Berkenaan dengan tuntutan pemalsuan *zero return refund* itu. Terdapat satu kes di Perak yang

mana seorang pun telah ditangkap dan telah berjaya memalsukan tuntutan *refund* sebanyak berpuluh-puluh juta ringgit. Saya difahamkan antara masalah yang sedang dihadapi adalah kelemahan penguatkuasaan undang-undang. Undang-undang sekarang terdapat *loophole*, dengan izin kerana beliau hanya menghantar tuntutan bagi pihak yang lain dan bukan pihak dia sendiri. Wang itu dia menggunakan pihak yang ketiga, akaun pihak yang ketiga. Sekarang dipercayai kes masih tidak dapat dijalankan. Jadi apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasihlah. Sebenarnya inilah masalah kita, kadang-kadang ada satu, dua syarikat yang mengambil kesempatan akhirnya syarikat-syarikat yang menjalankan operasi yang begitu tertib terpaksa terkena tempias hasil daripada tindakan ini. Pihak kastam sedang meneliti undang-undang ini untuk memastikan kalau perlu kita ubah sebahagian daripada undang-undang ini kita akan bawa balik ke Parlimen untuk kita perbetulkan isu-isu Yang Berhormat sebut ini. *Very important*, kalau kita tidak *address* dia akan menyebabkan syarikat-syarikat yang operasi secara jujur akan juga terjejas kerana kelambatan kita punya *verification* ini.

Jadi saya pun telah bagi tahu kepada pihak kastam kita *cannot delay refund premium* kerana *refund premium of GST, GST refund* ini sangat penting kerana dia akan menjejaskan *cashflow* syarikat sekiranya kita lambat bayar. Ini kerana dia sudah bayar, dia mesti dapat *refund premium in accordance to* apa yang dia telah *charge output GST*. Apa yang kita sedang pantau Yang Berhormat dan kita pastikan syarikat-syarikat yang mempunyai efisien *tax record keeping* kita akan bagi dia *automatic deduction in the future*. Kita akan buat audit daripada setahun ke setahun *instead of* kita buat audit setiap kali hendak bagi *refund*. Okey, saya terus kepada...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Menteri, minta maaf ya.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berbalik kepada isu *e-commerce*. Setahu saya OECD ini, *they are looking at the revenue tax of three percent* untuk syarikat-syarikat *e-commerce* seperti *Amazon, LAZADA* di Malaysia ini. Saya hendak tahu sama ada kita akan ikut cara yang sama iaitu *revenue tax*. Kedua, yang lebih penting saya rasa ialah tentang isu *payment gateway* ataupun *electronic payment*. Ini menjadi isu yang besar sebab beberapa bulan yang lalu Jack Ma turun ke Malaysia jumpa dengan Perdana Menteri dan *I think they are trying to work out electronic payment system*. Saya hendak tahu pendirian Menteri Kewangan, adakah kita akan pantau perkara ini dengan baik sebab ia melibatkan isu-isu *monetary policy*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Kalau kita benarkan tanpa *regulation* saya rasa ini menjadi satu *problem* dan juga kita kena— saya hendak dengar tentang *taxation issue* sebab terlalu banyak duit yang boleh dikeluarkan ataupun ditransaksikan melalui sistem *electronic payment* ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat. Bank Negara sedang memantau dan kemungkinan besar pada masa akan datang dalam proses kita memantau ini kita mesti ada *a national platform*. Jadi bila ada *national platform* ini apa-apa sahaja pembayaran yang dilakukan melalui *online* maka kerajaan boleh tengok dan pada masa akan datang kalau kita boleh mengenakan cukai kepada platform-platform ini *we can deduct at source* dia punya percukaian. Ini semua memerlukan satu perundangan semula untuk melihat bagaimana kita *address* soal ekonomi *e-commerce* ini.

Saya terus kepada soalan seterusnya Yang Berhormat Kuala Selangor. Mohon kerajaan merangka satu instrumen mengenai BR1M. Memastikan penerima BR1M ini berjaya menambah pendapatan isi rumah. Langkah-langkah memperkenalkan instrumen ini diharap berjaya mengeluarkan penerima BR1M dari kelompok penerima bagi tahun-tahun berikutnya. Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian BR1M adalah bantuan jangka pendek untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah memiliki pendapatan tambahan bagi mengimbangi kos sara hidup terutama dalam pembelian barang-barang keperluan harian. Pemberian ini tidak dibuat berdasarkan kawasan penempatan tetapi di buat berdasarkan kelayakan pendapatan.

Pada masa ini BR1M diberi kepada isi rumah berpendapatan bulanan di bawah RM4,000 dan kepada individu berumur 21 tahun dan ke atas yang berpendapatan RM2,000 ke bawah. Pada 2017 sebanyak RM6.6 bilion telah dibelanjakan untuk program BR1M yang memanfaatkan 7.2 juta penerima. Selain daripada BR1M, kerajaan turut menyediakan pelbagai-bagai bantuan dalam bentuk bantuan tunai kepada kumpulan sasaran termasuk bantuan persekolahan, bantuan kebajikan, bantuan nelayan dan petani serta bantuan perumahan. Bagi terus memastikan penerima BR1M dapat meningkatkan pendapatan isi rumah kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai program yang menumpukan kepada peningkatan aspek kemahiran dan menggalakkan keusahawanan.

Antara program-program yang telah dilaksanakan termasuk merangkumi program latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran di seluruh negara, pinjaman usahawan Food Truck 1Malaysia, Program 1AZAM, Program Motosikal Roda Tiga dan berbagai-bagai program *entrepreneur*. Kesemua program ini dapat membantu menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan makanan, jahitan, ternakan dan pertanian serta peniagaan kecil-kecilan. Di samping itu, kerajaan turut menyediakan sumber pembiayaan mikro seperti pinjaman TEKUN, MARA dan Amanah Ikhtiar Malaysia. Seterusnya...



**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Menteri, sedikit Bukit Katil?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit Menteri tentang BR1M tadi. Boleh Dewan dimaklumkan bagaimana peringkat pembayaran, adakah semua terus dapat ataupun berperingkat-peringkat kerana masih ada lagi yang belum dapat menerima BR1M ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat. Semua akan dapat sekali tetapi bila dia masuk dalam *online* ini, bank memerlukan berperingkat-peringkat. Saya difahamkan peringkat kedua ini dia akan dimasukkan yang mana tidak dapat peringkat pertama, peringkat kedua bermula pada 19 hari bulan hingga 26. *So, these are* peringkat, *by the time* semua akan dapat. Cuma kes-kes yang ditolak boleh merayu dan selalunya kalau rayuan itu dibuat dengan menyertakan dokumen, selalunya mereka akan diluluskan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Menteri, masih dalam BR1M. Saya rasa memang baguslah usaha kerajaan hendak membantu orang miskin *but you are giving a fish not a fishing rod*. Saya hendak mencadangkan di dalam Islam pun ada cerita Nabi junjungan kita, bila satu orang minta, tiap-tiap kali minta. Dia kata dia bagi dua riyal, satu riyal untuk bagi makanan, satu riyal untuk beli kapak. Satu riyal yang untuk beli kapak itu untuk dia kerja sebagai pemotong kayu, boleh potong kayu dan cari rezeki untuk menambahkan pendapatan dia. Akhirnya orang yang meminta itu sudah tidak minta sudah. Jadi saya hendak cadangkanlah BR1M pun kalau boleh *they device a system*. Di mana *you are not only give a fish but also give a fishing rods*. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Saya setujuah Yang Berhormat, kalau kita tengok pun, kita juga ada bagi kapak tapi kapak yang kita bagi ini dia lebih berbentuk kepada kemahiran, latihan *dedicated* kepada mereka-mereka yang berpendapatan rendah. Kemudian kita juga bagi mereka *food truck*, Program 1AZAM. Ini barang-barang mereka boleh guna untuk mendapat pendapatan tambahan, pinjaman mudah untuk motosikal roda tiga, program *mobilepreneur* kemudian pinjaman mikro, TEKUN, MARA dan Amanah Ikhtiar semata-mata untuk memudahkan mereka ini menjalankan perniagaan.

#### ■1210

Cuma Yang Berhormat, saya bersetuju *cash transfer* ini Yang Berhormat, yang kita beri RM1,200 ini, sebenarnya *cash transfer* ini ia ada juga kena mengena dengan dua faktor. Satu ialah kita hendak mengatasi mereka yang berpendapatan rendah ini supaya dia tidak terjejas daripada segi kita punya *new tax system* daripada SST kepada GST. *This is* salah satu daripada kita punya strategi untuk mengurangkan

tekanan *the new system* yang kita *implement*. Saya ambil maklum Yang Berhormat, ya.

Seterusnya, Yang Berhormat Pandan— tidak ada tetapi yang ini saya hendak kena jawab. Yang Berhormat Pandan mengatakan bahawa Bajet 2017, dia buat berdasarkan unjuran harga petrol 50 per *barrel*, USD per *barrel*. Akan tetapi purata harga petrol pada tahun 2017 adalah USD63 per *barrel*. Terdapat lebih sebanyak USD10 bilion pada tahun 2017, sepatutnya disalurkan dalam bentuk bantuan. Saya hendak *correct figure* ini. Sebenarnya pada tahun 2017, semasa kita buat bajet, ia adalah USD50 per *barrel* dan bila kita tutup kita punya 2017 yang lalu, *average* harga minyak kita ialah USD54. Maknanya terdapat lebih USD4. *Every USD, 300 millions*. Jadi kalau USD4, lebih kurang USD1.2 bilion. Itu sahajalah saya hendak beritahu.

Kemudian, Yang Berhormat Pokok Sena— tidak ada. Ini pun saya ingat saya hendak beri jawapan ini untuk pengetahuan kita semua. Harga diesel lebih mahal daripada harga petrol yang memberi tekanan dan bebanan kepada rakyat khususnya pesawah padi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita ada RON97, RON95 dan diesel. Sejak kita mengapungkan harga minyak ini mengikut harga pasaran, untuk RON97, sebanyak 21 kali naik, turun 15 kali, kekal tiga kali. Jumlahnya, naik 86 sen, jumlah turun 92 sen. Bermakna, RON97, *nett* enam sen, masih kurang bermula pada mula-mula kita naik, kita gunakan *floating*. RON95, naik 21 kali, turun 15 kali, kekal tiga kali. Jumlah keseluruhan naik 84 sen, jumlah keseluruhan turun 87 sen. Diesel pula, naik 21 kali, turun 16 kali, kekal dua kali. Jumlah naik 83 sen, jumlah turun 80 sen. So, terdapat penambahan tiga sen.

Seterusnya – ini Yang Berhormat Pokok Sena tidak ada. Ini tidak payah jawab, spesifik.

Yang Berhormat Batu Sapi – Yang Berhormat Batu Sapi, tidak ada. Tidak ada ini pun saya jawab *in writing*.

Pinjaman perumahan – Yang Berhormat Permatang Pauh, tidak ada? Saya jawab *in writing*.

Yang Berhormat Bukit Katil, bagaimanakah kerajaan membuat pemantauan terhadap prestasi dan keuntungan yang diraih GLC kepada negara terutama GLC yang menyumbang secara langsung pada kepentingan rakyat dan negara? Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum kepentingan peranan yang dimainkan oleh syarikat milik kerajaan dalam menentukan hala tuju pembangunan ekonomi negara dan kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan pembaharuan tadbir urus bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi syarikat. Sehubungan itu, kerajaan sebagai pemegang saham syarikat milik kerajaan dan syarikat berkaitan GLC sentiasa menambah baik proses kawalan dalaman dan mengguna pakai amalan tadbir urus terbaik dalam operasinya.

Pada masa ini, amalan tadbir urus yang diguna pakai oleh syarikat milik kerajaan dan GLC adalah setanding dengan amalan terbaik syarikat swasta yang tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 dan amalan terbaik sebagaimana yang digariskan oleh *Malaysian Code on Corporate Governance*. Syarikat milik kerajaan dan GLC juga mempunyai lembaga pengarah dan jawatankuasa bawah seperti jawatankuasa audit, pelaburan, jabatan risiko ditubuhkan untuk menentukan hala tuju dan memantau operasi syarikat. Di samping itu, kita juga set KPI untuk mereka sentiasa dapat membayar dividen, *tax* dan *continue create employment*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh? Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan berkaitan dengan prestasi GLC. Saya ucapkan terima kasih.

Perkara spesifik yang saya bangkitkan di dalam perbahasan itu ialah soal PUNB di mana tema ataupun mauduk dalam perbahasan saya itu ialah kita tidak mahu GLC ini menjadi tempat untuk membuat kaderisasi parti-parti politik kerana kita tengok – saya bangkitkan dalam perbahasan itu, program-program pun dilatih oleh JASA dan sebagainya dan tidak ada kaitan dengan bidang keusahawanan, berdasarkan objektif penubuhan PUNB tersebut. Juga dari segi tata kelola, *the governance*. Malah saya sendiri akan tulis surat kepada PAC untuk memaklumkan tentang perkara ini.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri tolong memberikan tumpuan sedikit kerana banyak perkara yang saya bangkitkan itu berkisar tentang prestasi PUNB di bawah kepimpinan yang baharu ini, di bawah Pengerusi yang baharu. Malah staf-staf memberikan makluman, mereka beritahu kepada saya, jangkaan PUNB itu dalam masa dua tahun mereka tidak perlu lagi *intervention* ataupun dokongan daripada kerajaan. Akan tetapi dengan berlaku perubahan yang baharu, kepimpinan baharu ini, mereka kemungkinan tidak akan dapat capai sasaran itu kerana *misused*, soal memberikan tumpuan kepada politik, tidak memberikan tumpuan kepada objektif sebenar penubuhan PUNB dan sebagainya. Jadi saya minta betul Menteri Kewangan untuk *relook into the matter*. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Saya ambil maklum, Yang Berhormat. Kita dalam kita punya tatacara bekerja di GLC ini, kalau sesebuah syarikat itu memang bermatlamatkan untuk membangunkan *entrepreneur*, maka dia kena *concentrate of the preneur*. Dia tidak boleh bermain politik di dalam untuk membangunkan *entrepreneur* sebab dalam membangunkan *entrepreneur* ini, ia tidak kira dari mana kita datang, parti politik mana kita datang. Apa yang paling penting ialah, kita membangunkan setiap *entrepreneur* ini kerana mereka ini boleh memberi ataupun mengeluarkan ataupun *participate* dalam *economy activity* yang menyebabkan kita boleh menambahkan peluang pekerjaan, menambahkan pendapatan kerajaan hasil daripada keuntungan.

Jadi kalau mana-mana GLC-GLC atau syarikat-syarikat Yang Berhormat tahu melakukan benda-benda di luar bidang kuasanya, boleh laporkan kepada MoF dan saya akan pastikan saya akan tengok benda itu. Akan tetapi walau bagaimanapun saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, banyak juga GLC kita ini yang kita nampak merupakan GLC yang telah menunjukkan satu tahap operasi ataupun struktur pengurusan yang begitu tinggi, yang menjadikan mereka ini sebagai *regional player* macam Axiata, CIMB, Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia, TNB. *These are all* syarikat-syarikat kita yang pada dahulukala hanya menyediakan perkhidmatan dalam negara tetapi mereka hari ini telah pergi ke luar negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Tanjong Manis – Tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Manis tidak ada.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Tidak ada. Yang Berhormat Hulu Langat – Tidak ada?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat ada.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Okey. Yang Berhormat sebut mengenai mohon penjelasan kerajaan berkenaan mengurangkan stesen berhenti-henti bagi MRT supaya tempoh waktu perjalanan dapat dipercepatkan untuk menarik minat rakyat menggunakannya sebagai pengangkutan ke tempat kerja. Betul Yang Berhormat ya?

#### ■1220

Berdasarkan kepada reka bentuk dan perancangan perkhidmatan MRT ataupun rel bandar, perkhidmatan ini akan berhenti di setiap stesen yang telah dikenal pasti mempunyai bilangan permintaan penghuni yang tinggi. Di samping itu jarak masa perjalanan untuk perkhidmatan MRT dari kawasan pinggir bandar ke pusat bandar adalah pendek berbanding dengan perkhidmatan rel lain seperti perkhidmatan komuter KTMB yang mempunyai jajaran yang lebih panjang menghubungkan antara bandar. Sebagai contoh masa perjalanan MRT dari Sungai Buloh ke Pasar Seni adalah lebih kurang 40 minit termasuk masa berhenti di semua stesen. Oleh itu tempoh masa perjalanan MRT masih lagi bersesuaian dan menjimatkan jika dibandingkan dengan perjalanan ke pusat bandar Kuala Lumpur pada waktu puncak dengan menggunakan jalan raya.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, di antara strategi yang akan diambil oleh pihak Prasarana dalam mengendalikan stesen sebanyak 31 stesen ini, kita akan menambahkan bilangan *rolling stop* supaya apabila waktu puncak, *you missed* dia punya *time, next four minutes* ia akan datang balik semula. Makna waktu puncak *every*

*four minutes, low peak time about* tujuh minit kita pastikan *enough rolling stop* yang akan di *supply* dalam sistem MRT ini.

Seterusnya Yang Berhormat Penampang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Penampang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang ada.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Ada? Okey. Yang Berhormat Penampang membangkitkan isu pembayaran hasil bersih kepada negeri Sabah yang hanya purata sebanyak RM26.7 juta setahun untuk tempoh enam tahun. Persoalan juga dibangkitkan mengapa faktor kenaikan inflasi tidak diambil kira dalam pembayaran tersebut bagi pembayaran yang lebih tinggi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, selaras dengan Perintah Pemberian Khas Sabah 1970 bertarikh 18 Ogos 1970, pemberian khas kepada negeri Sabah adalah berjumlah RM26.7 juta setahun. Pada ketika ini rundingan untuk mengkaji semula pemberian khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah sedang berjalan. Kadar pemberian baru akan dikuatkuasakan setelah rundingan dimuktamadkan dan diwartakan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, RM26.7 juta ini adalah mengikut apa yang telah termaktub mengikut Pemberian Khas Sabah 1970. Akan tetapi itu tidak bermakna itu sahaja kita bagi kerana banyak peruntukan yang diberikan kepada Sabah melalui *Federal Government* secara *direct* tanpa mengikut pemberian khas ini. Di samping itu juga, Kerajaan Persekutuan telah mengagihkan royalti minyak dan gas kepada Sabah hampir lebih kurang RM1 bilion setahun.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya faham jawapan itu tetapi tidak boleh kaitkan dengan apa yang diberi sebagai peruntukan pembangunan. Bahagian 10 ataupun seksyen 112C ataupun 112D Perlembagaan Persekutuan Malaysia ini adalah spesifik perjanjian antara Sabah, *North Borneo* waktu itu dan *signatory* kepada Perjanjian Malaysia 1963. Akan tetapi soalan yang saya ingin dapat daripada kerajaan adalah ini – kenapakah RM26.7 juta ini tidak pernah ditingkatkan, tidak pernah dinaikkan dan tidak pernah juga mengikut kadar inflasi yang ada sejak tahun 1970.

*At the same time* dengan izin Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan royalti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sabah dalam jawapan kementerian telah mendapat jumlah daripada tahun 2010 hingga tahun 2017, jumlah sebanyak RM7.5 bilion sebagai - *this is the total* jumlah antara tahun 2010 hingga tahun 2017 sebagai *oil royalty* ataupun sebagai *cash payment* kepada Sabah? Kalau

jumlah itu sangat tinggi, RM7.5 bilion *I can imagine the type of sales tax that being taken by the Federal Government* daripada Sabah *and that amount based on this, campur corporate tax, income tax, real property gains tax* dan banyak lagi *tax* yang dikutip di Sabah, *could amount to a couple of billion per year* Yang Berhormat. So *RM26.7 million does not reflect 40 percent of the net tax that was supposed to be returned to Sabah.*

*Now again I stressed, berkenaan dengan pembangunan, peruntukan pembangunan you cannot connect it* Yang Berhormat Menteri. *It has nothing to do with pembangunan. Pembangunan punya peruntukan is at the discretion of every government and of the Federal Government. Now, thank you.*

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju apa pandangan Yang Berhormat mengenai Perkara 112D. *Now, Perkara 112 ini adalah perkara yang telah dipersetujui pada tahun 1970 dan di dalam agreement* tersebut mengatakan RM26.7. *We have been paying this RM26.7 million* seperti yang mana Yang Berhormat tahu bahawa *currently as we speak now* kadar pembaharuan baru ini akan dikuatkuasakan setelah perundingan ditamatkan. Mereka sedang dalam perbincangan.

Apa yang saya hendak bangkitkan kepada Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat sebut pasal *tax, corporate tax. These are all taxes* yang kita *collect* di peringkat Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi Kerajaan Persekutuan apabila *collect tax*, dia tidak simpan sahaja duit itu. Ia juga bagi balik kepada kerajaan negeri bergantung kepada pembangunan yang kita hendak buat. Contoh kalau kita hendak bina sekolah, universiti, jalan— Pan Borneo, *we are going to spend about RM25 billion.* Kita akan buat peruntukan yang kita salurkan *and this is not pinjaman, this is given straight to the state to help do the development, that in a fast corporate. I agree with you the RM26.7 million 1970 and now 2018,* saya percaya dalam rundingan ini kalau apabila dimuktamadkan sudah tentu *figure* ini akan berubah.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh minta penjelasan juga. Dalam rundingan ini, adakah jumlah akan di-*retrospectively calculated*, dikira balik sejak tahun 1970? Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat, saya – *I'm not privy to the negotiation.* Nanti kalau saya dapat maklumat-maklumat lebih lanjut tentang perbincangan ini nanti saya maklumkan Yang Berhormat. Okey.

Yang Berhormat Klang, tidak ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang tidak ada Yang Berhormat.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Tidak ada.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Segambut? *You* ada tanya kah fasal hospital?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Salah, *you* punya ya? Okey / jawab – menyeru kerajaan menambah peruntukan sebanyak RM20 bilion bagi Kementerian Kesihatan Malaysia bagi bantuan pembelian peralatan dan ubat-ubatan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Itu bukan soalan saya.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Bukan *you* punya soalan?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Bukan, bukan.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** *You* apa punya soalan?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu soalan Yang Berhormat Klang Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah siasatan ke atas sumber kewangan Jho Low dan Riza Aziz yang tidak ada kaitan berkaitan dengan 1Malaysia. Jadi saya hendak itu – ya, tolong jawab.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Sabar, sabar Yang Berhormat Segambut. Terang, terang.

Okey Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Kota Raja mencadangkan supaya sebuah skim kumpulan wang simpanan suri rumah ditubuhkan oleh kerajaan sebagai *social safety net* untuk golongan suri rumah yang tidak mendapat kesan ekonomi secara langsung. Dicadangkan supaya kerajaan menyumbangkan satu amaun yang nominal contohnya RM50 sebulan dan juga sumbangan bulanan oleh suami kepada isteri yang tidak bekerja. Betul Yang Berhormat ya? *That's your question* kan?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini suri rumah boleh memilih untuk mencarum secara sukarela di bawah Skim Persaraan 1Malaysia atau SP1M dengan caruman minimum sebanyak RM50 dan maksimum RM60,000 setahun.

#### ■1230

Mereka juga boleh menikmati sumbangan kerajaan sebanyak 15 peratus daripada caruman tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 setahun. Sumbangan kerajaan ini boleh dinikmati sehingga tahun 2022 dan akan dibayar kepada mereka yang belum mencapai umur 55 tahun. Setakat 31 Disember 2017, sebanyak 90,599 orang telah mendaftar di bawah SP1M ini dengan amaun caruman keseluruhan

berjumlah RM525.31 juta. Manakala daripada jumlah tersebut untuk pengetahuan Yang Berhormat seramai 17,298 orang pencarum adalah di kalangan suri rumah.

Soalan seterusnya, Yang Berhormat Seputeh ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh tiada.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Akan tetapi yang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kena jawab kerana kita semua ada *interest on this*. Menyeru kerajaan dan Bank Negara Malaysia melonggarkan dan memudahkan syarat pembukaan akaun bank kepada wakil rakyat dan ahli keluarga seperti rakyat biasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia tidak mengenakan syarat atau sekatan ke atas pelanggan untuk membuka akaun di mana-mana bank di Malaysia. Walau bagaimanapun institusi perbankan dikehendaki mematuhi keperluan pengawalseliaan, termasuk mengenal pasti pelanggan dan mengesahkan identiti mereka dengan menggunakan dokumen dan sumber yang sah. Keperluan mengawal seliaan institusi-institusi kewangan yang diguna pakai di Malaysia, adalah sejajar dengan piawaian antarabangsa bagi menangani risiko penggubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Ini termasuklah proses usaha wajar pelanggan atau *customer due diligence*. Institusi-institusi kewangan di Malaysia dikehendaki mengambil pendekatan berasaskan risiko dan menjalankan penilaian risiko sebelum memulakan hubungan perbankan, dengan mana-mana kategori pelanggan termasuklah ke atas pelanggan-pelanggan yang terdedah kepada politik atau *politically exposed person*.

Sehubungan dengan itu, sebarang tindakan yang diambil oleh institusi-institusi kewangan di Malaysia adalah berdasarkan penilaian risiko perniagaan masing-masing ke atas pelanggan terbabit. Ini termasuklah peningkatan langkah-langkah CDD yang perlu dilakukan untuk pelanggan yang dinilai sebagai pelanggan yang berisiko lebih tinggi.

Seterusnya Yang Berhormat Padang Besar, tidak ada? Ini pun hendak kena jawab. LHDN perlu lebih bertoleransi dan fleksibel berhubung kutipan cukai syarikat seperti dibayar secara ansuran berjadual dan mengambil perhatian ke atas tindakan menyenarai hitam syarikat dan peniaga. Berhubung dengan pelaksanaan langkah penguatkuasaan oleh pihak LHDN, aspek yang diberi penekanan adalah menitik beratkan pelaksanaan tugas pada tahap profesionalisme dan integriti yang tinggi. LHDN akan sentiasa memastikan agenda penguatkuasaan yang dilaksanakan menjurus kepada mewujudkan persekitaran yang adil, kepada pembayar cukai, yang sentiasa patuh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka menyumbang untuk pembangunan negara.

Selain dari itu, selaras dengan piawaian percukaian antarabangsa, sistem penilaian kes untuk tindakan penguatkuasaan oleh pihak LHDN adalah berdasarkan



kriteria dari sudut kegagalan pembayar cukai mematuhi perundangan percukaian semata-mata.

Yang Berhormat Pandan, tiada? Yang Berhormat Rantau Panjang, meminta kerajaan menjelaskan langkah-langkah penyelesaian kepada dakwaan mengenai penyelewengan dan ketirisan dalam syarikat 1MDB. Yang Berhormat, ini kita semua ambil maklum, seperti mana yang saya sebut yang lepas-lepas, 1MDB ini mengalami tiga masalah. *Wrong business model, weak management and poor governor*. Jadi penyiasatan dijalankan oleh pihak-pihak berwajib, *I don't think* saya boleh komen lebih daripada itu, okey. Yang Berhormat Segambut?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ada tanya semasa perbahasan saya minggu lepas. Saya ada tanya, sama ada siasatan dijalankan ke atas sumber kewangan Jho Low dan juga Riza Aziz yang telah dikatakan harta mereka, pelaburan mereka, perniagaan mereka di negara asing tidak ada kena mengenai dengan 1MDB. Jadi saya hendak tanya sama ada pihak Bank Negara, pihak cukai pendapatan LHDN dan agensi-agensi sebagainya, ada siasat sumber kewangan mereka dari mana? Ada logik atau ini wang haram? Ada bayar cukai atau tidak? Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Segambut. Mengikut kita punya *tax file*, tiadalah. Nama-nama ini tidak ada, sebab dia tidak *declare* dia punya *income* di dalam negara kita. Jikalau dia *declare* kita akan *tax* lah. So, isu Yang Berhormat bangkit ini, ialah isu penyiasatan. Saya tidak berada di dalam kedudukan untuk memberi jawapan kepada Yang Berhormat kerana *I'm not privy with the investigation going on*.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, dengan izin Yang Berhormat Menteri. Maksud Yang Berhormat Menteri, jikalau orang kaya dia tidak *declare income*, tidak perlu bayar cukai di negara Malaysia ini? Jho Low dia mampu membeli satu kapal mewah sebanyak RM1 bilion, tetapi dia tidak membayar cukai di Malaysia. Ini negara apa ini? Saya pun mahu menjadi Jho Low. [*Dewan ketawa*]

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** *You* mahu jadi Jho Low kah? Yang Berhormat, LHDN ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh celah?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:**...LHDN *you don't worried*, LHDN *they are fair to everybody*. Jikalau *you* duduk di dalam Malaysia, *you* ada aset dalam Malaysia, *you* ada *income* dalam Malaysia, tetapi kalau *you* tidak ada *taxed file*, *you* akan dapat *two tax*. *Confirm you* akan dapat *two tax*. Yes, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu sebab saya hendak tahu apa operasi LHDN esok. Ramai usahawan yang melabur dan bekerja di luar, mereka dapat *tax file*, mereka dikejar-kejar untuk dibayar cukai? Mengapa satu kes yang

begitu *high profile* dan potensi besar untuk mendapatkan hasil kutipan yang besar, mengapa pegawai kita tidak mengambil tindakan untuk cuba? Kita tidak mahu kaitkan dengan isu siasatan 1MDB dan lain-lain lagi, tetapi cuma *on the merit of creating tax its self*. Kenapa tidak ada *action*? Oleh sebab ramai lagi seperti Tan Sri Lee Kim Yew dan lain-lain lagi, mereka kena *frozen bank account* dengan tindakan yang tegas supaya mereka bayar. Adakah ini bermaksud ada *double standard* dalam operasi LHDN?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Stampin, ada kenamengena, terima kasih. Saya ingin tahu sahaja, adakah apa-apa akaun kenamengena dengan Jho Low telah dibekukan.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat, saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Batu. LHDN ini dia tidak kira siapa, *as long as you earned an income in Malaysia, you* ada syarikat yang didaftarkan di Malaysia, yang ada pendapatan, jikalau *you* tidak bayar *tax, income tax* akan *go after you*. Jikalau dia tidak dapat *today*, dia *get tomorrow, if not tomorrow, the day after*, jikalau tidak *this year, next year*. Dia mesti akan dapat. Jadi jikalau Yang Berhormat ada maklumat, yang mengatakan ada *files* syarikat yang dapat untung atau ada meniaga, atau ada harta, ada aset dalam negara kita, dan dia tidak bayar *tax*, bagi dekat saya.

Saya hendak beritahu bahawa, dia *tax* LHDN ini dia tidak kira siapa. Kalau *you drive Ferrari* selepas itu *you* tengok *tax file* tidak ada, dia akan tanya, dia orang akan buat penyiasatan. Bila sudah dapat *Ferrari* itu, tanya siapa beli *Ferrari* ini, jikalau syarikat beli, dan dia akan tengok syarikat tersebut. Syarikat itu ada bayar *tax* atau tidak? Ada bayar *corporate tax* atau tidak, dia akan *check*. Jadi *you* kena beza, *tax* ini syarikat satu *tax*, individu satu *tax*.

Macam jikalau kita bekerja di dalam syarikat, syarikat yang kita kerja itu syarikat itu kena bayar *corporate tax*. Kita punyai *income* sebagai seorang pekerja dapat pendapatan akan kena *tax*. Akan tetapi jikalau tidak ada, luar dalam ruang lingkup ini dia tidak *fall under* kita punya *jurisdictions, you cannot simply tax people*. Jadi apa yang hendak saya tekankan, tidak kira siapa, sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan II, *if you earned an income in Malaysia, you got to tax, finish*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, bagi saya sambung sedikit.

■1240

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat, boleh saya tambah sikit? Saya rasa saya agak keliru. Adakah ini bermaksud Jho Low dan keseluruhan keluarganya tidak ada *tax file*, tidak ada syarikat— Yang Berhormat, saya habiskan dulu.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Saya nak jawab...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri jawab sekali. Saya belum habis lagi. Adakah ini langsung tidak berlaku? Dan sekali lagi, tadi Yang Berhormat kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak dikecualikan, tetapi satu dunia tahu RM2.6 bilion masuk di dalam akaun peribadi. Adakah ini dikecualikan *tax*? Adakah maksudnya kalau ada negara lain hantar wang kepada saya, *I am tax exempted* kerana wang itu bukan saya dapat melalui usaha saya dalam negara ini?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat, jawapan ini semua telah diberikan banyak kali. Jadi, *I don't want to repeat this. But, I want to answer you.* Apabila saya sebut mana-mana individu tidak kira siapa, keluarga dia ada duit kah, keluarga dia ada syarikat kah, *you tell me*, kalau ada di kalangan mereka ini tidak bayar *tax* tetapi dia ada harta, *the tax will go after them.* Akan tetapi, kalau *you* nak cakap *very general* macam ini, *I don't want. I don't want to answer you specific on that part* sebab *you* punya soalan itu *very general.* *You pick up one company, XYZ Sdn. Bhd. belong to bapa ABC, then you tell me dia tidak bayar tax, then I will answer you.* Kalau *general* macam ini, *cannot. I don't want people to spin my answer.* Apa yang saya mahu tekankan ialah, *tax system* kita ini *very fair.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Kalau *you* cerita pasal *corporate-corporate figures* tertentu yang tidak bayar *tax*, kemudian akaun kena *freeze*, *there is a reason behind this.* *Because*, dia mempunyai aset, mempunyai harta, kemudian bila *check file*, tidak bayar *tax.* Jadi, dia kena bayarlah. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia bukan sahaja yang *general* tidak perlu dijawab, perkara yang tidak dibangkitkan di dalam perbahasan asal pun tidak perlu dijawab pada peringkat ini.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nak bagi, Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Serdang. Soalan asal dia bukan cukai.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Segambut.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, Yang Berhormat Segambut. Minta maaf. Yang Berhormat Segambut. Yang Berhormat Segambut telah membangkitkan tentang sumber kewangan Jho Low. Adakah tidak penyiasatan dilakukan terhadap sumber kewangan Jho Low? Kita perlukan pandangan. Dan Riza Aziz. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Telah dijawab pun. Telah dijawab pun, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** *Saya not privy for the* penyiasaan, jadi saya ingat saya akan dapatkan maklumat lanjut. Okey?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Jawapan bertulis?

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Boleh. Tidak ada masalah.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya mahu tanya sedikit sahaja berkenaan dengan apa yang Yang Berhormat sebut tentang 1MDB, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu tanya apa-apa. Saya mahu nyatakan begini sahaja.

Perkara ini saya rasa menjadi heboh di seluruh dunia. *The Auditor General* pun telah melaksanakan tugas mereka. Sebab apa yang saya difahamkan, laporan daripada *Auditor General* hendaklah di-submit kepada Parlimen. Akan tetapi, oleh sebab tidak di-submit, maka banyak sangat tohmahan, banyak sangat sangkaan, prasangka buruk, buruk sangka, buah nangka—macam-macam lah. Jadi saya mahu cadangkan lah kepada Kerajaan, *be fair to the rakyat of Malaysia, let them see*. Kalau boleh Yang Berhormat ada pengaruh, bawalah kepada Kabinet supaya dikeluarkan daripada cengkaman OSA. Terima kasih.

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Dalam Negeri, saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habislah, Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri, itu mengenai *oil and gas rights of Sarawak*, siapa yang akan jawab? Saya mahu sedikit *clarification*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya fikir ini di bawah Kementerian Kewangan.

**12.44 tgh.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Ini saya punya *floor*. Saya punya *floor*. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2018 di Dewan yang mulia ini dari 6 ke 15 Mac 2018

yang antara lain telah menyentuh portfolio Kementerian Dalam Negeri. Sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut, izinkan saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas Titah Diraja semasa Majlis Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Parlimen Ke-13 tahun 2018 pada 5 Mac 2018.

Saya akan menggulung perbincangan ucapan Titah Diraja 2018 berdasarkan isu-isu yang telah dibangkitkan seperti berikut:

- (i) pembangunan dan infrastruktur;
- (ii) kewarganegaraan, pendaftaran dan pertubuhan;
- (iii) kepenjaraan;
- (iv) imigresen;
- (v) keselamatan dan ketenteraman awam; dan
- (vi) kepolisian.

Sebelum saya menjawab, saya akan meneliti dulu siapa wakil rakyat yang ada di dalam Dewan ini, dan kalau tidak ada, saya akan berikan jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh Yang Berhormat. Boleh.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Hulu Rajang ada? Tidak ada ya? Okey. Seterusnya, Yang Berhormat Kota Kinabalu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu ada Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ada? Baik. Yang Berhormat Kota Kinabalu memohon penjelasan pihak Kementerian berhubung dengan pemberian status penduduk tetap iaitu kad pengenalan merah kepada anak-anak yang lahir sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah dan adakah anak tersebut boleh diberikan taraf kewarganegaraan tanpa perlu membawa perkara ini ke mahkamah setelah laporan DNA diperolehi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kepada pemegang permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Dalam hal ini, bagi individu bertaraf bukan warganegara yang dilahirkan tanpa ikatan perkahwinan yang didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini iaitu anak yang tidak sah taraf kepada warganegara Malaysia yang boleh memohon permit masuk bagi membolehkan individu berkenaan dikeluarkan MyPR. Pertimbangan terhadap permohonan permit masuk dinilai menggunakan sistem mata (*points*) mengikut umur, kelayakan akademik, kemahiran bahasa Melayu, tempoh menetap di Malaysia, ikatan kekeluargaan, nilai pelaburan dan pekerjaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan DNA adalah dokumen sokongan bagi mengesahkan pertalian darah antara individu dan ahli keluarga

khususnya dengan ibu, bapa ataupun adik-beradik. Ia tidak dijadikan sebagai bukti konklusif dalam penganugerahan kewarganegaraan Malaysia mengikut Perlembagaan Negara. Dalam hal ini, ia juga bukan dokumen mandatori yang diperlukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia memandangkan pemohon tersebut masih lagi tertakluk kepada undang-undang yang termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Lanang bertanya bilangan pemohon kewarganegaraan Sarawak, tempoh jawapan, kategori permohonan dan tempoh permastautinan bagi pemohon kewarganegaraan. Seterusnya, adakah Kerajaan Persekutuan telah mengadakan kajian ataupun perbincangan tentang isu kewarganegaraan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan apakah keputusan perbincangan tersebut? Bagaimana pula dengan *task force* yang ditubuhkan sebelum ini dan adakah ia berkesan dan berfungsi baik?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Menteri, minta laluan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya sudah masuk jawab Yang Berhormat Lanang, baru *you* bangun. Okeylah. Bagilah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Saya tidak sangka begitu cepat *bah*. Minta maaf. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri di atas jawapan tetapi saya tidak puas hatilah kerana masih susah lagi rakyat. Saya sudah beritahu, jangan susah payahkan rakyat sehingga mahu bawa isu ini ke mahkamah. Ini kerana kes yang saya sebut itu adalah satu kes yang walaupun dia tiada kahwin tetapi akhirnya dia berjaya di dalam mahkamah. Walaupun mereka langsung tidak kahwin. Emaknya pun sudah hilang.

Saya meminta di sini— saya banyak permohonan yang mereka baru kahwin, di depan ini beberapa budak yang tidak mendapat IC tetapi di belakang itu sama-sama dapat IC. Jadi saya harap saya dapat jumpa dengan Menteri selepas ini. Boleh? Kerana banyak permohonan, saya haraplah, Menteri jangan susahkan rakyat sehingga mahu bawa isu semua ini ke mahkamah. Ini yang di belakang pun sama, sudah kahwin.

Kedua, banyak yang belum dapat *blue* IC atau *citizenship* walaupun dia lahir sebelum kemerdekaan, sebelum tahun 1963. Walaupun bapa emaknya orang Malaysia, tetapi masih lagi disusahkan oleh *registration*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jadi saya minta Menteri, bagaimana ini budak yang lahir sebelum Malaysia? Dalam undang-undang, *by virtue or by birth actually citizenship by operation of the law*, tetapi *Ministry* pun tidak ada ikut. Jadi bagaimana? Apakah jawapan daripada Menteri? Kenapa dia berikan *blue*

IC kepada orang yang semua lahir sebelum Malaysia? Jadi ini soalan kita harus jawab. Kenapa *before, even for Malaysian of Malaysia*, mereka sudah di Malaysia? Kenapa susah payah mendapatkan IC? Apa masalah? Mereka komunis kah? Sabah tiada komunis. Okey, sekian, terima kasih.

■1250

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, Yang Berhormat Menteri? Boleh tambah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Melaka bangun, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Nanti, bagi saya jawab dahulu.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ia ada berkaitan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya kerana saya ada bangkit satu soalan dan telah dijawab. Dikatakan bahawa jika daftar lewat, hanya satu bulan sahaja daftar perkahwinan, lewat satu bulan selepas kelahiran anak dia. Oleh kerana ini, sudah enam tahun. DNA pun sudah buat membuktikan talian di antara ibu bapa dan anak ini. Sekarang sudah hendak masuk sekolah menengah dan menghadapi masalah kerana belum dapat dia punya MYPR. Oleh sebab itu hendak saya tanya, adakah cara yang- apakah boleh memberi pertimbangan? Selain yang dikatakan itu hanya sebagai sokongan sahaja, DNA dan juga surat akuan sebagai membuktikan sokongan tetapi apa lagi perlu?

Kalau mahu kita ikut dengan prosedur dan cara atau syarat yang hendak dinyatakan, sampai bila? Sekarang sudah mahu masuk sekolah menengah. Oleh sebab itu minta Yang Berhormat Menteri dapat beritahu cara yang terbaik sekali supaya mereka dapat secepat sekali untuk mereka dapat masuk sekolah menengah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih. Soalan ini sudah dijawab banyak kali dalam Dewan. Tiap-tiap kali persidangan mesti ada soalan yang berkaitan dengan perkara tersebut. Pada hari ini saya hendak jelaskan di sini juga bahawa kementerian amat bersimpati dengan ibu bapa dan anak-anak yang terlibat dalam perkara ini. Bukan kita tidak hendak kasi Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Melaka tetapi kita berpandukan kepada perlembagaan. Lepas itu, kita ada prosesnya, prosedur-prosedur yang berpandukan kepada perlembagaan. Selepas itu, ada lagi perbezaan undang-undang di Sabah dan Sarawak. Oleh kerana di Sabah dan Sarawak ada Ordinan Kelahiran dan sebagainya yang ada prosedur-prosedur yang- bagi saya jawab dahulu, duduk dahulu. Nanti kang tidak faham, jawab, jawab, saya pun lupa.

Jadi, banyak proses yang perlu dilalui. Oleh sebab itu, kerajaan sentiasa-Kementerian Dalam Negeri sentiasa mempertimbangkan kes-kes seperti ini secara *case by case basis*. Oleh kerana tidak semua kes sama ciri-cirinya dan kita

menghadapi masalah di JPN, di Kementerian Dalam Negeri juga untuk memberikan satu *guidelines* yang menyeluruh kerana setiap kes berbeza. Jadi, Yang Berhormat Kota Kinabalu, cerita pasal hal DNA, selepas itu orang yang lahir sebelum merdeka tetapi tidak didaftarkan. Yang Berhormat Kota Melaka cakap pasal anak kecil pula yang tidak didaftarkan menghadapi masalah untuk masuk sekolah. Jadi, saya rasa buat masa ini, itulah prosedur yang kita akan pakai untuk menyelesaikan masalah seperti ini, okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit sahaja, terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Jika Yang Berhormat Menteri boleh saya tolong tanya, jika dikatakan *case by case* untuk pertimbangan, mungkin adalah ciri-ciri yang lain. Bolehkah saya dapat jumpa selepas ini dengan Yang Berhormat Menteri? Kalau tengok kes ini, adakah cara yang dapat membantu dia? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Yang Berhormat Menteri, saya rasa sekarang ada banyak kes di mana satu *family* kalau katakan lima anak, ada tiga yang dapat *citizenship*, dua orang tidak dapat. Kes macam ini berlaku. Selalunya sekarang dengan- yang Yang Berhormat Kota Kinabalu bangkitkan adalah orang-orang tua. Akan tetapi sekarang isunya, dengan globalisasi, dengan pelbagai *students* rakyat Malaysia pergi *study overseas*, mereka *fall in love*, *they have a girlfriend*, selepas itu *formed a family*. Akan tetapi lahir anak tetapi belum *register* perkahwinan. Selepas anak mereka dilahirkan, baru mereka *register*. Akan tetapi anak mereka hendak jadikan rakyat Malaysia, tidak dapat jadi rakyat Malaysia kerana status anak ikut ibu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, itu merupakan soalan asal Yang Berhormat Kota Kinabalu, sedang dijawab Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat bagi senario yang sama.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sekarang masalahnya adalah kebanyakan permohonan melalui JPN sudah sampai proses sekarang di pejabat Menteri. Akan tetapi pejabat Menteri tidak *sign*. Kuasa adalah di tahap Menteri. JPN beritahu kami, semuanya mereka boleh lakukan permohonan dan sebagainya, itu melalui JPN. Akhirnya adalah kuasa Menteri untuk *sign* tetapi Menteri tidak *sign*. Banyak sangat kes dan saya baru tanya soalan Parlimen, ada 89 ribu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, panjang. Ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, 89 ribu kanak-kanak macam ini, banyak sangat. Jadi, apa penyelesaian untuk ini? Tidak akan kita biarkan kanak-kanak tidak



pergi sekolah? Sekarang banyak yang tidak boleh masuk sekolah kerana ada masalah *citizenship*.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, masalah besar ini Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, saya minta tolonglah kerana ada yang sampai umur 17-18, mereka tidak pernah masuk sekolah, tidak pernah belajar. Ia akan *create social problems*. Anak-anak yang tidak pergi sekolah, dia akan jadi apa? Dia mungkin jadi gengster atau apa ini, *all these* pengedar dadah dan sebagainya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri kena *look into this* sebab ini adalah isu yang sangat serius.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya tidak mahu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, *citizenship* ini.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya tidak mahu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak akan selama tidak *sign*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, saya mahu...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya tidak mahu- saya tidak hendak pergi lebih mendalam dalam soal spesifik. Oleh kerana kita di Dewan ini kita bincang tentang dasar. Akan tetapi boleh lah kemukakan mana-mana permohonan tersebut. Atas tuduhan kata Menteri tidak luluskan permohonan yang telah dikemukakan kepada beliau, itu saya rasa Yang Berhormat satu dakwaan yang tidak munasabah. Oleh kerana mana Yang Berhormat tahu apa yang di rekomen oleh pegawai JPN kepada Menteri? Mungkin Menteri pula tidak yakin dengan rekomendasi yang diberikan oleh pegawai JPN sebab itu dia sebelum *sign*, dia hantar balik fail tersebut untuk dikaji semula. Tiap-tiap kes berbeza Yang Berhormat. Oleh sebab itu macam Yang Berhormat Kota Kinabalu kata, kenapa serah kepada mahkamah untuk menentukan kes kerakyatan walaupun ada ujian DNA? Atas sebab inilah biar mahkamah sebagai badan yang ketiga, yang berkecuali, ia lihat fakta kes, ialah penentuan.

Jadi, sebenarnya ada ruang dalam undang-undang kita sekarang untuk anak-anak seperti ini didaftarkan, cuma kita kena tengok *case by case*. Oleh kerana ciri-ciri kes itu berbeza. Itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, saya tidak rasa bagaimana Yang Berhormat Menteri berkali-kali cakap, *case by case*. Kalau *case by case*, sebelum sampai 100 tahun pun tidak selesai. Akan tetapi ada undang-undang, saya tahu itu ikut undang-undang. Akan tetapi ada undang-

undang, kita punya kakitangan semua pun tidak ikut, macam mana itu? Saya bagi contoh Yang Berhormat Menteri, ada tiga keluarga, lima abang adik, ada dua lahirlah, sudah kahwin tetapi ada tiga sebelum itu. Akan tetapi itu tiga-tiga saya tolong dia mohon itu *citizenship*. Dua dapat, bapa dan mamanya orang Malaysia. *By the operation of the law*, mereka *born before 1960, that is the* undang-undang lah. Akan tetapi kita punya kakitangan langsung *reject*. Dalam tiga itu, dia dapat dua, satu jadi *big shot* sudah, satu adik lagi masih berkali-kali mohon balik, *reject by the operation of law. Born before 1960*, sampai hari ini tidak dapat, belum dapat *citizenship*. Kenapa jadi begitu?

Jadi, kerajaan tidak ambil prihatin kah? Itu *administration* yang ada *biased*. Tadi saya sebut, itu bapa orang Malaysia, mama dia negeri lain. Ada satu, dia ada tiga anak, dia kahwin orang *Turajak*, tiada *big sister* kerana dia kahwin- kerana dia bikin anak di kem. Okey,

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Dia punya anak tidak dapat pergi sekolah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya dah sebut tadi...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Nanti saya kasi tahu. Ini kena rasuah punya hal.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Kalau hendak cakap...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, rasuah. *Double check* ya. Kita mesti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak perlulah bincang *detail* pada peringkat ini Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Akan tetapi ini satu kes, baru-baru saya tanya dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, hantar kes kepada Yang Berhormat Menteri sahaja, Yang Berhormat

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...dia sudah dapat, dia tiada pergi mahkamah tetapi dia kasi buang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...tidak tahu ikut undang-undang kah, 10 ribu satu anak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]**

## ■1430

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Kementerian Dalam Negeri. Sambung.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu saya punya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit saja.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Sikit lagi, sikit lagi. Saya hanya mahu tanya Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Yang Berhormat, saya nak nasihatkan, kalau hal yang spesifik, hantar kepada saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh, boleh. Sikit sahaja.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Satu soalan, satu soalan saja Yang Berhormat Menteri, saya mahu bertanya. Kalau *court* sudah *ruling*, kalau ada DNA, ia kemudian *case by case*. Kalau ada sudah dapat DNA *prove that* dia punya itu anak yang mohon *citizenship* dia punya anak, masih lagi kita mahu pergi mahkamah? Kalau kita ada DNA, boleh dapat kelulusan dari Menteri? Kalau dia ada DNA *prove* dia yang anak bapa emak itu, jadi kita masih mahu pergi *court* lagi kah atau boleh ambil pertimbangan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat, tadi saya terangkan ada perbezaan di antara undang-undang di Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah dengan Sarawak. Proses ia di Sabah, bawah Ordinan Kelahiran di Sabah, memang pemohon kena dapatkan pelepasan daripada mahkamah walaupun ujian DNA telah dibuat. Kalau di Semenanjung, terus kepada Yang Berhormat Menteri untuk buat pertimbangan, itu jawapan saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sikit saja, sikit saja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, saya tidak nak lama-lama ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini soalan berkenaan soalan daripada KDN. Sekejap saja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, tidak, tidak. *You* tidak ada dalam senarai tadi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi ini sebab soalan berkaitan. Sikit saja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, kita *limit* kan pada inilah. Saya tak nak panjang-panjang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit saja, terima kasih ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, tidak, tidak, saya tidak bagi laluan. Saya nak jawab...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini adalah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya nak jawab Yang Berhormat Alice punya soalan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bolehlah, sikit sajarah Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *You* tidak tanya soalan, macam mana *you* nak bertanya?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul tetapi ia berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak ada *bargaining*. Kalau Yang Berhormat Menteri berkenaan *kasi* laluan, boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri, teruskan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita nak ambil perbincangan tapi senarai tidak masuk, sikit sahaja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bukan, bukan, kalau *you* dalam *list* tanya soalan, saya akan jawab tapi tidak ada.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya lah tapi ini berkenaan dengan rakyat, Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak, soalan ini saya sudah jawab berkali-kali dalam Parlimen. Tiap-tiap sesi mesti ada soalan yang ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Itu sebab Yang Berhormat Menteri kena *solve the problem*. Kalau tidak, tiap-tiap kali akan naik soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya sudah bagi penjelasan secara dasar. Kalau ada hal spesifik, tolong bagi pada saya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, ini soalan berkaitan dengan 80,000 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah saya bagi *rulling* Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak *kasi* laluan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Itu sebab saya minta, mohon.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ada *bargaining*, main paksa, itu peraturan mesyuarat. Kalau tidak, bermakna itu melengahkan persidangan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, bagi saya tambah sikit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya nak jawab soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekali lagi saya beritahu kepada Yang Berhormat, duduk.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya nak jawab soalan Yang Berhormat Lanang. Jadi, tadi sambungan kepada soalan Yang Berhormat Lanang tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod JPN sehingga 15 Mac 2018, terdapat sebanyak 2,073 permohonan kewarganegaraan melalui JPN Sarawak yang sedang dipertimbangkan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Pertimbangan bagi setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah berdasarkan kepada peruntukan perundangan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Beban untuk membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan ini adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon. Kementerian ini ingin menegaskan bahawa taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan sewenang-wenangnya.

Sehubungan itu, setiap peringkat pemprosesan, pertimbangan dan keputusan yang dibuat dengan teliti dan juga menyeluruh. Para pemohon akan dimaklumkan secara bersurat sebaik saja keputusan tersebut dikeluarkan. Seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, terdapat dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu warga asing iaitu melalui pendaftaran atau proses penaturalisasian.

Dalam hal ini, seseorang individu warga asing mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, termasuk memenuhi tempoh minimum permastautinan sebelum dibenarkan mengemukakan permohonan kewarganegaraan. Tempoh permastautinan adalah dikira daripada pemilikan permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan juga kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR) oleh JPN. Perincian tempoh permastautinan yang perlu dipenuhi mengikut kategori permohonan adalah seperti berikut:

- (i) kategori anak kepada warganegara: Tiada syarat tempoh permastautinan. Maknanya, dia automatik jadi warganegara;
- (ii) kalau isteri kepada warganegara: Dua tahun tempoh permastautinan minimum, dikira daripada pemilikan permit masuk dan MyPR;
- (iii) individu yang lahir di Persekutuan sebelum hari merdeka: Tujuh tahun tempohnya; dan
- (iv) siapa yang melalui proses penaturalisasian, tempoh minimumnya 12 tahun baru boleh memohon.

Jadi, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa proaktif dalam menangani isu kewarganegaraan dan dokumen pengenalan diri dalam kalangan masyarakat. Antara inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan adalah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Kementerian ini juga turut menerima permohonan daripada kewarganegaraan rujukan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kebajikan Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak.

Kesemua permohonan ini dipertimbangkan dengan teliti dan saksama selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan. Maksudnya, sekarang ini ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kebajikan Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak ini, di mana semua permohonan yang dibuat di dalam negeri Sarawak dipertimbangkan dalam jawatankuasa dulu sebelum diangkat kepada kelulusan Menteri. Terima kasih. Ada soalan juga? *[Ketawa]*

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon jawapan yang saya tanya itu tentang tempoh masa. Bolehkah kementerian menetapkan satu tempoh masa untuk setiap permohonan supaya pemohon tidak perlu tertunggu-tunggu dan tidak tahu sampai bila mereka perlu menunggu. Sama ada dapat setkan satu tempoh masa untuk setiap pemohon. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tadi saya sudah menjawab bahawa ada empat kategori pemohon dan tempoh-tempohnya, masanya ada tadi. Kalau anak kepada warganegara, tidak ada syarat tempoh permastautinan, makna mesti tinggal di sini dulu berapa lama. Kalau isteri, dua tahun. Kalau individu lahir di Persekutuan sebelum merdeka, tujuh tahun. Kalau proses penaturalisasian, 12 tahun, baru dia boleh mohon.

■1440

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Bukan. Maksud saya bukan pemohon yang kemastautinan ini. Maksud saya, pemohon biasa macam mereka yang ibu bapa mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka atau pemohon seperti yang berlaku di Kota Kinabalu atau sebagainya. Permohonan biasa, bukan yang isteri dari luar negara atau...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Baiklah. Itu tadi yang saya sebutkan tadi, dia proses dia, dia kena dapatkan permit masuk, selepas itu baru dapatkan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR). Selepas itu dia hendak mohon warganegara, baru dia boleh mohon. Tempoh masa daripada MyPR kepada kewarganegaraan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Menteri ya. *Case by case basis*.

Akan tetapi di negeri Sarawak, saya sudah sebut tadi, untuk mempercepatkan proses ini, ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Kebajikan Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak yang akan mengumpul semua permohonan tersebut dan angkat terus kepada Menteri untuk mempercepatkan proses tersebut. Tempoh

masa, saya tidak boleh hendak bagi apa-apa jawapan sekarang kerana macam yang saya cakap tadi, dia *case by case basis* kerana setiap kes berbeza dia punya ciri-ciri, bukan standard. Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Kulai, tidak ada. Yang Berhormat Pagoh, tidak ada. Yang Berhormat Sungai Petani, tidak ada. *[Disampuk]* Tidak payahlah *you*. Kalau lain kali *you* hendak tanya soalan, *you* tanyalah, tidak payah bagi pihak. Yang Berhormat Kuala Langat, pun tidak ada. Yang Berhormat Sungai Besar, pun tidak ada. Wah, cepat ini. Yang Berhormat Batu Kawan, ada. Okey. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Batu Kawan memohon KDN menyatakan sama ada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai dasar untuk memaklumkan kepada ahli keluarga warga asing jika ada ahli keluarga mereka ditahan di bawah kesalahan imigresen dan adakah JIM mempunyai peraturan di mana pemimpin agama yang ditahan di lapangan terbang akan terus dihantar pulang.

Dalam prosedur penolakan masuk, *not to land* (NTL), dengan izin, apabila seorang penumpang ditolak kemasukan ke Malaysia, pegawai imigresen yang bertugas akan memaklumkan kepada penumpang sebab penolakan beliau. Adalah di bawah tanggungjawab penumpang itu sendiri untuk memaklumkan kepada keluarga atau saudara beliau berkenaan dengan penolakan masuk tersebut. Maknanya, *the honors is on the person who wants to enter the country*, dengan izin.

Berdasarkan kepada peraturan 11(7)(a) Peraturan-peraturan Imigresen, memperuntukkan setiap pas lawatan yang dikeluarkan kepada mana-mana orang sebagai pelancong atau untuk tujuan lawatan sosial tidak boleh terlibat dalam sebarang bentuk pekerjaan berbayar atau dalam sebarang perniagaan atau pekerjaan profesional. Mana-mana pelawat asing yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan atau terlibat dalam perniagaan perlulah memohon pas yang bersesuaian sebelum dibenarkan berbuat demikian. Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab penumpang itu sendiri membuktikan bahawa beliau adalah pelancong tulen.

Kebenaran untuk masuk bergantung kepada keputusan pegawai kanan imigresen di pintu masuk untuk menentukan sama ada seseorang pelawat asing itu memenuhi syarat keperluan untuk memasuki Malaysia. Syarat-syarat yang ditetapkan perlulah dipenuhi sebelum masuk ke Malaysia. Maklumat ini boleh dirujuk di laman rasmi JIM iaitu <http://www.imi.gov.my> ya.

Prosedur penolakan masuk kepada mana-mana bukan warganegara atau mana-mana imigran yang dilarang kemasukannya ke Malaysia adalah berdasarkan kepada Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155] atau Akta Pasport 1966 [Akta 150] dan tidak menyatakan secara spesifik kategori individu mengikut profesion. Jadi, maknanya semua pelawat ke negara kita perlu merujuk kepada laman web Jabatan Imigresen sebelum mereka datang ke Malaysia. Sebab itu kita ada satu *arrangement*, dengan izin, dengan syarikat-syarikat penerbangan supaya mereka memeriksa

ataupun meneliti sama ada setiap pelawat itu mempunyai visa untuk masuk ke negara kita sebelum mereka terbang daripada negara asal mereka.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai undang-undang yang sedia ada di negara kita dan sekiranya ia ditentangi, maka tindakan undang-undang akan diambil, sebagai contoh, pelawat tersebut akan, dengan izin, *deported back to their countries*.

Akan tetapi, dua kes yang saya ingin bangkitkan di sini yang saya telah menyatakan adalah pelawat-pelawat yang pengunjung yang telah keluar masuk Malaysia bertahun-tahun. Sebagai contoh, *this Chinese lady. Now this news made headlines internationally with a title*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "Case of personal shopper missing in Malaysia grips China". So, it is an international news already, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Beliau telah keluar masuk negara Malaysia sudah tiga tahun. So, sekiranya ada, *if you have breached any laws, it should be disallowed in the first place. But the question here is* beliau telah ditahan, telefon beliau telah dirampas, *which doesn't give any access to contact her family and* dalam dua minggu, *the whole family* dekat negara China dah kalut, "Mana anak saya pergi?" And she was actually at detention centre.

*Now, I am not protecting those who breached the Malaysian laws, I support what immigration does to protect the boundaries of the country*, tetapi saya khawatir sekiranya pada masa itu pegawai kanan itu membuat keputusan berdasarkan situasi itu, *there has to be a justification*.

*The second case is* Puan Salumi. Beliau keluar masuk Malaysia untuk melawat gereja-gereja katolik di sini untuk *to get involved in charismatic prayers which is free and open to be profess here*. Akan tetapi, pada bulan Januari dan saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu kes ini, beliau sampai di KLIA, ditanya berapa banyak wang yang ada dalam simpanan beliau. Beliau kata *just a few hundred ringgit and she even showed proof of her return ticket back to Kerala and yet, the officer* cakap *this is so little money for you to use here*, jadi, *you know, there was a question mark*.

*So, the issue here*, Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau selalunya dihoskan oleh keluarga hos. *Accommodation and food is taken care by the host family. So, she doesn't need to have thousands of ringgit with her to enter the country now. This create a slightly disturbing precedent* pada pandangan saya. *If the officer in charge decides as a man*, membuat keputusan pada masa itu sebab beliau masuk dengan mungkin *relic-relic* yang beragama, membuat keputusan untuk *make it difficult for her*.



Pada masa yang sama juga, walaupun ada seorang yang telah menghantar Salumi ini ke KLIA, beliau tidak dibenarkan untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga atau *the family friend outside*. *She wasn't allowed any form of communication*. So, saya minta penjelasan ini supaya ia tidak akan diikuti oleh pegawai-pegawai imigresen di kawasan-kawasan lain *and it's a policy that a bit disturbing*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan di sini. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Batu Kawan, pegawai-pegawai imigresen kita di semua pintu masuk menghadapi lambakan pengunjung yang begitu ramai. Satu tahun berpuluh juta, satu hari mungkin berpuluh ribu yang masuk ya. Oleh sebab itu, kalau kita hendak *centralize* semua sekali kebenaran masuk ini, maka itu akan melengahkan lagi proses di KLIA. Oleh sebab itu, kita bagi kuasa kepada ketua pengawal imigresen di *airport* dan sebagainya untuk buat keputusan. Kadang-kadang ada lah percanggahan, *problem* dan sebagainya yang berlaku, tetapi kalau kita tidak serah kuasa pada mereka untuk buat penentuan, kelancaran kemasukan ini akan lebih lambat.

Akan tetapi, seperti yang Yang Berhormat sebut tadi, kalau ada masalah pun, mereka boleh berhubung melalui saluran-saluran seperti Yang Berhormat ya, yang boleh berhubung dengan saya, boleh berhubung dengan pegawai-pegawai tinggi di kementerian dan kita boleh campur tangan dalam hal itu. *Make it exception-based kind of action*.

■1450

Akan tetapi, *to say that we shouldn't allow the Head of the Immigration in KLIA to make their own ruling*, itu saya rasa itu satu perkara yang tidak akan memudahkan lagi kelancaran kemasukan penumpang di pintu masuk.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Yes, but it has to be justified*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ia perlu diberi justifikasi mengapa. *It is not a joke to buy your flight ticket to come into the country*.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Itu saya terima kasih kerana bawa perkara ini di dalam Dewan, saya akan bawa perkara ini dengan Jabatan Imigresen supaya mereka akan lebih prihatin mengenai hal-hal ini. Boleh?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *No, there has to be that window, a little bit of discussion* sekiranya ada ahli keluarga di luar.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *I know, this is like I said, we have to give them some discretion, if not things slow down. But in the meantime if there are isolated cases like what you mentioned, the two cases you mentioned out of ten of thousands of people who comes into the country...*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *No, actually there are more cases, Yang Berhormat Timbalan Menteri. I just mentioned these two personal cases but there are more cases.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Oleh sebab perkara seperti ini saya sudah sebut tadi saya akan rujuk dengan Jabatan Imigresen supaya mereka akan lebih teliti dalam melepaskan mana-mana bukan warganegara yang masuk melalui pintu masuk negara kita.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Begitu juga soalan saya yang berhubung dengan kemasukan *pastor* dan juga *the Sikh priest from India*. Sebelum ini tidak menghadapi kesukaran untuk masuk tetapi baru-baru ini dalam setahun, dua tahun ini *pastor* dari India terutama sekali *even Sikh priest, they have approached me to say that their churches are facing difficulty for them coming in. I know this pastor and priest who also go to Sabah and Sarawak to be able to you know to spread, to be able to express practice their faith also here.*

So, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan. *It is not something that it's just going on.* Sebelum ini tidak ada masalah, *just lately.* So, mereka tanya saya ada dasar baru kah? Kenapa *pastor* dan *priest dari Sikh temples are facing difficulty coming in.* Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Itu nanti saya akan rujuk dengan Jabatan Imigresen ya. Baik.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Baik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya juga, Yang Berhormat?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Alahai...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sama, isu sama kerana saya pernah bangkit isu yang agak sama. *[Dewan riu]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya tidak nampak Yang Berhormat Seputeh dalam senarai ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** / tahu, sama. Isu yang sama.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak apalah. Okeylah, okey kawan punya fasal saya bagilah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kasi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sesiapa orang asing sama ada dia *pastor* ataupun pelancong ke Malaysia, kalau ada masalah mereka harus diberi peluang untuk menghubungi keluarganya ataupun kawannya dan sebagainya. Apa yang dilaporkan dalam surat khabar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan hari itu yang perempuan itu datang hendak cari kawan dia di Malaysia, selepas itu dia dihalang dalam imigresen

masuk dalam lokap dan ini semuanya disiarkan dalam surat khabar. Berita macam ini disiarkan malah dalam *South China Morning Post* dekat Hong Kong sana.

So, selama ini orang yang ditahan itu tidak ada peluang kerana *handphone*-nya di rampas untuk menghubungi kawannya di Malaysia ataupun di negara asalnya. Saya rasa yang ini SOP di Jabatan Imigresen ini memang ada masalah. Macam mana boleh buat macam ini? *At least they should inform the friend* dan juga mereka harus diberitahu kenapa tidak boleh masuk. Saya pernah panggil satu kes juga dari *African*, orang ini yang hantar *email* kepada saya dan juga kepada kawannya di Malaysia hubungi saya. Mereka tidak tahu tidak ada apa-apa alasan diberi oleh Jabatan Imigresen kenapa dia tidak dibenarkan masuk.

Selepas itu mereka gunakan alasan kerana dia tidak bawa cukup duit. Orang asing ini dia kata saya guna *credit card* tidak perlu bawa banyak *cash*, ringgit untuk masuk ke Malaysia. *So, I think there are come out of abuse of power* dekat imigresen, pegawai imigresen. Saya rasa KDN ini mesti siasat yang semua isu ini kerana ini memalukan Malaysia Berita seperti ini disiarkan dalam media di negara asing. Saya percaya Yang Berhormat Menteri yang jaga keselamatan, *[Disampuk]* Yang Berhormat Arau ini baru masuk hendak *register* kehadirannya dia juga akan setuju dengan saya. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh, saya sudah sebut tadi. SOP kata pegawai JIM mesti bagi peluang kepada mereka yang ditahan itu untuk membuat panggilan kepada mana-mana pihak yang mereka boleh hubungi di Malaysia. *That is the procedure. There is not abuse of power, you are talking about isolated cases.* Maknanya kes-kes satu kes dalam berapa puluh juta. Bagaimana pegawai Imigresen hendak – nanti kalau Imigresen lambat hendak *clear*kan pelawat masuk nanti Yang Berhormat cakap Imigresen *slow* pula. Jadi kena ada *give and take* dan kuasa itu kita berikan kepada Ketua Pengawal di KLIA.

Soal tidak bawa wang masuk, dia bukan soal orang itu cukup wang atau tidak, ada *credit card* atau tidak. Isunya adalah sama ada pengawal Imigresen di *airport* tersebut yakin bahawa pelawat ini merupakan pelawat yang ada kelayakan untuk masuk ke dalam negara kita. Kadang-kadang ada negara-negara yang berisiko tinggi. Tadi Yang Berhormat sebut fasal Afrika. Afrika, ada setengah-setengah negara Afrika merupakan negara yang berisiko tinggi oleh sebab itu pegawai imigresen kita lebih teliti dalam melihat kelayakan penumpang tersebut. Itu jawapan saya.

Jadi saya hendak terus kepada Yang Berhormat Puchong. Dia pergi *court* kot, kita tidak jawablah. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Permatang Pauh, tidak ada...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri *just* hendak dapat sedikit penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, *are you answering based on the kawasan or based on the issue?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *No, based on your individual question.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *But I do have other question yang saya bangkitkan.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamedari:** *Akan tetapi it is not in the answer.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Then, your officer didn't do a good job to record the question.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamedari:** *You don't say that lah.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *No, because I did raise. Saya bangkitkan isu-isu di bawah KDN. [Dewan riuh]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Don't say that. Okay, any other question I will answer to you in written.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *You should answer here. You should ask your officer, kenapa tidak dimasukkan?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Saya akan bagi jawapan bertulis.*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *Bukit Mertajam jangan lupa.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Banyak yang saya bangkitkan tidak dijawab, satu sahaja. Macam mana ini?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Apa-apa soalan yang lain nanti kita akan bagi jawapan bertulis. [Ketawa]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *Yang Berhormat Bukit Mertajam jangan lupa ya.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Baiklah, baiklah.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa] Okey, siapa lagi ya. Banyak Yang Berhormat Puchong ini tetapi dia tidak adalah. Pergi balik kepada Yang Berhormat Batu Kawan.*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Yang Berhormat Batu Kawan bertanyakan status laporan polis Women's Aid Organization, yang itu kan. Ada, janganlah tuduh saya punya pegawai tidak dengar you cakap.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ikut kawasan, bukan ikut isu. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang jawab macam itu. Your answer.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Mereka dengar Yang Berhormat, cuma masuk dalam kategori lain sahaja.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *So, saya tanya ikut kawasan atau ikut isu?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Yang tadi Yang Berhormat hendak tanya yang tidak dijawab dalam ini saya akan bagi jawapan bertulis. Ini Yang Berhormat tanya ini saya akan jawab.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Batu Kawan bertanyakan status laporan polis oleh *Women's Aid Organization (WAO)* ke atas empat orang lelaki yang didakwa telah mengasari wanita dalam satu perhimpunan awam di hadapan Balai Polis Dang Wangi. Adakah benar kes seorang wanita yang tidak dibenarkan masuk ke dalam Balai Polis bagi mendapatkan perlindungan seperti video yang ditular pada 13 Mac 2018.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bagi laporan yang dibuat oleh WAO, PDRM telah menjalankan siasatan berkait Dang Wangi *report* 6559/2018 yang diklasifikasikan di bawah seksyen 341 dan seksyen 427 Kanun Keseksaan. Pihak polis masih lagi menjalankan siasatan lanjut berkaitan perkara ini. Selain itu pihak polis juga menjalankan siasatan berasingan di bawah seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Awam 2012 berkait dengan laporan polis Dang Wangi *report* 6644/2018.

Berhubung dengan wanita yang tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan balai, perkara ini adalah disebabkan oleh salah faham. Ia di antara pengawal yang bertugas pada waktu yang tersebut. Saya hendak maklum di sini balai polis adalah kawasan larangan. Kalau ada sesiapa yang tidak berkenaan mencero bohi ataupun berada dalam kawasan tersebut tanpa mendapat izin, mereka boleh diambil tindakan.

Jadi wanita ini datang ke balai polis tengah malam dan anggota yang bertugas kerana balai polis ini kawasan larangan, kena tanya dahulu siapa dia dan apa sebab dia hendak masuk ke dalam balai polis, tengah malam. Jadi beliau tanya dahulu soalan tersebut. Kalau orang tersebut ada mempunyai alasan yang kukuh dia bagi masuk. Akan tetapi pada masa itu masalahnya perkara ini telah di-*viral*-kan oleh pengadu tersebut.

Akan tetapi saya hendak maklumkan di Dewan di sini bahawa pengadu tersebut telah dibenarkan masuk dalam kawasan balai polis dan tidak berlaku apa-apa kejadian yang tidak diingini di antara pihak polis dengan pengawal tersebut.

#### ■1500

*Misunderstanding. It is not the issue of police misconduct* dan sebagainya, dengan izin. Dalam kejadian ini juga, polis telah menjalankan siasatan berkait Cheras Report 5974/2018 pada 13 Mac 2018 dan diklasifikasikan di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan (Ugutan Jenayah) dan seksyen 42 (Akta Pengangkutan Jalan 1987) memandu secara meluru dan membahayakan dan tangkapan telah dilakukan ke atas tiga orang lelaki pada 14 Mac 2018 dan kertas siasatan telah dirujuk ke pejabat pendakwa raya negeri untuk mendapatkan arahan yang selanjutnya.

Maknanya arahan pengadu itu telah diambil tindakan. Masalahnya bila dah *viral*, ha inilah dia masalah. Patutnya satu perkara yang tak menjadi masalah tapi di-*viral*-kan, sudah jadi macam *fake news* bahawa polis tidak bertanggungjawab, polis tidak menjalankan tanggungjawab mereka.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ada lagi?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ada. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan tadi. Berhubung dengan isu empat lelaki yang telah mengasari wanita dalam himpunan *for International Women's Day Celebration*. Saya ingin tahu, berdasarkan jawapan yang Menteri berikan tadi yang tiga lelaki yang telah mengekori seorang wanita ke balai polis yang telah ditangkap, saya ingin bertanya di sini, mengapa empat lelaki yang telah mengaku memang mereka yang telah mengasari wanita tersebut, telah merampas *placard* mereka masih belum ditangkap lagi.

Saya faham siasatan masih dijalankan *but I don't understand why is there a delay*. Memandangkan mereka dengan megahnya telah *upload* sendiri gambar dan video dalam *Facebook* mereka mengatakan mereka telah membantah sekeras-kerasnya terhadap perhimpunan ini dan telah— *you know? Their own videos are there, as a proof that they have harassed these women*.

Pada pandangan saya, sekiranya tangkapan tidak dibuat secepat seperti dalam kes tiga lelaki yang telah mengekori wanita ini ke balai polis, sekiranya *precedent* yang sama tidak di*apply* di atas kes ini, maka ia akan menunjukkan bahawa mana-mana himpunan yang disertai oleh wanita di negara kita ini, mereka akan rasa takut untuk turut serta menuntut hak-hak mereka sebagai wanita, sebagai warganegara, rakyat Malaysia.

Jadi saya harap— *this case is more serious*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Empat lelaki yang merasa mereka ada hak untuk masuk, mengasari dan mengeluarkan kata-kata kesat dan lucah terhadap wanita yang menuntut hak mereka, keselamatan mereka dijaga oleh kerajaan ini, menentang keganasan rumah tangga *and to ask for equal respect and equal place in Malaysian society*, mereka telah dikasari. Masih belum lagi ada tangkapan walaupun empat lelaki ini terbukti yang turut serta dalam *this whole incident*. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Prosedur penyiasatan polis adalah polis buat siasatan, polis yang tentukan bukti yang berkenaan supaya apa-apa tindakan selanjutnya akan dibuat. Lepas itu, kertas penyiasatan tersebut akan diangkat ke pejabat pendakwa raya untuk diambil tindakan. Jadi, sabar, *be patient*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *It happened in front of Dang Wangi Police Station*, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Yes. We are not dealing with public court, you know? The police...*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *How can you bersabar when women has been harassed these way.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *I know. Any action that is against the law, the police will take action.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Yes, understand.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *It just that the police need to make sure that they have a good enough case to bring to the pendakwa raya so that pendakwa raya can proceed with the case in court.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *It has been nine days, Yang Berhormat Timbalan Menteri.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sembilan hari.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *It has been nine days.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya, ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *If this has been any, if they had done this to any VIP or somebody here from this House, they would have been detained the very next day.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Baik, saya akan rujuk kepada pihak polis supaya cepatkan atas desakan Yang Berhormat Batu Kawan, boleh?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *After nine days, come on Yang Berhormat Timbalan Menteri.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat Timbalan Menteri, duduk Yang Berhormat Batu Kawan. Duduk.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Oh! Saya lupa, saya patut tengok sana bukan tengok sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baru saya membaca tadi satu artikel yang ditulis oleh mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Dia kata, contohilah *Speaker Westminster*. Bermakna, nama saya kena sebut. Contohi cara *Westminster's Speaker* mengendalikan persidangan. Yang tidak disebut ialah bagi wakil-wakil rakyat juga untuk contohi Ahli-ahli Yang Berhormat di *House of Commons*. Jadi, di *House of Commons* tidak ada berlaku macam begini. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya sebagai anggota pentadbiran, mencontohi cara *House of Common, Westminster System*. [Ketawa] Lepas ini saya akan melihat kepada *The Chair* yang mempengerusikan Mesyuarat, dengan izin.

Yang Berhormat Lumut. Ada ya? Yang Berhormat Lumut bertanya mengenai status Setiawan Report 65/2002 oleh Wong Ke Tei @ Ling King Chai ke atas Ling Leong Peng mengenai jenayah penipuan sebanyak RM194,000 dan Setiawan Report

004945/13 mengenai cubaan melarikan kotak-kotak kertas undi baru bagi P.074, N.50, N.51 dan N.52 oleh pegawai-pegawai lantikan Suruhanjaya Pilihan Raya pada pilihan raya yang lepas.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak polis telah menerima laporan polis Setiawan Report 65/2002 yang dilaporkan oleh seorang lelaki bernama Wong Ki Teh @ Lim Ging Chai. Oh lain pula, atas itu Ling King Chai, ini Ling Ging Chai, pada 4 Januari 2002. Pengadu dalam kes ini adalah salah seorang daripada pengarah Syarikat Sukma Dayang Sdn. Bhd. yang mendakwa telah ditipu oleh seorang peguam bernama Ling Leong Peng dari firma guaman Tetuan Mustafa, Ling & Co. dalam urusan penjualan seunit rumah di Taman Bunga Matahari, Air Tawar, Perak.

Kes ini diklasifikasikan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan penipuan. Kertas siasatan telah dirujuk kepada timbalan pendakwa raya dan pada 14 Februari 2018 telah diarahkan untuk tiada tindakan lanjut, *no further action* dengan izin. Pengadu juga telah dimaklumkan berhubung keputusan kes ini. Bagi kes berkait laporan polis *Setiawan Report ...*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid**

**[Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, sikit. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid**

**[Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri maklum bahawa Majlis Peguam telah membuat siasatan dan mendapati Lee Leong Peng bersalah dan telah didenda dengan tidak boleh melakukan ataupun mempraktikkan aktiviti guaman beliau selama dua tahun. Adakah ini tidak diambil kira untuk sebelum di-NFA-kan kes tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Tindakan yang dibuat oleh *Bar Council* dengan polis berbeza ya kerana tindakan oleh *Bar Council* adalah tindakan yang melanggar syarat-syarat keahlian *Bar Council*. Dalam kes polis, polis siasat lepas itu polis angkat kepada pendakwa raya. Kalau pendakwa raya kata tak ada kes, maka polis tidak boleh meneruskan siasatan. Kalau pendakwa raya kata ada kes, polis kena siasat semula. Itu prosedur dia. Jadi, tindakan yang dikenakan oleh *Bar Council* atau Majlis Peguam dengan tindakan polis untuk NFA kes ini adalah dua perkara yang berbeza.

Jadi bagi kes berkait dengan laporan polis Setiawan Report 004945/2013, kertas siasatan telah dirujuk kepada pejabat timbalan pendakwa raya pada 20 Mei 2013 dan kes diputuskan sebagai NFA kerana tiada kesalahan seperti mana di bawah seksyen 4 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 iaitu kesalahan oleh pegawai pilihan raya. Yang pentingnya Yang Berhormat berada dalam Dewan ini. Maknanya keputusan Yang Berhormat sebagai wakil rakyat telah disahkan oleh SPR. Oh, habis dah. Tuan Yang di-Pertua.



**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Celah sikit.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jawapan-jawapan telah diberikan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam belum.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Dan saya rasa tidak ada lagi apa-apa perkara yang saya ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Beri laluan sama Yang Berhormat Bukit Mertajam ke?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam ada bangkitkan soalan tentang imigresen. Syarikat Bukti Mega Sdn. Bhd. belum dijawab.

■1510

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Oh! Itu. Tadi masa saya panggil nama *you*, *you* tidak ada.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ha, *alright*, *alright*.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey lah fasal *you* dah ada balik, saya jawab lah. Jawapan dia senang sahaja. Itu merupakan perkara yang tidak berkenaan dengan dasar dalam Dewan ini jadi saya tidak perlu hendak ulas lebih panjang lah.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya tidak bersetuju lah dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi sebab apabila kita bercakap tentang Imigresen dan ini juga disebut oleh Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kedaulatan negara kita amat penting. Salah satu perkara yang saya telah bangkitkan ialah ketidaktelusan dalam proses kelulusan pekerja asing dan perkara ini kita kena bermula daripada kementerian sendiri. Jika apa yang saya tunjukkan, apa yang saya bangkitkan iaitu sebuah syarikat yang didakwa milik pegawai khas Menteri Dalam Negeri diberikan kontrak swasta untuk memproses kelulusan pekerja asing bukan sahaja dari sebuah negara sumber malah 15 buah negara sumber. Orang dia yang beri kelulusan, Menteri dia yang beri kelulusan. Orang dia juga yang memperoleh keuntungan swasta daripada kelulusan tersebut.

Jadi kita hendak tahu sama ada nombor satu, memang jelas wujud ada percanggahan kepentingan ataupun *conflict of interest* tetapi adakah syarikat ini dapat kontrak sebagai konsesi imigresen melalui *open tender*, *number one*. *Number two*, bagaimana seorang Pegawai Khas Menteri Dalam Negeri boleh diberikan kontrak swasta daripada Kementerian Dalam Negeri sendiri? Saya rasa ini amat tidak logik dan menunjukkan satu dasar yang tidak telus dalam kementerian sendiri. Jika kita hendak mengatasi masalah penyeludupan manusia, pemerdagangan manusia, kemasukan warga asing tanpa izin, kita tidak boleh hanya bertindak terhadap pegawai bawahan yang ambil rasuah.

Kalau dalam kementerian sendiri ada Pegawai Khas Menteri dan tarikh terakhir rekod awam terakhir bahawa beliau ini Pegawai Khas Menteri adalah pada 6 Januari 2017. Lepas itu tidak dapat dalam rekod awam lah tetapi kita tidak tahu. Jadi

saya rasa ini penting bukan sahaja dari segi dasar tetapi dari segi pelaksanaan juga penting untuk memastikan objektif kita mengawal sempadan kita berjaya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, kontrak ini telah diluluskan kepada tiga syarikat bukan satu sahaja dan proses telah diikuti oleh Bahagian Perolehan KDN. Buka pada tiga syarikat, dan telah diluluskan kontrak tersebut. Itu satu. Ikut prosedur, ikut proses ya.

Kedua, sejak bila dia jadi Pegawai Khas kepada Menteri? Saya pun tidak tahu fasal dalam rekod kita tidak ada dia sebagai Pegawai Khas Menteri ya. Dia mungkin menjadi salah seorang daripada pegawai yang lain, yang duduk dalam KDN tetapi dia bukan Pegawai Khas Menteri. Jadi, kalau Yang Berhormat buat satu tuduhan bahawa kontrak ini telah diluluskan secara tidak mengikut proses itu salah. Kedua, orang yang disebut itu bukan merupakan Pegawai Khas Menteri. Itu saya hendak nyatakan di sini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang dikatakan proses itu saya tanya secara spesifik adakah melalui *open tender*? Ya, saya tahu tiga syarikat tetapi antara tiga syarikat. Sebenarnya antara tiga syarikat pun saya sudah bangkitkan sebelum ini bahawa tidak adil lah apakah prosesnya untuk melantik tiga syarikat ini? Adakah telah melalui proses tender terbuka ataupun hanya diberikan seperti kontrak-kontrak lain hanya diberikan terus *direct nego* kepada kroni-kroni? Satu, adakah ada *open tender*?

Kedua, nama orang awam tersebut dia dalam rekod merupakan ADUN UMNO kawasan Puteri Wangsa tahun 2004 hingga tahun 2013. Dalam satu keratan akhbar 6 Januari 2017 ada satu majlis perkahwinan di mana beliau disebut sebagai Pegawai Khas, *Special Officer* kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga menghadiri majlis tersebut. Jadi, itu lah *public record* yang saya maksudkan. Tidak ada apa-apa *correction* terhadap *public record* tersebut dan apabila saya bertanya dalam Parlimen ini pada bulan November yang lalu, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri pun tidak menafikan sehingga sekarang. Jadi, sekarang saya, tadi apa yang saya fahamkan daripada kata-kata Timbalan Menteri adalah beliau bukan Pegawai Khas tetapi merupakan seorang pegawai dalam kementerian ataupun seorang Pegawai kepada Menteri Dalam Negeri. Adakah itu yang dimaksudkan?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Soalan Yang Berhormat adalah adakah dia Pegawai Khas kepada Menteri dan jawapan saya tidak. Ya? Soalan Yang Berhormat tadi menuju kepada satu syarikat, kenapa Yang Berhormat tidak sebut pasal dua syarikat yang lain? Ini kerana proses perolehan tersebut telah dilakukan secara terus. Kuasa Menteri itu dia boleh buat *selected tender* dan sebagainya tidak semestinya *open tender*. Jadi apa lagi— selepas itu Yang Berhormat kata,

berdasarkan kepada dia jadi wakil rakyat ADUN di Johor dan juga keratan akhbar di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menghadiri majlis perkahwinan anak dia. Surat khabar kata dia Pegawai Khas itu bukan satu fakta Yang Berhormat. Faktanya kita kena lihat...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Akhbar *The Star*.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Dalam senarai pegawai Pejabat Timbalan Perdana Menteri yang rasmi yang dibayar gaji oleh Kerajaan Malaysia ada tidak nama dia? Jawapan nya tidak. Okey. Tidak lagi? Sudah, sudah, sudah, cukup, cukup. Saya pun hendak habiskan saya cakap. Hendak habiskan, bagi peluang kepada kementerian lain untuk menjawab. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini mengakhiri jawapan untuk Kementerian Dalam Negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Pengangkutan.

### 3.17 ptg.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sebelas orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2018 yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Pertama sekali saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi yang telah mencadangkan supaya satu kementerian khas diwujudkan di bawah sektor maritim. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem pengurusan dan tadbir urus sektor pengangkutan maritim di Malaysia adalah berdasarkan kepada amalan dan struktur pentadbiran antarabangsa yang diamalkan oleh badan-badan antarabangsa di antaranya *United Nation* dan *International Maritime Organization (IMO)*.

Pada dasarnya, skop pengangkutan maritim adalah luas yang merangkumi aspek *safety* dan *security*, alam sekitar, perundangan antarabangsa dan aktiviti-aktiviti ekonomi maritim di antaranya perkapalan, pelabuhan dan perikanan. Di Malaysia, aktiviti ini ditadbir urus oleh agensi-agensi kerajaan berkaitan secara efisien dan kesemua aktiviti program yang berkaitan dilaksanakan tanpa sebarang *complaint* berdasarkan kepada punca kuasa perundangan yang telah diperuntukkan.

Dalam konteks ini, Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab dalam membentuk dasar dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti berkaitan ekonomi maritim, keselamatan pelayaran, hal ehwal pelaut, perkapalan dan pelabuhan, undang-undang komersial maritim dan ratifikasi konvensyen-konvensyen perkapalan dan maritim di bawah pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Dengan mengambil kira perkara-perkara tersebut di atas cadangan penubuhan Kementerian Maritim tidak berbangkit.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan akan memperhalusi cadangan tersebut.

Yang Berhormat Kota Tinggi juga mencadangkan supaya pihak kerajaan memperkasakan kapasiti untuk melatih lebih ramai pekerja-pekerja industri maritim. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Tinggi, kementerian telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam memperkasakan modal insan dalam sektor pengangkutan maritim. Berdasarkan kepada *Malaysia Shipping Master Plan* yang telah dilancarkan pada 5 September 2017, Kementerian Pengangkutan telah merangka strategi yang khusus dalam meningkatkan aspek pembangunan dan keupayaan dalam sektor maritim.

Pada masa ini terdapat 35 institusi latihan dan pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan jurusan dalam bidang maritim. Jurusan dan modul pembelajaran yang ditawarkan oleh institusi-institusi pengajian di Malaysia adalah merangkumi kursus-kursus pelaut, jurusan kejuruteraan, logistik, *maritime supply chain* dan pengajian nautika.

#### ■1520

Pada masa yang sama, dari aspek latihan, kementerian sentiasa komited dalam memastikan sektor maritim mempunyai tenaga kerja yang mahir dan cekap. Pelbagai program latihan telah dianjurkan dengan kerjasama pihak antarabangsa seperti IMO, *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authority* (IALA) dan ASEAN. Antara program-program latihan teknikal yang telah dianjurkan selaras dengan *International Convention for the Safety of Life at Sea* (SOLAS) 1974, *International Convention on Standard of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers* 1978 dan lain-lain konvensyen antarabangsa turut dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Kangar telah memohon pertimbangan kerajaan supaya menaik taraf Jeti Kuala Perlis kepada Pelabuhan Kuala Perlis. Untuk makluman Yang Berhormat Kangar, feri penumpang dari Kuala Perlis ke Langkawi beroperasi dari jeti penumpang Kuala Perlis yang terletak di muara Sungai Perlis. Lokasi jeti sedia ada ini mempunyai kadar pemendapan yang tinggi yang menyebabkan kedalaman air di sekitar terminal dan alur pelayaran feri menjadi amat cetek. Keadaan ini menyebabkan feri-feri penumpang hanya dapat beroperasi ketika air pasang sahaja dan menjejaskan ketepatan masa feri-feri beroperasi.

Dalam hubungan ini, Jabatan Laut Malaysia telah melaksanakan kerja-kerja pengorekan alur pelayaran sepanjang sembilan kilometer di Jeti Kuala Perlis dari 30 Mei 2014 hingga 31 Jun 2015 dengan kos keseluruhan berjumlah RM35 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut. Jabatan Laut Malaysia sentiasa berusaha memastikan keselamatan alur pelayaran jeti-jeti utama

adalah di tahap maksimum dengan melaksanakan kerja-kerja pengorekan secara berkala.

Sehubungan dengan itu, kerja-kerja pengorekan *maintenance* di *basin* dan alur pelayaran Kuala Perlis akan diteruskan untuk mengekalkan kedalaman empat meter iaitu kedalaman yang ideal. Dengan mengambil kira masalah pemendapan di muara Sungai Perlis yang kerap berlaku dan kedalaman air maksimum empat meter, maka cadangan untuk mewujudkan Pelabuhan Kuala Perlis adalah tidak sesuai. Buat masa ini, aktiviti industri atau aktiviti ekonomi bagi menjana kargo di Kuala Perlis tidak memberangsangkan.

Yang Berhormat Kuala Kedah juga dalam perbincangan memohon penjelasan apakah status projek naik taraf Jeti Kuala Kedah. Menjawab isu yang dibangkitkan ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Terminal Pembangunan Kuala Kedah dan Kuala Perlis yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan melantik Institut Maritim Malaysia (MIMA), adalah didapati bahawa mengekalkan Jeti Kuala Kedah di lokasi sedia ada adalah merupakan opsi terbaik dengan mengambil kira faktor geomarin dan sosioekonomi di sekitar kawasan tersebut. Hasil kajian ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Kedah untuk mengekalkan Jeti Kuala Kedah di lokasi yang sama.

Dengan itu, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 telah meluluskan projek pembangunan semula Terminal Penumpang Kargo dan *roll-on/roll-off* (ro-ro) dengan kos keseluruhan berjumlah RM208.9 juta. Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan telah melantik syarikat juru perunding projek dan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

Selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan, Kementerian Pengangkutan akan menganjurkan makmal pengurusan nilai, *value management*, dengan melibatkan agensi-agensi berkaitan. Pada masa yang sama, Mesyuarat Rundingan Perolehan Tanah juga telah dilaksanakan dan mencapai persetujuan di antara Jabatan Laut Malaysia dan Majlis Bandar Raya Alor Setar. Projek pembangunan semula Jeti Kuala Kedah dijangka mengambil masa lima tahun untuk disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya. Yang Berhormat Seremban telah membangkitkan mengenai Stesen Kereta Api Seremban yang tidak dinaiktaraf. Untuk makluman Yang Berhormat Seremban, kerajaan telah meluluskan projek Seremban Sentral yang melibatkan pembangunan tanah seluas 36.95 ekar di sekitar Stesen Kereta Api Seremban. Komponen-komponen pembangunan Seremban Sentral merangkumi hab pengangkutan bersepadu, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), institusi komersial, bangunan pejabat, hotel, *service apartment*, pusat perubatan dan kawasan hijau. Pembangunan PR1MA adalah terbahagi kepada dua fasa dan fasa

satu telah pun bermula dan dijangka siap pada tahun ini. Perumahan PR1MA yang disediakan akan memberi peluang kepada 3,000 orang untuk memiliki rumah.

Selain daripada itu, hab pengangkutan bersepadu akan mengintegrasikan tiga mod pengangkutan awam yang utama iaitu kereta api, bas dan teksi bagi menyediakan kemudahan bertaraf tinggi kepada penduduk-penduduk sekitar. Stesen kereta api sedia ada pula akan dikekalkan untuk aktiviti komersial bagi mewujudkan nostalgia aktiviti kereta api yang telah mencecah 100 tahun. *It will be the heritage building*. Oleh itu, kita tidak akan roboh dan kita akan bina stesen kereta api yang baru di Seremban Sentral. Pembangunan ini juga akan menyediakan *green belt* bukan sahaja bagi tujuan memelihara alam sekitar tetapi juga menyediakan kawasan lapang kepada penduduk di Seremban. Sebagai kesimpulannya, projek Seremban Sentral dijangka akan mengubah landskap Seremban dan seterusnya meningkatkan nilai di kawasan sekitar kerana projek ini adalah berimpak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Serdang dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai isu *Railway Network Access Agreement* dan Perbadanan Aset Kereta Api (RAC). Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang, melalui Akta Keretapi 1991 [*Akta 463*] yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 1992, semua harta dan aset kereta api serta liabiliti di bawah Kereta Api Tanah Melayu dan tanah kereta api di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada Perbadanan Aset Keretapi. *So, all the asset will be under RAC.*

Perkara ini adalah bagi membolehkan syarikat pengganti kepada KTM iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bebas daripada tanggungan hutang dan kos-kos bukan operasi yang membebaskan seterusnya dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada operasi dan perkhidmatan kereta api di negara itu. Oleh itu, KTMB hanya untuk fokus pada *operation*. Aset dan juga penyelenggaraan aset akan dilakukan oleh RAC. Dengan berkuat kuasa akta ini, RAC sepatutnya perlu mengambil alih pengurusan aset kereta api termasuk penyelenggaraan dan pembangunan aset serta infrastruktur kereta api. Ya, sila.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Dalam ucapan saya, saya ada tanya satu soalan iaitu sama ada liabiliti KTM akan juga diagihkan kepada RAC, kerana apabila saya menyemak laporan tahunan KTM untuk tahun 2016— saya juga telah memberi angka ini dalam ucapan saya. Sebanyak RM880 juta daripada liabiliti ataupun hutang KTM adalah kerana mereka meminjam duit daripada Kerajaan Persekutuan untuk membeli *electrical multiple unit* sebanyak 80 biji. Jadi saya hendak tanya, kalau *philosophy* seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah untuk memindahkan aset supaya KTM boleh memberi fokus kepada operasi, jadi mengikut *philosophy* itu, mengikut falsafah itu, saya rasa hutang yang diambil oleh KTM untuk membeli aset juga patutnya dipindah kepada RAC kerana kalau aset dipindah kepada

RAC, hutang juga perlu dipindah kepada RAC. Jadi saya hendak dapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Saya belum habis jawab tadi. Oleh kerana adanya akta ini, RAC yang baru, maka kita hendak pindah semua aset kepada RAC dan *maintenance of the asset* kepada RAC. KTMB hanya tumpu pada operasinya. Sehubungan dengan itu, satu perjanjian baru iaitu perjanjian *Railway Network Access Agreement* yang *you* sebutkan tadi, RNAA ini, telah pun kita laksanakan dan baru saja dimeterai. Banyak lagi butir-butir yang saya sebutkan seperti oleh Yang Berhormat tadi dalam perbincangan dengan Kementerian Kewangan. *So, all the asset in RM880 million— rolling store— it should be under RAC. So RAC have to maintains....*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *What I said is not asset, is the hutang.*

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Termasuk hutang sekali.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Hutang akan dipindahkan kepada RAC juga?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Termasuk hutang sekali, semua di bawah RAC.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Liow Tiong Lai]:** Maka RAC perlu laksanakan pembayaran hutang tersebut.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey. Jadi kalau laporan tahunan KTM bagi tahun 2018, apabila dia dikeluarkan, hutang sebanyak RM880 juta itu akan hilang daripada *balance sheet* dan dipindah kepada *balance sheet* RAC ya. Ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, sepatutnya ia perlu dilakukan dan sebab itu kita perlu ada satu perjanjian RNAA.

#### ■1530

Yang Berhormat Serdang juga bertanya berhubung dengan sama ada akan dilaksanakan *multiple railway operator* (MRO) untuk memperkenalkan MRO. Saya hendak terangkan di sini bahawa tujuan kita memisahkan aset dengan KTMB adalah untuk membolehkan bahawa aset landasan kereta api itu dipakai oleh lebih banyak syarikat-syarikat lain iaitu kita menggalakkan *multiple operator* dalam negara kita, okey.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, juga untuk mendapatkan pengesahan. *This is for public knowledge* lah. Sebagaimana yang saya tahu apabila RNA itu ditandatangani, maklumat RNA ini adalah untuk memberi laluan kepada syarikat swasta untuk membuat operasi kargo *for competition purpose with KTM*.

Akan tetapi saya hendak dapatkan pengesahan sama ada kalau ada syarikat swasta yang hendak membuat operasi komuter dalam *whether it is intercity or intracity*,

adakah perjanjian RNA ini membolehkan operator yang lain masuk ke dalam pasaran untuk bersaing dalam operasi komuter? Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ya, saya sudah sebutkan di sini bahawa RNA ini akan membolehkan RAC untuk menjadi sebagai aset *owner* dan boleh melaksanakan *multiple operator* bukan sahaja kargo termasuk *passenger*. Oleh itu, terpulang mana-mana syarikat yang berminat boleh memohon untuk mendapatkan lesen operasi. Oleh kerana pada masa ini kadar penggunaan landasan kereta api kita adalah masih rendah, *it's about 34 percent to 40 percent*.

*So, we need to optimize the usage of railway line* dengan izin. Ini kerana kita hendak galakkan lagi lebih banyak syarikat untuk menggunakan landasan kereta api ini. So, saya harap pelaksanaan MRO ini tidak akan menjejaskan kedudukan kewangan KTMB yang mana ia akan mewujudkan persaingan yang sihat di antara syarikat-syarikat operasi kereta api termasuk KTMB.

MRO akan memacu KTMB untuk sentiasa mencari idea-idea baharu dan inovatif bagi memastikan perkhidmatan mereka menjadi pilihan pelanggan yang utama. Hal ini seterusnya bakal menjadi pemangkin kepada KTMB untuk terus berdaya saing dan menjana lebih keuntungan selaras dengan Pelan Transformasi KTMB.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa persaingan ini memang baik untuk *customer*. Akan tetapi saya hendak dapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri. Salah satu sifat RNA ini adalah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah supaya KTMB boleh memberi fokus kepada operasi.

Jadi *maintenance cost* dan sebagainya akan diberikan kepada RAC. Akan tetapi pada masa yang sama, kos kepada KTMB dari segi hendak menyewa guna *rolling stock*, menyewa guna stesen, hendak menyewa guna landasan kereta api semua adalah kos yang tidak perlu dibayar oleh KTMB buat masa sekarang.

*So, at the same time that they will reduce cost of maintenance*, kos mereka dari segi menyewa kegunaan *or access fee* kepada RAC ini akan juga bertambah. Jadi, *what is the assurance that you can give to KTMB* bahawa RAC, RNA ini memang akan merendahkan *the nett cost to KTMB* dari segi sewa ini?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Setuju dengan pandangan Yang Berhormat Serdang bahawa *at the end of the day*, KTMB akan kurangkan beban termasuk *maintenance* stesen-stesen kereta api, *maintenance* landasan kereta api. Itu tidak perlu lagi diselenggarakan oleh KTMB. KTMB hanya perlu membayar sewa untuk memakai landasan kereta api seperti syarikat-syarikat lain untuk menggunakan landasan kereta api tersebut sahaja.

So, saya yakin dengan kurangnya beban hutang kepada KTMB, KTMB akan lebih kompetitif dan lebih inovatif dalam merancang bagaimana untuk meningkatkan



kapasiti, meningkatkan penumpang-penumpang menggunakan KTMB. Ada lagi soalan?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Untuk masa sekarang, itu sahaja untuk KTMB.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** So, Yang Berhormat Serdang juga dalam perbahasannya telah memohon penjelasan status Projek Landasan Keretapi Subang Jaya - Terminal Skypark. Untuk makluman, Projek Landasan Keretapi Subang Jaya - Terminal Skypark fasa 1 dijadualkan siap pada 30 April 2018. KTMB merancang pelancaran pembukaan perkhidmatan tren penumpang ekspres dari Stesen Terminal Skypark ke Stesen Kuala Lumpur Sentral pada 1 Mei 2018.

So, kira sudah siap. Sebenarnya trek ini sudah siap dan sekarang dalam proses *commissioning*. Walau bagaimanapun, perkhidmatan tren kargo ia akan hanya beroperasi setelah fasa pelaksanaan projek ini disambungkan sehingga ke Sungai Buloh ataupun ke *the main line* dari utara ke selatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dengan adanya stesen ini kelak ia akan dapat menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam berasaskan rel kepada penumpang dari Kuala Lumpur Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah yang telah dikenal pasti sebagai *city airport*.

Selain daripada itu, ia juga dapat mewujudkan jaringan *connectivity* di antara sistem komuter KTMB dan sistem MRT Sungai Buloh. KTMB juga akan menganjurkan program larian Skypark sejauh 10 kilometer pada 15 April 2018 yang penyertaannya adalah terbuka kepada orang awam khususnya untuk tujuan mempromosikan pelancaran pembukaan perkhidmatan tren ke Terminal Skypark.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya juga seorang yang minat kepada acara larian. Akan tetapi saya hendak tanya, kenapa acara larian ini dianjurkan di Kuala Lumpur walaupun Skypark Line ini ada di Subang Jaya? Kenapa tidak dibuat di Subang Jaya kerana lebih saya rasa boleh memberi tumpuan lebih kepada *line* yang akan dibuka ini dan bukan di Kuala Lumpur.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Okey terima kasih cadangan Yang Berhormat Serdang. Bolehlah tawarkan tempat nanti kemudian. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Nanti, Yang Berhormat Menteri. Saya juga hendak tanya tentang isu kargo juga. Saya rasa Skypark Line ini memang satu perkara yang baik. Akan tetapi kalau saya tidak silap, ada juga satu cadangan yang dibangkitkan dalam Klang Valley Transport Master Plan ini untuk membuka satu *super line* yang baharu dari Serendah ke Port Klang. *I think the minister is aware of this.* Matlamat *super line* ini adalah untuk mengurangkan trafik di Kuala Lumpur Sentral, di Bank Negara dan sebagainya. Saya rasa ada banyak tren kargo yang mengalami *derailment* di tempat seperti Kuala Lumpur Sentral ini akibat daripada trafik yang terlalu tinggi.

Akan tetapi buat masa sekarang, belum ada apa-apa inisiatif ataupun rancangan untuk meluluskan *super line* yang baharu ini dari Serendah ke Port Klang. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan, *update*.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Okey untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serendah bahawa laluan *super line* untuk kargo dari Serendah ke Port Klang memang telah kita masukkan dalam perancangan *East Coast Rail Link* (ECRL). Kita akan tambahkan laluan itu apabila *East Coast Rail Link* sampai ke Gombak, kita akan sambung satu *line* dari Gombak melalui Serendah sampailah ke Port Klang. Itu telah pun dimasukkan dalam perancangan ECRL. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh sedikit ECRL saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan statusnya bagus tetapi di Selangor ini dilambat-lambatkan, sengaja dilambat-lambatkan status macam tidak minat ECRL ini. Adakah ini benar Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Memang kita minta kerjasama Kerajaan Negeri Selangor untuk mempercepatkan pengambilan tanah untuk pembinaan ECRL. Ini kerana dari segi pengambilan tanah di Pahang, di Terengganu, di Kelantan semua sudah siap. Semua telah diluluskan kecuali sekarang tinggal Kerajaan Negeri Selangor. Kita minta kerjasama sebaik mungkin untuk kita percepatkan pembinaan ECRL ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, saya menarik minat sebab apa jangan macam SPLASH lambat-lambat nanti tidak ada air. Saya hendak tanya, ECRL ini adalah untuk masa depan generasi muda. Kalau negeri Selangor lambat-lambatkan, ini akan membantutkan lagi rancangan yang baik ini dan akan *derail the whole plan to* membuatkan kita kompetitif dan menjadi hab untuk *trans over land transportation* melalui ECRL.

Jadi saya rasa orang muda akan merasa terkilan kalau benda ini dilewat-lewatkan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

■1540

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Memang benar Yang Berhormat Kota Tinggi, saya juga amat rasa bimbang kalau proses pengembalian tanah ini dilambat-lambatkan, ia akan menjejaskan atau masa pembinaan ECRL ini seperti yang dijanjikan kita hendak siapkan sebelum tahun 2024. Oleh itu kerana projek ini telah pun dalam proses pembinaan, adalah penting kita mendapatkan kerjasama yang terbaik daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang membangkitkan mengenai status pelaksanaan Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota

Bharu adalah satu projek yang besar dan rumit. Antara skop projek adalah untuk membesarkan bangunan sedia ada bagi membolehkannya jumlah penumpang daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada empat juta penumpang setahun. Antara tumpuan utama adalah membesarkan bangunan terminal, menambah *parking* pesawat, pembesaran apron dan juga pembinaan bangunan *airport fire rescue services* yang baru. Projek ini ketika ini dalam proses tender Kementerian Pengangkutan dan proses penilaian dan pelantikan kontrak dijangka dapat diselesaikan pada Jun tahun ini juga.

Yang Berhormat Lanang telah membangkitkan mengenai kenaikan kadar bayaran *parking* di Lapangan Terbang Sibu. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad telah menaikkan bayaran *parking* sebanyak 50 sen sahaja iaitu daripada RM1.50 kepada RM2 untuk setiap kemasukan kenderaan ke medan letak kereta di Lapangan Terbang Sibu. Manakala kadar tambahan setiap jam selepas itu masih kekal sebanyak RM1.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Oh! Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat tadi Yang Berhormat menyebut mengenai Lapangan Terbang Kota Bharu. Boleh saya mendapat penjelasan sama ada kerajaan bercadang untuk membuat *acquisition* ataupun pengambilan balik lagi tanah di kawasan tersebut. Ini kerana selama ini dikatakan tanah yang telah ada kepunyaan MAHB itu tidak mencukupi untuk memanjangkan landasan yang ada sekarang ini untuk proses pembesaran landasan dan juga terminal. Terima kasih.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Landasan Lapangan Terbang Kota Bharu memang cukup panjang tetapi dari segi lebarnya tidak cukup lebar untuk kita buat *taxi way* bagi *wide body* pesawat. Oleh itu pengambilan tanah itu memang perlu sekiranya kita hendak besarkan dia menjadi *international airport*. Sekarang kita boleh laksanakan lapangan terbang ini sebagai lapangan terbang antarabangsa. Memang ramai pesawat daripada negara lain boleh mendarat tetapi dari segi penggunaan *wide body* ini, dia perlu kawasan yang lebih lebar. Ia juga akan melibatkan pengambilan tanah di kawasan tersebut dan kita memang dalam kajian berhubung dengan pembesaran lapangan terbang tersebut.

Berhubung dengan, untuk makluman Yang Berhormat Lanang justifikasi untuk kenaikan 50 sen sejam ini adalah kerana pihak MHB telah menaik taraf *facility* medan letak kereta di antaranya pemasangan CCTV dan diawasi oleh pengawal keselamatan 24 jam. Pihak MAHB juga telah menyiapkan pemasangan *full automatic car park system* dan kenaikan ini adalah kali pertama sejak tahun 2014 lagi. Semua *facility* ini harap dapat memberi keselamatan tambahan dan keselesaan kepada para pengguna medan letak kereta.

Yang Berhormat Kudat telah mencadangkan pembinaan satu lagi lapangan terbang baru...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri soal pesawat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Oh! Yang Berhormat Lanang ya.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kenaikan bayaran parkir. Tadi Yang Berhormat Menteri kata hanya 50 sen. Sebanyak 50 sen kenaikan itu adalah sebanyak 33 peratus dan untuk kadar bayaran maksimum telah dinaikkan sebanyak 60 peratus iaitu dari RM15 sampai RM24. Jadi saya hendak minta penjelasan mengapa boleh naik sebanyak 60 peratus untuk kadar bayaran maksimum sehari?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Kita telah arahkan MAHB untuk buat kajian semula. Kita harap bahawa kenaikan ini adalah selaras dengan *facility* yang disediakan oleh MAHB dan dinaiktarafkan dari masa ke semasa. Yang Berhormat Kudat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri. Sebelum ke arah Yang Berhormat Kudat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang *handsome, down to earth, soft spoken, very gentleman*. [Tepuk] Memang dapat pujian daripada masyarakat, daripada luar-luar bandar terutama sekali Sabah dan Sarawak. Ini kenyataan yang betul, memang suka dengan Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai, orang yang bagus. Itu sahaja saya minta mohon bagi pihak masyarakat luar bandar di Sabah, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lanang. Apabila, kalau Yang Berhormat Seputeh datang sana kita tidak benarkan masuk di Airport Kota Kinabalu, tidak benarkan. Saya akan sekat.

Soal kenaikan tambang ini semasa Tahun Baru Cina, Hari Raya, apabila budak-budak bercuti dari sekolah dinaikkan, *almost double* Menteri. Orang marah, apa ini kerajaan *take advantage of the poor people*. Budak daripada Kuala Lumpur balik ke Sabah membayar harga begitu mahal. Bolehkan Menteri melihat ini demi perasaan orang-orang miskin terutama sekali murid-murid di luar bandar ini. Juga Yang Berhormat Menteri kenaikan harga dan masa. Apabila MAS terbang ini selalu MAS *always late, always late, postponed*. Saya dari Sandakan semalam kerana daripada pukul 6.00 sampai pukul 10.00 lebih. Apa hal Menteri? Pengurusan MAS ini teruk sudah sekarang.

Saya ada tanya soalan, keuntungan MAS ini makin rugi. Akan tetapi walaupun kenyataan Menteri MAS ini untung tetapi saya tidak setuju. Saya mahu tahu sebenarnya MAS ini untung atau rugi?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Saya sudah sebutkan tadi bahawa tambang ataupun kadar bayaran *parking* ini yang dinaikkan 50 sen buat jam yang pertama. Jam yang seterusnya sama sahaja RM1 dan kemudian sekiranya letak kereta itu 24 jam, dia akan naikan kepada RM24. Ini kerana telah dinaikkan *facility* dan juga penjagaan keselamatan yang lebih baik di kawasan *parking* tersebut. Walau bagaimanapun kita boleh...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri soalan saya pasal tambang bukan parkir.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Oh! Tambang, okey. Tambang itu saya jawab kemudian Yang Berhormat Putatan. Saya ada berhubung dengan tambang dan juga masa ketetapan masa itu saya akan jawab kemudian, okey. Saya jawab dahulu Yang Berhormat Kota Kinabalu ini. Berhubung Lapangan Terbang di Kota Kinabalu atau menaik taraf lapangan terbang sedia ada bagi menampung kapasiti penumpang yang meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2017 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang mampu mengendalikan sehingga sembilan juta penumpang telah mengendalikan sebanyak 8,449,000 penumpang.

*So has reached the maximum, the optimum.* Bagi menampung kapasiti penumpang yang meningkat, Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang sedia ada. Dalam hubungan ini Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan bagi proses pengambilan tanah seluas 40 ekar yang berada dekat Lapangan Terbang Kota Kinabalu.

Yang Berhormat Libaran dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Mana, Yang Berhormat Kudat ya sila.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Akan tetapi yang saya ingin minta penjelasan selanjutnya ialah seperti mana yang telah dijelaskan tadi bahawa kapasiti itu telah pun menghampiri 9 juta seperti mana yang telah dijelaskan.

■1550

Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada adakah perancangan daripada Kementerian Pengangkutan untuk membolehkan satu lapangan terbang dapat diwujudkan di luar Kota Kinabalu? Oleh kerana mungkin ini adalah merupakan satu perancangan yang lebih baik kerana ia akan dapat membolehkan perancangan untuk memastikan masa hadapan pengurusan *passenger movement* ini akan dapat diuruskan dengan baik. Oleh kerana ia juga akan membuka satu koridor ekonomi baru, khususnya di kawasan selatan yang diura-urakan satu ketika dahulu dicadangkan di kawasan Kumanis ataupun Papar.

Ini saya percaya adalah merupakan satu cadangan yang harus dipertimbangkan secara serius kerana kawasan tersebut pun tidak lagi sesuai kerana ia terlalu di dalam kawasan bandar. Ia akan menyebabkan *restriction* terhadap pembinaan di kawasan tersebut. *Height restriction*, khususnya di Kota Kinabalu itu akan berlaku. Saya berharap supaya kerajaan daripada membaiki atau membesarkan lagi lapangan terbang ini, mungkin dapat mempertimbangkan untuk mewujudkan satu lapangan terbang baru di kawasan yang lebih luas untuk keperluan masa hadapan. Itu yang pertama.

Kedua, berkaitan dengan Terminal Dua. Saya nampak Terminal Dua yang dulu dipakai oleh AirAsia sekarang kosong dan ia adalah merupakan satu pembaziran. Adakah perancangan daripada Kementerian Pengangkutan untuk membolehkan Terminal Dua ini diguna pakai sama ada untuk tujuan-tujuan bagi *general aviation* ataupun perkara-perkara lain yang boleh memberikan manfaat terhadap Terminal Dua itu? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Memang ada cadangan daripada kerajaan negeri untuk mencari satu kawasan yang baru sama ada di kawasan selatan ataupun di kawasan pantai. Kita akan lihat semula cadangan daripada kerajaan negeri dan kita akan mengkaji sedalam-dalamnya dari segi pembesaran Lapangan Terbang Kota Kinabalu ini. Memang peningkatan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu amatlah tinggi. Ini menunjukkan satu peluang yang baik dari segi pembangunan ekonomi di negeri Sabah.

Berhubung dengan soalan seterusnya, *second question is* sama ada— oh, terminal yang digunakan oleh AirAsia itu. Saya hendak jelaskan di sini bahawa MAHB telah mengenal pasti kawasan itu adalah untuk penggunaan *air cargo*. Kita akan lihat penggunaan kawasan itu sebagai kawasan untuk *general aviation* juga satu cadangan yang baik. Oleh kerana sekarang kita tahu *there are a lot of private jet* yang boleh terbang ke kawasan Kota Kinabalu dan boleh juga dijadikan satu terminal untuk *general aviation*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Libaran dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai insiden penahanan lima lelaki yang membawa dadah di Lapangan Terbang Sandakan dan mempersoalkan bagaimana lelaki tersebut berjaya melepasi kawalan keselamatan di KLIA? Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawalan keselamatan yang dilaksanakan oleh pihak pengendali lapangan terbang di Malaysia adalah bagi mengesan bahan letupan dan senjata api dan bahan berbahaya yang boleh mengancam keselamatan pesawat dan penumpang seperti mana yang ditetapkan di bawah *Annex 17, Aviation Security International Civil Aviation Organization*.

Dari segi bahan-bahan dadah dan sebagainya, ia telah diuruskan oleh pihak Kastam dan juga dari segi *money laundering* untuk semua *international flight*. So,

*local flight*, kita tidak melalui pengesanan itu. Atas sebab itu, kita boleh lihat insiden penahanan lima lelaki yang membawa dadah di Lapangan Terbang Sandakan pada 27 Februari 2018, penahanan tersebut dibuat berdasarkan kepada *profiling* penumpang yang dibuat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa penumpang tersebut melalui pemeriksaan JKDM sebelum keluar di balai ketibaan di lapangan terbang tersebut.

So, dalam hubungan ini, pihak MAHB sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan dalam usaha untuk memperkukuhkan kawalan keselamatan di lapangan terbang. Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanyakah, Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Mana?

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Libaran, Libaran.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Libaran. Ya.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Ya, terima kasih di atas jawapan yang dibuat. Kita tahu bahawa di lapangan terbang mana-mana, terutama sekali KLIA, kalau kita keluar - masuk, bukan sahaja IC kita bagi dari segi ini tetapi seluruh badan kita pun diperiksa oleh pihak *security*. Itu memang baik. Akan tetapi saya sangat hairan. Dadah ini amat berbahaya. Jadi, dalam perbahasan saya, saya menyatakan bahawa dari setiap tahun ke tahun, termasuklah di Sandakan, di mana saya sendiri sebagai Pengerusi Majlis Antidadah di kawasan Sandakan, ia meningkat dari tahun ke tahun. Jadi, tidakkah pihak kementerian, terutama sekali di pintu-pintu masuk seperti di lapangan terbang ini, dapat dikemaskinikan tentang pemeriksaan, terutama sekali seperti dadah ini.

Kedua, mengenai lapangan terbang. Di Sandakan pada tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri disertai oleh Menteri sendiri telah mengumumkan pembesaran ataupun memanjangkan landasan Lapangan Terbang Sandakan. Akan tetapi rakyat di Sandakan bila saya turun, mereka tertanya-tanya bila sebenarnya. Jadi, pertanyaan itu memang baiklah tetapi kita tidak mahu apabila lapangan terbang diumumkan oleh Perdana Menteri, termasuk Menteri, tidak ada kelihatan apa-apa untuk melaksanakan. Jadi, pertanyaan itu kita tidak mahu akan menjadi pertanyaan yang agak sebaliknya. Jadi, mohon Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran kerana membangkitkan berhubung dengan projek pembesaran Lapangan Terbang Sandakan. Memang kelulusan projek ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana proses tender dan juga proses mengeluarkan surat LOA itu memakan sedikit masa dari segi *value management* untuk memastikan bahawa nilai yang kita keluarkan itu adalah berpatutan dengan projek yang telah

diluluskan. Semua proses telah siap. Saya hendak yakinkan kepada Yang Berhormat Libaran bahawa surat LOA ini akan kita keluarkan dalam bulan ini juga. Saya rasa projek pembesaran *airport* ini boleh dilaksanakan dengan serta-merta.

Berhubung dengan dadah, seperti yang saya sebutkan tadi, memang kementerian mengambil berat tentang penyelewengan dadah ini dan telah pun mengarahkan MAHB bekerjasama dengan Kastam untuk memastikan pemeriksaan. Walaupun ia adalah penerbangan dalaman negara tetapi pemeriksaan perlu ditingkatkan. Kita buat pemeriksaan yang rapi dari segi penerbangan antarabangsa tetapi penerbangan dalaman juga sekarang kita akan pastikan ditingkatkan sejak wujudnya masalah ini kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan Yang Berhormat Putatan tadi dan juga Yang Berhormat Sepanggar. Bertanya saya berhubung dengan kekerapan penundaan penerbangan oleh pihak Malaysia Airlines bagi penerbangan Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur. Kementerian Pengangkutan sentiasa memantau secara berterusan prestasi ketetapan masa (*on time performance*) syarikat-syarikat penerbangan Malaysia, termasuk Malaysia Airlines Berhad bagi memastikan tanda aras (*benchmark*) 85 peratus agar dapat dicapai. Dalam hubungan ini, prestasi semasa Malaysia Airlines Berhad (MAB) adalah 83 peratus bagi laluan Kota Kinabalu–Kuala Lumpur.

Antara langkah-langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh pihak MAB adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan jawatankuasa khusus yang dikenali sebagai *Strategic Operational Review Meeting* sejak tahun 2016 yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti punca kelewatan dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi punca-punca kelewatan tersebut;

■1600

- (ii) menambah baik standard *operating procedure* di lima kawasan teras yang telah dikenal pasti seperti berikut:

[*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*

***mempengerusikan Mesyuarat]***

- (a) proses A17, proses di mana beg terpaksa dikeluarkan dari pesawat kerana penumpang yang telah didaftar masuk tidak muncul di pesawat;
- (b) proses masuk ke pesawat, *the boarding process* dipercepatkan;
- (c) keselamatan operasi pesawat;
- (d) prosedur daftar masuk, *check-in* dipertingkatkan; dan



- (e) aktiviti membawa pesawat *below the wing* seperti aktiviti mengisi minyak serta *loading* dan *out loading of baggage* dipertingkatkan.
- (iii) MAB dalam melaksanakan penyelenggaraan pesawat lebih awal dan mengikuti jadual bagi memastikan pesawat berada dalam keadaan baik dan selamat terutamanya pada waktu puncak;
- (iv) menubuhkan *fleet support system, fleet support team* di bahagian kejuruteraan MAB untuk mempercepatkan proses pembaikan pesawat yang mengalami masalah teknikal semasa operasi; dan
- (v) melaksanakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS untuk maklumkan kepada penumpang jika berlaku perubahan pintu perlepasan supaya tidak berlaku kelewatan perlepasan pesawat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Sandakan telah membangkitkan mengenai harga siling tiket penerbangan. Yang Berhormat Putatan tadi pun tanya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sedang melaksanakan kajian penetapan harga tambang termasuk kemungkinan untuk menetapkan harga lantai minimum dan harga maksimum siling tiket penerbangan yang dijangka akan diselesaikan sebelum pertengahan tahun 2018. So, MAVCOM masih dalam kajian untuk kita kenakan *the ceiling price* tetapi hanya untuk domestik *flight, not international flight*.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, jawapan yang saya terima pada tarikh 6 Mac 2018 menyatakan bahawa kerajaan telah menetapkan harga siling ke atas semua laluan perkhidmatan luar bandar yang disediakan oleh MASwing. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri juga pernah mengatakan kerajaan boleh menetapkan harga siling ke atas perkhidmatan MASwing. Jadi saya ingin tanya adakah kerajaan menetapkan harga siling kerana sebelum ini saya telah *check* yang harga maksimum itu yang dikatakan harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan RM243 untuk satu hala dari Sibu ke Kota Kinabalu. Akan tetapi itu sebenarnya harga lantai yang dikenakan oleh MASwing.

Jadi adakah dan bilakah kerajaan dapat mengumumkan harga siling untuk semua 49 laluan MASwing supaya rakyat tahu harga maksimum yang akan dikenakan oleh syarikat penerbangan. Apakah tindakan yang akan diambil terhadap MASwing

memandangkan MASwing tidak mengenakan harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan. Saya minta penjelasan.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Untuk makluman Yang Berhormat Lanang, kerajaan telah menetapkan harga siling bagi kadar tambang yang dikenakan ke atas semua laluan perkhidmatan udara luar bandar. Yang disebutkan tadi memang kita sudah dikenakan harga siling. *Rural Air Services* (RAS) yang dioperasi oleh MASwing. Harga siling yang ditetapkan tersebut adalah bagi kelas ekonomi untuk laluan sehalu iaitu penerbangan terus sahaja dan bukanlah bagi laluan transit. Kalau di *fly to* Sibul, Sibul to Miri, itu laluan transit. Laluan sehaluan kita akan berikan harga siling.

Harga siling tersebut merupakan harga tambang asas dan tidak merangkumi lain-lain caj seperti caj syarikat penerbangan, yuran perkhidmatan, insurans penumpang dan surcaj bahan api, caj perkhidmatan terbang (PSC), *airport tax* dan juga GST ke atas PSC tersebut. So, adalah jelas bahawa kita telah pun laksanakan harga siling itu dan harap kita dapat memberi jaminan menjaga kepentingan pengguna.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Boleh minta penjelasan sedikit lagi.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Lepas ini Yang Berhormat Tumpat.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Memandangkan Yang Berhormat Menteri kata ada harga siling untuk semua laluan MASwing. Jadi bolehkah Menteri mengumumkan setiap harga siling yang dikenakan setiap laluan dan memandangkan kerajaan telah menetapkan harga siling, jadi saya rasa kerajaan perlu memaparkan semua harga siling ke atas laman web MASwing supaya rakyat tahu apakah harga maksimum yang akan dibayar oleh mereka. Terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Lanang dan saya perhatikan Yang Berhormat Menteri bahawa harga siling ini yang dirancang akan diumumkan pada pertengahan tahun ini. Saya harap ia benar-benar munasabah. Ini sebab sekarang ini saya boleh beritahu Yang Berhormat Menteri bahawa kadangkala kos Firefly ataupun Malindo, biasanya Firefly ke Kota Bharu lebih mahal daripada kos KLM ke Jakarta. KLM, kita tahu penerbangan biasa tidaklah harga murah dan sebagainya. Jadi biarlah bukan sahaja konsep siling itu mesti ada tetapi ia betul benar-benar munasabah dan tidak menjadikan ia terlalu luar biasa jika dibandingkan dengan penerbangan syarikat-syarikat lain yang juga komersial.

Keduanya, saya ingin tanya berkaitan dengan penerbangan seperti Firefly dan Malindo ini. Status syarikat ini, adakah syarikat ini memberi khidmat biasa ataupun khidmat *low cost* atau harga rendah? Sebabnya misalnya, kalau saya hendak ke Kota Bharu katakanlah penerbangan saya pukul 7.00 malam. Saya sampai awal, 5.30 sampai di Subang Airport. Ada lagi *flight* sebelumnya pukul 6.00. Saya tidak boleh terus tukar dari pukul 7.00 hendak awal lagi walaupun tempatnya ada, *the seat is*

*available*, dengan izin tetapi tidak boleh. Kena bayar tambah dan sebagainya. Apa logiknya semua ini dari sudut bukan sahaja kita sebagai pengguna. Dari syarikat itu yang komersial.

Walhal dia boleh isikan tempat yang masih kosong yang masih ada *flight* pukul 6.00 itu dengan saya masuk ke dalamnya. Akan tetapi syaratnya tidak boleh. Kena bayar lebih dan sebagainya. Saya mohon perhatian dan tindakan Menteri.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang dan Yang Berhormat Tumpat. Memang kita umumkan harga siling ini melalui *website* MAVCOM. Boleh kita dapati semua harga-harga siling yang telah tertera di sana.

Berhubung dengan aduan Yang Berhormat Tumpat tadi sama ada Firefly, Malindo ini dia *low cost* ataupun dia pesawat biasa. Ia adalah penerbangan biasa, *it is not a low cost flight*. Dari segi penukaran tiket itu saya rasa memang dia tertakluk kepada syarat-syarat pengoperasian syarikat tersebut. Cadangan Yang Berhormat tadi boleh saya sampaikan kepada syarikat agar mereka boleh berdaya saing. Ini kerana saya rasa cadangan tadi memang betul, kalau ada kekosongan kalau ada hendak awalkan tidak sepatutnya tambang lebih surcaj untuk penukaran tiket tersebut. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Serdang dalam perbahasan telah membangkitkan satu lagi isu berhubung dengan *Malaysian Transport Safety Board*. Untuk makluman Yang Berhormat dengan penubuhan *Malaysian Transport Safety Board* pada dasarnya telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 17 November 2017.

Pada masa ini kementerian pengangkutan sedang melaksanakan sesi libat urus dan rundingan penubuhan MTSB dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi serta pihak berkuasa negeri yang terlibat dengan aspek kemalangan pengangkutan. Proses libat urus dan perundangan ini amat penting bagi memastikan bidang kuasa MTSB merangkumi semua aspek siasatan kemalangan yang meliputi semua *mode* pengangkutan iaitu darat, rel, maritim dan udara.

So, sebab itu penubuhan MTSB ini adalah komprehensif. Adalah satu agensi yang amat penting dari segi penyiasatan kemalangan pengangkutan dalam negara kita. Draf rang undang-undang ini telah pun sedang disediakan dan dijangka dimuktamadkan untuk dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober tahun ini, 2018 dan MTSB dijangka beroperasi pada tahun 2019.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, saya memang menghargai apa yang Menteri kata tadi dari segi *comprehensiveness Malaysian Transport Safety Board* ini. Akan tetapi kalau saya tidak silap, persetujuan telah dibuat dalam Jemaah Menteri mengikut laporan surat khabar pada bulan Disember 2016. Jikalau Menteri ingat juga, saya bersama dengan Yang Berhormat Kluang dan beberapa lagi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri telah pergi ke pejabat MIROS untuk membincang isu ini.

## ■1610

Pada masa itu, kalau saya tidak silap *about two years ago* sebenarnya rang undang-undang untuk menubuhkan MTSB ini *already ready*. *At that time* 2016, rang undang-undang itu sudah disediakan. Jadi saya memang hairan kenapa *after two years* dan selepas beberapa tahun selepas tragedi MH370 ini masih belum lagi dibentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. *You have been given the whole term* tetapi *why do we have to wait until* selepas PRU ke-14 sebelum akta ini boleh dibentangkan?

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Yang Berhormat Serdang, saya hendak jelaskan bahawa MTSB ini dia merangkumi banyak *mode transport* dari segi *real to* udara dan juga darat, *maritime*. Banyak agensi-agensi yang berkaitan dan banyak undang-undang, *subsequence amendment* yang perlu dibuat selepas ini. Ini kerana buat masa sekarang penyiasatan bagi kemalangan udara, kemalangan darat, kemalangan *real maritime* semuanya berasingan oleh agensi-agensi yang berkaitan. Apabila kita hendak gabungkan kesemua ini banyak undang-undang yang perlu dipinda dan banyak perkara yang perlu dibincangkan dan diselaraskan dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, semua isu ini telah diselesaikan dan saya yakin pada tahun ini kita dapat bentang rang undang-undang ini di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat, maaf.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** ...Dan saranan yang dikemukakan...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya ada satu soalan yang saya bangkitkan dalam ucapan tentang kos ECRL sama ada ia adalah *single line on a double track formation*. *I think I've raised this issue many times*.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Kos *ECRL is under EPU*, *Rahman Dahlan will answer you*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, *thank you*.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** So saya ucap terima kasih kepada semua...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya berkenaan dengan ECRL juga berkenaan dengan kontrak *local contractors*.

**Dato' Sri Liow Tiong Lai:** Ini seperti saya sebutkan ini EPU akan menjawab semua dalam sesi ini. Okey itu sahaja terima kasih, Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Menteri Kesihatan.

#### 4.12 ptg.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan perkhidmatan Kementerian Kesihatan. Saya akan menjawab perkara-perkara yang dibangkit beraskan kepada tajuk-tajuk yang berkaitan kerana beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan terhadap isu yang sama. Tajuk pertamanya ialah berkaitan dengan isu kemiskinan yang menyebabkan masalah kesihatan di kalangan anak-anak di bawah umur lima tahun di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia amat sedar akan perkara yang dibangkitkan oleh para Yang Berhormat. Penyebab masalah kurang zat makanan di kalangan kanak-kanak dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi dan budaya contohnya bilangan isi rumah, pekerjaan ibu bapa, tahap pendidikan ibu bapa dan kebolehan dapatan makanan dalam sesebuah isi rumah. Selain itu, pemakanan ibu semasa hamil dan amalan pemberian makanan di peringkat bayi dan kanak-kanak kecil juga mempengaruhi masalah ini. Kementerian sememangnya mempunyai sistem pemantauan untuk menilai tahap status pemakanan rakyat di peringkat klinik kesihatan di mana peratusan liputan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak sehingga kini adalah melebihi 95 peratus.

Melalui sistem penjagaan kesihatan ini, anak-anak yang mengalami kes kurang zat makanan seperti kurang berat badan, terbantut dan susut dikesan melalui rutin pengambilan berat, panjang dan tinggi kanak-kanak oleh anggota kesihatan di klinik kesihatan bagi mengenal pasti status pemakanan mereka. Anak ini akan diberi intervensi dan temu janji susulan secara berkala sehingga masalah kesihatan diatasi. Bagi melihat punca utama masalah ini, pihak kementerian bercadang untuk menjalankan satu kajian melalui *National Health Household Survey* yang akan digunakan sebagai satu langkah untuk perancangan intervensi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk kedua ialah berkaitan dengan pendirian Kementerian Kesihatan terhadap isu *doula*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya adakah pihak kementerian dan kerajaan umumnya akan meningkatkan lagi usaha untuk memberi maklumat dan juga *education ever* kepada ibu bapa khususnya di Pantai Timur. Ini kerana kalau kita tengok laporan UNICEF tentang anak-anak di bawah lima tahun yang pembesaran mereka terbantut, tiga negeri Pantai Timur,

Kelantan yang tertinggi 34 peratus, Terengganu 26 peratus dan Pahang 26 peratus mempunyai masalah sedemikian rupa di mana anak-anak *stunting in terms of growth* ya. Menteri Besar Terengganu pula menyalahkan ibu bapa sahaja. Saya rasa pihak kerajaan juga ada tanggungjawab untuk memberi satu kempen kesedaran bukan sahaja ibu bapa tidak mampu tetapi kesedaran mereka dengan melarang anak-anak memakan *junk food* dan sebagainya boleh membantu.

Saya rasa perlu kita beri satu tumpuan khusus kepada tiga negeri Pantai Timur yang tertinggi. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Seperti yang telah saya jelaskan tadi pada masa sekarang kebanyakan daripada kelahiran contohnya di Pantai Timur saya anggap mungkin berlaku di dalam sistem kerajaan. Apabila mereka melahirkan anak di dalam sistem kerajaan pengawasan terhadap mereka mula daripada apa yang dipanggil *antenatal care* selepas ibu sudah mengandung sampai bersalin. Dari masa itu nasihat diberi oleh sistem perkhidmatan kesihatan kepada ibu yang akan bersalin seorang bayi.

Selepas itu, untuk dua tahun pengawasan dibuat oleh sistem perkhidmatan kesihatan juga. Ini dibuat melalui kedatangan mereka kepada klinik-klinik kesihatan selain daripada itu tiap-tiap anak itu sekurang-kurangnya sembilan kali kita akan lihat di dalam dua tahun ini untuk lihat kepada perkembangan mereka daripada segi fizik tubuh mereka dan apabila ada isu dan nasihat diberi secara berterusan.

Contoh tentang keperluan untuk menyusu bayi ibu dan makanan tambahan yang kena diberi dan sebagainya. Selepas dua tahun hingga lima tahun ini pemantauan kita sudah kurang. Saya pun telah lihat kepada kajian yang telah dijalankan oleh UNICEF, saya ingat mungkin isu ini mula selepas dua tahun. Apabila mereka mula tidak di bawah pengawasan Kementerian Kesihatan. Di dalam perkara itu saya setuju dengan apa yang telah dikata Ahli Yang Berhormat bahawa kempen kita yang sudah ada untuk meningkatkan kesedaran rakyat kepada keseluruhannya khususnya para ibu bapa tentang apa makanan yang paling baik untuk anak mereka dan apa yang mereka patut beri dan patut mengelakkan supaya jangan beri ini.

Kita sedang buat tetapi saya rasa mungkin ada keperluan untuk meningkatkan itu kepada pelosok-pelosok di mana isu mesej ini tidak sampai lagi di mana kita masih menghadapi dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Datuk...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri boleh?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Sambung Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi Yang Berhormat sebut soal kajian ataupun *National Health Survey*. Saya ingin tanya sama ada *National Health Survey*

ini termasuk membuat kajian berkaitan dengan kanak-kanak yang dianggap sebagai *stateless children*? Kita tahu bahawa kanak-kanak begini ia ada masalah untuk mendapat apa yang dipanggil perlindungan perubatan di hospital dan sering kali kita dengar bahawa mereka ini tidak mendapat *support* dengan izin, dari segi kesihatan menyebabkan kita timbul masalah. So bagaimana dari segi strategi kementerian untuk mengatasi perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sebagai satu kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk memberi rawatan. Sebenarnya dari segi prinsip kita memberi rawatan kepada semua orang. Akan tetapi di dalam isu *stateless* ini perkara ini kena dilihat oleh Kementerian Dalam Negeri macam mana untuk selesaikan isu ini. Kalau tak ada memang di dalam sistem Kementerian Kesihatan rakyat Malaysia diberi rawatan secara percuma. Mereka yang tidak menjadi rakyat walaupun kita beri rawatan kita mengenakan bayaran terhadap mereka.

■1620

Ada kadangkala mereka yang datang mendapat rawatan daripada sistem kita, mereka tidak mampu bayar. Walaupun mereka daripada kategori *stateless* atau tidak mempunyai dokumentasi untuk membuktikan bahawa mereka ialah rakyat Malaysia. Daripada segi keperluan yang sihat, rawatan diberi. Akan tetapi, daripada sudut dasar kita berharap isu *statelessness* contohnya kalau mereka dilahirkan di Malaysia dan mereka mempunyai hak untuk menjadi seorang warganegara, isu ini dapat diselesaikan secepat mungkin sebab lebih senang untuk Kementerian Kesihatan untuk memberi perkhidmatan.

Tentang soalan Yang Berhormat, tentang adakah kita membuat kajian khusus terhadap mereka yang ada di dalam *stateless* ini? Kita tidak membuat kajian apa-apa tetapi terhadap mereka yang datang negara-negara yang lain seperti pelarian dan sebagainya, kita bekerjasama dengan UNHCR untuk memastikan rawatan perkhidmatan kesihatan diberi kepada mereka. Memang ini isu yang mempunyai cabaran yang tinggi dan saya faham tujuan Ahli Yang Berhormat dan kita pun berharap kita boleh ada satu penyelesaian kepada isu ini.

Tajuk yang berikutan ialah berkaitan dengan isu *doula*. Kementerian Kesihatan...

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Saya tertarik dengan *National Health Survey* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Saya hendak tahu daripada pandangan Kementerian Kesihatan dan juga pakar-pakar yang terdapat di dalam Kementerian Kesihatan berhubung dengan permasalahan yang semakin serius khususnya di kawasan-kawasan tertentu dan tidak terkecuali di

kawasan saya iaitu berkaitan dengan penularan masalah penyakit talasemia. Penyakit talasemia ini adalah populasinya semakin ramai. Semakin ramai yang kena penyakit talasemia dan apabila mereka mendapat penyakit ini, kadang-kadang melibatkan ramai ahli keluarga ia merupakan satu bebanan yang begitu besar kepada keluarga tersebut dan juga bebanan kepada Kementerian Kesihatan dan juga masyarakat.

Saya hendak tahu, apakah punca sebenarnya penyakit talasemia ini dan apakah *mitigation effort* yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk membendung penyakit talasemia ini. Ini kerana kalau kita lihat ramai mereka yang terkena penyakit ini sudah langsung tidak menjadi produktif lagi. Jumlahnya semakin ramai. Khususnya di kawasan saya. Kawasan saya di kawasan utara Sabah sama ada di Kudat, di kawasan Pitas termasuk juga kawasan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili dan saya percaya banyak lagi tempat-tempat yang lain pun begitu. Ini adalah merupakan satu isu yang patut pihak kementerian mengambil serius untuk menanganinya. Terima kasih. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu tajuk yang baru tetapi saya cuba jawab soalan ini. Secara ringkas, penyakit talasemia ialah satu penyakit yang dipanggil *genetic problem*. Di mana bila perkahwinan berlaku di antara dua orang pasangan di mana mereka menjadi *carrier* kepada gen yang membawa talasemia, akhirnya mereka mendapat seorang anak yang mempunyai penyakit itu. Akan tetapi, secara ringkas rawatannya mereka dijangka masa kehidupan hayat *red blood cell* di dalam badan mereka pendek. Oleh itu, mereka mendapat penyakit yang ber '*anemia*' dan kerana itu mereka secara berterusan kena diberi tambahan darah. Isu yang mereka hadapi biasanya ialah keperluan kerana mendapat *blood transfusion* secara berkala. Bila *blood transfusion* secara berterusan ada lagi satu perkara yang mereka akan hadapi ialah zat *iron* di dalam badannya akan bertambah.

Ini kerana *iron* bertambah di dalam badan mereka kita memerlukan satu cara untuk mengeluarkan *iron* tambahan ini. Ini kerana kita mahu mengeluarkan *iron* tambahan ini, kita memerlukan beri mereka beberapa jenis ubat yang sekarang ada di dalam negara kita dan di dalam Kementerian Kesihatan semua orang yang mendapat rawatan untuk penyakit talasemia, mereka diberi rawatan *chelating agent* ini supaya risiko panjang mereka kurang dan kerosakan yang kadang-kadang berlaku kerana tambahnya kandungan zat besi di dalam badan boleh dikurangkan.

So, untuk jawab macam mana kita boleh mengurangkan itu. Satu ialah saringan untuk mengenal pasti mereka yang menjadi *carrier* untuk penyakit ini, memberi nasihat kepada mereka-mereka seperti siapa yang mereka boleh kahwin dan siapa-siapa yang sepatutnya mereka tidak kahwin untuk mengurangkan risiko ini daripada *early intervention*. Selepas sudah dikenal pasti, dia untuk memberi rawatan secara lebih awal untuk memastikan mereka tidak menghadapi perkembangan yang bantut kerana mereka tidak dapat satu *optimal growth*. Okey? *Correct*.



Saya terus dengan perkara yang lain iaitu isu *doula*. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan terkini pengaruh aktiviti *doula* kepada masyarakat. Pada pemahaman kami, *doula* dianggap hanya sebagai satu peneman semasa proses kelahiran di mana mereka memberi sokongan dari segi emosi sepanjang tempoh kehamilan sehingga selepas bersalin serta memberi maklumat berkaitan kehamilan dan proses kelahiran. Contoh, cara meneran, cara bernafas dan sebagainya. Akan tetapi, selagi aktiviti *doula* tidak bercanggah daripada polisi KKM yang amat mengutamakan kelahiran selamat, mereka boleh menjadi peneman ibu hamil khususnya semasa proses kelahiran. Walau bagaimanapun, sekiranya aktiviti mereka didapati melanggar polisi KKM berkaitan kelahiran selamat, KKM tidak akan bertolak ansur dengan kegiatan mereka dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pihak KKM sedang meneliti pendirian berkaitan aktiviti *doula* di Malaysia sama ada aktiviti *doula* dibenarkan dengan syarat-syarat ketat atau diharamkan sama sekali sekiranya aktiviti jelas bercanggah dengan menyeleweng daripada polisi KKM berhubung kelahiran selamat. KKM sentiasa berusaha untuk memberi kefahaman kepada ibu hamil dan masyarakat tentang risiko kelahiran tidak selamat termasuk pengaruh negatif aktiviti *doula* ini.

Kementerian telah meningkatkan aktiviti promosi kesihatan dan memberikan maklumat yang tepat mengenai kelahiran selamat kepada masyarakat umum melalui media sosial, sesi ceramah di klinik kesihatan dan komuniti. Antara maklumat penting yang pasti diberikan ialah kepentingan kelahiran selamat, risiko yang dihadapi semasa proses kelahiran serta *facility* tempat bersalin. Semua anggota kesihatan yang mengendalikan ibu hamil mesti memberi nasihat individu kepada ibu hamil serta berbincang bersama pasangan mengenai perancangan tempat bersalin sebelum itu.

Tuan Yang di-Pertua. Tajuk yang berikutan ialah...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit. Bukit Katil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun. Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan tentang perkara *doula* ini kerana saya juga bertanya dalam Dewan ini dalam sesi soal jawab yang lepas. Ada dua perkara Yang Berhormat Menteri. Saya yakin bahawa kita semua telah pun membaca laporan media pada bulan lalu kerana ada kematian di Johor. Memang walaupun satu, tetapi mungkin dianggap terpencil tetapi saya ingin bertanya dari segi peranan kementerian apakah ada *engagement*, dengan izin dengan kumpulan-kumpulan yang mengemukakan naratif *gentle birth* ini supaya ada kefahaman di antara pihak

kementerian dan juga kumpulan-kumpulan yang memilih untuk mempromosi *alternative birth*, dengan izin.

Kita juga ada satu akta, Akta 436 Akta Bidan. Di sana ada peruntukan-peruntukan tertentu yang boleh ditambah baik untuk memastikan kalau perkara ini membahayakan ia boleh dilakukan penguatkuasaan undang-undang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian isu berkaitan dengan *doula* ini saya bangkitkan dalam perbahasan oleh sebab kita lihat seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi ada berlaku kematian di Johor yang saya kira memang amat serius. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian melihat perkara ini adakah akan berlaku penguatkuasaan kepada kes yang berlaku ini dan rentetan daripada kes yang berlaku ini, adakah kementerian kalau ikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi seolah-olah macam akan memberikan juga kebenaran kepada *doula-doula* ini untuk mereka meneruskan aktiviti mereka yang kita melihat memang ada kesan yang tidak baik, terutamanya kepada kesihatan bayi. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Soalan sama boleh Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan saya rasa klinik-klinik desa yang kerajaan adakan pada hari ini adalah satu cara yang cukup baik untuk kita memberi kemudahan perubatan dan sebagainya. Mungkin kalau dipertingkatkan boleh mengurangkan masalah *doula-doula* ini.

#### ■1630

Saya hendak mencadangkan, boleh tidak kementerian lihat semula peranan yang dimainkan oleh klinik-klinik desa agar—sekarang ini mereka mengadu kepada saya kurang perubatan, kurang peralatan. Kalau dilihat semula, kita pertingkatkan kemudahan-kemudahan yang ada pada klinik-klinik desa saya percaya boleh membantu masyarakat ramailah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, semasa pengenalan *doula* ini dimulakan, dia cuma seperti apa yang saya jelaskan tadi sebagai seorang rakan yang memberi bantuan sokongan dan sebagainya. Bila dia sampai ke satu tahap di mana nasihat mereka boleh membawa risiko dan membahayakan kepada ibu atau anak yang akan bersalin ini memang ini sudah luar daripada sempadan yang telah diberi.

Oleh itu, saya telah jelaskan tadi kita sedang lihat kepada perkara ini daripada adakah kita kena 100 peratus mengharamkan aktiviti mereka seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, menggunakan akta yang tersedia ada. Memberi kuasa yang lebih banyak supaya mereka yang terlibat di dalam menjalankan

aktiviti tanpa latihan atau tanpa diberi iktiraf oleh Kementerian Kesihatan, mereka tidak boleh lakukan aktiviti dan tindakan boleh diambil terhadap mereka.

Saya setuju bahawa pada masa sekarang jururawat-jururawat desa yang ada di dalam klinik-klinik desa atau jururawat masyarakat yang ada di dalam klinik desa, mereka menjalankan satu tugas yang begitu baik. Saya menerima apa-apa cadangan untuk meningkatkan kebolehan mereka untuk menjalankan tanggungjawab mereka di dalam satu suasana yang lebih baik supaya mereka boleh mengisikan kekosongan mungkin yang ada di mana masyarakat memerlukan bantuan-bantuan sedemikian yang telah diberi oleh *doula* ini supaya kita tidak benarkan perkembangan aktiviti sedemikian.

Akhirnya, apa yang sangat mustahak ialah kesihatan para ibu dan anak. Saya setuju 100 peratus dan mereka yang memperjuangkan cara-cara alternatif ini kadang-kadang tidak memahami risiko yang berkaitan datang dengan ini dan tidak beri gambaran yang tepat kepada ibu yang akan bersalin tentang risiko ini dan akibat daripada itu mereka membuat pemilihan yang salah dan ini contoh yang berlaku di Johor.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan langkah kerajaan dalam mengawal penyakit *non-communicable diseases* atau penyakit tidak berjangkit supaya tidak terus meningkat. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan memandang serius penyakit NCD yang semakin meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Penyakit Tidak Berjangkit untuk tahun 2016 sampai 2025 telah diterbitkan bagi menyediakan rangka kerja untuk mengukuhkan program pencegahan dan pengawalan penyakit NCD di Malaysia.

Beberapa strategi utama yang berimpak tinggi telah digariskan untuk menangani masalah penyakit NCD ini iaitu melalui:

- (i) perluasan dan pemantauan intervensi penyakit NCD dalam komuniti melalui program KOSPEN;
- (ii) Menaik taraf sistem pengumpulan data faktor risiko dan penyakit NDC;
- (iii) mengukuhkan penyebaran maklumat dan mesej pencegahan dan kawalan penyakit NCD melalui media sosial;
- (iv) memantapkan aktiviti pencegahan obesiti di sekolah;
- (v) meningkatkan kebolehdapatan makanan sihat di komuniti dan sekolah;
- (vi) memantapkan aktiviti fizikal secara berstruktur;
- (vii) mengukuhkan aktiviti pencegahan penyakit NCD di tempat kerja dan institusi swasta dan kerajaan;
- (viii) memperluaskan tempat-tempat awam sebagai tempat dilarang merokok;

- (ix) memperluaskan aktiviti saringan faktor risiko penyakit NCD; dan
- (x) meningkatkan kualiti perkhidmatan penyakit NCD di *facility* kesihatan primer melalui konsep *family doctor* dan pasukan *primary healthcare*.

Selain daripada itu, inisiatif KOSPEN aktif iaitu penggunaan aplikasi telefon pintar dan *fitness tracker* untuk menggalakkan individu untuk berlari ataupun berjalan membantu untuk mengawal penyakit NCD di dalam negara. Bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat berhubung NCD pihak KKM menjadikan perkhidmatan promosi dan pendidikan, di samping itu aktiviti saringan dan perawatan penyakit-penyakit di pelbagai peringkat juga dilaksanakan.

Bagi peringkat penjagaan primer atau *primary care* ia disediakan menerusi rangkaian *facility* melibatkan klinik kesihatan, Klinik 1Malaysia, klinik desa serta klinik ibu dan anak yang menjalankan aktiviti-aktiviti promosi pencegahan penyakit NCD dan saringan penyakit NCD. Di peringkat penjagaan primer juga terdapat pasukan kesihatan pelbagai disiplin, *multidisciplinary team* yang bertanggungjawab memberi perkhidmatan kesihatan secara holistik termasuk bagi penyakit NCD.

Bagi warga yang disaring dan didapati berisiko penyakit intervensi akan dijalankan mengikut risiko yang dikenal pasti. Bagi mereka yang didapati mempunyai penyakit NCD, rawatan sewajarnya akan diberikan. Dalam usaha ini KKM juga telah mengadakan aktiviti usaha sama bersama kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Kementerian telah menghasilkan pelan strategik kebangsaan hidup aktif dan polisi menangani masalah obesiti Malaysia untuk menangani masalah NCD.

Bagi menangani masalah kesihatan mental pula, kementerian melaksanakan pelbagai langkah seperti melalui program kesihatan mental komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan yang diberikan meliputi aktiviti promosi dan pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap stres, keresahan serta kemurungan. Kementerian juga menyediakan perkhidmatan psikiatri melalui empat buah institusi mental dan 33 hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Di peringkat kesihatan primer sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan saringan dan intervensi awal, kaunseling dan *psychoeducation* dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri.

Selain itu, perkhidmatan rawatan susulan juga diberi untuk pesakit mental yang telah stabil. Kementerian telah mewujudkan 21 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat atau MENTARI di seluruh negara bagi member perkhidmatan saringan, pengesanan awal, kaunseling, pemulihan dan rehabilitasi pesakit mental. Pesakit juga dilatih dalam kemahiran hidup seperti penjagaan diri, penyediaan makanan dan lain-lain. Bagi pesakit mental yang telah stabil, cadangan penempatan pekerjaan juga disyorkan oleh pihak pengurusan rawatan berkaitan.

Program Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah kesihatan mental adalah Program Minda Sihat yang dilaksanakan di kalangan murid Tingkatan 4 di 2,343 sekolah menengah seluruh negara. Program Minda Sihat ini dikendalikan dengan menjalankan saringan DASS atau *depression anxiety stress scale* untuk mengetahui status kesihatan murid sekolah menengah bagi mengenal pasti tahap stres, keresahan dan kemurungan di kalangan mereka. Usaha sedang dijalankan dengan pihak kementerian untuk memperluaskan saringan kepada pelajar Tingkatan 2.

Melalui NBOS, KKM sedang dalam inisiatif untuk bekerjasama dengan beberapa kementerian lain antaranya Kementerian Pendidikan Tinggi bagi membangunkan Program Minda Sihat di kolej komuniti di seluruh negara dan juga Kementerian Belia dan Sukan untuk memasukkan agenda kesihatan mental di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia. Selain itu, KKM juga berkolaborasi bersama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Befrienders yang menawarkan perkhidmatan kaunseling melalui telefon dan e-mel, perkhidmatan perbincangan dan kaunseling secara tertutup kepada individu yang mempunyai masalah emosi, murung dan keinginan untuk membunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan sama ada Malaysia telah mencapai sasaran ataupun *target* yang telah ditetapkan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia berkaitan dengan penyakit berkaitan NCD. Saya ingin memaklumkan bahawa sasaran yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi penyakit NCD adalah menghentikan peningkatan *prevalent diabetes* dan obesiti daripada 17 peratus kepada kurang daripada 15 peratus.

Untuk penyakit darah tinggi pula, sasaran adalah penurunan 25 peratus iaitu daripada 32.2 peratus kepada 26 peratus. Sasaran penurunan pengambilan tembakau untuk yang berusia 15 tahun dan ke atas sebanyak 30 peratus iaitu penurunan *prevalent* 23 peratus kepada 15 peratus. Untuk pengambilan garam, sasaran global adalah penurunan sebanyak 30 peratus iaitu penurunan dari 8.7 gram kepada 6.0 gram.

#### ■1640

Untuk kehidupan yang tidak aktif dan penggunaan alkohol secara berbahaya, kedua-duanya menyasarkan penurunan sebanyak 10 peratus iaitu masing-masing daripada *prevalent* 35.2 peratus kepada 30 peratus dan kesemua *prevalent* yang digunakan untuk perbandingan adalah data daripada Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015. Pencapaian sasaran *National Strategic Plan for NCD 2016 – 2020* adalah dipantau secara berterusan.

Kementerian Kesihatan melaksanakan inisiatif integrasi ICT bagi data saringan penyakit NCD melalui Program Saringan KOSPEN, komuniti, penjawat awam...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, menjawab...

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** *Can I finish this?* Penjawat awam menerusi KOSPEN *plus* saringan di klinik-klinik kesihatan dan juga saringan penyakit NCD yang dijalankan oleh agensi-agensi lain seperti PERKESO bagi pencarum swasta dan saringan tahunan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Inisiatif integrasi ICT ini membolehkan liputan saringan bagi pengesanan awal penyakit NCD rakyat Malaysia dapat dipantau setiap tahun dan juga intervensi yang lebih berkesan dan berimpak tinggi dapat dilaksanakan kepada rakyat Malaysia yang mempunyai faktor risiko NCD. Ya, Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri berkait dengan sasaran WHO. Kita dapati bahawa WHO juga mengatakan bahawa setiap negara khususnya negara membangun mesti menyasarkan tujuh peratus daripada KDNK untuk bajet kesihatan. Akan tetapi Malaysia sekarang hanya 4.3 peratus. So, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri, macam mana ataupun apakah strategi Malaysia untuk mencapai tujuh peratus dalam masa yang singkat?

Ini saya bangkitkan sebab kita dapati banyak aduan daripada orang ramai yang mengatakan kepada pejabat saya dan saya juga telah berbincang dalam sesi Parlimen yang lain, mereka tidak dapat ubat yang harus mereka makan tetapi diberikan preskripsi untuk dibeli di farmasi dan sebagainya dan ubat itu terlalu mahal. *So out of pocket payment is quite high. So* oleh kerana itu satu masalah ialah oleh kerana bajet Kementerian Kesihatan telah dipotong ataupun digunakan untuk lain-lain penggunaan. So, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, macam mana dan juga bila *and what is the plan strategy* untuk *reach the seven percents* seperti negara Thailand, Vietnam dan sebagainya *which is less developing country, for example?* Itu satu Yang Berhormat Menteri.

Isu yang berkait juga Yang Berhormat Menteri telah sentuh tadi, saya hendak tanya kepada Menteri, apakah strategi kerajaan atau apakah respons kerajaan kepada laporan UNICEF yang telah dikeluarkan tiga atau empat bulan yang lalu? Di mana jelas bahawa kanak-kanak di bawah lima tahun dikatakan *stunted growth. This is serious.* Saya katakan serius sebab *we are a developing country and a high developing country.* Kerajaan kata kita negara kaya tetapi kita nampak *the stunted growth only happens in poor countries, less developing countries. So what is happening here? And what is the response* oleh Kementerian Kesihatan sebab kalau mereka tidak makan makanan berzat yang bagus dan sebagainya, *nutritious food for example, in ten years they all have diabetes.*

Hari itu Yang Berhormat Kuala Kedah dalam perbincangan beliau mengatakan bahawa di kawasan beliau dan saya pun pernah dengar bahawa nasi lemak diberikan untuk *breakfast* dan untuk *lunch*, roti canai diberikan. Inilah cara kita oleh kerana harga tinggi, maka *parents are finding different ways of making the stomach full of children but they are malnutrition. Stomach is full but they are facing malnutrition. So how are we going to solve this problem because it is going to be a problem for Kementerian Kesihatan when they all have diabetes?* Minta pandangan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya respon? Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua sebab disebutkan oleh Yang Berhormat Klang dan beliau ada bangkitkan isu ini selepas ucapan saya.

Boleh saya jelaskan di sini ialah apa yang berlaku ialah masyarakat membeli makanan yang berzat seperti telur dan itu mahal. Apa yang mudah dalam konteks masyarakat kita sekarang ialah karbohidrat dan yang termurah sekali ialah tepung putih beras yang *highly polished rice*, dengan izin, beras putih dan diperasakan dengan gula. Itu yang berlaku. Kebanyakan makanan berkisar pada bahan-bahan ini dan ini adalah bahan-bahan yang tinggi karbohidrat yang *refined* ataupun diproses tanpa zat yang mencukupi.

Apa yang berlaku ialah paras insulin tinggi. Itu yang didokumenkan di kebanyakan kajian di luar negara dan seseorang yang makan karbohidrat yang diproses atau *refined*, dengan izin yang tinggi, paras insulin tadi akan mengalami *hyperinsulinemia* yang membawa kepada obesiti, diabetes juga akhirnya membawa kepada darah tinggi dan penyakit-penyakit lain. Asas-asas pada NCD telah wujud apabila dietnya bertukar. Makanan berzat seperti telur, minyak kelapa sukar didapati dan sangat mahal. Mintak kelapa sawit *unrefined*, yang kaya dengan anti oksida, *beta-carotene* apa semua itu tidak ada. Ikan juga mahal sekarang. Daging, lagi mahal. Ayam juga mahal. Itu yang berlaku.

Sebagai respons juga, saya rasa kita perlu melihat balik cara Kementerian Kesihatan melihat malnutrisi *stunted growth*, dengan izin ataupun gangguan pembesaran—tadi satu aspek. Akan tetapi satu aspek lagi ialah ibu bapa yang anaknya diberi makan makanan karbohidrat tinggi. Kalau kita lihat berat badan, dia tidak turun. Berat badannya bukan rendah tetapi dia juga mengalami obesiti di peringkat yang awal, tidak berzat. Itu yang jadi diabetes dan darah tinggi semua. Itu yang didokumenkan kerana paras insulinnya yang sentiasa tinggi. Itu yang berlaku. Tidak ada zat, dalam istilah Inggerisnya disebut dengan izin, *calory rich, nutrient deficient*. Banyak kalori, banyak zat tenaga, karbohidrat tetapi zatnya kurang. Macam mana kita hendak atasi masalah ini? Itu satu.

Keduanya, panduan kita piramid makanan Malaysia sebenarnya menggalakkan orang mengambil terlalu banyak karbohidrat sampai lapan hingga 12 kali hidangan karbohidrat dan itu dianggap betul. Akan tetapi terlalu banyak

karbohidrat, meningkatkan risiko obesiti kerana paras insulin tinggi, satu. Keduanya ialah orang diabetes juga disuruh ambil karbohidrat yang agak tinggi walaupun itu merupakan pandangan kolektif daripada *endocrinologist* Malaysia tetapi saya rasa itu pandangan yang telah terkebelakang sainsnya kalau dibandingkan dengan perkembangan baharu iaitu *low carbohydrate* atau rendah karbohidrat itu lebih sihat. Itu lebih kurang penjelasan saya tentang ucapan saya. Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Penjelasan macam Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, beberapa topik sebenarnya saya patutnya jawab ini selepas tetapi saya akan jawab pada masa sekarang juga. Isu berkaitan dengan kajian UNICEF ini, saya telah jawab. Saya ingat saya jawab sebelum Yang Berhormat masuk ke dalam Dewan.

Secara rumusan apa saya telah katakan, saya telah jelaskan dengan apa yang telah dilakukan oleh kementerian sepanjang masa. Walau sedemikian pun, dengan mengambil kira apa yang telah dibangkitkan di dalam kajian UNICEF ini, kita akan lihat daripada sistem seperti apa yang Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan. Isu ini ialah tentang kesedaran dalam kalangan para ibu bapa dan isu yang pun termasuk di dalam aspek sosioekonomi supaya dengan pengetahuan yang lebih tinggi tentang apa yang sepatutnya dimakan dan macam mana sistem boleh menyediakan kebolehdapatan makanan yang mempunyai *nutrition* yang tinggi seperti apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi.

Perkara ini kita ada kerjasama dengan *multy sectoral agency* termasuk Kementerian Pertanian supaya apakah langkah-langkah yang boleh dibuat supaya rakyat Malaysia boleh mendapat bekalan makanan yang mempunyai *nutrient value* yang tinggi dengan kos yang munasabah, yang boleh sampai kepada rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Itu daripada *supply and demand*.

Sebelahnya ialah tentang pengetahuan di dalam kalangan rakyat khususnya para ibu bapa dengan pemilihan yang sepatutnya mereka buat. Kita sudah memutuskan untuk lihat kepada kajian ini sebagai satu *eye opener* walaupun data yang mereka dapat dan data yang kita ada pada masa sekarang khususnya yang berkaitan dengan *stunting* dan sebagainya, lebih kurang sama. Ada perbezaan satu atau dua peratus.

#### ■1650

Isu ini mungkin adalah berkaitan dengan cara hidup, sosioekonomi dan perubahan di dalam cara hidup. Contohnya, perkara ini terlibat— contoh, penduduk di Putrajaya juga. Apabila ia melibatkan cara hidup, ini bukan satu kumpulan di mana pendapatan yang rendah kebanyakan mereka yang tinggal di situ ialah *civil servants*. Kalau ada isu *nutrition* di dalam kalangan mereka, itu mungkin bukan sahaja isu kewangan tetapi isu perkara-perkara yang lain. So, saya sudah minta bahagian



*National Institute of Health* di bawah kementerian supaya kita kena lihat kepada *the model lifestyle* dan amalkan pengaruhnya terhadap isu kanak-kanak dan macam mana sebagai satu kerajaan, kita boleh mengadakan intervensi yang mencukupi.

Berkaitan supaya isu-isu yang berkaitan dengan *nutrition* iaitu *double burden*, bukan sahaja *malnutrition* seperti dipanggil tetapi obesiti di sebaliknya. Kedua, ia menjadi satu bebanan yang besar, kita boleh mengelakkan daripada itu. Tentang peratusan perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan, sebenarnya apa yang disebut oleh WHO ialah sesebuah negara mesti ada satu sistem perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh *with accessibility and equity*, di mana semua rakyat mereka mendapat peluang untuk satu perkhidmatan kesihatan yang baik. Daripada sudut itu, perkhidmatan kesihatannya telah di terima oleh pihak WHO sebagai satu sistem yang memberi satu *universal healthcare*. Kedua, ia mempunyai satu *accessibility* kepada semua rakyat dan ia telah mencapai ekuiti kerana semua rakyat Malaysia ada peluang untuk mendapatkan rawatan daripada sistem perkhidmatan awam.

Walaupun perbelanjaan kita 4.4% daripada KDNK, itu tidak bermaksud kita telah berkompromi dengan sistem perkhidmatan kesihatan. Walaupun kita berharap melalui pelbagai jenis cara dan langkah supaya meningkatkan bajet yang *available* untuk rakyat supaya perbelanjaan itu boleh jadi lebih. Contohnya, kalau *you* ambil kira negara Amerika Syarikat, contohnya. Perbelanjaan Amerika Syarikat lebih kurang 17% daripada GDP mereka dan kebanyakan daripada itu datang daripada bayaran daripada *private health insurance*. Sistem itu tidak boleh dikatakan satu sistem yang paling baik. Oleh kerana ia telah membawa pelbagai jenis kelemahan, di mana pada tahun yang dahulu dan sebelum itu semasa Presiden Obama menjadi Presiden Amerika, dia telah cuba menyelesaikan isu di mana rakyat Amerika Syarikat yang miskin tidak ada peluang untuk mendapat perkhidmatan kesihatan. Walaupun pelbagai jenis kaedah dimulakan, sampai sekarang mereka tidak berjaya untuk menyelesaikan isu ini.

So, bermaksud tidak bererti bahawa kalau satu negara berbelanja satu peratusan yang tinggi daripada GDP mereka, itu akan membawa satu sistem kesihatan yang baik. Sistem kesihatan ini mesti diukur daripada aspek-aspek yang lain. Daripada beberapa aspek, sistem kesihatan kita sudah sampai, contohnya sudah sampai ke pelosok negara di mana-mana tempat, daripada kampung, ke kawasan-kawasan pedalaman. Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang tentang kedudukan ekonomi mereka untuk mendapat rawatan daripada sistem perkhidmatan awam. Walaupun saya mengakui apabila kita memberi satu sistem macam ini, memang akan ada satu, dua kekurangan daripada semasa ke semasa. Sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab, kita secara berterusan cuba mengambil langkah-langkah supaya perkara ini boleh diatasi. Saya berharap melalui pelbagai jenis langkah yang sedang

dibuat pada masa sekarang, apa-apa kelemahan yang sedia ada kita boleh mengatasinya.

Tentang preskripsi yang diberi untuk membeli ubat daripada luar, ini satu perkara yang tidak dibuat secara berterusan. Kadang-kadang ada doktor-doktor yang memberi rawatan, mereka mempunyai pilihan ubat yang mereka ingat yang paling baik. Walaupun kementerian telah menyediakan satu pilihan alternatif di dalam sistem kita. Mereka ada pilihan untuk menggunakan ubat yang telah disediakan tetapi daripada segi *their personal choice*, mereka *prefer* satu ubat yang lain. Apabila ubat itu tiada dalam senarai Kementerian Kesihatan, maka mereka beritahu pesakit ini, kalau *you* boleh beli ubat di luar, boleh beli. Akan tetapi sebenarnya untuk tiap-tiap ubat yang diberikan itu, kita mempunyai alternatif untuk *most of the medications*.

Kita sebenarnya tidak menggalakkan mana-mana doktor untuk meminta seorang pesakit untuk membeli ubat daripada luar. Kalau boleh gunakan ubat yang tersenarai di dalam jadual ubat-ubat yang ada di dalam sistem perkhidmatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tentang ubat-ubat alternatif tadi.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya difahamkan apabila doktor memberikan nasihat untuk pesakit membeli ubat dari luar, ini adalah kerana ubat-ubat generik itu tidak ada berkualiti. Doktor-doktor terpaksa memberi nasihat bahawa ubat yang lebih bermutu tinggi adalah apabila dibeli di luar. Ini juga telah berlaku dan telah sampai ke pengetahuan saya. So, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri tentang isu sebegini? Oleh sebab doktor di dalam satu situasi apabila memberi ubat generik, ubat generik itu tidak membantu memperbaiki keadaan pesakit itu. Oleh sebab itu, penuh dengan tanggungjawab, doktor itu memberikan nasihat bahawa ubat-ubat yang lebih bermutu tinggi boleh didapati di pasaran, yang boleh membantu pesakit dalam keadaan tersebut. Minta ulasan, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya kena kata secara terus terang. Kementerian tidak ada pilihan yang lain tetapi kena menggunakan ubat generik. Kalau kita menggunakan ubat paten untuk semua jenis rawatan yang

dilakukan, sistem kesihatan kita akan hancur dan tidak boleh diteruskan. So, kita kena menggunakan ubat generik untuk mengurangkan kos.

Di dalam memilih sesuatu ubat generik, ia melalui satu proses pendaftaran di dalam Biro Farmasi Negara yang begitu ketat. Banyak generik yang cuba mendaftarkan ubat mereka di dalam, tidak berjaya. Oleh kerana kita telah mengenakan satu sistem yang begitu ketat supaya mereka kena membuktikan bahawa keberkesanan ubat ini, yang generik ini ialah sama dengan paten ubat. Kalau tidak ada keberkesanan yang sama daripada sudut saintifik iaitu telah melalui kajian-kajian, *including bio equal and studies* dan kajian-kajian yang lain, ubat ini tidak akan dibenarkan untuk didaftarkan.

So, saya kena memberikan satu keyakinan kepada rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Walaupun Kementerian Kesihatan menggunakan ubat-ubat generik tetapi ubat-ubat generik yang telah diberikan peluang untuk didaftarkan di dalam sistem kita ialah ubat yang mempunyai keberkesanan yang sama dengan ubat paten. So, ini daripada prinsip. Di dalam praktis, saya setuju ada doktor-doktor daripada pandangan mereka mempunyai perspektif bahawa paten ubat ini lebih baik daripada ubat generik. Apabila mereka boleh mendapat pandangan itu, mereka memberi nasihat kepada pesakit, oh, ini ubat— kalau ini generik, mungkin *you* cuba beli ubat paten daripada luar kerana di dalam sistem kita tidak membekalnya.

Kalau sebenarnya kumpulan pakar di dalam satu bidang membuat aduan kepada kementerian bahawa satu-satu jenis ubat yang telah diperoleh oleh sistem perolehan kementerian melalui pendaftaran dan sebagainya, keberkesanan itu tidak selaras dengan apa yang mereka harap, kita akan menamatkan penggunaan ubat ini dan cuba mendapatkan *generic alternative* yang lebih berkesan. Daripada sudut itu, kementerian mempunyai satu sikap yang terbuka. Akan tetapi ini semua mesti berasaskan bukti daripada *evidence of science*, bukan daripada persepsi individu.

Doktor seperti manusia yang lain, kadang-kadang mereka pun sebagai manusia yang lain, mereka cuma mempunyai pandangan-pandangan tersendiri, tidak boleh dielakkan. So, di dalam itu kita kena mengawal perkara ini. MTUC.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, apabila sebut ubat-ubatan ini, saya ada bawa dalam perbahasan saya. Perbahasan saya apabila berkenaan dengan ubat yang disediakan oleh hospital, terutama sekali di Banting.

Banting itu berada di *centralize*, pusat di Kuala Langat. Ubat-ubat yang ada yang sebelum ini diberi kepada pesakit diabetes khusus untuk diabetes, sebagai contoh ubat Diamicron MR. Di hospital sudah tiada. Saya tanya “Ada tak ubat ini?” Dia kata “Ubat ini tiada”. Dia kata “Dato’ ubat-ubat ini supply dah tiada sebab tiada bajet”. Jadi, dia bagi ubat yang lain dan bila saya *check* balik saya punya *sugar level* meningkat sampai sudah tidak boleh baca.

Akhirnya saya kembali balik kepada Diamicron, bila saya dapat doktor yang baik daripada Parlimen. Jadi *alhamdulillah*, saya bersyukur tetapi persoalannya di luar sana berapa pesakit diabetes yang memerlukan ubat-ubatan sebegini tidak dapat disediakan oleh pihak hospital. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri dalam keadaan suasana begini berlaku? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** [Bangun]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, boleh sambung sedikit?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Okey, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Di dalam membekalkan ubat, ada ubat yang digunakan oleh pegawai perubatan yang biasa dan ada ubat yang cuma dibenarkan digunakan oleh doktor-doktor pakar di dalam bidang-bidang tertentu dan di dalam proses ini ada beberapa jenis ubat. Contohnya penyakit diabetes, ada di dalam Selangor contohnya ada beberapa hospital yang mempunyai pakar-pakar yang boleh dikatakan pakar di dalam rawatan penyakit diabetes iaitu *endocrinologist* dan dalam hospital-hospital di mana ada pakar-pakar itu memang mereka mempunyai pelbagai jenis ubat yang lebih banyak.

Mengapa ini kita buat kerana akhirnya kes-kes yang tidak boleh dirawat daripada mana-mana tempat sampai kepada mereka. So, mereka mesti ada senjata yang lebih baik untuk merawat keadaan ini dan mereka memutuskan siapa yang sepatutnya diberi ubat, mungkin yang lain, yang boleh dirawat dengan ubat yang lain. Ini diasaskan oleh kepakaran mereka, kalau semua jenis ubat dibekalkan di kesemua hospital, maka ini adalah satu perkara yang tidak boleh dibuat.

Itulah sebab ada walaupun ubat yang Yang Berhormat kata boleh didapati di sini, di Klinik Parlimen dan bukan di klinik di Banting sebabnya ialah ubat ini mungkin mereka dapat daripada Klinik Pakar daripada Hospital Besar Kuala Lumpur supaya di terus diberi kepada— Bermaksud ubat ada di dalam sistem. Akan tetapi dia ada di dalam beberapa kategori untuk menentukan kegunaannya secara baik, secara munasabah berasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman mereka yang

memberikan rawatan. So, kita cuba seberapa banyak untuk memastikan perkara ini boleh dibuat. Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya akui kita boleh menampung semua ubat-ubat *patent* dan sebagainya, kita perlukan generik untuk menggantikan *patent* yang mempunyai kos yang tinggi. Tadi berulang-ulang kali Yang Berhormat Menteri menggunakan perkataan keberkesanan membawa masuk bahawa ubat generik dan ubat *patent* mempunyai kesan yang sama tetapi dari sudut mutu dan kualiti ada perbezaan ataupun tidak di antara ubat *patent* dan ubat generik? Sebab itu yang menunjukkan impak dan kesan yang sebenar apabila kita gunakan perkataan kesan, *of course* saya akui saya bukan doktor dan kita ada pakar-pakar dan doktor seperti Yang Berhormat Menteri.

Dari sudut kesan memang mesti ubat yang diberikan walaupun generik mungkin ada sesuatu yang boleh dibaiki dan diubahi, itu tiada masalah tetapi dari segi mutu dan kualiti, kalau tidak tiada beza di antara *patent* dan generik. Generik diperkenalkan untuk mengurangkan kos dan sebagainya dan saya memahami bahawa sekiranya kos dikurangkan bermaksud mutu dan kualiti pun ada kesannya. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Bila saya sebut keberkesanan dia termaktub kualiti dan mutu juga. So, semua benda ini diambil kira – supaya mengapa ada perbezaan harga di antara *patent* itu oleh kerana *patent* itu *drug*, mereka sudah banyak-banyak di dalam proses penyelidikan dan R&D dan itu sebab bukan kos pembuatan ubat yang mahal, kos R&D yang mahal. Itu sebab mereka mengenakan suatu kos yang tinggi tetapi generik itu mereka sudah lepas dari keadaan itu. So, generik boleh diberi dengan harga yang lebih murah. Tuan Yang di-Pertua, saya kena terus kalau tidak banyak tajuk yang sudah lari daripada perbincangan dan banyak lagi saya belum selesai

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat Menteri, semasa berbahas saya ada tanya berkenaan ada pesakit yang dihendaki menjalani *operation* ataupun pembedahan tetapi perlu beli alat yang tertentu sendiri. Jadi, ada pesakit yang tidak mampu, apa yang pihak kerajaan boleh bantu?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Nanti, saya ada jawapan untuk *you* punya soalan. Okey, dalam usaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat warga negara ini, golongan rakyat miskin dan kurang berkemampuan yang mengalami masalah kesihatan dan memerlukan bantuan dari aspek kos rawatan akan diberi bantuan melalui Tabung Bantuan Perubatan. Di mana ia bertujuan untuk meningkatkan kefungsi pesakit serta meringankan beban mereka dengan

membantu membiayai sebahagian atau sepenuh kos rawatan, peralatan, perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan berdasarkan syarat-syarat kelayakan pesakit.

Untuk makluman, permohonan pesakit di bawah Tabung Bantuan Perubatan akan diluluskan dalam tempoh 14 hari bekerja bagi kes *precedent* dan satu hingga dua hari bagi kes kecemasan. Sejak diwujudkan dari tahun 2005 sehingga 2017 sebanyak 369 juta bantuan subsidi telah diluluskan di bawah program ini yang melibatkan lebih daripada 50,600 orang pesakit. Kerajaan juga telah menyediakan bantuan subsidi bagi pesakit miskin dan kurang berkemampuan yang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara dengan menanggung sepenuhnya atau sebahagian daripada kos rawatan perubatan pada pesakit yang memenuhi syarat-syarat yang telah di tetapkan melalui peraturan yang dikuatkuasakan.

Manakala pesakit dalam wad kelas tiga, mereka perlu membayar caj maksimum sebanyak RM500 di mana pengecualian sebahagian atau sepenuhnya caj tersebut akan diberikan kepada pesakit yang layak. So, daripada isu keperluan untuk membayar peralatan seperti apa Yang Berhormat telah bangkit, kalau mereka sebenar-benarnya miskin, tidak ada saluran alternatif untuk bantu mereka. Akan tetapi isunya ialah ini dibuat berasaskan kepada kelayakan mereka dan banyak yang telah diberi bantuan melalui perkara ini.

Tajuk yang berikutnya ialah berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan nutrisi dan ada cadangan untuk menubuhkan kelab atau pusat nutrisi di daerah-daerah. Kementerian Kesihatan Malaysia telah sedang dan sentiasa menjalankan aktiviti advokasi pemakanan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran rakyat berkaitan dengan kepentingan mengamalkan cara hidup sihat termasuk amalan pemakanan sihat. Dalam usaha itu pelbagai platform telah diwujudkan bagi memudahkan rakyat mendapat akses kepada maklumat pemakanan yang betul, tepat dan terkini.

KKM telah menempatkan seramai 284 pegawai sains pemakanan di klinik-klinik kesihatan di seluruh negara untuk menyampaikan perkhidmatan pemakanan kepada rakyat serta menjalankan aktiviti-aktiviti di kemasyarakatan berkenaan promosi pemakanan sihat. Pusat Maklumat Pemakanan telah ditubuhkan di seluruh negara yang berfungsi sebagai pusat rujukan utama pemakanan. Sehingga kini 73,500 ribu orang telah mendapat pendedahan secara fizikal dan melalui media sosial berkenaan program dan aktiviti yang berkaitan pemakanan.

Selain itu, Dapur Sihat Masyarakat juga telah diwujudkan di peringkat komuniti sejak tahun 2005 bagi membimbing dan memberi tunjuk ajar serta latihan dalam bentuk yang lebih interaktif kepada masyarakat dan akan diperluaskan melalui pelaksanaan program KOSPEN dengan memperkasa komuniti dan penyediaan makanan yang berkhasiat di lebih 600 lokaliti.

Berkaitan dengan cadangan supaya restoran-restoran 24 jam dan juga kedai-kedai makanan segera ini hendaklah di tutup pada waktu-waktu tertentu supaya rakyat dapat dididik dengan tabiat makanan yang betul dan juga baik.

■1710

Kementerian ingin memaklumkan, bahawa kementerian komited dalam usaha ini dan kita mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi yang lain khususnya dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia dan Kementerian Pelancongan supaya kita mempunyai satu pandangan yang bersama di dalam melaksanakan perkara ini. Di dalam perbincangan kita dalam mesyuarat-mesyuarat *multisectoral* apa yang telah diputuskan ialah perkara ini dilaksanakan secara berfasa dengan menyediakan pihak peniaga dan pihak masyarakat terhadap perkara ini. Pengajaran diberi kepada rakyat tentang perkara-perkara berkaitan dengan makanan pada lewat malam dan makanan yang lebih banyak. Dengan itu, dengan sokongan daripada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memberikan lesen dan menetapkan waktu perniagaan, kita berharap perkara ini boleh dilaksanakan secara berfasa.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang berkaitan ialah—

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalah nutrisi ataupun malnutrisi di kalangan kanak-kanak, apakah kementerian berfikir ataupun mengambil tindakan secara holistik dengan kementerian lain terutamanya Kementerian Pendidikan di mana soal pemakanan ini sepatutnya kalau kita hendak jadikan dia lebih baik, saya rasa boleh dimasukkan di dalam kurikulum sekolah itu sendiri sebagai suatu mata pelajaran *core*. Hal ini kerana kita tahu bahawa nutrisi ini adalah masa depan anak-anak. Jadi apa pandangan, Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Kerjasama ini sudah dimulakan dan daripada kerjasama ini apa yang sudah berlaku ialah bahawa Kementerian Pendidikan sudah masuk perkara-perkara berkaitan dengan *nutrition* di dalam kurikulum mereka khususnya di dalam Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Jasmani. Saya diberitahu, 15 peratus daripada *content* mereka ialah berkaitan dengan *nutrition*. Ini dibuat secara berterusan dan daripada pengetahuan anak-anak di mana mereka telah diberi pengajaran mengikut modul-modul yang telah disediakan di dalam kedua-dua mata pelajaran ini iaitu mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Jasmani. Mereka boleh mendapat pengetahuan yang mencukupi tetapi isunya ialah macam mana pengetahuan ini diterjemahkan di dalam perubahan dan cara gaya hidup?

Perkara ini kita sedang cuba melalui dengan cara memberikan latihan dan pengajaran kepada para ibu bapa melalui khususnya PIBG dan sebagainya.

Hal ini kerana, mereka yang pada akhirnya menentukan apa yang dimakan oleh anak-anak mereka. Kalau anak mempunyai pengetahuan yang tinggi pun, kalau para ibu bapa tidak tahu apa yang sebenarnya baik dan apa yang tidak baik maka contohnya saya boleh berikan satu contoh, sudah menjadi satu amalan untuk menghadiahkan seseorang anak. Contohnya mereka mendapat keputusan yang baik di dalam UPSR, untuk membawa mereka ke kedai-kedai *fast-food*. So, ini memberi satu *reinforcement* yang tidak berapa sihat kepada anak-anak kalau saya mempunyai pencapaian yang baik, ini adalah hadiah. Seolah-olah *this is a good thing*. Perkara-perkara ini sudah dibuat secara berleluasa kerana ibu bapa buat itu dengan tujuan yang baik.

Akan tetapi, akibatnya kesannya dari sudut *nutrition* bukan satu perkara yang baik. So, kita kena bawa perubahan daripada cara hidup ini. So, macam mana *holistically* para keluarganya kena lihat kepada perkara *nutrition* ini secara lebih baik. Pengetahuan di dalam kalangan kanak-kanak sebelahnya dan di sudut yang lain kita kena tingkatkan kesedaran dan pengetahuan di kalangan para ibu bapa juga supaya mereka boleh buat pemantauan yang– pemilihan yang baik supaya mereka menghidangkan kepada anak-anak dan keluarga mereka makanan yang mempunyai *nutrition* yang tinggi. Pihak kementerian mengambil maklum isu *double-*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Boleh sedikit Yang Berhormat?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Boleh saya habiskan ini? Kemudian –

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Baik.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** ...*double burden of malnutrition*, dengan izin yang sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia ketika ini. Pelbagai inisiatif dan usaha sedang dilakukan bersama pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan bahawa Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia Ketiga 2016 sehingga 2025. Pelbagai inisiatif dan usaha telah dilakukan untuk menyebarkan pengetahuan tentang pemakanan yang betul dan sihat kepada rakyat. Hal ini dilakukan menerusi promosi Pinggan Sihat Malaysia yang membawa konsep 'Suku Suku Separuh' dan penilaian keberkesanan kempen ini akan dibuat menerusi Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 lagi.

Selain itu pihak KKM juga ada menjalankan latihan katering sihat kepada pengusaha dan pengendali makanan untuk memberikan pengetahuan tentang penyediaan hidangan sihat dan selamat di restoran, kedai makan, kafeteria, kantin, sekolah dan tempat kerja. Seperti yang telah saya jelaskan tadi, pihak KKM telah bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan menyediakan komponen pemakanan di dalam kurikulum atau pelajaran Pendidikan Jasmani dan



Pendidikan Kesihatan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ia merangkumi 15 peratus daripada skop kurikulum atau mata pelajaran tersebut.

Manakala, bagi menilai keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan ini, *indicators* status pemakanan dipantau secara berkala melalui Jawatankuasa Penyelarasan Kebangsaan untuk makanan dan pemakanan dan Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan. Keanggotaan jawatankuasa dan majlis ini terdiri daripada pegawai kanan dari pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, universiti serta badan-badan profesional. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya ingin bertanyakan berkait dengan pihak UNICEF sendiri kerana apa pun seperti yang Yang Berhormat sebut tentang Pelan Tindakan Pemakanan Malaysia itu memang satu pelan yang penting bagi kesemua kita di dalam Dewan Rakyat ini. Akan tetapi memandangkan sudah ada laporan UNICEF berkait tentang isu pembesaran yang terbantut, boleh atau tidak kementerian memanggil dan berbincang beberapa cadangan yang dibawa oleh pihak UNICEF?

Antaranya, *Universal Child Care Allowance* dengan izin, dan juga pemaksaan–bukan pemaksaan, *encouragement for mothers* untuk diberikan susu ibu bagi enam bulan pertama. Saya tahu di banyak hospital memang ini adalah antara dasar. Akan tetapi fikiran saya bila berkait dengan program Rancangan Makanan Tambahan walaupun bukan di bawah Kementerian Kesihatan tetapi desakan ataupun penglibatan kementerian untuk mengajak UNICEF bersama itu amat membantu. Saya mohon Yang Berhormat kalau boleh membantu dalam bab ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ini kali ketiga saya sudah jawab soalan berkaitan dengan UNICEF. Tiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang masuk pada masa yang lain tanya soalan yang sama. Tidak apa. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan berkaitan dengan isu UNICEF ini, selain daripada apa yang saya sudah jelaskan tadi, saya ambil kira apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai supaya di dalam kita lihat secara lebih dalam tentang cadangan-cadangan yang dibuat oleh UNICEF untuk mengambil kira cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat.

Tajuk berikutnya ialah tentang bekalan ubat. Saya sebenarnya sudah jawab tadi sedikit tetapi untuk–peruntukan telah diagihkan kepada semua pada awal Januari tahun ini untuk urusan perolehan ubat-ubatan di *facility* kementerian. Secara amnya, tiada masalah berkurangan ubat di *facility* kerajaan dan lazimnya semua bekalan ubat diberikan kepada pesakit untuk tempoh dua minggu sehingga satu bulan. Pembekalan dua minggu kepada pesakit hanya melibatkan segelintir jenis ubat sahaja sekiranya terdapat bekalan ubat yang terganggu di *facility* berkaitan. Pada dasarnya

pesakit yang mendapat rawatan di *facility* KKM akan menerima bekalan ubat terus daripada *facility* yang merawat.

Secara umumnya pegawai perubatan di hospital ataupun klinik di bawah kementerian akan membuat preskripsi ubat-ubatan yang terdapat di dalam *formulary* ubat yang mengandungi semua jenis ubat-ubatan yang diperlukan untuk merawat pesakit-pesakit. Keadaan di mana pesakit membeli ubat di farmasi swasta adalah merupakan kes yang terpencil. Hal ini berlaku mungkin kerana ada doktor telah memberikan preskripsi kepada ubat yang tidak tersenarai di dalam preskripsi kita.

#### ■1720

Tidak ada hospital yang sepatutnya tidak ada bekalan ubat, walaupun kadang-kadang mereka tidak ada stok, akan tetapi di dalam keadaan itu kita sudah memberi nasihat, mereka boleh mendapatkan stok daripada hospital yang berhampiran.

Tajuk seterusnya ialah berkaitan dengan kekurangan doktor pakar. Di dalam usaha meningkatkan bilangan doktor pakar di kementerian, pelbagai jenis langkah telah diambil seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengambilan pegawai perubatan menjalani program sarjana kepakaran-kepakaran dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang telah dipertingkatkan daripada 800 slot sehingga tahun 2014 kepada 1,000 mulai tahun 2015;
- (ii) menggalakkan pegawai perubatan yang berminat untuk menjadi pakar, menjalani latihan kepakaran melalui Program Laluan Paralel;
- (iii) melantik semula pegawai perubatan pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan KKM;
- (iv) melantik semula secara kontrak pegawai perubatan pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan;
- (v) menggalakkan perkongsian perkhidmatan kepakaran di fasiliti awam dan swasta; dan
- (vi) menggalakkan pakar perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara supaya pulang ke tanah air.

Bagi tempoh tahun 2012 hingga 31 Januari 2018, terdapat peningkatan sebanyak 43.38 peratus bagi bilangan doktor pakar yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu daripada 3,380 orang pada tahun 2012 kepada 4,843 orang sehingga Januari 2018. Manakala bilangan doktor pakar dalam pelbagai bidang kepakaran atau kesepakaran di seluruh negara yang berdaftar dengan *National Specialist Register* sehingga Disember 2017 adalah seramai 9,632 orang. Walau bagaimanapun, negara kita masih memerlukan penambahan doktor pakar bagi

menampung keperluan negara dan menjamin penyampaian perkhidmatan kesihatan rakyat dengan lebih berkesan.

Beberapa perkara khusus berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik-klinik di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia. Satu perkara telah dibangkitkan berkaitan dengan kemudahan perkhidmatan kesihatan di Pantai Timur Sabah. Bagi perolehan kenderaan ambulans, pada tahun 2017 dan tahun 2018 Negeri Sabah akan menerima 74 buah kenderaan ambulans dan sembilan buah kenderaan ambulans pacuan empat roda. Pantai Timur Sabah yang merangkumi daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau akan menerima sebanyak 24 buah kenderaan ambulans baru yang akan diagihkan ke hospital. Manakala sebanyak sembilan buah akan diagihkan kepada klinik kesihatan, sebanyak dua buah akan diagihkan kepada Pantai Timur, Sabah. Agihan kementerian ambulans untuk negeri Sabah dijangka akan dilakukan pada April dan Julai 2018.

Seperti juga itu, perkhidmatan pengimejan CT, mamogram dan juga fluoroskopi ini hanya ditawarkan di hospital-hospital yang bertaraf pakar, *minor*, *major* dan negeri. Sehingga kini, di negeri Sabah terdapat lapan buah mesin CT, enam buah mesin fluoroskopi dan dua buah mesin mamograf. Bagi mempertingkatkan kemudahan akses terhadap perkhidmatan ini, pihak kementerian sentiasa memandang ke hadapan dan berusaha menambah baik sistem penjagaan kesihatan sedia ada. Dengan perancangan untuk melengkapkan kesemua hospital berpakar dengan perkhidmatan pengimbas CT dan menyasarkan lebih banyak hospital berpakar dilengkapi dengan perkhidmatan mamografi dan fluoroskopi.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang projek-projek tertentu di dalam kawasan-kawasan mereka. Saya akan baca tajuk itu dan jawapan yang lebih dalam akan diberi kepada mereka secara bertulis.

- (i) Yang Berhormat Penampang telah membangkitkan tentang Hospital Penampang;
- (ii) Yang Berhormat Jerantut supaya Pusat Kesihatan Kecil Kuala Tahan di naik taraf dengan segera;
- (iii) Yang Berhormat Hulu Rajang supaya Hospital Kapit diperbesarkan dengan menambah kakitangan perubatan dan fasiliti di naik taraf;
- (iv) Yang Berhormat Tanjong Piai minta KKM menjelaskan cadangan untuk membina sebuah hospital baru yang moden dan lengkap dengan 200 buah katil di Pontian;
- (v) Yang Berhormat Tasek Gelugor memohon penjelasan cadangan pembinaan klinik di Teluk Air Tawar;

- (vi) Yang Berhormat Kulai memohon penjelasan mengenai keperluan klinik kesihatan di Kulai yang tidak cukup untuk menampung populasi penduduk;
- (vii) Yang Berhormat Limbang memohon penjelasan berhubung isu kelewatan pembinaan Klinik Kesihatan Long Napir. Yang Berhormat Limbang juga bertanya mengenai perkhidmatan doktor pakar di kawasan Yang Berhormat;
- (viii) Yang Berhormat Lanang memohon penjelasan berhubung dengan status pengendalian lif di Hospital Sibu yang belum diganti, walaupun telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas; dan
- (ix) Yang Berhormat Sibuti memohon penjelasan berhubung sama ada pihak kementerian akan menaik taraf Klinik Kesihatan Bekenu.

Kita ada jawapan setiap perkara yang telah dibangkitkan dan kita memberi jawapan ini secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada satu isu berkaitan dengan *medical legal* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Lumut dan pihak kementerian bersimpati dengan insiden yang menimpa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut. Walau bagaimanapun seperti yang telah dijelaskan dalam beberapa siri Parlimen sebelum ini, aduan yang dikemukakan oleh pengadu kepada Majlis Perubatan Malaysia telah disiasat mengikut prosedur yang telah ditetapkan di bawah Akta Perubatan 1971 dan Peraturan-peraturan Perubatan 1974. Keputusan mengenai aduan telah dimuktamadkan di Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia ke-367 pada 19 Mac 2017, di mana pengamal perubatan yang terlibat didapati telah mengamalkan *good medical practice* dan patuh kepada *Code of Professional Conduct*.

Pengadu telah dimaklumkan melalui surat rasmi mengenai keputusan majlis. Sekiranya pengadu tidak berpuas hati, mereka boleh dengan ini mereka boleh pergi ke mahkamah untuk *judicial review*. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah isu-isu berkaitan yang telah dibangkitkan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, hari ini genap dua tahun mendiang meninggalkan suami mendiang untuk selama-lamanya. Penderitaan suami masih lagi tidak terubat, oleh kerana jawapan-jawapan yang diperolehi sama ada daripada Kementerian Kesihatan ataupun Majlis Perubatan Malaysia tidak memberi jawapan yang menggalakkan.

Oleh kerana kematian isteri beliau hanya bermula dengan sakit pinggul sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh sebab itu, beliau masih lagi meneruskan tuntutan supaya mendapat pembelaan sewajarnya agar dapat melegakan ataupun menenangkan hati beliau. Sebaik-baiknya beliau meminta Kementerian Kesihatan melihat kepada laporan siasatan Lembaga Perubatan Malaysia yang memberi dapatan bahawa terdapat sembilan dakwaan yang membuktikan bahawa terdapat kelalaian oleh pengamal perubatan tersebut, Dr. Chong.

Oleh yang demikian, pengadu merayu kepada kementerian dan juga Majlis Perubatan Malaysia supaya melihat kembali, supaya tidak dilihat lindung melindungi. Oleh sebab Presiden Majlis Perubatan dijabat oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan. Maka sebab itu beliau melihat seolah-olah ada perbuatan lindung melindungi. Jadi beliau memohon supaya kementerian benar-benarlah melihat kes ini dengan sejujur-jujurnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Yang Berhormat Lumut, saya faham kedudukan Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen di Lumut dan suami beliau datang dari kawasan yang sama. Akan tetapi daripada sudut Kementerian Kesihatan, rawatan telah diberi di hospital swasta, bukan di hospital kerajaan dan kita tidak ada apa-apa keperluan untuk memberi perlindungan kepada mana-mana pihak dan apa yang telah dibuat ialah siasatan yang telah dilakukan mengikut peraturan yang ada di bawah Majlis Perubatan Malaysia.

■1730

Oleh kerana siasatan sudah dibuat, maka saya— dan dibuat mengikut apa yang telah ditetapkan dan keputusan ini telah diberi kepada pengadu dan selepas itu beliau pun telah berjumpa ketua pengarah saya dan mengadakan perbincangan. Penjelasan sudah diberi. Maka dia tak sanggup untuk menerima penjelasan ini dan daripada sudut itu, saya tidak ada halangan untuk minta MMC lihat balik kepada perkara ini di atas permintaan Ahli Yang Berhormat, kalau ada bukti sebenar sebaliknya bahawa ada kecuaiian yang dilakukan oleh pihak doktor ini. Tetapi apa yang saya mahu menegaskan, tidak ada usaha daripada pihak MMC untuk memberi perlindungan kepada seorang yang sudah buat salah dan tidak ada keperluan untuk buat sedemikian. Ini semua diasaskan kepada bukti yang tersedia ada tetapi kita boleh semak balik kalau ada bukti baru untuk lihat adakah sebenarnya benda ini satu kecuaiian sudah berlaku.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Batu Gajah juga ada membangkitkan dua isu. Satu berkaitan dengan Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Ipoh dan juga masalah berkaitan

dengan ambulans di Hospital Batu Gajah. Saya mohon supaya Menteri memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, boleh?

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga telah membangkitkan satu isu yang penting dan saya rasa Menteri tak jawab lagi iaitu sudah dua tahun kerajaan telah meminda Peraturan-peraturan Makanan 1985 bagi menambahkan larangan baru terutamanya terhadap gejala arak murah. Sepatutnya larangan-larangan ini dikuatkuasakan pada 1 Disember 2017 tetapi sehingga kini tidak ada lagi pelaksanaan larangan baru tersebut.

Jadi saya nak mohon kepada Menteri untuk memberikan satu jawapan yang jelas, mengapa larangan ataupun pindaan baru tersebut tidak dilaksanakan seperti yang dijanjikan empat bulan yang lepas dan keduanya, bila tarikh baru pelaksanaan? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat kerana tanya balik soalan ini. Sebenarnya isu ini dibangkitkan oleh saya sendiri untuk menyelesaikan isu yang Ahli Yang Berhormat tanya dan kita mahu cuba satu penyelesaian. Ada banyak perkara di dalam peraturan itu, contohnya meningkatkan umur sampai 21 tahun dan sebagainya, tetapi ada satu aspek yang ada memerlukan kerjasama dengan beberapa agensi yang lain, contohnya Kementerian Kewangan, KPDNK dan pihak kastam.

Di dalam itu, mereka telah bangkitkan dua isu teknikal yang kita kena selesaikan sebelum ini boleh dilaksanakan. Contohnya, bila kita meningkatkan *the size of CHL* seperti yang telah dicadangkan, ada satu isu berbangkit iaitu adakah ini terpakai kepada semua jenis produk yang dibuat dalam negara dan di luar negara. Perkara ini membangkitkan satu perkara di dalam bidang *trade* yang baru dan bila ini dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu bahawa kita seolah-olah *we are favoring imported against local products*, kita kena *revisit* untuk memastikan bahawa ia *fair to everybody*.

So, itulah sebab sekarang kita sedang ada perbincangan untuk mengatasi perkara ini. Walaupun tujuan asalnya tak lari, kita mahu melaksanakan benda ini tetapi daripada segi *trade* ini supaya tidak ada orang yang boleh menuduhkan bahawa *there is favouritism* untuk *one group*, lain tiada, kita mahu menjelaskan isu ini sebelum perkara ini boleh diwartakan dan proses ini sudah dimulakan. Saya berharap bahawa

selepas kita telah mendapat keputusan daripada semua pihak, kita akanewartakan nanti. Hari bulan itu saya tak boleh cakap pada hari ini.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tebrau minta penjelasan.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang Berhormat Menteri, Tebrau ada bangkitkan satu perkara beberapa kali di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kekurangan tempat parkir di Hospital Sultan Ismail. Oleh kerana sekarang itu sudah memang sangat susah nak *park*, kadang-kadang ada orang yang nak buat lawatan pesakit dalam keadaan yang sangat terdesak, *round* setengah jam pun tak jumpa tempat *parking*. Jadi, saya dah cadangkan bahawa kita bina bangunan parkir bertingkat. Saya berharap bahawa ini boleh dapat perhatian Menteri.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Baik. Ahli Yang Berhormat, isu *parking* bukan sahaja di Hospital Sultan Ismail. Dia ada di semua hospital besar di dalam negara kita menghadapi isu *parking* kerana jumlah mereka yang datang hospital bertambah banyak dan semua orang yang datang membawa kereta. Contohnya kalau ada seorang pesakit, mereka yang datang melawat lima orang, lima orang yang datang melawat pesakit itu ada lima buah kereta yang datang. Oleh itu, tidak ada hospital yang boleh dikatakan akan mempunyai *car park* yang mencukupi. Selain daripada kemudahan ini, kita meminta mereka menggunakan *public transport* atau cara-cara yang lain.

Walaupun demikian, kementerian telah minta pihak EPU untuk lihat kepada apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat, bukan sahaja untuk Hospital Sultan Ismail tetapi untuk hospital-hospital yang lain di mana ada kesesakan parkir ini sudah menjadi satu isu yang besar untuk lihat kalau boleh melalui cara penswastan untuk membenarkan membangunkan *car park multi-storey* supaya mengurangkan kesesakan *parking* yang ada di dalam hospital. Pihak EPU sedang kaji ini dan saya berharap selepas mereka membuat keputusan, perkara ini akan dilaksanakan bukan sahaja di Hospital Sultan Ismail tetapi juga di hospital-hospital yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangkit...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Menteri, menteri.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** ...Isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kesihatan dan untuk mereka di mana soalan tidak dijawab, jawapan akan diberi secara bertulis.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Menteri.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Menteri, soalan akhir.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Menteri, tentang arak murah itu.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya, ya. Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya tadi sudah jawab.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Pasir Puteh belum jawab lagi.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tak. Saya...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Menteri, Pasir Puteh.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh ya. Minta maaf.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bangkitkan isu *renal failure*. Saya ingin tahu adakah CAPD, *continuous ambulatory peritoneal dialysis*, yang dicadangkan beberapa tahun yang lepas untuk dimajukan, adakah ia berjaya menarik pesakit-pesakit ini menggunakan sistem itu? Itu satu.

Kemudian saya bangkitkan tentang *transplant* yang saya diberitahu semakin berkurangan di Malaysia ini. Jadi, ini sesuatu yang regresif kerana rawatan yang sebaiknya ialah dengan *transplant* tetapi di Malaysia semakin berkurangan. Adakah ia betul? Dan jika betul, kenapa jadi sedemikian? Adakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah ini? Itu yang besarnya. Jadi ramai pesakit kita pergi kepada hemodialisis dan hemodialisis kita tahu semakin bercambah. Pusat-pusat hemodialisis semakin banyak dan membebankan juga kepada pihak kementerian untuk memberikan servis yang terbaik kepada mereka-mereka yang memerlukan hemodialisis.

Jadi, masalah kita ialah CAPD dan juga *transplant*. Kenapa semakin nampak tidak ada peningkatan? Terima kasih Menteri.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin maklumkan bahawa pengadu masih belum berkesempatan ataupun berpeluang berjumpa dengan Ketua Pengarah Kementerian. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh dapat pastikan boleh berjumpa.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Saya akan cuba mengaturkan.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Mengenai usaha kerajaan dalam meningkatkan rawatan bagi satu hemodialisis, saya memaklumkan bahawa kementerian telah mengadakan program untuk bantuan subsidi rawatan hemodialisis dan pada bajet yang lalu, kita telah meningkatkan bantuan yang diberi daripada RM50 kepada RM100 untuk tiap-tiap hemodialisis. Pesakit ini, mereka juga menerima



suntikan *erythropoietin* untuk tiga suntikan seminggu. Ini bantuan yang diberi oleh kerajaan.

Dan KKM masih memajukan kaedah CAPD. Menurut *Renal Registry*, mereka yang menjalani CAPD pada tahun 2010 adalah 1,992. Di dalam tahun 2015, ini dah meningkat kepada 3,727. Sebagai dasar, kementerian menggalakkan pesakit-pesakit *end stage renal failure* khususnya di dalam peringkat awal, *the first stage*, untuk mendapatkan CAPD dan kalau CAPD sudah *fail*, masa itulah mereka mendapat pergi ke hemodialisis.

#### ■1740

Perkara ini menjadi satu isu kerana satu, mereka yang menderma organ walaupun daripada kertas dia tinggi tetapi akhirnya di dalam amalan selepas seorang sudah meninggal dunia untuk mendapat penderma itu masih- walaupun ada masih terhad. Nombor dua, jumlah mereka yang menawar diri untuk *put a life donors* itu bukan begitu tinggi dan kalau adapun lepas itu *immunocompatibility* ini kena *diestablish*. Itulah sebab mengapa kita tidak boleh meningkatkan jumlah *renal transplant* selaras dengan apa yang mungkin lebih memuaskan.

So untuk mengatasi itu, kempen penderma organ ini sudah dipertingkatkan berkali ganda dan diperluaskan supaya rakyat Malaysia tampil ke hadapan dan menderma. Kita sedang memperbaiki sistem ini supaya maklumat yang diberi boleh digunakan. Contohnya, kadang-kadang ada orang yang sudah menderma organ tetapi waris tidak tahu dan bila seorang sudah meninggal dunia waris yang membuat keputusan organ ini boleh digunakan atau tidak boleh digunakan. So, untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu yang kita sedia ada, kita sedang meningkatkan cara penerimaan organ selepas seorang sudah meninggal dunia supaya jumlah kes-kes pemindahan buah pinggang ini boleh dipertingkatkan. Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah kata bahawa ada masalah teknikal dalam pelaksanaan pindaan baharu Peraturan-peraturan Makanan 1985. Saya rasa penjelasan tersebut sukar untuk diterima kerana sudah dua tahun pindaan tersebut dibuat dan tujuan utamanya sebenarnya *the spirit of the law* ialah untuk mengatasi masalah arak murah.

Jadi saya rasa dalam keadaan itu peraturan sudah jelas untuk *compounded hard liquor* 700ml ke atas baru boleh dijual. Jadi tidak kiralah untuk yang import ke, yang eksport ke, yang dibuat dalam negeri ke, di luar negeri saya rasa *the spirit of the law*, kita *follow the spirit of the law* iaitu untuk mengelakkan supaya keadaan macam sekarang dijual dalam botol 150ml harga kurang daripada RM10 dan keadaan ini masih terus berleluasa kerana kegagalan mungkin bukan Yang Berhormat Menteri lah

tetapi kegagalan kerajaan mengatasi masalah teknikal yang saya rasa tidak patut wujud.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri tidak bolehlah kata sudah dua tahun sudah tanggung empat bulan lagi tidak boleh kata tidak ada tarikh. Saya rasa Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Kesihatan dan saya ucapkan terima kasih sebab Yang Berhormat Menteri yang bawa pindaan ini. Akan tetapi tidak bolehlah bawa pindaan ini dan tidak melihat kepada pelaksanaannya terutamanya sudah dua tahun.

Jadi saya harap dalam- Yang Berhormat Menteri boleh bagilah sekurang-kurangnya satu tarikh dan saya rasa perkara ini senang untuk diuruskan. Tidak kira import ataupun dibuat di dalam negeri, dihasilkan dalam negeri, *the spirit of the law* ialah kita tidak mahu penjualan arak dalam kuantiti kecil, dalam harga yang murah supaya benda ini tidak mendatangkan mudarat terutamanya kepada masyarakat miskin dan kepada anak-anak.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** *True.* Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan yang dikemukakan dan pandangan Yang Berhormat selaras dengan pandangan saya pun dan kita akan cabut, cari jalan yang secepat mungkin untuk melaksanakan peraturan. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan berkaitan dengan fungsi dan perkhidmatan Kementerian Kesihatan dan untuk mereka yang saya tidak jawab kita akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

#### 5.44 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan melontarkan persoalan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Justeru di sini saya akan mengambil sedikit masa untuk memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini mengikut sektor komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, Industri Sawit Negara sentiasa berhadapan dengan pelbagai kempen anti-minyak sawit. Dalam hal ini kerajaan telah mengambil usaha dan inisiatif untuk menangkis tuduhan dan tohmahan ini yang mana usaha yang telah

diambil telah menunjukkan kejayaan dalam industri sawit sebagai salah satu penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara.

Misalnya pada tahun 1980, industri sawit telah berhadapan dengan isu dan tuduhan mengenai *trans fat*. Namun, melalui polisi dan tindakan kerajaan perkara ini telah berjaya ditangani melalui penyelidikan yang membuktikan kebaikan minyak sawit negara. Cubaan oleh Parlimen Eropah untuk memberikan tekanan atau diskriminasi minyak sawit ini bukan perkara yang baharu. Pada tahun April 2017, Parlimen Eropah telah meluluskan resolusi yang mengaitkan minyak sawit dengan penyahhutan dan mensyaratkan keperluan persijilan mampan mengikut kriteria pengeksport ke Eropah.

Parlimen Perancis sebelum ini juga sebanyak tiga kali telah mencadangkan dan membahaskan agar cukai ke atas minyak sawit dinaikkan sehingga 300 peratus. Walau bagaimanapun hasil rundingan pihak kerajaan terhadap bersama pihak-pihak berkepentingan di Perancis, cadangan tersebut berjaya dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Eropah pada 17 Januari 2018 telah meluluskan pindaan draf teks *European Union Renewable Energy Directive II* (EURED II) yang mencadangkan agar bio bahan api berasaskan sawit diharamkan sepenuhnya dalam sektor pengangkutan di Kesatuan Eropah mulai 2021. Pada masa ini, cadangan pindaan EURED II sedang dibincangkan di sesi mesyuarat *trilogue* antara Parlimen Eropah, *Council of the European Union* dan Suruhanjaya Eropah. Sesi mesyuarat *trilogue* telah bermula pada 27 Februari 2018 dan dijangka sebanyak tiga sesi *trilogue* lagi akan diadakan sehingga bulan Mei 2018. Sekiranya ketiga-tiga pihak ini bersetuju dengan cadangan pindaan EURED II maka pindaan ini akan diangkat untuk bacaan kedua di Parlimen Eropah sebelum diluluskan serta dikuatkuasakan sebagai Peraturan European Union.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan EURED II oleh Parlimen Eropah telah memberi gambaran negatif terhadap industri minyak sawit memandangkan EU mempunyai pengaruh dominan politik dan ekonomi dunia. Polisi perdagangan yang ditentukan oleh EU mempunyai implikasi dan impak besar ke atas pasaran-pasaran lain. Sebarang langkah bagi mengehadkan eksport minyak sawit oleh EU akan memberi kesan langsung kepada perdagangan minyak sawit Malaysia ke European Union.

Secara purata EU telah mengimport antara tujuh hingga 7.4 juta tan minyak sawit bagi tempoh tiga tahun yang lalu. Pada tahun 2017, Malaysia menyumbang sebanyak 29.4 peratus daripada import minyak sawit ke Kesatuan Eropah. Pada masa ini, kesan cadangan pindaan EURED II terhadap industri minyak sawit di Malaysia terhad kepada jumlah minyak sawit yang dieksport ke European Union sebagai bahan mentah untuk kegunaan bio bahan api. Dianggarkan sebanyak 807,000 tan digunakan sebagai bahan mentah untuk bio bahan api bagi tahun 2017.

Oleh itu, Malaysia dijangka akan kehilangan sebanyak RM2.4 bilion sekiranya cadangan pindaan EU RED2 diluluskan. Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil:

- (i) rundingan dua hala dengan negara-negara individu Kesatuan Eropah serta perkongsian data dan maklumat berhubung industri minyak sawit kepada semua pemegang taruh;
- (ii) kerjasama dengan kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Luar Negeri, NRE dan MITI dan pihak industri dalam menangani cadangan pindaan EU RED2;
- (iii) penubuhan urus setia *Palm Oil War Room Power* di NPIC bagi memantau dan merangka tindakan strategik negara;
- (iv) penghantaran surat rasmi berhubung pendirian negara ke atas tindakan Parlimen Eropah yang akan menjejaskan perdagangan minyak sawit serta hubungan dua hala Malaysia kepada Menteri-menteri Tenaga, Pengangkutan, Alam Sekitar di semua 28 negara-negara Kesatuan Eropah; dan
- (v) usaha berterusan untuk menangani persepsi negatif pengguna terhadap minyak sawit melalui media masa seperti menerusi program bual bicara, seminar, pengiklanan, media sosial dan blog.

Malaysia pada masa ini juga sedang bekerjasama dengan Indonesia di bawah kerangka *Council of Palm Oil Producing Country (CPOPC)* dan *Association of Southeast Asian Nation (ASEAN)* untuk menangani cadangan pindaan EU RED2 tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah kerajaan berhak untuk bertindak balas melalui sekatan perdagangan dan yang sesuai. Namun, sebagai sebuah negara yang aktif dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa, tindak balas yang sesuai akan dikaji kerana ia akan mempunyai kesan ke atas rakyat, ekonomi serta hubungan diplomatik negara. Kerajaan akan terus mengambil tindakan yang berterusan untuk menangani persepsi negatif pengguna terhadap minyak sawit melalui media masa seperti menerusi program bual bicara, seminar, pengiklanan, media sosial dan blog. Dalam hal ini, beberapa negara di Kesatuan Eropah seperti Sepanyol, Perancis, Itali, Belanda, United Kingdom, Portugal, Ireland, Finland, Romania, Latvia dan Luxembourg telah memberi sokongan kepada Malaysia.

Minyak sawit dipasarkan ke lebih 200 negara dan pasaran utama minyak sawit adalah European Union, India, China, Pakistan dan Amerika Syarikat. Sementara itu, pasaran baru adalah termasuk Iran, Filipina dan lain-lain negara yang berpotensi. Kementerian sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah memperkukuhkan pasaran sawit di negara ini. Selain itu, inisiatif sentiasa diambil untuk mempelbagaikan

penggunaan minyak sawit bagi tujuan makanan dan bukan makanan. Melalui usaha-usaha ini, dijangka permintaan untuk minyak sawit negara akan terus kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk tidak menjawab secara lisan isu-isu dan juga soalan-soalan dibuat oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak hadir di Dewan pada ketika ini dan akan menjawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Sekijang telah membangkitkan usaha lain pihak kementerian dalam mempromosikan produk sawit dalam negara kita, terutamanya berkaitan dengan teknologi biodiesel. Dalam usaha mempromosikan teknologi biodiesel sawit, pihak kementerian telah mengadakan perjumpaan dengan negara-negara lain seperti China dan India untuk mengkaji kemungkinan eksport biodiesel sawit ke negara-negara tersebut. Teknologi penghasilan biodiesel oleh Lembaga Sawit Malaysia (MPOB) telah dipindah ke Korea Selatan, Columbia dan Thailand. Teknologi MPOB juga telah dilesenkan kepada dua syarikat kejuruteraan untuk mempromosikan teknologi ini di negara-negara lain.

Di samping itu, MPIC dan MPOB turut mengadakan beberapa siri promosi dan kesedaran Program B10 iaitu adunan 10 peratus *palm methyl ester* dengan 90 peratus diesel petroleum yang dibangunkan oleh MPOB. Antaranya, mengadakan sesi penyebaran maklumat berkaitan keberkesanan di media masa, media sosial dan blog menggunakan pendekatan ulasan oleh pihak ketiga seperti DBKL, blogger dan lain-lain. Aktiviti lain turut diadakan seperti berikut:-

- (i) ekspedisi pacuan empat roda di Teluk Intan, Perak;
- (ii) ekspedisi Trans Borneo B10 dari Belaga, Sarawak ke Kundasang, Sabah;
- (iii) lawatan ke Jakarta bersama *Association of Malaysian Hauliers*, *Pan-Malaysian Lorries Owners Association*, Institut Automobil Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pihak media dan blogger automatif;
- (iv) B10 Walking Hunt semasa Malaysia Auto Show 2017.

Yang Berhormat Bandar Tun Razak, tidak ada ya. Yang Berhormat Semporna pun tidak ada ya. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Julau, ada? Yang Berhormat Julau telah membangkitkan tentang cabaran yang dihadapi oleh pekebun lada seperti kejatuhan harga lada, kematian pokok lada dan bantuan oleh pihak kerajaan kepada pekebun lada. Harga lada hitam dan lada putih yang ditawarkan oleh Lembaga Lada Malaysia (MPB) pada masa ini adalah sebanyak RM13,398 dan RM20,398 setan masing-masing. Pada paras harga tersebut, pekebun kecil masih mendapat keuntungan kerana kos pengeluaran bagi setan lada hitam adalah RM9,000 dan

RM12,000 untuk lada putih. Ini bermakna, pekebun kecil masih mendapat keuntungan sebanyak RM4,039 bagi setan lada hitam dan RM8,389 bagi setan lada putih.

Berhubung isu kematian pokok lada. Pihak MPB telah pun mengenal pasti penyakit yang menyerang beberapa buah kebun di kawasan Julau yang menyebabkan kematian pokok lada. Punca penyakit yang dikenal pasti adalah:

- (i) kulat *fusarium solani* yang menyebabkan penyakit dikenali sebagai penyakit kuning *fusarium* atau *slow decline*; dan
- (ii) air yang bertakung dalam tanah akibat musim hujan yang berlarutan kerana tiada sistem saliran yang sesuai dan mencukupi.

Penyakit tersebut boleh dicegah dengan mengamalkan amalan pertanian yang baik. Bagi pihak MPB telah melawat pokok kebun yang berkaitan dan memberikan khidmat nasihat teknikal berhubung pencegahan dan kawalan penyakit berkenaan. Di samping itu, pihak MPB telah merancang untuk menganjurkan beberapa kursus di kawasan Julau bagi menangani masalah penyakit tersebut.

Dalam menangani kenaikan kos harga bahan-bahan kimia seperti racun rumput, racun serangga serta kejatuhan harga lada, satu kertas cadangan berkaitan mekanisasi jaringan keselamatan sosial atau *social safety net* bagi pekebun lada di Malaysia telah pun dirangka dan kini masih dalam proses penelitian Kementerian ini dan MPB kerana ianya perlu mengambil kira banyak aspek tertentu sebelum dimuktamadkan. Antaranya, termasuk sesi libat urus atau *engagement* bersama pemegang taruh atau *stakeholders* seperti pekebun kecil, pihak industri dan semua pihak lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Julau juga telah membangkitkan tentang cadangan untuk mewujudkan industri hiliran bagi tanaman lada. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini penglibatan dan pelaburan swasta dalam aktiviti hiliran masih dalam tahap yang sangat rendah.

#### ■1800

Di mana aktiviti hiliran yang diceburi oleh pihak swasta hanyalah tertumpu kepada industri makanan dan hampir tiada perhatian diberi kepada potensi aktiviti hiliran yang lain seperti dalam bidang *pharmaceutical* dan *cosmeceutical*. Namun demikian, Kementerian melalui MPB telah pun mengenal pasti strategi-strategi untuk membangunkan industri hiliran lada ke tahap yang lebih tinggi.

Usaha utama yang dilakukan oleh MPB adalah melalui pemeraksanaan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan dan Inovasi (R&D) dan (I). Melalui R&D dan (I) yang berkesan diharap akan dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti tanaman lada melalui penghasilan *variety* lada yang mempunyai hasil yang tinggi serta lebih rintang penyakit perosak. Kaedah dan amalan penanaman baharu, kaedah pengawalan

serangga perosak dan penyakit serta mewujudkan pembangunan teknologi ladang hijau.

Selain itu, penghasilan bahan tanaman lada melalui kultur tisu yang kini juga telah memasuki fasa yang meyakinkan. Kerja mengenal pasti ciri-ciri berguna melalui analisis DNA telah dimulakan oleh penyelidik MPB. Pada masa yang sama juga MPB turut melaksanakan inisiatif strategik R&D&I seperti:

- (i) penubuhan pangkalan data genetik lada;
- (ii) melaksanakan kajian untuk menambah baik kualiti baja;
- (iii) menjalankan kajian untuk kaedah penanaman lada yang inovatif serta pembangunan tiang lada baharu;
- (iv) pengeluaran bahan tanaman yang berkualiti;
- (v) mekanisasi lada yang lebih baik; dan
- (vi) mengkomersialkan hasil R&D.

Selanjutnya MPB kini sedang merangka langkah untuk mempromosikan aktiviti hiliran kerana dengan memperluaskan aktiviti hiliran akan membantu meningkatkan penggunaan dan permintaan terhadap lada. Langkah memperluaskan aktiviti hiliran ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penghasilan produk berasaskan lada, sekali gus menyumbang kepada peningkatan eksport produk hiliran di samping mengurangkan eksport bahan mentah. Pendekatan ini juga akan mengurangkan peranan perantara dalam rantai bekalan di pasaran lada.

Oleh itu, penekanan akan diberi kepada keperluan untuk menghasilkan produk lada berkualiti tinggi untuk memenuhi permintaan pasaran yang khusus. Pada masa ini produk lada telah digunakan secara meluas dalam industri makanan sebaliknya ia nya masih pada tahap yang rendah dalam industri lain seperti farmaseutikal dan kosmetik. Sehubungan itu, aktiviti hiliran akan diteruskan melalui inisiatif strategik memandangkan penggunaan lada tidak terhad kepada produk makanan sahaja. Usahawan yang berpotensi akan dikenal pasti dan latihan yang berkaitan akan disediakan di samping mewujudkan jalinan kerjasama secara strategik dengan penggiat industri di peringkat domestik dan antarabangsa.

Susulan daripada itu, pembangunan kompleks penyelidikan dan pembangunan baharu yang terletak di tapak seluas 18 ekar di Semenggoh, Kuching, Sarawak akan memberi sokongan selanjutnya kepada pembangunan sektor hiliran pada masa akan datang. Hasil penemuan baharu yang berpotensi ini akan memperkukuhkan lagi aktiviti hiliran dan dengan itu mewujudkan satu lagi platform baharu bagi usahawan dan pelabur untuk mengeksploitasi penemuan baharu tersebut dengan menghasilkan produk yang berinovatif. Lanjutan daripada perkara tersebut juga, MPB sedang merangka program baru yang dinamakan Program Pembangunan Usahawan Hiliran Lada. Di mana usahawan yang berminat dan berpotensi akan dilatih melalui rantai bekalan lada yang menyeluruh.

Saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Diraja 2018 terutama yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi telah saya jawab.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Yang Berhormat Julau.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Ya, Yang Berhormat Julau silakan.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab. Saya merasa seronoklah mendengar apa yang bakal dibuat oleh MPB dan juga saya ingin berkongsi sedikit berkenaan dengan industri lada. Saya difahamkan oleh MPB sendiri bahawa peruntukan dari Kementerian Kewangan kepada MPB adalah sangat sedikit dan oleh yang demikian hasrat-hasrat murni yang nak dijalankan oleh pegawai-pegawai kita di MPB adalah terhad kepada peruntukan yang sangat sedikit itu. Oleh yang demikian, maka walaupun impian yang begitu tinggi namun pencapaian mungkin tidak dapat dilakukan.

Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa di Malaysia penggunaan lada hitam dan lada putih adalah begitu tinggi tetapi kebanyakan pengusaha-pengusaha di Malaysia menggunakan lada import, lada dari luar dan bukan lada keluaran Malaysia. Walaupun lada keluaran Malaysia adalah bermutu tinggi dari lada yang diimport, namun demikian oleh kerana perbezaan harga maka ramai pengusaha-pengusaha makanan di Malaysia menggunakan lada import. Apakah pandangan kementerian? Terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Julau. Peruntukan memang agak terhad. Kita, kementerian akan berusaha untuk mendapatkan tambahan kepada peruntukan ini sebab kita tahu bahawa industri lada ini berkembang pesat dan banyak lagi usaha-usaha yang telah kita laksanakan yang memerlukan peruntukan dan ini kita akan laksanakan.

Berhubung dengan penggunaan lada yang diimport, kita menghadapi masalah sebab Vietnam iaitu penanam yang sekarang yang terbesar di dunia mengeluarkan lada yang begitu banyak malahan melambakkan lada di pasaran dunia telah menurunkan harga lada. Oleh sebab itu lada yang kita tanam di Malaysia yang bermutu tinggi tapi harganya agak tinggi, maka lada-lada yang diimport ini begitu menarik, yang menyedihkan kita ialah kadang-kadang lada ini yang diimport apabila dibungkus ia menggunakan jenama *Sarawak pepper* untuk melakukan lada-lada ini. Itu yang menyedihkan.

Kementerian akan berusaha untuk berbincang dan pihak-pihak berkenaan untuk memastikan pengimportan pengimport-pengimport ini akan mematuhi peraturan-peraturan supaya tidak menyalahgunakan jenama-jenama yang baik, yang mengharumkan nama Malaysia. Jadi, kita akan berusaha sedaya upaya Yang



Berhormat Julau untuk memastikan, untuk menjaga kepentingan industri lada di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sebelum itu Yang Berhormat Menteri, boleh Tuan Yang di-Pertua? Lada juga. Yang Berhormat Menteri jawab tadi bahawa ada lambakan lada-lada dari Vietnam. Manakala Julau, lada kita di Julau baik kualitinya, rasanya pun sedap tetapi mahal. Ini adalah sesuatu yang agak membimbangkan.

■1810

Adakah Kementerian tidak mempunyai rancangan untuk memberikan subsidi semaksimum mungkin kepada petani-petani lada kita di Sarawak agar kos pengeluaran mereka turun dengan kualiti yang naik sekali gus memastikan bahawa harga pasaran untuk lada yang dikeluarkan oleh rakyat Sarawak yang bekerja kuat ini bukan sahaja bersaing dengan lada dari Vietnam. Malah, malah boleh meng-*export* lada kita yang baik ini. Oleh kerana, harga boleh jadi murah kerana sekarang ini kerana disubsidi cukup banyak khususnya baja, racun dan lain-lain oleh kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang hal ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lada yang dikeluarkan oleh Sarawak sebenarnya yang menanam banyak lada, sebenarnya memang bernilai tinggi. Sebenarnya ia memang dikenali di seluruh dunia. Sebenarnya, bila saya pergi melawat ke China baru-baru ini, saya melihat botol-botol yang tempat mereka isi lada ini ditulis Sarawak *pepper*. Jadi, ini betul-betul terkenal ya tetapi ya lah biasanya manusia ini dia suka barang yang murah, barang yang murah. Sebenarnya sekarang ini pun kita memberi subsidi kepada penanam-penanam lada di seluruh Malaysia. Subsidinya adalah RM26,000 bagi sehektar bagi mereka yang menanam lada. Ini memang berterusan kita beri subsidi. Akan tetapi, harganya memang begitu mahal sebabnya memang kualitinya baik, bukan sebab dia dapat subsidi dia akan jadi murah tetapi memang nilainya begitu tinggi. Jadi, itulah sebabnya.

Akan tetapi, kalau berhubung dengan subsidi, kerajaan sentiasa memikirkan untuk mencari cara macam mana boleh membantu peladang-peladang, pekebun-pekebun kecil lada terutama sekali pekebun-pekebun lada di Malaysia ini hampir-hampir 90 lebih peratus adalah bumiputera di Sarawak khususnya. Jadi, kita berusaha sedaya upaya untuk membantu supaya mereka mendapat subsidi. Terima kasih. Teruskan. Sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu ketika dahulu negara kita telah membuat satu promosi secara besar-besaran supaya semua rakyat membeli barangan tempatan. Supaya produk-produk kita mendapat pasaran meluas. Ketika ini

kita telah dapat pastikan kebanyakan daripada produk kita lebih bermutu daripada produk-produk yang diimport. Akan tetapi kerana sebahagian daripada masyarakat kita mempunyai tanggapan barangan import itu terbaik sedangkan kita dah dapat lihat, sekarang lada. Sebelum ini kita tidak pernah pun terfikir bahawa minyak sawit kita mempunyai mutu yang terbaik sekali selain daripada ia berharga yang cukup berpatutan. Bahkan, daripada kesihatan adalah minyak yang paling berkhasiat sekali. Akan tetapi, tidak ada promosi daripada negara kita.

Boleh tidak kalau pada ketika ini, kementerian memohon daripada kementerian yang berkaitan supaya mempertingkatkan promosi supaya rakyat kita mendapat satu maklumat yang benar, yang sahih dan kita dapat mempromosikan semula beli barangan tempatan? Terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah satu pandangan sahaja ya? Pandangan ya? Saya terimalah pandangan itu dengan baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah selesai? Okey. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan saya telah beri kelulusan untuk dikecualikan menjawab atas sebab cuma satu isu sahaja yang ditimbulkan. Jadi, saya jemput Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Silakan.

#### 6.14 ptg

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Seri Panglima Madius Tangau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan sains, teknologi dan inovasi dan perkara-perkara lain yang menyentuh bidang kuasa serta peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Namun demikian, saya hanya akan memberi respons kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini dan kepada yang tidak hadir kita akan beri respons secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Hulu Langat yang telah membahaskan isu-isu yg berkaitan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) terutamanya untuk menarik minat golongan muda dalam bidang STEM dan melahirkan bakal-bakal STEM agar seiring dengan kehendak industri dan dalam menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Kerajaan menyedari bahawa kanak-kanak pada hari ini merupakan generasi muda yang akan menjadi generasi peneraju TN50.

Oleh itu, mereka seharusnya diperkasakan dalam kemahiran berasaskan STEM kerana generasi inilah yang akan memacu negara bagi menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian Keempat. Sebagai persediaan bagi membangunkan bakat bagi menerajui negara di masa hadapan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang melaksanakan dua inisiatif utama iaitu penubuhan Pusat STEM Nasional dan penyediaan Pelan Tindakan Strategi STEM Nasional iaitu bagi tempoh 2018 hingga tahun 2025. Kedua-dua inisiatif ini akan menjadi pemangkin utama pembangunan STEM negara pada masa hadapan.

Pusat STEM Nasional ditubuhkan bertujuan untuk membangunkan kaedah pembelajaran STEM terkini serta melatih guru yang *passionate* terhadap STEM melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran sains berasaskan *inquiry* atau *Inquiry Based Science Education* (IBSE). Latihan pembangunan profesional ini akan dilaksanakan secara berterusan. Penubuhan Pusat STEM Nasional ini menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan anggaran kos sebanyak RM25 juta. Kerajaan akan mengguna pakai model National STEM Learning Centre di York, United Kingdom sebagai penanda aras.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini juga MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, kementerian-kementerian lain dan agensi kerajaan sedang memuktamadkan Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional bagi tempoh 2018 hingga tahun 2025. Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkasakan ekosistem STEM negara melalui penetapan strategi dan pelan tindakan menyeluruh serta bersepadu. Pelaksanaannya bukan sahaja memberi tumpuan untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran, pemupukan kesedaran dan pengukuhan infrastruktur. Malah juga meningkatkan kebolehpasaran graduan STEM.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kedua-dua inisiatif yang saya sebutkan tadi, MOSTI juga melaksanakan pelbagai usaha untuk membudayakan STEM dalam kalangan rakyat Malaysia terutama golongan muda selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN). Pada tahun ini, Kementerian telah dan akan melaksanakan pelbagai program berkaitan pembudayaan STEM di seluruh negara antaranya di bawah program induk Karnival Negeraku Berinovasi, mengadakan kerjasama pintar dengan beberapa agensi badan bukan kerajaan seperti Persatuan Kreativiti dan Inovasi Malaysia, *Malaysian Invention and Design Society* (MINDS) dan juga *STEM Movement*.

Selain itu, agensi-agensi di bawah Kementerian iaitu Pusat Sains Negara (PSN), Planetarium Negara dan Akademi Sains Malaysia turut menggerakkan program pembudayaan STI dan mempromosikan STEM melalui program seperti pertandingan *National Space Challenge*, Kejohanan Roket Kebangsaan, *Treasure*

*Orgy*, Pertandingan Esei *Cassini Scientist for a Day*, *National Science Challenge* dan *Engineering Science and Technology Programme*. Melalui program-program sebegini diharapkan ia akan meningkatkan lagi minat, kefahaman, kesedaran dan menambahkan lagi pengalaman serta penghayatan masyarakat terhadap STEM.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor yang juga telah membahaskan isu-isu berkaitan penggunaan teknologi seperti teknologi robot dan *artificial intelligence* sebagai penyelesaian kepada isu-isu semasa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh pihak industri dan orang ramai, MOSTI pada tahun 2016 telah memperkenalkan satu inisiatif khas yang dinamakan program *Innovative Dynamic*. Program ini menghimpunkan *stakeholders*, bijak pandai, saintis dan penyelidik untuk mencari jalan bagi menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pihak industri dan orang ramai menggunakan pendekatan sains, teknologi dan inovasi.

#### ■1820

Melalui program ini, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi sedang membangunkan teknologi automasi untuk kegunaan di ladang kelapa sawit dan getah.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan teknologi robot dan *artificial intelligence* adalah juga merupakan antara komponen utama dalam melaksanakan Industri 4.0. Aplikasi robot dan industri dijangka akan meningkat selaras dengan pengenalan automasi yang melaksanakan pekerjaan yang disifatkan sebagai rutin atau berulang. Penggunaan robot secara meluas akan membantu menjimatkan masa dan kos khususnya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan keselamatan. Perkembangan ini akan mewujudkan keperluan pekerjaan kemahiran tinggi yang berupaya mencipta, mengendali dan menyelenggara robot-robot tersebut.

Bagi menjayakan inisiatif ini, MOSTI menerusi Technology Park Malaysia (TPM) melaksana pembangunan reka bentuk dan kejuruteraan berkaitan robotik dan automasi serta turut menyediakan fasiliti robotik dan automasi bagi tujuan latihan teknikal oleh industri. Melalui latihan teknikal yang ditawarkan, pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi robotik dan automasi oleh pihak industri telah berjaya ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara berhubung perubahan cuaca ekstrem yang berlaku di negara ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Hulu Langat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Meteorologi Malaysia merupakan agensi di bawah MOSTI yang bertanggungjawab memantau keadaan cuaca. Berdasarkan rekod suhu yang dicerap oleh pejabat meteorologi di seluruh negara dari 19 Februari hingga 13 Mac 2018, suhu tertinggi yang pernah

direkodkan dalam tempoh tersebut ialah 37 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada 2 Mac 2018.

Rekod suhu tertinggi yang pernah berlaku di negara kita ialah 40.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada 9 April 1998 iaitu semasa berlakunya fenomena El Nino kuat. Untuk makluman Yang Berhormat, fenomena El Nino dijangka tidak akan melanda Malaysia pada tahun ini dan oleh itu Malaysia dijangka tidak akan menghadapi cuaca panas ekstrem.

Malaysia dipengaruhi oleh cuaca monsun di mana Monsun Timur Laut yang berlaku pada bulan November hingga Mac adalah musim lembap yang boleh menyebabkan banjir di negeri-negeri Pantai Timur, Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Lazimnya bulan Mac merekodkan suhu panas yang agak ketara terutamanya di utara Semenanjung kerana bulan Mac merupakan penghujung tempoh monsun timur laut. Manakala Monsun Barat Daya pada bulan Mei hingga September adalah musim kering.

Yang Berhormat Stampin tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Stampin dekat sini. Stampin, *is it?* Stampin.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Yang Berhormat Stampin ada?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ada, ada.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Ada, okey. Saya juga ingin...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Sebelum itu.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Silakan.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Fenomena cuaca yang panas mendadak ini tidakkah ada kaitan dengan ekuinoks dan sebagainya. Itu yang saya hendak minta penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Secara teknikalnya ya Yang Berhormat, apa yang saya nyatakan tadi ialah cuaca panas ada dipengaruhi dengan sama ada negara kita ini dilanda dengan sama ada El Nino dan sebagainya. Barangkali juga ekuinoks dan sebagainya. Akan tetapi apa pun yang berlaku, yang penting ialah pemantauan dan pemberitahuan kepada masyarakat oleh pihak meteorologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkaitan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Stampin supaya Malaysia menjadi *space reaching nation*. Untuk makluman Yang Berhormat, MOSTI menerusi Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) sentiasa menjalankan usaha-usaha dalam memajukan bidang angkasa negara. Usaha ini diperkukuhkan lagi di bawah Dasar Angkasa Negara 2030 yang telah diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini.

Dasar Angkasa Negara 2030 menyatakan dengan jelas pendirian, objektif dan hala tuju negara untuk memacu pembangunan sektor angkasa. Dasar ini juga menjadi asas untuk negara menggubal undang-undang angkasa lepas bagi mewujudkan peraturan dan garis panduan yang jelas dalam mentadbir, menyelaras dan mengawal selia aktiviti angkasa pada semua peringkat pengguna sama ada kerajaan, industri, atau orang perseorangan. Akta tersebut juga diperlukan bagi membolehkan kerajaan meratifikasikan beberapa *treaty* angkasa lepas antarabangsa. Bagi mengukuhkan lagi tadbir urus sektor ANGKASA, satu jawatankuasa penyelarasan iaitu Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan ataupun singkatannya JANGKA yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak industri dan akademik telah diwujudkan.

JANGKA bertanggungjawab menyelaras aktiviti angkasa negara pada peringkat nasional dan antarabangsa bagi memastikan Dasar Angkasa Negara menepati matlamat dan hala tuju yang ditetapkan. Dalam pada itu, ekosistem angkasa sedia akan dimantapkan melalui mekanisme bagi menyelaras dan meningkatkan kolaborasi antara pemain industri dengan para penyelidik dan institusi-institusi penyelidikan. Melalui inisiatif ini, penyelidikan dan pembangunan berkaitan angkasa dilaksanakan mengikut keperluan dan spesifikasi yang ditentukan oleh industri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas jawapan yang begitu menggalakkan. Saya hanya hendak tahu lebih mendalam lagi sekarang kita pada zaman di mana perlumbaan angkasa telah pun bermula kita juga boleh nampak bahawa terdapat banyak *private company* contohnya daripada *Blue Origin* ataupun daripada *Space X* kesemua ini adalah *company-company private* yang mengusahakan industri angkasa.

Jadi saya ingin tahu lebih dalam lagi bagi kita pihak Malaysia jika katakan esok hari saya buka sebuah syarikat *private* dan saya ingin men-*develop launching capability*. Di manakah— bagaimana dengan pelesenan dan contohnya ada *company* juga yang buat *3D printed rocket* dekat New Zealand.

Jadi jika *private-private company* ini ataupun mereka *spin-off* daripada universiti, macam mana dengan *licensing because rocket fields and everything we need to have license and launching of rocket we also need to have a space, a dedicated space to launch rocket so that it will not interfere with all the flight path and everything*. Jadi dari segi ini, apakah inisiatif kerajaan supaya boleh menolong syarikat-syarikat *private* yang bakal, akan muncul nanti? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Seperti mana yang saya katakan tadi yang pertamanya kita mempunyai Dasar Angkasa Negara yang sudah pun diluluskan oleh kerajaan. Selepas dasar ini yang penting ialah kita mempunyai, perlu ada Akta Angkasa Lepas. Dengan undang-

undang ataupun Akta Angkasa Lepas ini barulah kita boleh mengatur hal-hal pelesenan, hal-hal liabiliti dan sebagainya. Dengan akta ini juga, barulah kita boleh menandatangani, meratifikasikan beberapa *treaty* angkasa lepas antarabangsa. Kita ada, semuanya ada enam *treaty* dan kita perlu meratifikasi sekurang-kurangnya lima dan kita hanya boleh buat ini selepas pembentangan, adanya akta ini nanti.

Jadi memang saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Stampin sebab inilah yang kerajaan cuba wujudkan, membina industri angkasa lepas tetapi ia perlu perundangan yang tertentu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan— Yang Berhormat Kuala Krai ada dalam Dewan? Tidak ada. Okey. Yang Berhormat Kuala Krai tidak ada, Yang Berhormat Kuantan pun tidak ada. *[Disampuk]* Tidak ada tidak perlu jawab. Jadi, oleh sebab Ahli-ahli Yang Berhormat yang dua ini tidak ada, Tuan Yang di-Pertua jadi kepada yang tidak ada di Dewan ini, kita akan jawab secara bertulis dan oleh itu sekian sahaja penjelasan saya tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, *sorry*. Stampin satu soalan lagi boleh?

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Silakan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat *again* atas jawapan yang begitu menggalakkan bahawa MOSTI akan terus menerokai perusahaan ini. Saya ada satu soalan lagi.

Setahu saya kita juga ada *satellite program* yang telah pun *restart again*. Jadi apakah status *satellite program* kita sekarang dan siapakah yang melaksanakan program ini sekarang dan macam mana dia punya *progress of our satellite development*. Terima kasih.

■1830

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Program Satelit RazakSAT-2, Kabinet telah meluluskan peruntukan tambahan dan telah juga mengubah satu perkara dalam keputusan Kabinet tahun 2010 tentang pelaksana. Keputusan dahulu pelaksanaannya ialah ATSB, sebuah anak syarikat di bawah kementerian juga dan Kabinet telah membuat keputusan bahawa pelaksanaannya adalah Agensi Angkasa. Dengan itu, kita akan memikirkan dan merumuskan apakah masa depan dan hala tuju ATSB yang selanjutnya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Susulan daripada soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Stampin tadi, kita akur bahawa ada perubahan dari segi keputusan daripada ATSB yang sepatutnya menjadi pelaksana kepada Angkasa. Cuma, saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, mengapa ada keputusan sebegini sedangkan harga penawaran yang diberikan oleh ATSB adalah lebih murah

daripada Angkasa itu sendiri? Saya hendak mohon penjelasan mengenai dengan perkara ini.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Sebenarnya dari segi kos, inilah keprihatinan kerajaan. Kerajaan cuba memastikan supaya kos itu serendah yang mungkin dan pada masa yang sama, kerajaan juga ingin melihat supaya ekosistem urus tadbir Angkasa itu dapat diurus dengan sebaik mungkin.

Sebagai contoh, kalau di Amerika kita ada NASA, selepas itu ada industri Boeing dan sebagainya. Jadi bagi kita di Malaysia, Angkasa itu macam NASA lah. Jadi barangkali ATSB ini perlu kita lihat bagaimana dia dapat memainkan peranan. Kalau dalam sektor elektronik dan *electrical* (E&E) begitu berjaya dengan adanya satu neutral entiti iaitu kewujudan CREST yang begitu berjaya membina industri E&E dalam negara ini, barangkali salah satu daripada yang kita hendak lihat ialah ATSB ini boleh dibina seperti CREST dalam membina industri angkasa dan akhirnya Angkasa ini akan menjadi sebuah agensi *regulator* untuk industri *space* akan datang.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, satu lagi soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu juga hanya untuk pengetahuan saya kerana saya tidak, *I didn't get involved in all this progress*. Akan tetapi setahu saya, ATSB sudah ada *engineers* yang telah pun ada pengalaman dalam pembuatan satelit nombor satu dan juga *designing of satellite number two in terms of determination of the new orbit*. Jadi, apa yang telah terjadi terhadap *engineers* ini daripada ATSB dan bukannya ia akan membazir jika kita, *you know, have again total shift of management?* Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin di atas keprihatinan tersebut. Semua bakat yang ada kita akan pergunakan sebaik mungkin. Apa pun, semua pendekatan yang baru ini masih lagi dalam perancangan dan pandangan-pandangan itu kita akan ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, sekian sahaja penggulungan saya. Semua pandangan Yang Berhormat kita akan ambil secara serius dan kepada yang tidak ada dalam Dewan ini, kita akan buat jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**6.34 ptg.**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam negara ku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima



kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab beberapa isu— tidak banyak— yang dibangkitkan mengenai MITI.

Terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah bertanya beberapa soalan. Saya nampak ramai tidak ada. Saya boleh memilih untuk duduk dan jawab secara bertulis tetapi saya akan jawab. Oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat yang bangkit isu ini tidak ada dalam Dewan, saya akan jawab sedikit-sedikit dan saya akan layan satu dua pertanyaan tambahan.

Pertamanya, persoalan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya yang tidak ada dan juga Yang Berhormat Kuala Langat yang juga tidak ada iaitu berkaitan pelaburan asing. Kedua, berkaitan dengan CPTPP atau *Comprehensive and Progressive Trans-Pacific Partnership* daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak— tidak berapa nampak ya. Ketiga ialah ASEAN juga daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak, pun tidak ada. *Trade war* ataupun peperangan perdagangan daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak pun tidak ada juga. Proton Geely daripada Yang Berhormat Kuala Langat pun tidak ada dan PKS daripada Yang Berhormat Kangar. Yang Berhormat Kangar ada? Semua tidak ada tetapi saya...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Saya akan jawab tetapi bukan detil lah kerana Ahli Yang Berhormat tidak ada. Saya akan jawab satu persatu.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Saya akan jawab. Berikan saya untuk memberi ringkasanlah jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan.

Pertama, Yang Berhormat Kelana Jaya ingin mendapat pengesahan tentang kenyataan kerajaan bahawa pelaburan asing dalam negara berada pada keadaan yang baik. Kedua, Yang Berhormat Kelana Jaya memohon penjelasan sebab pelaburan asing diukur dalam Ringgit Malaysia, bukannya Dolar Amerika.

Bahagian pertama, saya hendak mengesahkan bahawa kedudukan pelaburan asing dalam negara kita adalah baik. Tahun lepas RM39.2 bilion. Ada turun naik tetapi secara umumnya, purata lima tahun dari tahun 2013 sehingga 2017 ialah RM39.9 bilion. Itu purata tahunan tempoh lima tahun dari tahun 2013 hingga 2017. Itu angka sebenar. Kalau kita tengok angka dari segi kelulusan oleh kerajaan ataupun *approve investment* dari *actual, approve all investment* tahun lepas jumlah pelaburan yang diluluskan ialah RM197.1 bilion, daripada luar negara diluluskan RM54.7 bilion.

Jadi jawapan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya, keadaan pelaburan asing baik dan Perdana Menteri telah beberapa kali menekankan tentang pelaburan daripada Saudi Aramco USD7 bilion, hampir RM30 bilion, dan juga rancangan SK daripada Korea Selatan untuk menempatkan *regional headquarters* di Kuala Lumpur.

Bahagian kedua Yang Berhormat Kelana Jaya tanya kenapa diukur dalam ringgit? Kita dalam Malaysia ini guna ringgitlah tetapi kalau kita buat perbandingan

dengan negara lain, kita guna Dolar Amerika. Sama ada kita bercakap tentang pendapatan per kapita ataupun lain-lain kalau kita hendak buat perbandingan, lazimnya, biasanya digunakan Dolar Amerika. Itu sebabnya digunakan Ringgit Malaysia kerana kita bercakap dengan rakyat Malaysia. Akan tetapi kalau kita hendak bandingkan Malaysia dengan China ataupun Singapura ataupun Thailand, Vietnam, maka kita gunakan Dolar Amerika. Itu sebabnya kenapa tidak digunakan Dolar Amerika.

Yang Berhormat Kuala Langat— yang ada Yang Berhormat Hulu Langat ya. Yang Berhormat Kuala Langat tidak ada. Hulu dengan kuala lain. Yang Berhormat Hulu Langat bertanya Yang Berhormat Menteri MOSTI tadi— Yang Berhormat Tuaran.

Jadi, Yang Berhormat Kuala Langat bertanya apakah tindakan diambil kerajaan untuk menambahkan kemasukan pelaburan supaya Malaysia kekal sebagai salah satu destinasi pelaburan utama. Banyak tindakan diambil kerajaan. Ringkas ceritanya, yang penting kita hendak pastikan kedudukan negara aman, stabil, makmur, dasar kita dasar mantap.

Baru-baru ini di pertengahan bulan Februari, WTO memberi pujian kepada kita tentang keutuhan ekonomi negara Malaysia. Banyak lagi pujian daripada pihak lain tetapi saya memilih WTO kerana itu antara yang terkini. Itu menjadi pilihan kerajaan untuk memastikan negara terus menerima pelaburan asing. Maka kita hendak pastikan Kerajaan Barisan Nasional terus mendapat mandat yang besar daripada rakyat. Itu yang kita hendak buat sekarang ini. Stabil supaya negara-negara dan juga orang asing yakin tentang masa depan negara Malaysia.

Seterusnya ialah daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak mengenai *Comprehensive and Progressive Trans-Pacific Partnership (CPTPP)*. Yang Berhormat Bandar Tun Razak tidak ada di sini. Sebagai ringkasannya, persoalan yang dibangkitkan adalah kesan ekonomi CPTPP. Dahulu dipanggil TPP, sekarang dipanggil CPTPP ataupun TPP11 tolak Amerika Syarikat. Kesan kepada Malaysia dan adakah kebbaikannya telah dikaji oleh PwC sebelum ini turut diperolehi?

Apabila saya bentangkan TPP kepada Parlimen dua tahun dahulu, saya menekankan bahawa kita telah buat kajian iaitu PwC sudah buat kajian dan antara sebab kenapa Malaysia mengambil bahagian dalam TPP masa itu ialah akses kepada pasaran Amerika Syarikat.

#### ■1840

Mengikut kajian yang dibuat oleh beberapa pihak termasuknya *Peterson Institute* hasil kepada Malaysia telah berkurangan apabila Amerika tidak berada dalam TPP tetapi kita kerajaan berpendapat bahawa Malaysia akan terus mendapat faedah. Ini disahkan oleh Moody's dalam tiga minggu yang lalu apabila di tandatangan CPTPP

di Santiago, Chili, 8 Mac yang lalu, pihak Moody's mengatakan bahawa Malaysia antara negara yang akan mendapat faedah terbesar daripada CPTPP.

Jadi apa pun kita telah membuat perbincangan awal untuk pihak Bank Dunia dan juga Price Waterhouse bagi membuat kajian tentang TPP *Minus 11*. Jadi kerajaan akan terus istiqamah dalam hal ini dan kita berharap Malaysia akan menjadi ahli CPTPP. Ada tujuh negara yang dijangka menjadi ahli CPTPP awal tahun depan, Malaysia mungkin lewat sedikit. Apa pun jika Parlimen meluluskan cadangan untuk meminda beberapa rang undang-undang, 19 perlu dipinda, satu diluluskan, 18 belum lagi, tertakluk kepada keputusan Parlimen. Maka kita harap Malaysia juga akan menyertai CPTPP dalam tempoh terdekat seperti juga negara-negara lain.

Seterusnya yang ketiga ialah juga Yang Berhormat Bandar Tun Razak mengenai ASEAN. *Insyallah* Malaysia yang merupakan sebagai salah sebuah negara pengasas penubuhan ASEAN, ASEAN sudah lebih 50 tahun. Kita merupakan negara yang banyak mendapat faedah daripada ASEAN. ASEAN ini pesat berkembang, ekonominya berkembang, bilangan orang mudanya ramai, bilangan *middle-class*, golongan pertengahan juga meningkat, maka banyak negara di dunia melihat ASEAN sebagai mempunyai potensi besar.

Maka Malaysia akan terus mengambil peluang daripada pertumbuhan dalam ASEAN. Pertumbuhan ekonomi yang baik ini telah memungkinkan syarikat-syarikat Malaysia melabur, syarikat-syarikat dalam bidang perbankan, syarikat-syarikat dalam bidang infrastruktur, syarikat Malaysia dalam bidang *hospitality* dan lain-lain telah melabur di beberapa negara ASEAN termasuklah Singapura, Indonesia, Thailand dan lain-lain. Ini antara kesan limpahan ASEAN.

Selain itu juga, kita menerima pelaburan daripada negara ASEAN seperti Singapura, Indonesia. Perdagangan kita juga kira-kira 27 peratus dengan negara-negara ASEAN, maka *insyallah* Malaysia akan meneruskan usaha untuk memastikan bahawa Malaysia akan mendapat faedah yang besar daripada pertumbuhan ekonomi ASEAN. Jadi ASEAN merupakan salah satu keutamaan tertinggi kita untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara kita dan Malaysia akan terus berusaha bersama-sama negara lain untuk memastikan pasaran ASEAN untuk perdagangan dan juga pelaburan terbuka.

Mengenai *Trade War* atau peperangan perdagangan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak, ini satu perkara yang membimbangkan kita. Terkini langkah Amerika Syarikat untuk mengenakan cukai ke atas *solar panels*, ke atas *steel*, ke atas aluminium, ini telah menimbulkan reaksi negatif daripada beberapa pihak termasuklah EU, negara China dan beberapa buah negara lain telah menyuarakan pandangan. Malaysia mungkin tidak teruk terjejas kerana eksport kita ke Amerika, *steel* dan aluminium sekitar 2-3 peratus sahaja.

Mengenai *solar panels* mungkin terjejas lebih sedikit. Apa pun MITI sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak berkenaan untuk memastikan kita dapat menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia akibat tindakan diambil Amerika meningkat atau mengenakan import tarif ke atas tiga peralatan tersebut. Seterusnya...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ada sebut tentang tarif solar – dalam ucapan saya dan berdasarkan angka yang saya dapat, *Malaysia is the largest importer solar tariff to the United States*. Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu tentang angka-angka itu. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri kata *impact* tidak begitu banyak ataupun mungkin lebih daripada apa yang akan dikenakan di atas aluminium dan juga *steel* itu, saya rasa tidak begitu tepat. *Because, it will be a big impact*. Jadi soalan saya spesifik ialah sama ada buat masa sekarang Malaysia ada bawa kes ini kepada WTO dan dari segi *arbitration* atau tidak. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih, Yang Berhormat Serdang. Yang saya maksudkan relatif berbanding dengan aluminium dengan *steel*, impak kepada solar, impak kepada *steel* aluminium, tidak sebesar solar. Betul, kenyataan Yang Berhormat Serdang maknanya impak kepada solar lebih besar berbanding dengan *steel* dan aluminium itu.

Saya hendak buat pembetulan. Impak berkenaan tarif ke atas solar yang diimport dari Malaysia adalah besar kalau dibandingkan dengan impak kepada industri *steel* dan juga aluminium, itu kenyataannya. Kenapa tidak ketara? Impak ada dan mereka sudah berjumpa dengan saya dan kita sudah seperti Yang Berhormat sebut tadi, kita antara negara yang telah menghantar *petition* kepada WTO supaya diadakan *hearing* berkaitan perkara ini. Itu menunjukkan bahawa kita memandang serius perkara ini ini.

Antaranya ialah sebuah syarikat terbesar iaitu First Solar, dia mengeluarkan *tint film*. Maknanya ini tidak dikenakan kenaikan atau pengenaan duti import ke atas solar panel itu tidak melibatkan solar yang dikeluarkan oleh First Solar dan First Solar adalah salah sebuah syarikat terbesar pengeksport negara kita. Itu sebabnya, jadi terima kasih atas kenyataan Yang Berhormat tadi. Saya ucapkan terima kasih.

Seterusnya, berkaitan dengan Geely dan PROTON. Jadi ini Yang Berhormat Kuala Langat, baru masuk. Mana tadi Yang Berhormat Kuala Langat? Yang Berhormat Kuala Langat masuk ya, hulu ada tetapi Yang Berhormat Kuala Langat bercakap tentang Geely, kenapa kerajaan terus membantu atau campur tangan, bukan membantu. Kenapa soalan Yang Berhormat Hulu Langat ialah kenapa keperluan kerajaan campur tangan dalam perkara ini setelah Geely memiliki 49.9 peratus, Yang Berhormat Kuala Langat hendak juga bertanya berkaitan dengan tindakan perkhidmatan PROTON untuk vendor mengurangkan harga dengan 30

peratus kosnya. Seterusnya ialah berkaitan perkhidmatan PROTON supaya pusat jualan dinaikkan taraf daripada 1S kepada 3S. Akhir sekali 10 peratus diskaun kepada Persatuan Hokkien, Petronas dan DRB-Hicom.

Jadi mengenai diskaun kepada beberapa pihak ini adalah amalan biasa daripada syarikat-syarikat perniagaan termasuklah kereta, automotif negara kita. Kita tidak campur tangan dalam hal ini. Ia merupakan satu pertimbangan perniagaan.

Kenapa kita sentiasa memberi perhatian kepada PROTON ini kerana PROTON ini mendapat bantuan yang besar daripada kerajaan. Terkini RM1.5 pinjaman mudah dan RM1.5 bilion pinjaman mudah ataupun *soft loan*, RM1.1 bilion *research grant*. Selain itu kerajaan pernah memberi *launching grant* RM500 juta apabila PROTON ditubuhkan tahun 1982. Kerajaan memberikan banyak insentif termasuklah eksais duti, *exemption* dan lain-lain. Ia merupakan sebuah kereta nasional, itu kenapa antara sebab kerajaan perlu ambil tahu tentang PROTON. Kerajaan ambil tahu tentang semua industri bukan PROTON sahaja. Lebih-lebih lagi oleh kerana PROTON ini sebuah kereta nasional dan PROTON suatu masa dahulu menguasai pasaran terbesar negara ini.

Sekarang ini PROTON sudah jatuh nombor tiga. Jadi kerajaan telah mengambil beberapa tindakan dan antara sebab mengapa kerajaan meluluskan bantuan ataupun salah satu syarat kenapa yang kerajaan kenakan kepada PROTON untuk kerajaan meluluskan bantuan ialah supaya PROTON mengadakan *strategic partnership*, perkongsian pintar dengan sebuah syarikat asing dan Geely merupakan pilihan yang terbaik. Bukan sahaja Geely membeli Volvo, baru-baru ini Geely membeli Daimler dan Daimler mengeluarkan Mercedes-Benz. Geely merupakan salah sebuah syarikat mempunyai kepentingan terbesar dalam Daimler. Maknanya Geely merupakan sebuah syarikat yang begitu ternama akhir-akhir ini. Itu sebabnya kenapa PROTON memilih Geely sebagai *partner* dan kita rasa ini adalah satu pilihan yang tepat.

Selain itu juga PROTON ada 10,000 pekerja. Kerajaan amat prihatin, Yang Berhormat Kuala Langat kadang-kadang memperjuangkan pekerja, kadang-kadang bukan sepanjang masa. Maka kita jaga pekerja ini 10,000 orang dan kalau kita tidak bantu maka 10,000 akan kehilangan pekerjaan. Akan tetapi ada lagi yang dipanggil *indirect employment*. Syarikat ada dalam negara kita ini, *direct employment* dan *indirect employment*. PROTON 10,000 *direct employment*, *indirect* ini vendor umpamanya, *dealer* yang servis kereta, yang *finance* kereta.

#### ■1850

Jadi, ekosistem PROTON ini tidak kurang 50,000 orang. Bermakna, kalau PROTON tidak diselamatkan, tidak dibantu, 50,000 orang. Bukan 10,000 orang. 10,000 orang itu *direct*. Biasanya penggandanya ataupun *multiplier* 1:5. Bermakna, kalau 10,000 orang *direct*, maka 50,000 orang *indirect employment*. Jadi, itu masalah

akan dihadapi negara. Maka, kerajaan berpendapat adalah lebih baik kerajaan menghulurkan bantuan daripada melihat 10,000 orang *direct* dan 50,000 orang *indirect* kehilangan pekerjaan. Itu antara sebab kenapa kita campur tangan.

Berkaitan dengan permintaan mengurangkan kos, ini satu perkara yang saya sendiri telah ambil berat. Telah mengadakan tiga kali pertemuan dengan syarikat PROTON, dengan vendor dan hasil pertemuan tersebut kita dapati ada sedikit sebanyak jurang komunikasi. Ini sedang diperbaiki. *Insyah-Allah* vendor-vendor akan terus meningkatkan kecekapan mereka untuk memenuhi beberapa peraturan yang dikenakan oleh syarikat PROTON ini.

Berkaitan dengan pusat jualan 1S kepada 3S, ini juga satu perkara yang ditimbulkan. Saya juga telah jumpa tiga kali dengan PROTON *management* dan juga *dealer* sendiri. Ini juga ada isu-isu komunikasi dan perkara ini sedang ditangani oleh PROTON. Kerajaan juga sedang mencari jalan bagaimana kita boleh membantu mereka untuk transformasikan daripada 1S kepada 3S. Akhir sekali, sudah jawab berkaitan Persatuan Hokkien. Ini adalah satu amalan biasa untuk memberikan diskaun kepada kumpulan-kumpulan tertentu.

Akhir sekali, Yang Berhormat Kangar berkaitan PKS Perlis. Kerajaan Malaysia tidak melupakan orang Perlis. Melalui beberapa agensi termasuklah SME Corp., SME Bank, MIDF. Ada juga peserta-peserta TUBE daripada Perlis. Kita ambil perhatian tentang keperluan untuk membantu negeri-negeri yang tertinggal di belakang. Saya gembira menyatakan di sini bahawa kita telah menghulurkan bantuan dalam bentuk umpamanya *matching grant*, dalam bentuk *groom big program* umpamanya, MIDF ada bantuan, SME Bank ada juga bantuan. Sebagai contohnya, di bawah MIDF, 23 usahawan telah dibantu, bernilai RM25.73 juta. SME Bank umpamanya, sebanyak RM30 juta telah dikeluarkan kepada 40 usahawan Perlis dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Ini contoh-contoh saya berikan oleh kerana Yang Berhormat Kangar pun tidak ada di sini. Saya berikan contoh-contoh kecil di mana kerajaan telah membantu PKS Perlis.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menjawab secara ringkas hal-hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan juga Yang Berhormat Kangar. Jadi, kalau tidak ada soalan, saya boleh duduk. Kalau ada soalan, saya sedia menjawabnya. Tidak ada? Tidak ada, terima kasih. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada lima Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan enam perkara yang berkaitan dengan MITI. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaiikumussalam.* Terima kasih. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

**6.53 ptg.**

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang bagi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk memberi *responds* dan ulasan-ulasan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam perbahasan Titah Diraja sepanjang dua minggu ini. Keseluruhannya, lapan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Untuk memendekkan masa, saya terus kepada jawapan-jawapan dan ulasan yang perlu diberi berasaskan kepada perkara yang telah dibangkitkan.

Dalam perbahasan tersebut, sejumlah lapan orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Tanjong Piai, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Langkawi dan Yang Berhormat Padang Besar yang telah mengambil bahagian dan membahaskan isu-isu berkaitan dengan fungsi Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Sebahagian besar mereka ini tidak ada di sini dan kemungkinan yang tidak ada itu saya boleh memendekkan dengan memberi jawapan secara bertulis kepada pihak mereka.

Pertamanya, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang yang selalu menelitikan perkara-perkara berkaitan dengan tenaga diperbaharui atau *renewable energy* yang memang kita perakui. Input-input, sumbangan dan teguran yang beliau beri dari semasa ke semasa, ada juga yang *off-tangent* lah tetapi keseluruhannya bagus-bagus dan membangun. Beliau telah membangkitkan dan mempersoalkan komitmen dan kegagalan kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah ataupun GHC melalui pembangunan tenaga boleh baharui berikutan pembekalan sumber jana kuasa dari arang batu yang naik daripada 42 peratus pada tahun 2014 kepada 65 peratus pada tahun 2022 untuk Semenanjung Malaysia. Akan tetapi untuk memperbaiki ini, ini sekadar anggaran. Pada masa yang sama, pertumbuhan tidak ketara daripada pembekalan sumber jana kuasa dari TBB yang dijangka hanya meningkat satu peratus pada tahun 2014 kepada hanya tiga peratus pada tahun 2022.

Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan pembekalan tenaga elektrik memerlukan satu jangka masa yang panjang. Keputusan untuk meningkatkan penggunaan arang batu bagi penjanaan elektrik dibuat dengan mengambil kira ketersediaan bahan api lain, memastikan keselamatan bekalan elektrik. Pada masa keputusan dibuat, negara menghadapi masalah kekurangan bekalan gas dan perkembangan tenaga boleh baharui juga kurang memberangsangkan. Oleh itu, kerajaan telah memutuskan untuk membangunkan loji jana kuasa arang batu pada

perancangan tersebut bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik untuk jangka masa panjang.

Pada masa ini, campuran kapasiti penjanaan elektrik di Semenanjung adalah terdiri daripada 48.1 peratus adalah gas, 37.8 peratus adalah arang batu, 1.5 peratus adalah *diesel medium fuel oil* (MFO) dan 12.6 peratus adalah tenaga boleh dibaharui, manakala bagi Malaysia keseluruhan, campuran kapasiti penjanaan adalah 31.1 peratus arang batu, 43.6 peratus gas, 38 peratus diesel MFO dan sebenarnya 21.5 peratus adalah tenaga boleh baharui. Akan tetapi Yang Berhormat sentuh itu adalah kenaikan bagi tahun tersebut. *Actually*, ASEAN telah menetapkan supaya menjelang tahun 2025, komponen tenaga yang boleh dibaharui harusnya kepada 23 peratus. Kalau kita masukkan semua hidro, apa pun saiz, termasuk di Sarawak khasnya dan kira-kira 8,000 megawatt di bawah TNB, maka keseluruhan tenaga boleh diperbaharui berada dalam status 21.5 peratus. Berdasarkan perancangan pembekalan elektrik yang dibuat bagi tempoh 2017 hingga 2036, negara dijangka akan mencapai sasaran 30 peratus penjanaan elektrik daripada TBB menjelang tahun 2020.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sekejap lagi. Kementerian juga yakin bahawa negara akan dapat memenuhi komitmen negara di bawah *Paris Agreement* dengan mengurangkan kebergantungan terhadap arang batu sebagai sumber bahan bagi penjanaan elektrik melalui peningkatan penjanaan daripada sumber-sumber lain seperti gas dan TBB, di samping meningkatkan inisiatif kecekapan tenaga.

Yang Berhormat Serdang, pendek sahaja.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya hendak buat sedikit pengesahan. Saya rasa *we have had this debate before*. Apabila Menteri kata sumber jana kuasa daripada TBB untuk seluruh Malaysia sekarang, termasuk Sabah dan Sarawak, lebih kurang 21.5 peratus ini.

■1900

Saya rasa jumlah ini termasuk *hydropower* dan *I think* dengan izin *Minister, you said before hydropower* ini sepatutnya untuk mega hidro ini tidak masuk dalam TBB. Mengikut jawapan yang saya dapat daripada kementerian pada penggal yang lalu, memang ketara bahawa hidro ini adalah *separate category* daripada tenaga boleh baharu. Bahkan dalam TBB ini memang ada mikro hidro sahaja tetapi mega hidro memang tidak masukan.

Jadi, saya hendak tanya sasaran ini adakah ia termasuk ataupun tidak termasuk mega hidro dan saya hendak dapatkan satu pengesahan lagi tadi Menteri kata untuk Semenanjung Malaysia sahaja 12.6 peratus daripada penjanaan kuasa sekarang adalah daripada TBB *but according to figure from SEDA*, saya rasa sekarang



jumlah kapasiti untuk TBB adalah kurang daripada 500 megawatt berbanding dengan penjanaan kuasa yang lebih daripada 20 ribu megawatt untuk seluruh Semenanjung Malaysia. Jadi, saya hendak mendapatkan pengesahan apakah angka 12.6 peratus ini dan ia memang bercanggah dengan apa yang saya dapat daripada kementerian di penggal yang lalu. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Pada data yang sedia ada sekarang ini 21.5 peratus termasuk semua hidro kerana sebelum ini memang Malaysia menyifatkan hidro besar ini sebagai *optional renewable* tetapi selepas itu negara-negara ASEAN di bawah *committee ASEAN Ministers on Energy* telah *adopt international definition of hydro* yang *hydro of any size* adalah *renewable*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Maka memang *the figure jump* kepada 21.5 peratus, sebelum itu Yang Berhormat telah sentuh tadi sekadar 500 megawatt mengenai dengan tenaga boleh baharu. Itu di bawah *feed-in tariff* sahaja, tidak termasuk yang dijana sendiri oleh SEC atau Sabah Energy Corporation di Sarawak dan yang dijana oleh pihak TNB. Untuk makluman Yang Berhormat bagi *hydro peninsular*, megawatt keseluruhannya pada saat ini tidak termasuk mini sebanyak 2,568, *this is... production, generation capacity install actually is bigger than that* dengan izin dan Sarawak adalah 3,432 ya, Sabah sekadar 73. So, memang jumlah 6,000 ini semua dimasukkan sebagai definisi *renewable energy* mengikut ASEAN, keputusan yang telah di *adopt* ataupun diambil oleh pihak *ASEAN Ministers on Energy* pada dua tahun yang lalu.

Jadi, itulah penjelasannya. Sekali gus ia terus melompat pergi 21 dan sasaran Menteri-menteri Tenaga ASEAN adalah pada 2025, sasaran *renewable of all kind* ialah 23. So, itu yang saya katakan tadi *we are just one percent and a half away from the target*. So, *I think* boleh lah terima itu. Nanti saya teruskan, ada lagi sedikit...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa daripada 6,000 megawatt yang dijana oleh TBB itu, *over 65 percent* adalah mega hidro dan yang baki itu adalah *feed-in tariff*. Jadi saya rasa itu adalah *changing of goalpost* Menteri *because before this you already told me we should not include mega hydro into renewable energy* akan tetapi sekarang sudah *change goalpost*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kerana *goalpost* itu bukanlah *goalpost* tetapi definisi yang di *adopt by international community, energy community* termasuk *the world renewable energy association and of course ASEAN* telah *adopt* definisi tersebut. *For a while* memang pihak kementerian, kami sedikit sebanyak ragu sebab *big hydro in our view* tidak boleh *renewable immediately*. Kalau

ia meletup bermakna impak yang besar kepada flora, fauna dan juga alam sekitar. Akan tetapi *because* kita sebahagian daripada *ASEAN Pacific energy corporation setting up*, so Malaysia telah *adopt the definition* dengan penjelasan seperti mana yang saya telah diberikan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Kerajaan menyasarkan penjanaan elektrik daripada TBB kepada yang saya katakan tadi 2,080 megawatt dalam Rancangan Malaysia Kesebelas melalui pelaksanaan seperti *feed-in tariff, net energy metering, large scale solar* dan sebagainya. Seterusnya, *net energy metering* ini merupakan satu program yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menggalakkan penggunaan sistem solar bagi industri dan golongan individu yang berkemampuan untuk menggunakan tenaga yang dijana secara mandiri dan *sub generation* dengan izin, dan mendapat yang paling ketara yang bakal diperolehi oleh para penjana di bawah skim NAM adalah penggunaan jumlah bil elektrik yang perlu di bayar pada syarikat utiliti.

Mekanisme takrif pula digunakan untuk menjadi pemangkin bagi menggalakkan pertumbuhan projek dan industri TBB negara ini. Manakala program NAM merupakan kesinambungan daripada mekanisme *feed-in tariff* yang tidak lagi memperuntukkan takrif premium kepada pemaju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, kemajuan projek berskala besar berkapasiti 50 megawatt yang dibangunkan oleh syarikat Edra Global Energy di Kuala Ketil diperakui...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri, maaf. Hendak tanya tentang *net energy metering*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *Net energy metering* sudah limpas. Kasi habis dulu.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Akan tetapi Menteri tidak menjawab soalan saya. *Net energy metering is a failure*. Saya sudah bangkitkan dalam ucapan saya kerana setiap tahun ada 100 megawatt punya kuota. Saya rasa Menteri pun tahu, *this is under your portfolio* tetapi tahun 2016 dan 2017, *the total application for net energy metering* kurang daripada 9 megawatt. *It is less 5 percent than of your quota allocated*. Jadi saya rasa Menteri perlu memberi jawapan kenapa *net energy metering* ini merupakan satu *failure* dari segi *public policy*. *Please answer the question*, saya sudah bangkitkan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...*Because* perkataan itu, saya akan jawab. Sekarang ini sebenarnya memang begitu lah sasaran kita. Setakat terkini ini ada hampir 6 megawatt kerana pengertian industri pada awalnya dengan izin, *has been slow*. *Because* mekanisme ini berbeza dengan mekanisme sebelum ini ataupun modelnya di mana dulu itu pada mula kita memulakan ini secara kecilan. *You* jana atas kos sendiri dan selepas itu *you* jual terus kepada utiliti dan pada sebelah malam pula pihak penjana itu beli.

Sekarang ini *you* jana pada siang *and you* gunakan untuk sendiri, yang lebih jika ada *you* jual kepada utiliti dan dia tidak boleh diterjemahkan seterusnya kepada *dollar and cent*. Boleh *accumulate* untuk tiga tahun dan kalau bulan depan *you deficit*, *you* pakai *reserve* itu untuk kegunaan. Jadi, pihak yang kecil-kecilan dalam industri kecuali industri besar mengambil masa yang panjang untuk meneliti itu. Akan tetapi nampaknya pihak kita sedang *review* so dia akan *convert to cash within* 6 bulan dan beberapa industri yang lebih besar sekarang ini minat untuk tujuan ini, hampir 6 megawatt. Bukan kecil seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat Serdang. Ini perubahan yang sedang terjadi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Saya hendak membuat sedikit pembetulan. Tempoh kredit itu buat masa sekarang sebagaimana yang saya tahu adalah 24 bulan, dua tahun. Mungkin boleh dapatkan pengesahan daripada pegawai dekat belakang tetapi apabila saya *check* memang dua tahun saja. Selepas dua tahun ini, semua kredit akan lesap. *It will be gone, it will be lost*. Kalau Menteri memang boleh memberi pengesahan yang bahawa *in the future*, dalam masa hadapan sebahagian daripada kredit ini boleh di *convert* sebagai *cash* supaya boleh bantu industri untuk bayar *cost of the installation*.

Saya itu adalah satu perbuatan yang baik. Akan tetapi Menteri memang tidak menjawab kedua-dua sebab yang saya beri kenapa *net energy metering* ini merupakan satu *public policy failure*. Pertama, *you only allow the industry to install 70 percent of their capacity*.

#### ■1910

Maksudnya kalau saya guna satu megawatt dari segi penggunaan tenaga, saya hanya dibenarkan untuk memasang sebanyak 700 kilowatt. Ini bermaksud bahawa saya memang tidak ada kapasiti untuk eksport kepada grid dan pada masa yang sama itu, kredit yang boleh saya dapat itu memang tak begitu banyak.

Kedua, *the amount that I can sell back to the grid is very low. It's only about 31 cent which less than what I'm paying to* Tenaga. Jadi oleh kerana itu memang tidak ada apa-apa *financial incentive* untuk mana-mana syarikat industri kecil ataupun industri besar untuk memasang NEM. Jadi *that is why it is a policy failure*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya rasa Yang Berhormat Serdang *jumping the gun* la. Pihak kementerian belum mengambil pendirian bahawa ini adalah *failure* tetapi industri menggunakan masa yang panjang untuk meneliti, untuk mengambil bahagian di dalam perkara ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan tadi itu adalah perkara-perkara dalam pertimbangan pihak kementerian melalui SEDA dan beberapa dialog telah diadakan dengan pihak industri untuk meneliti ini.

Jadi kerana ini baru satu tahun berjalan, maka responsnya terlampau awal untuk melihat, membuat perubahan-perubahan. Akan tetapi kita sensitif kepada

*feedback* seperti mana saya katakan tadi maksimum dua tahun. Adakah dia akan luput nanti kalau tidak dipakai? Dalam setakat ini kerana baru satu tahun ini berjalan maka terlampau awal untuk itu.

Akan tetapi saya beri jaminan supaya semakin-semakan dari segi fokus dan juga mekanismenya sedang di dalam pertimbangan dan kita telah mengadakan beberapa dialog dengan industri dalam perkara ini. Okey, okey cukuplah. Nanti ini macam...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, *I just want to give the latest statistic.* Sampai Mei, sampai bulan Mac ini, saya tengok *the latest statistics* untuk NEM ini 5.3 megawatt sahaja, *until May.* Kuota adalah 100 megawatt...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kelmarin...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *For three months, it is five megawatt, it is a failure.*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *No, no.*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *Please admit it Minister.*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tak, bukan *failure.* Ini respons daripada pihak industri. So, kalau mereka tak nak respons, nanti kita semak balikkah *and we are having* dialog dengan industri untuk meneliti apa cadangan-cadangan daripada pihak mereka. *So it's too early to say it's a failure.* Kita bersedia mendengar sentuhan daripada pihak industri. Yang Berhormat pun boleh *participate* dalam dialog nanti yang akan diadakan.

Okey terima kasih, cukuplah. Okey seterusnya perkara-perkara yang dibangkitkan yang lain itu, okeylah ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang *the last one* iaitu syarikat Edra Global Energy di Kuala Ketil ada beberapa telahan. Ini kerana pada masa ini syarikat tersebut masih lagi dalam proses untuk memuktamadkan dokumen perjanjian pembiayaan projek tersebut. Pemberian kuota 400 yang *outstanding* lagi itu adalah tertakluk kepada prestasi pelaksanaan projek oleh syarikat ini. So begitu. Okey.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, saya sudah bangkitkan isu Edra Global ini. Sebelum ini 1MDB Solar, saya rasa satu, dua tahun sudah. Sebagaimana yang saya tahu kuota ini dibahagi kepada syarikat 1MDB Solar pada tahun 2014 yang jumlah kuota itu adalah 500 megawatt untuk *large scale solar.* *First project* adalah yang mereka hendak laksanakan adalah untuk 50 megawatt sahaja. *That is the first supposed to be first large scale solar project in Malaysia.* The lokasi adalah di Kuala Ketil di Kedah. *Last year,* saya pun telah pergi kepada lokasi itu, apa yang saya nampak ialah tanah pun belum di-clear untuk membuat projek itu.

Saya tahu mereka ada perbincangan dengan kementerian untuk menaikkan tarif yang mereka boleh dapat daripada REPA, *power purchasing agreement* dengan TNB kepada lebih kurang 41 sen. Saya tak tahu Menteri ada memberi kebenaran

mereka untuk menaikkan tarif atau tidak. Akan tetapi memang ketara bahawa projek ini telah gagal. Saya hendak tanya kenapa pihak kementerian tidak mahu membatalkan lesen yang diberi atau kuota yang diberikan kepada syarikat Edra Global ini dan bagi kepada syarikat lain yang ada kebolehan untuk menjalankan *large scale solar* ini.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana saya telah katakan tadi, ini seharusnya memang pilot diadakan, mereka menghadapi halangan-halangan mengenai pertukaran status tanah. Itu telah mengambil masa yang panjang dan mereka telah memohon supaya ada *extension*. Pihak kita apabila meneliti, pihak kita telah memberi, memandangkan oleh kerana perkara-perkara itu di luar juga jagaan mereka. *But*, memang perkara adalah mereka perlu siapkan dulu *pilot* ini sebelum jumlah tenaga yang telah diberi *remainder* itu akan dianugerahkan kepada mereka. *So ini approval in principal subject to the pilot*. Apa yang boleh saya maklumkan bahawa *actually they have done almost like a second pilot* bersama dengan satu *company* di Sabah, Tadau yang telah mendapat rekod *the first* dengan izin *green Islamic sukuk and by end of the month it should be COD for 48 megawatt*.

*So, ini partnership* dengan pihak Edra. *So their record is not as bad as that, given that the second pilot, so-called pilot just now fully pledge* mereka telah mencapai. Mudah-mudahan yang di Bukit Katil ini kita dapat selesaikan mereka dan pastikan mereka akan *succeed* di sana juga. Saya difahamkan hal tanah sudah diselesaikan. Okey, nanti kita berceritalah sebab ini bukan begitu sukar.

Okey Yang Berhormat daripada Tanjong Piai...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, untuk soalan saya tentang *large scale solar* yang lain, saya rasa saya juga ada bangkitkan. *What is the record* untuk *large scale solar* yang lain?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Itu saya *kasi* secara bertulislah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Bukan, tak boleh macam itu Menteri, soalan saya, Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat *you cannot demand answer like that*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Masa, masa singkatlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Cannot demand answer like that from Minister*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Bukan, Speaker. Memang saya ada bangkitkan isu ini. Saya tanya rekod tentang *large scale solar*. *Has there been...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri kata akan jawab secara bertulis Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** *What is the record? Has there been one large scale solar farm that has been built in Malaysia? Itu adalah soalan saya. Build and install already. Itu soalan saya tetapi saya rasa...*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bagi fasa pertama 10 megawatt di Kedah sudah COD, *the rest in* dalam proses.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Menteri untuk *large scale solar* ia adalah lebih daripada 10 megawatt. *You don't called 10 megawatt as large scale solar.*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *No, because kita— bagi dia bukan semua dapat 10, maksimum 10 tetapi dalam bidding mereka itu lima sampai ke pada tahun yang lalu, lima sampai 50, okey. Ada medium, tertakluk kepada injection point, tertakluk kepada luas tanah. Jadi kita beri dia wang, berapa dia apply. Itu yang four categories that they can go in. But all above one lah sebab one itu FIT dulu. I can give you in writing. Okey, Yang Berhormat...*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Boleh saya dapat maklumat sikit. Pencerahan mengenai *solar power* yang di Teluk Intan itu, sama ada ia berfungsi ataupun sebaliknya. Saya tengok lalang pun sudah naik, semak pun sudah naik kawasan *solar farm* di Hutan Melintang.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey Yang Berhormat, saya tidak terima maklumat yang khusus ini. Kalau ada dalam perbahasan saya boleh jawab, nanti saya jawab secara bertulis. Saya tidak ada maklumat daripada pegawai. Terima kasih. Okey saya ingin...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri, *just admit it, LSS is also a failure, just like your net energy metering.*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak. Itu terima kasih. *LSS at the moment, the people, syarikat yang minat hampir 200 lebih banyak daripada available* kuota. Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Banyak minat tetapi semua tak boleh *install*. Itu masalahnya. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tak.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Mungkin kat sini Yang Berhormat pun minat tetapi tak boleh *install* bagaimana, mungkin dekat sana ada minat tetapi tak boleh *install*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *I can give*, saya boleh beri secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang, masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya boleh beri, saya boleh beri maksimum secara bertulis dan kita boleh bincang sebelum pilihan raya.

Secepat mungkin. Yang Berhormat Tanjong Piai ada di sini kah? Tanjong Piai kalau tak ada, okey saya secara ringkas sahajalah. Yang Berhormat Tanjong Piai mengenai pengendalian kes sambungan haram bekalan elektrik susulan kepada beberapa insiden di mana tindakan kakitangan TNB dalam membanteras sambungan haram yang tidak berhemah sekali gus mengundang rasa tidak puas hati pemilik ataupun pengusaha.

Saya hanya mengatakan untuk maklumat Yang Berhormat, Suruhanjaya Tenaga (ST) sentiasa memantau pelaksanaan operasi TNB dalam membanteras sambungan haram supaya ia dilaksanakan secara berhemah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh ST iaitu garis panduan prosedur tuntutan kerugian hasil oleh pemegang lesen bagi kes-kes penggunaan elektrik secara curang.

■1920

Garis panduan ini merangkumi prosedur pemeriksaan pemasangan meter, prosedur pemotongan bekalan elektrik dan cara pengiraan tuntutan kerugian oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Kes-kes yang telah dibangkitkan itu adalah begitu spesifik. Yang Berhormat boleh merujuk kepada saya dan hanya mengatakan untuk berdasarkan pada rekod Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengesan 14,114 kes sambungan haram dan pengusikan meter dari September 2016 sehingga Ogos 2017. Pada keseluruhannya, prosedur-prosedur yang ditentukan ST telah dipatuhi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan jika ada aduan yang spesifik bolehlah dirujuk kepada saya secara *direct*.

Yang Berhormat, seterusnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang tiada dalam Dewan boleh jawab secara bertulis Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak payahlah ya. Yang tiada dalam Dewan, banyak yang tiada dalam Dewan ini. Saya terus kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, pun tiada dalam Dewan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tiada dalam Dewan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya akan jawab secara bertulislah pada beliau. Hanya ini adalah berkaitan dengan ada seorang lagi yang telah menyentuh Yang Berhormat Klang pun tiada. Saya telah jawab juga panjang lebar pada masa *MQT last week* bahawa Kerajaan Pusat telah buat apa yang perlu untuk memastikan *restructuring* dan migrasi oleh pihak Selangor itu disempurnakan. Seperti mana yang saya katakan "*the ball is in the court*", mereka perlu memberi tawaran kepada pihak SPLASH secara terbuka apabila mereka sudah putus harga yang mereka persetujui. Maka, pihak kita di kementerian *federal* sedia untuk membekal...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sedikit Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Jumlah-jumlah keperluan pinjaman yang diperlukan. Yang Berhormat, terus tiada pembahas. Jadi saya, tidak apalah...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Boleh, okey. Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Klang tiada di sini. Tadi...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tak akan tidak boleh tanya?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Isu itu saya tahu juga.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak ada, tidak ada.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tak akan saya tidak ada masa hendak borak ini. Ini hendak bagi betul ini Tuan Yang di-Pertua. Sudah lah masa terhad hendak bagi kita berbahas. Macam mana hendak jadi Dewan yang progresif macam ini?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Klang? Yang Berhormat Klang ada. Akan tetapi, saya hendak memperjelaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mencilah. Yang Berhormat Menteri hendak beri jalan baru boleh bagi masa Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Aduhai Yang Berhormat Menteri, *last term* macam ini kah?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Yang telah dibangkitkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak membahas so tidak payahlah nanti boleh susulan secara...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak ada peluang hendak bahas, masa terhad.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak, tidak. Tolong ya. Akan tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang ini mengenai dengan perihal margin dan saya mahu katakan di sini bahawa yang dipersoalkan oleh MB oleh pihak Selangor ini yang dia katakan bahawa air mencukupi di empangan SSP3. Jadi, kenapa mengatakan *zero margin*. Dia salah kira. Kita kira margin daripada jumlah yang masuk di loji dan yang keluar daripada loji setelah dirawat. Bukan berapa besar air di empangan. Itu tiada guna itu. Itu tiada nilai sebelum dia masuk.

Jadi pada saat ini, *actually* sebenarnya dari segi kapasiti yang terpasang semua di SSP3 ini yang dikendalikan oleh pihak SPLASH ini *there are almost 30*



*percent over capacity, beyond the capacity that is meant for. Okay and that is why* tambahan pula dalam perkara ini dia pihak SPLASH dihutangi RM4.2 bilion oleh pihak SYABAS. Maka, hal *maintenance* penyelenggaraan semua ini, maka tidak dapat dibayar oleh pihak SPLASH. So, inilah antara hasilnya apabila perkara mengenai dengan migrasi kepada Akta 655 ini tidak dapat diselesaikan.

Saya berharap pihak Selangor membuat keputusan secara cepat supaya semua beban yang dihadapi oleh pihak rakyat di Selangor serta Wilayah Persekutuan dan Putrajaya itu ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tinggal di situ dapat diatasi. Yang Berhormat Langkawi? Yang Berhormat Langkawi pun tiada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Langkawi tiada Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dia bangkitkan mengenai dengan *storage waste*. Perkara ini sudah telah dalam peringkat perhatian kementerian dan di mana secepat mungkin pelaksanaannya boleh dimulakan pada tahun ini juga dari segi *design*-nya.

Yang Berhormat Padang Besar? Juga tiada di sini. Dia menceritakan perihal perkara-perkara di Perlis. Akan tetapi pada waktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Perlis pada 13 Mac yang lepas beliau telah mengemukakan peruntukan RM..... juta bagi tujuan pembaikan dan naik taraf sistem bekalan air Perlis terutamanya melibatkan loji timah Tasoh yang membekalkan air kepada Padang Besar. Sementara itu, sebanyak RM55 juta telah diluluskan bagi kerja-kerja pengurangan Air Tidak Berhasil atau NRW untuk negeri Perlis dan kita yakin ini akan membantu untuk memperbaiki keadaan keseluruhan.

Terakhir, pihak Yang Berhormat Merbok. Dia pun tiada di sini. Semua barangkali pergi kawasan takut pilihan raya akan datang secepat mungkin. Saya akan jawab secara bertulis. Maka dengan kata demikian terima kasih kepada semua yang terlibat membahaskan. Memendekkan masa, saya akan menjawab secara bertulis perkara-perkara yang tidak sempat saya beri urusan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, giliran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

## 7.26 mlm.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Parlimen sekalian. Pertama saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sepanjang sesi perbahasan Titah Diraja 2017 di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya maklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Pertama Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Padang Besar, dan Yang Berhormat Alor Setar. Izinkan saya simpulkan perbahasan pada kali ini yang menyentuh pada tiga perkara asas dan kalau boleh saya tidak perlu jawab satu persatu dan saya sentuhkan prinsipnya tiga perkara. Pertama ialah mengenai soal sekuriti makanan dan sumber kekayaan baru. Kedua, perbahasan berkaitan dengan kebajikan petani, penternak dan nelayan dan ketiga, berkaitan dengan sektor padi dan beras.

Pada keseluruhannya, pihak kementerian banyak bersependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang beberapa isu yang ditimbulkan adalah juga merupakan hasrat bersama kerajaan untuk meningkat dan memperkasakan sektor pertanian khususnya agromakanan sebagai satu sektor yang perlu kita kembangkan dan perlu kita perkasakan dalam negara kita. Oleh sebab itu, perkara-perkara yang ditimbulkan misalnya oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tentang soal sejauh manakah kita banyak mengimport dan bagaimana untuk mengatasinya. Adalah satu perkara yang kita kirakan dipersetujui bersama. Kerajaan yang baik ialah kerajaan yang dapat mengatasi kalau berlaku kelompangan yang terlalu tinggi antara eksport dan antara kita terpaksa mengimport barang-barang makanan kita.

Kalau dilihat dalam strategi yang selama ini disebutkan, bagaimana dalam Dasar Agromakanan kita untuk mengurangkan kebergantungan pada import dan seterusnya meningkatkan keupayaan sara diri kita, *self-sufficiency level* (SSL). Kita mengukur banyak sektor-sektor yang kita katakan perlu diperbaiki dan salah satu daripadanya selalu disebutkan ialah keupayaan kita dalam mengeluarkan beras, kita mencapai tahap 72 peratus. Akan tetapi ada lagi bidang-bidang lain yang ternyata kita agak ke belakang. Misalnya, salah satu daripada import kita yang besar ialah makanan bagi ternakan.

Dahulu saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, dan kita perlu ingatkan sekali bahawa untuk menjamin bekalan protein yang cukup, kita mesti memikirkan bagaimana untuk menyediakan makanan ternakan. Misalnya, kalau kita katakan ayam kita adalah merupakan satu daripada bidang yang dianggap berjaya. Kita menghasilkan lebih daripada 105 peratus daripada keperluan ayam, kita boleh mengeksportnya ke negara jiran.

#### ■1930

Akan tetapi, makanan ayam itu sendiri iaitu *soya bean* dan juga jagung terutama sekali jagung bijirin, kita masih mengimport dengan banyaknya.

Oleh sebab itu, beberapa soalan yang ditanya termasuk daripada Yang Berhormat Sabak Bernam dan sebagainya yang bertanya bagaimana program kita, ya, kita telah memulakan pelbagai projek rintisan untuk membuktikan bahawa

tanaman jagung bijirin adalah sesuatu yang boleh dilakukan di dalam negara kita tapi memerlukan perhatian yang lebih tinggi, memerlukan persiapan penyediaan tanah dan memerlukan satu kaedah bagaimana untuk mengatasi tentang keperluan-keperluan yang diperlukan bagi tujuan ini.

Yang Berhormat Sabak Bernam ada bertanya apakah di kawasan tempat orang yang tanam padi kita boleh tidak tanam jagung. Jawapannya ya atau tidak. Kalau kawasan yang telah digazet sebagai jelapang padi, kita katakan antara makanan ternakan dengan makanan manusia, kita dahulukan makanan manusia. Akan tetapi kawasan yang di luar daripada jelapang, itu boleh kita pertimbangkan. Lebih-lebih lagi di kawasan bekas tanaman padi yang terbiar. Itu digalakkan kerana sekurang-kurangnya asas infra sudah ada. Tanahnya rata dan tempat itu hanya perlukan parit kerana berbeza dengan padi, padi memerlukan air yang datang tetapi jagung dia hendak keringkan tempat itu perlukan parit untuk mengeluarkan air.

Jadi ini antara tempat yang perlu kita lihat yang kita tahu bahawa seluruh negara seperti di Kelantan, Terengganu dan juga di Sarawak dan sebagainya, banyak kawasan-kawasan dulunya tanaman padi tapi sekarang ini sudah tidak ditanam padi lagi. Jadi ini antara perkara yang kita lihat dan kita kembangkan keupayaan kita untuk menghasilkan jagung bijirin bagi mengurangkan lompang dari segi jumlah import yang terlalu besar di mana kita import lebih daripada tiga juta metrik tan setahun dengan nilai kira-kira RM3.2 bilion setahun yang mana ini perlu kita kurangkan. Soya tidak ada keupayaan sekarang ini. Ini antara komponen yang penting bagi makanan ayam kita.

Oleh sebab itu, ada juga perkara-perkara lain yang kita sebutkan, misalnya Yang Berhormat Kuala Selangor ada menyentuh tentang tanah terbiar, tentang soalan daripada Yang Berhormat yang bertanya tentang penggalakan kelapa. Kelapa kita tahu bahawa ini adalah satu bidang yang dahulunya pernah menjadi kebanggaan kita. Kita menjadi negara pengeluar kelapa yang besar tetapi apabila harga kelapa jatuh, ramai yang meninggalkannya dan akhirnya banyak kawasan kelapa beralih kepada tanaman kelapa sawit dan sebagainya. Kita merasakan bahawa ini di antara bidang yang perlu kita hidupkan kembali. Kita perlukan kawasan yang luas, kita perlu satu program yang lebih mantap dalam soal tanaman kelapa. Kita tahu bahawa sekurang-kurangnya sehingga tahun 2020, kita memerlukan lebih daripada 700 juta biji kelapa setahun tetapi kita hanya boleh mengeluarkan sekarang ini kira-kira 550 juta. Kita mengimport lebih daripada 100 juta biji kelapa setahun.

Sebab itu kalau soalan yang ditanyakan kita kata apa program, ya, kita katakan bahawa ini antara fokus. Antara fokus yang besar apabila—dahulunya kita ditinggalkan tentang soal ini. Tidak ada satu bajet yang mencukupi dalam tahun 2017. Bajet tahun 2018 kembali memberikan perhatian kepada kelapa.

Satu perkara yang saya kira perlu kita tegaskan, kelapa bukan hari ini kita hendak tanam, hari ini boleh kita tanam. Yang isu besar ialah kita perlukan benih.

Industri benih adalah satu perkara yang menjadi tajuk yang penting dan ada beberapa perkara yang perlu kita buat beri kesedaran kepada penduduk dan mereka yang berminat dalam usaha kelapa ini. Ramai yang terlalu ghairah dengan kelapa-kelapa hibrid, misalnya matag. Semuanya hendak matag. Perlu kita katakan bahawa kelapa ini boleh dilihat daripada pelbagai aspek. Misalnya, hibrid matag ada nilai yang tertinggi, tidak dinafikan kalau airnya lebih sedap dan sebagainya, tetapi untuk mengeluarkannya mengambil masa kerana matag ialah cantuman daripada *Malayan tall* dan *tagnanan* daripada *Philippine*. Ia perlu dicantumkan. Bila dicantum atau dikahwinkan, ada kosnya dan ada masa yang perlu diambil dan dari segi setiap kahwin itu bukannya jadi anak. Banyak yang kahwin pun tidak semestinya ada anak. Dan menjadi anak itu tidak semestinya boleh tumbuh. Kemudiannya, anak kepada matag tidak lagi menjadi matag. Dia mesti yang pertama sahaja yang dikatakan matag dan sebagainya. Jadi, ini cabaran.

Sebab itu di bawah kementerian, kita kembangkan *variety* lain seperti MYD iaitu *Malayan Yellow Dwarf* dengan MRD iaitu *Malayan Red Dwarf* misalnya, yang sebenarnya dari segi jumlah hasil per hektar adalah lebih tinggi daripada matag. Kalau matag boleh mengeluarkan 25,000 biji kelapa per hektar tetapi yang ini boleh mengeluarkan sehingga 40,000 hingga 41,000 biji kelapa per hektar.

Jadi, sebab itu kita katakan bahawa kita ada pilihan lain sebab akhirnya kelapa digunakan untuk buat santan, untuk tujuan-tujuan industri dan sebagainya. Bila jadi santan, orang tidak fikir tentang air kelapa itu. Jadi sudah tentu kalau— harga kelapa matag mungkin RM1.80, RM2.00 tapi yang ini mungkin sedikit murah RM1.20, RM1.30. Artinya, kalau per hektar tanam kelapa boleh 40,000, dia akan mendapat pendapatan lebih daripada RM40,000 atau jumlah yang lebih besar daripada tanam kelapa sawit yang boleh dapat lebih kurang RM17,500 per hektar.

Jadi ini adalah pilihan baru yang mana sekurang-kurangnya memberi keyakinan bahawa kelapa ada masa depan. Dulu bila sebut ladang kelapa, hanyalah berasaskan kepada *Malayan tall*, pokok kelapa yang tinggi. Dia hanya mampu mengeluarkan kira-kira 7,000 biji kelapa sahaja dalam masa setahun, yang disebutkan. Sudah tentu pendapatannya adalah rendah dalam soal ini. Itu sebab kelapa adalah merupakan bidang yang kita kirakan perlu diberikan tumpuan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan kita kepada import. Sekarang ini kita import lebih daripada 100 juta biji kelapa daripada negara jiran. Kita ada pilihan lain lagi untuk tujuan ini.

Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya tertarik dengan penjelasan daripada pihak Menteri berkenaan dengan kelapa ini.

Saya sedar bahawa matag ini susah hendak dapat. Hanya di negeri Pahang yang saya dengar daripada satu syarikat yang mengadakan benih matag. Akan tetapi di Sabah susah sikit. Soal kelapa pandan pula di Sabah ini agak popular sikit.

Akan tetapi, ada saya lihat semasa kita berada dengan hotel-hotel yang terdekat bahawa ada dia orang buat kelapa biasa pun boleh ada caranya membuatnya lebih sedap juga daripada kelapa biasa. Jadi saya harap pihak kementerian dapat melihat ini juga dalam bentuk kelapa biasa untuk dipasarkan terutama sekali kepada pelancong-pelancong daripada negara China.

Di tempat saya, Yang Berhormat Menteri, seorang China saya nampak, *tourist* China, dia makan isi kelapa tua— '*krok, krok, krok*'— yang keras itu. Saya rasa ada dia punya...

**Seorang Ahli:** Khasiat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Khasiat daripada kelapa tua yang dimakan secara— tetapi Yang Berhormat Beluran tidak ada makan ini, orang kampung Beluran. Ini mungkin pelancong daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia mungkin makan tetapi bunyi bukan '*krok, krok, krok*'. Tidak ada bunyi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** '*Krok, krok, krok*', sedap dia makan. [Ketawa] Dia telan semua isi tua itu. Minta penjelasan, pendapat daripada Menteri kenapa pelancong dari China suka makan kelapa tua ini.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, kalau di Terengganu, yang bunyi '*krok, krok, krok*' itu makan keropok, bukannya makan kelapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itulah, betul lah.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Saya terbuka terma ini kerana ada rakyat, misalnya Timur Tengah, dia seronok makan isi kelapa yang tua— orang daripada China dan sebagainya. Ini adalah merupakan produk-produk hiliran yang disebutkan.

Tadi sebagaimana yang diberitahu, kelapa pandan dia punya keupayaannya satu hektar kira-kira 15,000 biji, *mataq* 25,000 biji.

#### ■1940

Jadi, sekarang ini kita ada pilihan. Ini biasa. MYD dengan MRD yang saya sebutkan tadi adalah contoh kelapa biasa dan ia bukan hibrid. Hibrid ini susah. Kita kena cantumkan, kita kena kahwinkan anak dia sahaja, dipanggil F1, yang pertama. F2 sudah bukan lagi. Oleh sebab itu antara program kita yang perlu dipercepatkan ialah MYD, MRD ini biasa dan lebih mudah untuk kita selenggarakan dan isinya boleh kita gunakan yang "*prop, prop, prop*" tadi ya. Saya rasa terima kasih Yang Berhormat.

Lain-lain, saya kira banyak perkara yang ditimbulkan adalah merupakan satu ingatan kita bersama tentang soal yang berkaitan dengan sumber kekayaan baru kelapa, apa yang kita sebutkan soal jagung, bijian, soal durian. Misalnya durian adalah merupakan kalau dikira sumbangan dalam per hektar, durian kalau Musang King kalau

dianggarkan harganya boleh kekal RM25 per kilogram, misalnya, satu hektar tanah boleh memberi kalau berjaya sehingga RM150,000 per hektar pendapatannya. Kalau kita katakan *even*, walaupun 50 peratus daripada hasil yang diperolehi pun adalah merupakan antara yang lebih tinggi berbanding tanaman-tanaman lain.

Selain daripada itu yang kita katakan bahawa tanaman yang perlu diberikan perhatian ialah nanas kerana nanas per hektar terutama sekali menggunakan MD2, kita dapat menghasilkan kira-kira RM120,000. Oleh sebab itu antara perkara yang telah disarankan di dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri yang lepas ialah menubuhkan Lembaga Industri Kelapa dan Nanas. Kita *combine*-kan, kita gabungkan kedua-duanya sekali. Percubaan kita yang pertama telah kita lakukan di tempat yang hasrat kita untuk menanam kelapa ada tempat kalau disesuaikan kita selangkan dengan nanas. Ini kerana kelapa memerlukan masa empat hingga lima tahun untuk mendapatkan hasilnya yang pertama. Akan tetapi nanas dalam masa 14 bulan kita dapat hasilnya. Jadi bagi petani yang mempunyai kawasan yang sama misalnya, diselang-selikan antara kelapa dan nanas. Ini adalah satu, kita katakan pilihan ataupun model yang praktikal di kalangan mereka yang memulakan di dalam tanaman yang disebutkan tadi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak dapatkan penjelasan, berapa lama unjuran kementerian untuk hendak mengatasi masalah kebergantungan kelapa ini daripada luar dengan cadangan untuk hendak tanam kelapa matag dan sebagainya untuk mengatasi ini? Berapa lama lagi kita akan mengambil masa boleh mengatasi masalah kebergantungan?

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Ia bergantung pada bajet juga. Bajet yang lepas kalau kita katakan RM20 juta tidak cukup lagi. Kita perlukan kawasan yang saya kira kalau tidak silap saya 40,000 hektar, lebih kepada itu untuk tujuan tanaman baru. Kalau RM20 juta kita buat perkiraan dengan RM20,000 per hektar yang kita bantu oleh kerajaan, yang lain ada usaha yang dibuat oleh pengusaha itu sendiri. Kita hanya dapat mengusahakan untuk tahun ini sebanyak kira-kira 2,000 hektar, antara 1,600 hingga 2,000 hektar. Ertinya, kalau kita hendakkan 40,000 hektar ataupun 84,000 kalau tidak silap saya, kita darabkan, kira-kira kita memerlukan lebih kurang lima atau enam tahun lagi, kita boleh mengeluarkan kalau pendapatan ataupun sumbangan bajet yang diberikan secara konsisten, kita katakan bahawa kita akan mengambil masa lima atau enam tahun untuk tujuan tersebut. Ia akan mengambil masa sedikit dalam soal ini.

Saya setuju bahawa kita perlukan tumpuan ke arah ini. Akan tetapi saya katakan satunya daripada segi *constraint* bajet yang diberikan tetapi ada masa. Dalam masa yang sama dengan adanya Lembaga ini kita akan dapat meningkatkan lagi kepakaran untuk tujuan ini sebab untuk sesetengah itu perlu kahwinkan. Dia ada orang yang pakarnya, kita perlu latih ramai orang untuk tujuan yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang ditimbulkan, yang kita mempunyai pandangan yang sama, misalnya tentang bagaimana dasar kita untuk keluar daripada dasar yang telah kita buat untuk mengurangkan ataupun menghentikan operasi bot-bot pukat tunda B. Cadangan, kita kena ada *exit strategy* kerana melibatkan lebih daripada 2,000 pengusaha pukat tunda B. Kalau kita kata walaupun arahan diberi sudah lama dan ditangguhkan beberapa kali, ke mana mereka hendak pergi? Kita akan adakan satu *lab* yang khusus dengan semua *stakeholders* termasuk pengusaha, termasuk nelayan yang lain kerana isu-isu yang berkaitan dengan pencerobohan pukat tunda ini melibatkan nelayan-nelayan pantai. Akan tetapi yang lebih penting lagi kesedaran orang ramai tentang bagaimana negara kita memerlukan satu dasar, dasar bagaimana melindungi sumber kita dan sebahagian daripada sumber ini ada isunya dengan soal pukat tunda. Akan tetapi kita katakan tidak semudah itu, kita kata pukat tunda B, kita berhenti sekarang dan anda pergi kepada C. C ertinya laut dalam, lebih daripada 30 batu nautika. Ia memerlukan peralatan yang lebih besar, memerlukan bot yang lebih besar, ada kos yang tinggi. Kalau kita katakan bahawa anda boleh berada di situ tetapi menukar peralatannya dan sebagainya, pun ada kosnya.

Ini antara perkara yang kita mesti bincangkan bersama dengan pihak yang berkenaan tetapi kita boleh mencontohi negara-negara jiran misalnya Indonesia, sudah lama menghentikan pukat tunda di kawasan yang hampir dengan pantai mereka. Ia masih mengambil masa untuk membuktikan bahawa dengan menghentikan operasi pukat tunda ini, dikatakan ikan-ikan akan bertambah. Ia memerlukan masa lebih kurang setahun atau dua tahun untuk melihat lebih banyak ikan. Ini kerana kalau pukat tunda yang mengaut semua sumber yang ada termasuk ikan yang kecil dan sebagainya, akhirnya membunuh sumber ini. Jadi ini juga perlukan suatu pemahaman yang menyeluruh, satunya rakyat, kita akan berunding dengan pengusaha-pengusaha, mencari jalan yang terbaik untuk *exit strategy*, untuk mereka keluar sekiranya perlu dan apakah kos yang terpaksa kerajaan dan mereka tanggung untuk kita carikan jalan yang terbaik bagi tujuan untuk melaksanakan program ini. Kami terbuka untuk berbincang dengan semua pihak supaya tidak ada orang yang terasa dirinya terpinggir dan tidak ada rasa bahawa ada usaha untuk melenyapkan kumpulan-kumpulan yang tertentu dalam konteks dasar perikanan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain saya katakan bahawa bantuan-bantuan untuk nelayan daripada semasa ke semasa kita ada dana nelayan untuk memberikan

pinjaman kepada mereka yang ingin meningkatkan pembelian, meningkatkan keupayaan bot, bantuan bencana nelayan dan kita membantu untuk mereka mendapatkan insurans. Nelayan antara perkara yang saya cukup bangga dengan rakan-rakan di kementerian. Skim insurans kita iaitu kalau dahulunya kita tahu kalau nelayan dia meninggal di laut, maka kita sedekahkan al-Fatihah dan derma pada kawan-kawan. Akan tetapi melalui skim insurans yang kita buat, kematian di laut dahulunya RM100,000 tetapi sekarang ini sudah ditingkatkan kepada RM150,000 diberikan kepada keluarga.

Saya percaya beberapa kes yang saya sendiri sampaikan, kita dapat lihat bagaimana leganya, walaupun kita tahu bahawa wang itu bukan gantian pada nyawa tetapi kita bahawa kematian di laut bukanlah satu perkara yang tidak akan berlaku, ia boleh berlaku. Akan tetapi melalui skim insurans yang kita gunakan melalui dana khas yang diberikan kepada nelayan yang sebahagiannya kita gunakan untuk insurans sebenarnya memberi kelegaan yang luar biasa di samping bantuan-bantuan lain dan memberikan suatu keyakinan bahawa pergi ke laut ada risikonya. Mereka yang pergi ke laut dianggap sebagai wira negara untuk memberikan makanan kepada kita, kenikmatan kepada kita kerana selalu saya katakan apalah hidup kalau ada beras sahaja tetapi tidak ada udang, tidak ada sotong, tidak ada ikan, tidak ada ketam dan sebagainya.

#### ■1950

Akan tetapi mereka yang ke sana itu adalah mereka yang mengorbankan nyawa mereka dan sebagainya dan mereka perlu diberikan perhatian, perlindungan dan sebagainya. Kita tahu bahawa nelayan adalah antara kumpulan yang tersasar sebagai golongan yang berpendapatan rendah, meningkatkan keupayaan nelayan itu adalah penting. Rata-rata sekarang ini kita membuat kajian, kita tidak lagi melihat nelayan hanya terencat dengan pendapatan sekitar RM400-RM500, puratanya sekarang ini sudah melebihi RM1,000. Kajian yang kita buat RM1,200, ada yang sampai RM3,000 sebulan. Walaupun mencapai RM3,000 sebulan itu adalah cabaran sedikit tetapi antara RM1,500 hingga RM2,000 sebulan adalah satu perkara yang dianggap tercapai di kalangan nelayan-nelayan kita. Jadi, ini perkara yang kita sentiasa lihat dan perhatikan untuk kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan juga seperti biasa bertanyakan tentang soal padi kita. Yang Berhormat Alor Setar tidak datang hari ini, Yang Berhormat Sungai Petani tadi yang saya perhatikan ia terlibat tentang tiga, empat perkara yang menjadi sesuatu kecaknaan kita juga seperti isu pemutuan. Kita cari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan pertelingkahan kerana kehendak petani kalau boleh tidak ada pemutuan itu mesti rendah. Akan tetapi kehendak pengilang, setelah mereka terpaksa membeli harga padi dengan minimum RM1,200, mereka perlukan padi yang bermutu. Oleh sebab itu bagi mereka, kalau kilang ini tidak dapat menampung kerana padi yang



tidak bermutu, mereka juga terpaksa tutup. Kalau mereka tutup, ia memberi kesan kepada petani itu sendiri.

Kita cari jalan bagaimana untuk mengimbangi perkara ini. Misalnya, kita naikkan subsidi harga padi. Dahulu kalau tidak silap saya RM248.10 kepada RM300. Apa yang terbaru sekali ialah kita tambah, kita berikan satu komponen baru kepada pesawah padi kita dengan bantuan sara hidup RM200 bagi setiap bulan. Tiga bulan antara menanam hingga menuai dan kita akan tengok lagi apakah bentuk bantuan yang lain. Akan tetapi kita juga perhatikan sekiranya apabila mendengar sahaja ada bantuan-bantuan baru yang diberikan oleh kerajaan, ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan, misalnya sewaan mesin penuai dan input-input yang lain.

Ada perkara yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tentang isu-isu yang berkaitan dengan bagaimana mengatasi penyakit padi angin, bagaimana untuk memastikan benih itu adalah benih yang baik. Kerajaan melalui jabatan pertanian dan juga MARDI misalnya, memerhatikan perkara ini dengan secara teratur dan teliti. Oleh sebab itu benih misalnya, ada prosesnya daripada benih baka kepada benih yang didaftar menjadi benih sah dan tender diberikan kepada mereka yang benar-benar dapat mengeluarkan benih yang sah. Ada kes-kes yang tertentu di mana ada pihak yang ketiga yang mengambil kesempatan menawarkan benih-benih sendiri, ada kalanya memberikan kesan kepada keupayaan petani untuk mengeluarkan padi yang baik. Jadi, ini juga perkara-perkara yang menjadi isu dalam dunia pesawah ini. Silakan Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:**Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya antara orang yang membahaskan isu pertanian padi ini. Saya hendak dapat tahu walaupun tadi disebut soal pemutuan. Akan tetapi saya memberikan dalam perbahasan saya, saya katakan bahawa apakah tidak boleh ditetapkan bagi padi yang tidak elok itu, bagi padi yang bermutu rendah, disebut pada musim yang lalu pernah sampai 25% potongan. Akan tetapi apabila ada bantahan daripada petani, khususnya di dalam kawasan MADA, lalu diturunkan sekitar 20-22. Akan tetapi bagi saya, sepatutnya kalau untuk padi yang tidak elok, yang kualitasnya tidak begitu baik, okeylah 22 ataupun 20. Akan tetapi bagi padi yang baik, bukan semua padi tidak baik. Ada padi yang tidak baik tetapi ia juga akan menerima nasib seperti mana padi yang tidak baik. Jadi, bagi saya bahawa ini sudah tentu akan menguntungkan balik kepada pengilang.

Jadi bagi saya, bahawa sewajarnya untuk bagi petani yang padi mereka tidak begitu elok itu kerana hendak menjaga pendapatan mereka, takut mereka rugi dan sebagainya, okeylah bagi saya 20 ataupun 22. Akan tetapi bagi padi yang baik, yang kualitasnya tinggi, sepatutnya mungkin dia boleh dapat 14. Jadi, apakah tidak boleh ada pertimbangan supaya memastikan kilang-kilang ini, kalau padi yang elok, dia kena ikut

pemutuan yang betul-betul dapat memberikan keuntungan kepada petani supaya insentif untuk orang buat padi itu bagi elok lagi akan lebih tinggi.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu pandangan yang boleh kita kemukakan kepada pengilang-pengilang. Sudah tentu pengilang ini, dia akan mencari— ada kalanya kita tekan dia, kita katakan tolonglah. Kalau puratanya lebih kurang 18 sehingga 20 peratus, ada sedikit-sedikit yang bawah daripada 14, 15. Itu adalah merupakan standard kerana apabila dituai pasti ada perkara-perkara yang kurang dalam padi dari segi kelembapan, sampah sarap dan sebagainya, itu ada. 14 jarang-jarang berlaku. Kalau ada, mereka akan bagi jumlah yang berkaitan.

Akan tetapi ada kalanya desakan dan teguran kita kalau di kalangan pengusaha yang sampai 30, dia hendak makan apa? Itu lebih belas ihsan. Akan tetapi ada di kalangan padi yang dituai ternyata dituai terlalu awal misalnya, yang masih hijau lagi. Saya sendiri pergi, tengok macam mana mereka *complain* sampai 30 peratus. Akan tetapi apabila berjumpa dengan mereka di kalangan petani itu dia memang *surrender*, dia kata tidak menafikan bahawa ini adalah dari segi kualitinya tidak baik. Cuma dia meminta dari segi ihsan dan sebagainya supaya jangan terlalu tinggi.

Oleh sebab itu kita ada misalnya BERNAS, yang kita boleh katakan *you* sebagai *last buyer* cuma memikirkan tentang soal nasib mereka yang buat. Ada perkara yang boleh ditimbangkan, ada yang kalau teruk sangat, kita kena beri ingatan kepada petani supaya lebih berhati-hati dan menjaga seluruh perkara yang disebutkan *rice check* untuk mengikut peraturan-peraturannya supaya ia dapat menghasilkan padi berkualiti tinggi.

Akan tetapi untuk sebagai insentif bagi mereka yang mengeluarkan padi yang sangat baik, kita beri lagi. Saya rasa itu boleh kita ingatkan di dalam kaedah-kaedah yang akan datang. Perlu bagi hadiah, perlu bagi *reward* kepada mereka yang berjaya untuk menghasilkan yang terbaik dalam bentuk apa cara sekalipun. Saya rasa tidak ada soal yang bertentangan dengan pandangan Yang Berhormat Pokok Sena dalam soal ini. Ya, ada lagi?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan bantuan untuk tempoh tiga bulan, sebulan RM200. Bagi saya sebulan RM200 itu untuk orang buat bendang, orang buat sawah ini kalau dia buat— kalau istilah di Kedah dipanggil satu relung ya. Serelung pun RM200, 20 relung pun RM200. Maknanya sama ada dia buat padi itu elok kah, tidak elok kah tetap dia dapat RM200. Jadi bagi saya, bahawa ini tidak memberikan galakan kepada mereka untuk menanam padi secara yang lebih baik dan juga menghasilkan pengeluaran yang lebih besar ataupun lebih banyak.

Oleh sebab itu saya cadangkan dalam perbincangan saya ialah kerajaan pernah dalam tahun 2013, tidak silap ingatan saya, memberikan satu insentif iaitu setiap satu

tan bersih RM50. Maknanya, kalau dia boleh dapat sampai 10 tan, dia akan dapat RM500 bukan dapat RM200 untuk satu musim, dia akan dapat. Kalau dia buat lebih besar keluasan bendang dia, sudah tentu dia akan dapat hasil yang lebih baik kalau dia buat secara yang elok.

Jadi, sepatutnya ini yang lebih baik dilaksanakan daripada sekadar hanya memberikan RM200 sebulan untuk tiga bulan, padahal yang buat serelung pun boleh RM200, yang buat 30 relung boleh RM200, yang buat padi tidak elok pun buat RM200, yang buat padi elok pun boleh RM200. Jadi, ini tidak memberikan galakan yang serius untuk mereka lebih secara profesional untuk menanam padi. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

#### ■2000

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila kita naikkan RM248.10 kepada RM300, itu adalah merupakan insentif baru untuk penanam padi, untuk menghasilkan padi tambahan kepada hasil yang mereka perolehi berdasarkan kepada hasil yang mereka keluarkan. Itu sudah kita buat, kita ada, cumanya pernah dahulunya kerana pada waktu itu ada cabaran ekonomi secara *one-off* disebutkan tambahan RM50 pada waktu tersebut dijelaskan.

Kita juga mesti lihat dari segi kita *benchmark* dengan negara-negara lain yang mengeluarkan padi. Misalnya Filipina, Thailand, Myanmar, Vietnam, Malaysia ataupun tempat lain. Insentif begini tidak ada dibuat di negara lain, kita sudah bagi sehingga RM300 per setiap satu tan yang dikeluarkan, ertinya jikalau mereka dapat keluarkan 10 tan tambahan daripada apa yang mereka dapat daripada harga padi, RM1,200, jikalau 10 tan mereka dapat RM3,000 ekstra daripada apa yang dibuat. Itu satu jumlah yang banyak akan tetapi ada kalanya kita kena fikirkan perlu juga di kalangan pengusaha padi ini ada *safety net* dia. *Safety net* dia misalnya kadangkala kadang tidak terupaya kita, dia orang cuba tetapi ada penyakit, dia cuba tiba-tiba mari banjir, mari bah besar, seperti yang baru-baru ini.

Dia tidak dapat menghasilkan jumlah sebagaimana yang kita dapati tetapi sekurang-sekurangnya RM200 yang kita katakan tadi *safety net*, kita katakan bahawa RM200 ini kalau sebulan, apalah sangat kita katakan tetapi sekurang-kurangnya jikalau terpaksa beli beras, cukup untuk keluarga. Mereka pandang juga, ada *safety net* kita katakan kepada nelayan misalnya, *safety net* yang kita beri kepada nelayan RM300 kerana ada waktu dia rajin macam mana pun, dia buat, dia tidak boleh dapat ikan. Dia rajin macam mana pun ada waktu musim tengkujuh misalnya dia tidak boleh keluar. Dahulu kita dengan cerita nelayan misalnya, jikalau waktu susah, mereka bukan pinjam wang daripada jiran mereka, mereka pinjam beras, satu *kepoi* beras dan tunggu waktu untuk bayar beras yang dimakan.

Akan tetapi dengan *safety net* RM300, kita tahu bahawa satu keluarga empat orang, dia perlukan lebih 20kg beras, 20kg beras boleh *survive*. Satu kilogram RM25

atau RM26, 20kg ialah kira-kira RM50, RM52. Jikalau dapat RM300 sepatutnya sekurang-kurangnya sekarang ini kita boleh bangga. Sebagai rakyat Malaysia, menjadi nelayan, tidak ada seorang pun nelayan yang sepatutnya kelaparan, tidak ada beras. Jadi sebab itu RM300 ialah *safety net*. Saya kata *safety net* ini bukan bermakna RM300 menjadikan dia kaya tetapi sekurang-kurangnya kita katakan ihsan itu ada.

Begitu juga tentang soal dari segi bentuk insentif, ada kalanya kita perlu beri insentif di atas hasilnya, di atas kerajinannya tetapi *safety net* ertinya dia sudah cuba, datang penyakit, dia sudah cuba datang banjir, dia sudah cuba kemungkinan kemarau, dia sudah cuba tiba-tiba terkena padi angin misalnya. Sekurang-kurangnya ini permulaan kepada satu bentuk *safety net* ataupun jaringan keselamatan juga diberikan kepada penanam padi dalam negara kita, baik dia besar ataupun dia kecil, sekurang-kurangnya ada. Mungkin di masa akan datang, Yang Berhormat Pokok Sena boleh sama-sama mencadangkan, kita memperluaskan RM200 jadi RM300, sekarang ini satu musim, boleh jadi dua musim. Jadi ini jikalau dikatakan baik, diterima oleh rakyat, kita kembangkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukup daripada saya yang lain-lain kita akan berikan jawapan secara bertulis, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas penyertaan di atas cadangan dan juga di atas ambil berat Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya giliran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya jemput Yang Berhormat Menteri.

#### **8.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk berbahas dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Titah Diraja sepanjang dua minggu lepas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan tersebut. Pertama adalah daripada Yang Berhormat Sekijang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang tiada di dalam Dewan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tiada, tetapi Tuan Yang di-Pertua maklumat-maklumat ini bagus, jadi apa *ruling* Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terserah kepada Yang Berhormat Menteri, boleh atau tidak jawab jika sekiranya Ahli Parlimen

yang bertanya itu tidak ada dalam Dewan. Itu secara umum, boleh atau tidak Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** Jawab.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, saya jawab dahulu. Pertama adalah daripada Yang Berhormat Sekijang, yang mencadangkan agar mewujudkan suatu kuota khas kepada anak-anak tentera yang cemerlang dalam pelajaran untuk di tempat di dalam Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA telah bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia dalam pembukaan MRSM Terendak bagi membuka peluang kepada anak-anak anggota ATM untuk belajar di MRSM. Kuota pelajar yang ditetapkan ada 80 peratus untuk anak anggota ATM dan 20 peratus untuk anak orang awam. Di samping itu juga, terdapat anak anggota ATM yang telah ditempatkan di MRSM lain di seluruh negara mengikut program yang dipohon.

Yang Berhormat Kota Samarahan, bertanyakan status terkini usahawan DanaNITA yang telah dilatih dan menerima dana serta usaha kementerian dalam membantu golongan belia wanita. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita iaitu DanaNITA yang telah dilancarkan pada 9 Mac 2017, memberi fokus kepada usahawan wanita agar mampu untuk bersaing dan berdaya tahan dalam perniagaan. Sehingga bulan Februari 2018 ini, seramai 408 orang usahawan wanita telah menerima manfaat daripada program ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM13.5 juta. Selain daripada DanaNITA, kementerian juga sentiasa berusaha membantu golongan wanita untuk menceburi bidang keusahawanan seperti berikut:

- (i) latihan keusahawanan;
- (ii) menyediakan peluang untuk menyertai program-program keusahawanan KKLW;
- (iii) penyediaan ruang niaga yang komprehensif dan strategik;
- (iv) program promosi berkala melalui media cetak, media elektronik dan media sosial; dan
- (v) kemudahan pembiayaan perniagaan.

Yang Berhormat Kota Samarahan juga bertanyakan mengenai penglibatan Belia Sarawak dalam perancangan Program Impak di bawah MARA. Untuk maklumat Yang Berhormat, Program Impak yang dilaksanakan oleh MARA, memberi fokus kepada belia melalui *Program Graduate Employability Training Scheme (GETS)*, keusahawanan pendidikan dan program *corporate social responsibility*. Golongan belia di Negeri Sarawak juga berpeluang untuk mengikuti Program Impak dengan mendaftar secara atas talian melalui Impak *online* dan melalui *engagement* berterusan oleh MARA di peringkat negeri dan daerah bersama belia di seluruh Malaysia termasuk juga di negeri Sarawak yang akan mendapat manfaat secara langsung melalui program ini.

Yang Berhormat Kota Samarahan juga seterusnya membangkitkan mengenai masalah bekalan elektrik di kawasan Asajaya. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Utiliti Sarawak. Berdasarkan maklumat perancangan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian Utiliti Sarawak, didapati tiada lagi kampung-kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik di kawasan Asajaya.

#### ■2010

Sekiranya terdapat keperluan dari segi sambungan bekalan elektrik ataupun *late applicant*, permohonan tersebut boleh dikemukakan kepada pihak Kementerian Utiliti Sarawak untuk semakan sebelum dikemukakan kepada KKLW untuk tindakan selanjutnya. Yang Berhormat Kota Samarahan seterusnya bertanyakan mengenai usaha FELCRA bagi memaksimumkan potensi Tanah Hak Adat Peribumi, *Native Customary Rights Land (NCR)* bagi program pengeluaran makanan dan pembangunan industri makanan halal di Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Berhad telah merancang beberapa projek yang berkaitan langsung dengan pelaksanaan Program Gedung Makanan Negara yang melibatkan penamaan ternakan dan pemprosesan makanan seperti berikut;

- (i) kelapa MATAG;
- (ii) nanas;
- (iii) jagung ternakan;
- (iv) padi;
- (v) lembu dan kambing;
- (vi) ayam;
- (vii) minyak masak;
- (viii) minyak kelapa, sardin dan tuna.

Beberapa perbincangan awal telah diadakan bersama Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai bagi tanaman jagung ternakan, nanas, kelapa Matag. FELCRA Berhad bersedia untuk melaksanakan Program Gedung Makanan Negara (GMN), ini dengan melibatkan tanah NCR di Sarawak setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri Sarawak. Okey. Yang Berhormat Bukit Mertajam? Tiada. Okey, kita bagi jawapan secara bertulis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minta penjelasan sikit.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Nanti giliran Yang Berhormat Pokok Sena tiada...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak, tidak. Saya minta penjelasan berkaitan dengan isu Penanaman Gedung Makanan Negara ini.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Gedung Makanan Negara?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Ya. Saya minta penjelasan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okeylah. Satu sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagilah. Sejauh mana kerajaan membuat perancangan-perancangan walaupun tadi disebut di Sarawak kan, penanaman itu akan betul-betul akhirnya nanti kalau macam disebut oleh Menteri Pertanian tadi, kelapa MATAG ini, dia akan memakan masa lima atau enam tahun ya? Lima ke enam tahun untuk menghasilkan buah dia. Bagaimana untuk memastikan supaya lima ke enam tahun akan datang itu— satu hasil, dan yang kedua, dia juga akan memberikan pulangan yang lebih baik kepada penanam itu sendiri.

Oleh sebab satu ketika dahulu, pernah berlaku pokok tanaman buah pokok dokong habis semua pakat tanam pokok dokong. Akhirnya bila sampai satu masa semua sudah keluar hasil, buah dokong itu tidak ada harga. Tidak ada harga. Sebelum itu, buah dokong begitu mahal. Begitu mahal. Akan tetapi sekarang buah dokong tidak ada harga. Jadi saya bimbang takut nanti dalam perencanaan dan perancangan kerajaan itu akan mengulangi masalah yang sama. Kita tanam sampai akhirnya hasil itu tidak memberikan pulangan yang menguntungkan kepada penanam-penanam.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Kementerian akan ambil maklum kebimbangan apa yang seperti mana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya tidak ada apa jawapan yang saya boleh memberikan lebih bermanfaat kepada— untuk cadangan ini kalau untuk masa sekarang lah. Oleh sebab perkara ini memang seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, kita hendak program ini berjaya ya. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Jadi, kemudiannya Yang Berhormat Sabak Bernam. Yang Berhormat Sabak Bernam tidak ada. Jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Jerantut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut pun tidak ada, Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Jerantut pun tidak ada. Yang Berhormat Putatan? Tidak ada. Yang Berhormat Tanjong Manis? Tidak ada. Yang Berhormat Kota Raja? Tidak ada. Oh, semua balik kempen ya. Yang Berhormat Gerik? Tidak ada. Yang Berhormat Hulu Rajang? Ini sentiasa ada. Orang rajin kerja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Hulu Rajang pula memohon agar bekalan elektrik luar bandar diperluaskan ke kawasan Hulu Rajang khususnya di

kawasan rumah-rumah panjang. Termasuk rumah panjang saya sendirilah, Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi daripada Nanga Mujong ke Nanga Gaat. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, sebanyak 765 buah rumah telah mendapat bekalan elektrik di kawasan Hulu Rajang. Manakala 1,258 buah rumah lagi masih di dalam peringkat pelaksanaan dan dijangkakan akan siap pada tahun 2018 ini. Melalui pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (PELB), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Manakala berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Kementerian Utiliti Sarawak, baki sebanyak 1,123 buah rumah lagi masih belum mendapat bekalan elektrik 24 jam. Ya, Yang Berhormat Hulu Rajang. Yang Berhormat Julau?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Julau ada, Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Ada. Seterusnya Yang Berhormat Julau mencadangkan supaya peruntukan bagi *Rural Electricity Supply* (RES) yang samalah elektrik luar bandar ditambah agar perkhidmatan ini dapat diperbanyakkan di kawasan-kawasan yang belum dibekalkan bekalan elektrik 24 jam. Untuk makluman Yang Berhormat Julau, bermula dari tahun 2010 ke tahun 2017, kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM3.77 bilion bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar bagi negeri Sarawak. Keseluruhan peruntukan tersebut adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain yang menerima peruntukan bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar ini. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa memberikan peruntukan yang diperlukan bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar. Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada perancangan pelaksanaan projek oleh kerajaan negeri dan kelulusan peruntukan oleh Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat Julau, juga bertanyakan adakah Jalan Balak ke SK Ulu Entabai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Julau bangun Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri sebelum kita berpisah kepada topik yang lain, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian oleh sebab peruntukan yang begitu besar yang telah diagihkan kepada negeri Sarawak. Akan tetapi, memandangkan negeri Sarawak adalah sebesar Semenanjung Malaysia, kurangkan dengan Melaka, maka peruntukan yang besar itu pun tidak mencukupi. Oleh sebab, kita tahu bahawa dari mulanya kemudahan-kemudahan asas ini memang belum ada di Sarawak. Maka, saya mengharapkan agar kita jangan memandang ke belakang bahawa peruntukan telah diagihkan ini besar. Akan tetapi, kita mesti melihat bahawa walaupun peruntukan ini besar, ianya belum mencukupi. Oleh yang demikian,



maka kita harus mempercepat lagi tambahan yang lebih banyak untuk melaksanakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat kita di Sarawak.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat Julau. Tuan Yang di-Pertua, itu tiada soalan, cuma cadangan dan saranan daripada Yang Berhormat Julau. Kita ambil maklum sebenarnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kerajaan negeri amat peka dengan perkara ini. Oleh sebab itulah setiap bajet yang dibentangkan untuk KKLW dalam bajet pembangunan negeri Sarawak dan negeri Sabah yang selalunya diberikan lebih daripada separuh, lebih daripada 50 peratus termasuklah tahun 2018 ini juga untuk kita hendak mencapai tahap ke— untuk kita memberikan pembangunan yang diperlukan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Julau tadi.

Yang Berhormat Julau, bertanya adakah Jalan Balak ke SK Ulu Entabai akan dinaiktarafkan pada tahun— iaitu pada Rancangan Malaysia Ke-11 ini. Untuk makluman Yang Berhormat Julau, projek naik taraf dari Simpang Balak ke SK Ulu Entabai dan kembali ke Julau, Sarawak merupakan projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 tahun 2017.

#### ■2020

Akan tetapi walau bagaimanapun Yang Berhormat hasil semakan lanjut oleh pihak JKR Sarawak mendapati bahawa jajaran jalan tersebut bertindih dengan jajaran jalan di bawah projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak di negeri Sarawak fasa empat. Jadi bahagian Sarikei termasuk jalan daripada simpang Balak ke SK Ulu Entabai yang mana suratnya *letter of intent* kepada kontraktor telah dikeluarkan dan sedang dalam proses pra rundingan harga dengan pihak JKR Sarawak.

Yang Berhormat Limbang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang tiada Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Kudat tiada? Yang Berhormat Baram?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baram tiada

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tiada. Yang Berhormat Sibuti? Pun tiada. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa peka dengan keperluan rakyat di kawasan luar bandar dan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar selaras dengan program transformasi luar bandar yang bertemakan membandarkan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya menggulung bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya giliran Kementerian Luar, saya menjemput Yang Berhormat Menteri.

#### 8.21 mlm.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Reezal Merican]:** Baik. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat malam. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas penglibatan lima Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Segambut dan Yang Berhormat Tumpat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja 2018 menyentuh isu-isu di bawah seliaan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri. Semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi pada zahir yang saya dapat lihat ada di Dewan. Saya putuskan *ruling* daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh Yang Berhormat. Ya, boleh jawab secara bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Sri Reezal Merican:** Baik saya bagi *chance* jawab satu lah, kalau tidak, tidak stimlah ini. *[Ketawa]*. Ada orang lain hendak lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh, boleh, boleh.

**Dato' Sri Reezal Merican:** Kalau hendak bayarlah. Soalan daripada Yang Berhormat Tumpat, berkaitan dengan perpindahan - keputusan Amerika Syarikat untuk berpindah pejabat kedutaan daripada Tel Aviv ke Baitul Maqdis dan cadangan untuk melantik konsul kehormat di Ramallah.

Sebagaimana yang telah sedia maklum, Malaysia sentiasa tegas dan telah pun menggesa supaya Amerika Syarikat menarik balik keputusan perpindahan kedutaan melalui platform pelbagai hala iaitu pertubuhan OIC. Selain daripada itu, dua kenyataan yang dikeluarkan dan mengkritik tindakan Amerika Syarikat pada 7 Disember 2017 dan 27 Februari 2018 melalui Kementerian Luar telah serta-merta memanggil kuasa usaha sementara kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur pada 7 Disember 2008 sejurus selepas pengumuman oleh pihak Amerika Syarikat berhubung Baitul Maqdis.

Malaysia menegaskan tindakan Amerika Syarikat itu telah menimbulkan kemarahan di kalangan umat Islam dan tidak menyumbang kepada proses damai sebagai usaha mencapai keamanan dan kestabilan di rantau ini. Pelbagai perkara yang telah dilakukan oleh Malaysia di dalam menyokong penyelesaian isu konflik Palestin – Israel. Malaysia antara negara yang menyokong resolusi tentang berkaitan status negara pemerhati bukan ahli ataupun dengan izin, *non member observer state*.

Malaysia juga yang telah menyokong ataupun yang berperanan membawa Resolusi 2334 ketika keanggotaan kita di UNHC dan demikian juga dengan pelbagai usaha yang lain.

Cadangan pelantikan konsul kehormat adalah satu pendekatan yang pada saya boleh dilihat sebagai munasabah. Namun demikian urusan rasmi dengan Palestin sehingga kini masih dikendalikan secara berkesan dan lancar bersama pejabat kedutaan besar Palestin di Malaysia dan kedutaan besar Malaysia di Kaherah. Ini dinyatakan juga bahawa peranan seorang konsul kehormat ini adalah sebagai pemudah cara kepada urusan-urusan dan agensi tuan rumah melalui selain dari membantu dalam urusan konsular yang melibatkan rakyat Malaysia.

Pada masa ini belum ada keperluan yang mendesak kerana tiadanya kepentingan rakyat Malaysia di Ramallah dan hubungan ekonomi yang signifikan. Jadi penubuhan pejabat kedutaan Malaysia di Palestin hanya akan ditentukan setelah status muktamad Baitul Maqdis diputuskan melalui rundingan dua hala di bawah kerangka penyelesaian dua *state solution*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya kira itu sahajalah yang lainnya saya akan jawab secara bertulis dan bagi pihak Kementerian Luar saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian serta saranan dan pandangan yang telah diberi dalam memantapkan lagi Dasar Luar Negara melalui Kementerian Luar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya giliran Kementerian Pertahanan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

#### **8.25 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin merakamkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soal-soal yang berhubung kait dengan Kementerian Pertahanan.

Pertama, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Lumut yang telah mengambil bahagian pada ketika perbahasan.

Jadi saya tengok dalam Dewan ini ada seorang sahaja iaitu Yang Berhormat Lumut. Jadi saya - yang lain-lain saya akan bagi secara bertulis. Yang Berhormat Lumut saya akan menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lumut mencadangkan pemberian pencen kepada anggota veteran ATM yang berkhidmat selama 10 tahun dibayar pada

umur 45 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 telah menetapkan bahawa bagi yang melayakkan anggota menerima pencen perkhidmatan mereka mestilah berkhidmat sekurang-kurangnya 21 tahun.

Walau bagaimanapun, ATM tidak menghalang mana-mana anggotanya yang ingin menamatkan perkhidmatan sebelum 21 tahun mengikut jangka masa yang telah ditetapkan 12, 15 dan 18 tahun. Pemberhentian ini adalah atas kehendak serta permohonan anggota itu sendiri dan mengetahui bahawa implikasi mereka tidak layak untuk menerima pencen.

Yang Berhormat Lumut juga mencadangkan kementerian meneroka bidang pertanian dan pengilangan untuk diceburi oleh anggota veteran ATM. Sebagai makluman Yang Berhormat, PERHEBAT juga telah melaksanakan program-program latihan peralihan dalam bidang pertanian melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pusat Latihan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan MARDI. Mereka juga dibenarkan mengikuti latihan dalam bidang pertanian di agensi swasta.

Program latihan peralihan dalam bidang pertanian. Sementara itu program-program latihan peralihan dalam bidang pengilangan akan diberi perhatian untuk dilaksanakan pada masa-masa yang akan datang. Yang Berhormat Lumut juga mencadangkan diwujudkan koperasi khas kepada veteran ATM bagi membantu veteran ATM. Untuk makluman Yang Berhormat, terkini terdapat sekarang 51 koperasi yang telah ditubuhkan oleh pelbagai persatuan veteran angkatan tentera atas inisiatif mereka secara berkumpulan.

Di samping itu terdapat juga koperasi tentera yang telah ditubuhkan pada 12 November 1960. Keanggotaan koperasi tentera ini terbuka kepada anggota tentera Malaysia, bekas anggota tentera Malaysia dan kakitangan awam di Kementerian Pertahanan. Sehingga kini, seramai 125,590 orang telah menjadi ahli kepada koperasi ini. Beberapa faktor keanggotaan di kalangan ATM adalah seramai – yang pertama seramai 21,761 veteran ATM menjadi ahli koperasi tentera dan terdapat empat veteran yang berusia 80 tahun dan seorang yang paling tua ialah 88 tahun.

Yang Berhormat Lumut juga mencadangkan Majlis Angkatan Tentera (MAT) dimartabatkan berdasarkan kepada pertukaran perlembagaan undang-undang yang telah termaktub. Untuk pengetahuan Dewan, Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena bangun, hendak bagi?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Adik-beradik bangun.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Tiada kena mengena dengan dia pun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kena mengena dengan tentera.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** ..... di Dewan Rakyat....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kena mengena dengan tentera, mana boleh - saya menyibuk tentang tentera.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** 21 - tiap-tiap pernyataan hendaklah menepati peraturan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tolonglah Yang Berhormat. Ini masalah tentera ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Menteri tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Nampak, dia tidak hormati Presiden Veteran Tentera ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan duduklah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak tanya berkaitan dengan veteran tentera untuk masa depan mereka.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Suatu pertanyaan yang telah diberi jawapan penuh tidak boleh dikeluarkan sekali lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak akan Timbalan Menteri macam ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan duduklah Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bukan hendak menyibuk tetapi saya hendak ambil berat hal-hal yang berkaitan dengan veteran tentera.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Tiada, tiada benda sudah. Yang bertanya pun tiada apa-apa. Jadi sudah lah. Saya tak bagi jalan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak apalah. Dia bagi ruang lah saya juga Ahli Parlimen.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** So Yang Berhormat, saya rasa itulah sahaja daripada Kementerian Pertahanan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak minta Yang Berhormat kalau hendak tarik balik jangan hendak menyibuk tentang tentera. Yang Berhormat tidak menghormati veteran tentera. Apa lah Yang Berhormat jadi Timbalan Menteri Pertahanan jadi macam itu.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Sekali lagi saya ucap kepada Yang Berhormat – Yang Berhormat yang telah bertanya. Saya - yang tidak datang itu kita akan beri secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Sudah habis lah, apa lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan, saya membangkitkan isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat saya kena *check*, kalau dia sudah duduk saya tidak boleh lagi bagi jalan kepada Yang Berhormat. Sudah habis Yang Berhormat? Sudah habis lah ya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tak akanlah macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa 20 Mac 2018.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 08.31 malam]***